



**BANK NEGARA MALAYSIA**  
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

## Prakata

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2018 ini membentangkan penilaian Bank Negara Malaysia mengenai risiko dan cabaran yang dihadapi oleh sistem kewangan Malaysia dan keupayaan sistem ini untuk terus melaksanakan peranan pengantaraan kewangannya dalam ekonomi negara. Laporan ini juga menghuraikan inisiatif pembangunan yang dilaksanakan oleh Bank untuk memperkuuh peranan sektor perkhidmatan kewangan agar sektor ini akan terus menyokong dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan proses transformasi ekonomi negara. Selain itu, laporan ini turut mengandungi langkah-langkah pengawalan dan penyeliaan yang diambil oleh Bank untuk memastikan institusi kewangan kekal selamat dan kukuh serta terus menggalakkan kestabilan sistem kewangan dan pembayaran secara keseluruhannya.

Penerbitan laporan ini bertujuan meningkatkan pemahaman mengenai isu-isu dan perkembangan yang memberikan kesan kepada kestabilan kewangan, termasuk hala tuju dasar Bank.

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran ini boleh didapati dalam format PDF di [www.bnm.gov.my](http://www.bnm.gov.my)



# Kandungan

Perutusan Gabenor

Sorotan Penting

Ringkasan Eksekutif

## Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan pada Tahun 2018

- 13** Tinjauan Keseluruhan
- 15** Risiko Kredit
- 25** Risiko Pasaran
- 27** Risiko Mudah Tunai dan Pendanaan
- 30** Risiko Penularan
- 31** Daya Tahan dan Prestasi Sektor Perbankan
- 33** Daya Tahan dan Prestasi Sektor Insurans dan Takaful
- 35** Ujian Tekanan Kesovenan Berbilang Tahun untuk Bank dan Penanggung Insurans

## Pembangunan Sektor Kewangan

- 43** Perbankan
- 49** Insurans dan Takaful
- 54** Kewangan Islam
- 57** Perniagaan Perkhidmatan Wang
- 59** Pasaran Kewangan
  - Rencana: Memahami Pembiayaan melalui Lensa Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)*
  - Rencana: Memperluas Perlindungan Insurans dan Takaful untuk Golongan B40*

# Kandungan

## Rangka Kerja Pengawalseliaan dan Penyeliaan

- 81** Pembangunan Pengawalseliaan
- 87** Pembangunan Penyeliaan
- 91** Memperkuuh dan Memelihara Integriti Sistem Kewangan
- 97** Tindakan Penguatkuasaan
- 99** *Rencana: Mengukuhkan Budaya Risiko Pematuhan Syariah*

## Amalan Pasaran dan Pemerkasaan Pengguna

- 105** Mengurus Risiko Pengguna Kewangan
- 109** Memastikan Mekanisme Bantuan Penyelesaian yang Berkesan untuk Pengguna
- 112** Pengguna Kewangan yang Berpengetahuan dan Diperkasa

## Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

- 121** Menggalakkan Kestabilan Sistem Pembayaran dan Penyelesaian
- 124** Trend Utama dan Perkembangan dalam Sistem Pembayaran Runcit

## Tambahan

## Glosari, Akronim dan Singkatan



BANK NEGARA MALAYSIA  
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

## Perutusan Gabenor

Tahun 2018 merupakan tahun yang dipenuhi pelbagai peristiwa penting. Peristiwa yang berlaku telah menekankan betapa mustahaknya kestabilan kewangan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan. Walaupun berhadapan dengan keadaan ketidakpastian yang semakin ketara berpunca daripada faktor dalam dan luar negeri, sistem kewangan Malaysia terus berdaya tahan. Di luar negeri, ketegangan perdagangan yang belum selesai, ketidakpastian berhubung dengan dasar serta ketidaktentuan harga komoditi telah menjelaskan keadaan pasaran kewangan dan prestasi perniagaan. Di dalam negeri pula, Malaysia mengalami perubahan tampuk pemerintahan kerajaan pada peringkat persekutuan yang tidak pernah terjadi sebelum ini. Dalam pelbagai episod ini, institusi kewangan tetap utuh dan keadaan pasaran kekal teratur bagi menyokong pengantaraan kewangan. Khususnya, aliran kredit kepada ekonomi terus disokong oleh pengaturan institusi yang sedia ada untuk menangani dengan lebih awal aset-aset bermasalah dalam segmen-segmen isi rumah dan sektor perniagaan yang menghadapi keadaan yang lebih mencabar. Keyakinan orang ramai terhadap keselamatan dan kekujuhan institusi kewangan pula terus terpelihara.

Pada tahun 2018, Bank terus berwaspada terhadap risiko yang timbul akibat hutang isi rumah yang meningkat. Walaupun risiko langsung terhadap kestabilan kewangan kebanyakannya terkawal disebabkan oleh penampan modal bank-bank yang kukuh, risiko terhadap ekonomi secara meluas dan secara tidak langsung terhadap sistem kewangan boleh menjadi serius jika isi rumah semakin terdedah kepada kejutan kewangan. Keadaan ini seterusnya akan menimbulkan kesan kepada penggunaan dalam negara. Namun begitu, risiko-risiko ini terus berkurang. Pelarasian yang berterusan dalam pasaran perumahan turut membantu mengurangkan beban hutang perumahan dan menggalakkan pasaran perumahan yang lebih mampan. Oleh yang demikian, langkah-langkah yang dilaksanakan untuk menggalakkan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab kekal relevan dan masih menjadi suatu keperluan. Dalam sektor harta tanah komersial, Bank terus bimbang terhadap potensi lebihan bekalan ruang pejabat dan runcit yang sedia ada yang berkemungkinan bertambah sehingga boleh mengakibatkan harga harta tanah menjadi

jauh lebih rendah. Dalam persekitaran pertumbuhan global yang lebih perlahan dan keadaan pasaran kewangan yang semakin tidak menentu, Bank juga terus memberikan sepenuh perhatian pada aspek penyeliaan untuk memastikan bank-bank kekal berhemat dalam menguruskan dedahan luaran mereka, termasuklah dedahan yang timbul daripada operasi luar negeri bank-bank tersebut yang semakin besar.

Berlandaskan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan dengan tanda-tanda keadaan kewangan global yang semakin reda berbanding dengan jangkaan pasaran sebelum ini, risiko terhadap kestabilan kewangan domestik pada tahun 2019 dijangka tidak mengalami perubahan yang ketara. Meskipun begitu, kita tidak boleh berpuas hati dengan situasi ini. Usaha menyempurnakan pelaksanaan pembaharuan kehematan Basel III yang telah dimuktamadkan pada peringkat antarabangsa pada tahun 2018 untuk aspek-aspek yang relevan di Malaysia, terus menjadi tumpuan utama pengawalan dan penyeliaan untuk memperkuuh sistem perbankan yang selamat dan mantap. Bank-bank di Malaysia juga berada pada kedudukan yang kukuh untuk melaksanakan piawaian ini, justeru mengurangkan kos jangka pendek selain memastikan daya tahan jangka panjang bagi menyokong ekonomi mengharungi masa-masa yang sukar. Dalam sektor insurans, penambahbaikan terhadap piawaian penilaian berkaitan keperluan modal telah dirancang untuk tahun hadapan. Inisiatif ini akan menyediakan asas bagi penelitian lanjut terhadap bidang yang mungkin memerlukan pengukuhan piawaian modal. Sejajar dengan pembaharuan modal dan mudah tunai, kemajuan selanjutnya dalam rancangan pemulihan dan penyelesaian akan dapat mengurangkan kesan perkembangan buruk yang menjelaskan institusi kewangan terhadap seluruh sistem kewangan dan ekonomi. Pada tahun 2019, Bank juga merancang untuk memperjelas dan menguji pengaturan pengurusan krisis sebagai sebahagian daripada usaha memperkuuh keupayaan sistem kewangan secara kolektif untuk bertindak balas terhadap krisis.

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, isu-isu berkaitan dengan budaya dan perilaku telah mendapat tumpuan berikutnya pendedahan salah laku berskala besar yang melibatkan institusi kewangan dalam beberapa negara. Isu-isu ini telah berterusan sejak tahun lalu, justeru memberikan kesan buruk dari segi kewangan dan reputasi, dan seterusnya boleh menjelaskan kepercayaan terhadap sistem kewangan. Episod ini memberikan pengajaran penting tentang keperluan untuk menggalakkan dengan lebih giat budaya positif melalui nada dari atas yang jelas dan disertai dengan insentif, dasar dan amalan yang konsisten. Di Malaysia, penekanan yang lebih ketara terhadap budaya merupakan satu daripada beberapa perubahan utama yang dibuat pada piawaian tadbir urus korporat yang diterima pakai oleh institusi kewangan sejak tahun 2016. Usaha ini diiringi oleh penelitian yang lebih rapi terhadap pendorong budaya bagi perilaku dalam institusi kewangan sebagai sebahagian daripada penyeliaan Bank, selaras dengan peranan lebih aktif yang perlu dimainkan oleh lembaga pengarah dan pengurusan kanan dalam mempertingkatkan piawaian amalan yang bertanggungjawab dan beretika. Perundingan dengan pihak industri berhubung dengan langkah-langkah untuk memperkuuh akauntabiliti pada peringkat individu terus diadakan dan bakal menjadi langkah seterusnya pada masa hadapan.

Transformasi perkhidmatan kewangan melalui pendigitalan juga telah memperkenalkan dimensi baharu kepada pengurusan risiko Bank terhadap kestabilan kewangan. Bank secara aktif terus mengurangkan kekangan dalam usaha berinovasi, dengan mengambil penemuan dan bukti yang telah dikumpulkan daripada Sandbox Pengawalseliaan. Bank sedar akan potensi kemajuan dalam teknologi kewangan untuk meningkatkan kecekapan, menyokong pengurusan risiko yang lebih baik serta memberikan manfaat

yang lebih besar dan lebih inklusif kepada masyarakat. Pada masa yang sama, Bank menjangkakan risiko yang sama perlu ditangani secara konsisten di bawah rangka kerja kehematan dan amalan pasaran bagi memastikan peserta pasaran baharu mempunyai peluang sama dengan peserta yang sedia ada. Bank dan institusi kewangan juga perlu memahami risiko baharu yang dikaitkan dengan kemajuan dalam teknologi kewangan yang merangkumi risiko mudah tunai, penumpuan, operasi dan juga amalan. Yang pasti, usaha meningkatkan daya tahan operasi dan siber pada peringkat institusi dan sistem, akan menjadi bidang tumpuan utama dengan penggunaan teknologi yang lebih meluas dalam penyediaan perkhidmatan kewangan. Bank akan terus memantau dengan rapi perkembangan dalam bidang ini - dan menyesuaikan peraturan-peraturan dengan sewajarnya demi memelihara keyakinan terhadap sistem kewangan.

Pada masa hadapan, perubahan dalam keutamaan dan struktur ekonomi Malaysia akan memberikan cabaran baharu kepada sistem kewangan. Dalam Laporan ini, Bank meneliti keadaan permintaan dalam pembiayaan perniagaan kecil dan sederhana dengan lebih mendalam dan mempertimbangkan langkah-langkah dasar untuk meningkatkan lagi akses kepada pembiayaan bagi firma yang inovatif daripada bank tradisional dan juga sumber alternatif. Pembaharuan pengawalseliaan dan struktur juga sedang dilaksanakan bagi meningkatkan impak institusi kewangan pembangunan dalam mencapai keutamaan pembangunan masa kini negara secara lebih berkesan dan berterusan. Dalam kewangan Islam, kemajuan pelaksanaan strategi pengantaraan berasaskan nilai yang selanjutnya akan memperkuuh penyelarasian antara kewangan dengan ekonomi benar. Selain itu, langkah-langkah untuk mempercepat pembangunan penyelesaian insurans dan takaful bagi segmen masyarakat yang kurang menerima perkhidmatan insurans dan takaful untuk memperkuuh daya tahan mereka terhadap kejutan kewangan - dijangka mencapai kemajuan yang lebih memberangsangkan pada tahun-tahun yang akan datang. Secara kolektif, perkembangan ini akan menggalakkan pengantaraan kewangan yang berkesan bagi menyokong keperluan ekonomi yang berubah-ubah, dan pada masa yang sama mengekalkan asas-asas yang kukuh bagi kestabilan kewangan.



**Nor Shamsiah Yunus**

Gabenor

27 Mac 2019

## Sorotan Penting

### Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran pada 2018

#### Kestabilan kewangan domestik terpelihara



- Risiko kepada kestabilan kewangan sebahagian besarnya terkawal
-  Keadaan pasaran kewangan teratur
-  Keupayaan isi rumah dan sektor perniagaan membayar balik hutang adalah mampu
-  Permintaan yang kukuh terhadap perumahan mampu milik menyokong pelarasan yang berterusan ke arah pasaran perumahan yang lebih mampu
-  Risiko daripada dedahan luaran bank dan syarikat adalah terurus



Institusi kewangan terus berdaya tahan dengan penampan yang kukuh

#### Sektor perbankan

Nisbah modal CET 1	13.1%
Nisbah pinjaman terjejas bersih	0.9%
Nisbah perlindungan kerugian pinjaman	97.9%

#### Sektor insurans dan takaful

Nisbah kecukupan modal	245%
------------------------	------

- Mudah tunai sistem perbankan mencukupi termasuk di bawah senario tekanan
- Kualiti aset terus bertambah baik

#### Pengantaraan kewangan terus menyokong aktiviti ekonomi



- Akses kepada pembiayaan yang berterusan bagi isi rumah dan sektor perniagaan



Perkembangan insurans dan takaful diiringi dengan liputan yang lebih luas dan pasaran yang lebih berdaya saing



Mengupayakan perkhidmatan kewangan yang inovatif dan inklusif:

-  Sandbox Pengawalseliaan Khas untuk menguji inovasi berimpak tinggi
-  Hab Inovasi Digital menggalakkan kewangan yang inklusif untuk segmen berpendapatan rendah
-  Aggregator imSME memadankan keperluan pembiayaan PKS dengan penyelesaian kewangan yang sesuai
-  API Terbuka menyokong akses dan kualiti yang lebih baik dalam perkhidmatan kewangan melalui akses yang lancar untuk mendapatkan data

Kemajuan penting yang dicapai pada tahun 2018:



29,500 polisi dijual di bawah Perlindungan Tenang untuk melindungi rakyat Malaysia yang kurang mendapat perkhidmatan insurans dan takaful



Skim perlindungan nasional B40 diperkenalkan



Lebih banyak inovasi dan penetapan harga yang lebih berbeza untuk perlindungan kebakaran & motor

#### Perpindahan selanjutnya kepada e-pembayaran

Usaha berterusan untuk menggantikan penggunaan wang tunai dan cek mencapai momentum yang lebih pantas

>50%

Pengurangan jumlah penggunaan cek (sejak tahun 2011)

0.3%

Penurunan nisbah wang tunai dalam edaran kepada KDNK (antara tahun 2016 - 2018) berbanding dengan (antara tahun 2013 - 2015: +0.4%)



Penggunaan kad debit yang lebih meluas melalui pertambahan terminal POS di seluruh negara



Peningkatan ketara dalam pembayaran mudah alih untuk urus niaga bernilai rendah



Perkhidmatan pindahan kredit mencapai kemajuan

#### Tumpuan berterusan pada usaha meningkatkan integriti kewangan

Pematuhan teknikal Malaysia terhadap rangka kerja AML/CFT dinaik taraf oleh Pasukan Petugas Tindakan Kewangan

Kemajuan selanjutnya dicapai untuk menguahkan perlindungan terhadap risiko pengubahan wang haram & pembiayaan keganasan



Pelaporan transaksi tunai dikurangkan daripada RM50,000 kepada RM25,000 berkuat kuasa 1 Jan 2019



Menjalankan kajian tentang pengenalan had urus niaga tunai dalam seluruh ekonomi



Mengkaji semula Akta MSB 2011 untuk menguahkan penguatkuasaan terhadap aktiviti MSB haram



Meningkatkan penggunaan analisis data untuk penyeliaan dan pengawasan



Menyiarkan tindakan penguatkuasaan

## Sorotan Penting

### Rencana

#### Memahami Pembiayaan melalui Lensa Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)



##### Penemuan utama kaji selidik...

- Kesukaran untuk mengakses pembiayaan bukanlah kekangan utama kepada pertumbuhan PKS

PKS terus mendapat akses kepada pembiayaan

22%

responden memohon pembiayaan

94%

permohonan pembiayaan diluluskan

87%

pembiayaan dikeluarkan dalam tempoh sebulan

- Halangan pembiayaan yang lazim dalam kalangan beberapa PKS



Dokumen tidak mencukupi



Aliran wang tunai tidak mencukupi untuk pembayaran balik



Pelan perniagaan tidak berdaya maju



Kurang kesedaran



##### Usaha secara holistic untuk menambah baik ekosistem pembiayaan

Keutamaan dasar yang sedia ada terus relevan untuk menyokong pertumbuhan PKS

Menggalakkan lebih banyak inovasi daripada institusi kewangan	Mempertingkatkan kecekapan proses pembiayaan
Mengukuhkan keupayaan kewangan PKS	Meningkatkan produk penambahbaikan kredit

Bidang pembangunan selanjutnya bagi memenuhi keperluan pembiayaan yang baru muncul bagi PKS:



Mewujudkan rangka kerja urus niaga yang selamat untuk meluaskan rangkaian aset yang boleh digunakan sebagai cagaran



Memformalkan syarikat yang tidak berdaftar melalui proses pendaftaran perniagaan yang diperkemas, insentif yang sesuai dan peluang akses kepada pasaran



Menggalakkan kewangan alternatif dengan ciri-ciri risiko-pulangan yang melengkap pembiayaan bank

## Memperluaskan Perlindungan Insurans dan Takaful untuk Golongan B40



##### Mengurangkan jurang perlindungan kumpulan pendapatan B40



(Berkuat kuasa 1 January 2019)

- Manfaat serta-merta untuk perlindungan penyakit kritis dan kemasukan ke hospital
- Ringkas dan mudah difahami
- Proses yang mudah untuk membuat tuntutan
- Menyediakan saluran khusus untuk semua pertanyaan dan tuntutan
- Sebagai pelengkap kepada Perlindungan Tenang
- Beroperasi pada kos, tanpa keuntungan



##### Mencapai matlamat jangka panjang dalam peralihan B40 ke pasaran insurans dan takaful swasta yang mampan

- Menggalakkan pengambilan produk insurans dan takaful dalam kalangan B40

- Kesedaran mengenai insurans dan takaful
- Pemerkasaan melalui pendidikan
- Pengalaman positif melalui perkhidmatan yang berkualiti

- Menggalakkan penawaran penyelesaian insurans dan takaful swasta yang mampu milik

- Memahami profil B40
- Pengalaman perkhidmatan secara langsung
- Inovasi ujian rintis termasuk penyelesaian secara digital

## Mengukuhkan Budaya Risiko Pematuhan Syariah

Pematuhan yang berkesan terhadap prinsip Syariah amat penting untuk mengekalkan keyakinan dan kestabilan dalam Kewangan Islam

Struktur tadbir urus dua peringkat

### I Peringkat industri

#### Majlis Penasihat Syariah

Memberikan kepastian & keseragaman tentang tafsiran Syariah

### II Peringkat institusi

#### Jawatankuasa Syariah

Menasihati Lembaga Pengarah & pihak pengurusan tentang hal ehwal Syariah

#### Fungsi pengurusan risiko, semakan semula & audit berkaitan Syariah

Memberikan jaminan bebas tentang keberkesanan pematuhan Syariah

##### Amalan organisasi berasaskan Syariah dalam institusi kewangan Islam:

###### Menentukan nada dari atas

Tumpuan yang lebih kukuh terhadap norma budaya dan amalan organisasi yang menitikberatkan pematuhan Syariah

###### Barisan pertahanan pertama yang diperkuuh

Pemerkasaan dan aktaabiliti yang lebih tinggi kepada unit perniagaan untuk mengurus risiko berkaitan Syariah

###### Menyelaraskan rangka kerja insentif

Sistem ganjaran yang mengaitkan ukuran prestasi kepada jangkaan Syariah

###### Membina asas yang kukuh dalam pengetahuan dan penerapan Syariah

Amalan pengambilan pekerja yang diperkuuh serta peningkatan latihan dan pembangunan

Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah akan diperkuuh untuk menggalakkan pematuhan Syariah



# Ringkasan Eksekutif



# Ringkasan Eksekutif

## Perkembangan risiko dan penilaian kestabilan kewangan pada tahun 2018

Kestabilan kewangan domestik terus terpelihara pada tahun 2018. Perkembangan global, termasuk kadar pengembalian dasar monetari ke paras yang wajar di beberapa ekonomi maju, ketegangan perdagangan global yang semakin meruncing dan risiko geopolitik, serta volatiliti harga minyak mentah mempengaruhi perilaku pelabur. Di dalam negeri, ketidakpastian berhubung dengan dasar sejurus Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) juga memberikan kesan yang besar kepada sentimen pelabur. Dalam perkembangan ini, keadaan pasaran kewangan domestik kekal teratur, disokong oleh pelabur institusi domestik yang teguh, termasuk institusi kewangan. Pengurusan risiko yang berhemat oleh institusi kewangan dan risiko yang terhad daripada peminjaman luar negeri oleh syarikat-syarikat Malaysia turut menyumbang dalam membendung dedahan risiko pasaran pada tahap yang terurus.

Sistem perbankan serta sektor insurans dan takaful kekal berdaya tahan, disokong oleh keuntungan yang mantap serta penampang modal dan mudah tunai yang kukuh. Kualiti aset terus bertambah baik. Keadaan mudah tunai dan pendanaan juga kekal kondusif untuk aktiviti pengantaraan kewangan. Faktor-faktor ini terus mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan Malaysia.

Hutang isi rumah kekal tinggi walaupun berkembang pada kadar yang lebih perlahan sejak tempoh kebelakangan ini dan lebih selaras dengan pertumbuhan pendapatan. Pembayaran balik hutang terus disokong oleh pertumbuhan pendapatan dan pekerjaan. Pada tahap agregat, isi rumah juga mengekalkan penampang kewangan yang kukuh. Walau bagaimanapun, isi rumah berpendapatan rendah masih mudah terjejas, meskipun bahagian hutang isi rumah bagi golongan ini terus berkurang dalam

beberapa tahun yang lalu, berikutan pelaksanaan piawaian pemberian pinjaman yang bertanggungjawab. Walaupun kualiti hutang isi rumah keseluruhan kekal kukuh dengan nisbah pinjaman terjejas dan delinkuen agregat yang rendah, sesetengah isi rumah menunjukkan tanda-tanda kesukaran untuk membayar balik hutang mereka. Keadaan ini jelas terutamanya dalam kalangan peminjam berpendapatan lebih rendah yang mempunyai pembentukan peribadi, dan peminjam yang mempunyai pinjaman perumahan yang lebih besar (iaitu melebihi RM500,000) dan mereka yang lebih bergantung pada sumber pendapatan tidak tetap. Berdasarkan perkembangan ini, langkah-langkah kehematan makro yang sedia ada kekal relevan dalam mengukuhkan daya tahan isi rumah.

Dalam pasaran harta tanah, pertumbuhan harga rumah terus reda dalam keadaan permintaan yang lebih lemah bagi harta tanah berharga tinggi yang masih tidak mampu dibeli oleh kebanyakan pembeli dan aktiviti dalam pasaran perumahan yang kurang memberangsangkan pada tahun-tahun kebelakangan ini. Keadaan ini menyumbang kepada pelarasan bekalan perumahan ke arah segmen yang lebih mampu milik. Kekangan kemampuan terus menambah bilangan unit rumah yang tidak terjual. Walau bagaimanapun, risiko pembetulan yang tidak teratur dalam pasaran perumahan dijangka tidak berlaku. Dengan permintaan perumahan yang mantap (terutamanya oleh pemilik-penghuni) dan terus melebihi bekalan baharu dalam masa terdekat, ditambah pula dengan langkah-langkah Kerajaan bersama-sama dengan sektor swasta untuk menyelaraskan dengan lebih berkesan permintaan dan bekalan perumahan, prospek pasaran perumahan dijangka bertambah baik secara beransur-ansur. Dalam segmen harta bukan kediaman, risiko berlakunya lebihan bekalan yang lebih teruk masih kekal, berikutan bekalan baharu ruang pejabat dan runcit yang besar. Walau bagaimanapun, keadaan ini menimbulkan risiko langsung yang minimum terhadap kestabilan kewangan, memandangkan dedahan bank yang

rendah kepada segmen yang lebih berisiko dalam pasaran perumahan dan harta komersial. Di samping itu, analisis sensitiviti Bank menunjukkan bahawa penampan modal bank-bank adalah mencukupi untuk menghadapi pembetulan harga yang menyeluruh dalam pasaran harta tanah domestik, termasuk kemungkinan limpahan kepada sektor ekonomi lain.

Prestasi kewangan sektor perniagaan merosot sedikit, dalam keadaan gangguan bekalan dalam sektor komoditi, nilai ringgit yang secara relatif lebih lemah dan ketidakpastian yang menyelubungi PRU-14. Walau bagaimanapun, kapasiti pembayaran balik hutang dan kedudukan mudah tunai keseluruhan kekal kukuh dan melebihi tahap ambang kehematan. Syarikat dalam sektor berkaitan minyak dan gas, harta tanah dan pembinaan terus berhadapan dengan rintangan, tetapi keadaan ini tidak akan memberikan kesan yang ketara terhadap kestabilan kewangan domestik. Faktor-faktor yang menyokong profil risiko peminjaman luaran korporat yang lebih rendah – iaitu bahagian peminjaman yang mempunyai tempoh jangka panjang yang besar, dilindung nilai daripada risiko mata wang, dan terdiri daripada pinjaman antara syarikat dan kredit perdagangan – mengehadkan lagi risiko kepada kestabilan kewangan yang lebih meluas.

Ujian tekanan kesolenan berbilang tahun yang dijalankan oleh Bank terus mengesahkan daya tahan bank dan penanggung insurans di bawah simulasi senario tekanan makroekonomi dan kewangan yang teruk. Kedudukan modal bank dan penanggung insurans kekal melebihi jumlah minimum pengawalseliaan sepanjang tempoh tekanan. Pada tahun 2019, risiko kepada kestabilan kewangan domestik dinilai sebagai stabil merentas sektor dan bidang risiko yang berbeza. Bank terus lebih berwaspada terhadap kadar dan tahap pengumpulan hutang serta perilaku kesanggupan mengambil risiko untuk menghalang peningkatan kelemahan yang boleh mendedahkan sistem kewangan kepada risiko pada masa hadapan.

## Perkembangan sektor kewangan

Pembiayaan oleh sektor perbankan terus menyokong kegiatan ekonomi pada tahun 2018, dengan jumlah pembiayaan terkumpul meningkat dengan lebih cepat sebanyak 5.6%, didorong terutamanya oleh pembiayaan isi rumah. Pembiayaan sektor perniagaan turut mencatatkan pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 5.4%. Pembiayaan kepada perusahaan kecil

dan sederhana (PKS) mencakupi separuh daripada jumlah pembiayaan terkumpul kepada perniagaan, dengan pinjaman berjumlah RM65.5 bilion yang diluluskan kepada lebih 108,700 akaun PKS pada tahun 2018. Inisiatif yang berterusan untuk menangani halangan pembiayaan yang masih wujud dalam kalangan sesetengah PKS masih menjadi keutamaan penting. Antaranya termasuk penambahbaikan dalam keperluan dokumen, sokongan bina upaya PKS dalam bidang pengurusan kewangan serta pendekatan baharu untuk penilaian kredit dengan penggunaan teknologi dan data mega. Pelaksanaan platform aggregator pembiayaan dalam talian (“imSME”), yang dikendalikan oleh *Credit Guarantee Corporation*, telah membantu mengurangkan kos carian dan meluaskan sumber pembiayaan bagi memenuhi keperluan pembiayaan PKS yang semakin pelbagai. Pada tahap yang lebih luas, inisiatif yang sedang dijalankan bagi membolehkan penggunaan harta alih sebagai cagaran, pendekatan yang lebih holistik terhadap pembangunan pembiayaan alternatif dan langkah-langkah untuk menggalakkan perniagaan untuk menjadi formal adalah diperlukan untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan untuk PKS, terutamanya dalam bidang pertumbuhan baharu dan inovatif.

*Sandbox* Pengawalseliaan Teknologi Kewangan (*Sandbox*) terus memainkan peranan penting yang membolehkan Bank memastikan pengawalan kekal responsif terhadap inovasi kewangan. Pada tahun 2018, Bank telah memperkenalkan satu laluan tematik khusus untuk *Sandbox* (*Specialised Sandbox*) bagi membolehkan pendekatan ujian yang lebih bersasaran dan cekap digunakan bagi inovasi berimpak tinggi. Kemajuan selanjutnya juga dicapai dalam usaha memudahkan penggunaan *Application Programme Interface* (API) Terbuka dalam sektor perkhidmatan kewangan bagi menggalakkan persaingan yang sihat serta meningkatkan kualiti dan kecekapan perkhidmatan kewangan. Walaupun tumpuan utama setakat ini adalah untuk memudahkan akses melalui API Terbuka bagi data yang tersedia secara umum dan berkaitan dengan produk, usaha selanjutnya akan dilaksanakan berhubung dengan kaedah yang selamat untuk membenarkan pihak ketiga mendapat akses kepada skop maklumat kewangan yang lebih luas dengan persetujuan pelanggan. Usaha ini diiringi oleh penilaian yang teliti terhadap risiko dan perlindungan yang sesuai untuk melindungi pengguna dan integriti perkhidmatan kewangan.

Sebagai sebahagian daripada mandat untuk menggalakkan sistem kewangan yang inklusif, Bank juga telah bekerjasama dengan *United Nations Capital Development Fund* dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia untuk melancarkan Hab Inovasi Digital dan Program Pencepat *Fintech* Inklusif. Inisiatif ini bertujuan menyokong penggunaan teknologi secara lebih meluas oleh penyedia perkhidmatan dalam menawarkan penyelesaian kewangan yang inklusif. Usaha diteruskan bagi memperkuuh keupayaan institusi kewangan pembangunan (IKP) untuk menyumbang secara berkesan kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial. Suatu perkembangan utama pada tahun 2018 ialah pelaksanaan rangka kerja pengukuran prestasi yang dipertingkatkan untuk mengenalpasti dengan lebih baik serta mengintegrasikan impak pembangunan dan prestasi kewangan IKP. Pada masa yang sama, Bank juga berbincang dan berinteraksi dengan Kerajaan bagi mengkaji semula landskap IKP untuk mengambil kira pembangunan dalam sistem kewangan dan perubahan dalam struktur dan keutamaan ekonomi Malaysia. Usaha ini bertujuan untuk memberikan tumpuan yang lebih mendalam pada mandat IKP sambil mengoptimumkan prestasi dan sinergi.

Akses kepada perkhidmatan kewangan di Malaysia kekal tinggi, dengan pusat akses kewangan disediakan di mukim-mukim di seluruh negara yang memberikan akses perkhidmatan kewangan hampir sepenuhnya. Penunjuk rangkuman kewangan terkini juga menunjukkan peningkatan penggunaan produk kewangan dan penggunaan saluran digital yang lebih luas untuk mengendalikan urus niaga kewangan. Perkembangan ini menyumbang kepada rangkuman kewangan yang lebih luas bukan sahaja melibatkan akses, tetapi juga penggunaan perkhidmatan kewangan secara bertanggungjawab yang meningkatkan lagi kesejahteraan kewangan.

Sektor insurans dan takaful Malaysia mencatatkan jumlah premium dan sumbangan yang lebih tinggi sebanyak 4.9% manakala jumlah aset juga meningkat sebanyak 3.2%. Walau bagaimanapun, penembusan insurans dan takaful tidak banyak berubah, mencerminkan liputan perlindungan yang tidak sekata dalam kalangan penduduk Malaysia, dengan sebahagian besar segmen berpendapatan lebih rendah tidak memiliki perlindungan insurans dan takaful. Dalam hal ini, usaha terus dipergiat untuk menyokong pembangunan produk insurans dan takaful yang mampu milik, termasuk produk yang ditawarkan

di bawah Perlindungan Tenang. Usaha ini dilengkapi oleh pelaksanaan skim perlindungan nasional B40 yang bertujuan membantu kumpulan pendapatan isi rumah 40% terendah memahami dan mendapatkan pengalaman memiliki insurans dan takaful, dan akhirnya membantu mereka untuk mendapatkan perlindungan yang ditawarkan oleh pasaran insurans dan takaful untuk tempoh jangka panjang.

Liberalisasi kadar tarif motor dan tarif kebakaran secara berfasa memasuki tahun ketiga, dengan syarikat insurans dan pengendali takaful melaksanakan penetapan harga yang lebih terbeza berdasarkan faktor-faktor penarafan risiko yang meluas. Penetapan harga yang lebih fleksibel juga telah menjurus kepada pengenalan lebih 200 produk insurans dan takaful motor dan kebakaran baharu oleh penanggung insurans dan pengendali takaful pada tahun 2018 bagi memenuhi keperluan perlindungan risiko yang berbeza. Insentif penetapan harga yang lebih menarik juga penting untuk menggalakkan pemanduan dan kenderaan yang lebih selamat. Hal ini akan menjurus kepada penambahbaikan pengalaman tuntutan secara keseluruhan dan kemampuan kadar premium.

Pelaksanaan Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga (*Life Insurance and Family Takaful*, LIFE) terus mencapai kemajuan dengan pengembangan produk yang ditawarkan melalui saluran pengedaran langsung, pemansuhan had ke atas kos operasi secara beransur-ansur untuk menggalakkan pasaran insurans dan takaful yang lebih kompetitif dan pelbagai, serta pelaksanaan Rangka Kerja Kad Skor Seimbang (*Balanced Scorecard*) untuk para ejen yang memberikan hasil yang lebih baik kepada para pengguna. Dalam usaha untuk mengekalkan perlindungan insurans yang mampu milik, satu Pasukan Petugas bagi Membendung Kos Perubatan turut ditubuhkan oleh industri untuk mengkaji pendorong tuntutan perubatan yang tinggi dan langkah-langkah yang dapat membendung kos.

Sektor kewangan Islam terus mencatatkan pertumbuhan positif pada tahun 2018, dengan pembiayaan patuh Syariah daripada bank-bank Islam berkembang 10.5% bagi mencakupi bahagian yang lebih besar sebanyak 36.6% daripada jumlah pembiayaan sektor perbankan. Jumlah sumbangan bersih takaful juga berkembang 15.9% dengan peningkatan bahagian pasaran sebanyak 16.6% daripada jumlah premium dan sumbangan. Pelaksanaan strategi pengantaraan berdasarkan nilai

(*value-based intermediation*, VBI) oleh bank-bank Islam terus mendapat momentum dengan inisiatif yang diterajui oleh industri termasuk pemuktamadaran Kertas Strategi VBI, perkongsian amalan perbankan VBI dan pembangunan alat pelaksanaan untuk menyokong pengendalian VBI. Pada masa hadapan, Bank meningkatkan tumpuannya terhadap peranan kewangan aliran perdana dalam menyokong peralihan kepada ekonomi yang mampan serta memahami impak risiko alam sekitar dan sosial terhadap daya tahan institusi dan kestabilan kewangan secara lebih meluas. Bagi tujuan ini, Bank menjadi anggota *Network for Greening the Financial System* yang terdiri daripada bank pusat dan penyelia yang terlibat dalam pembangunan kajian serta amalan pengawalseliaan dan penyeliaan yang mantap dalam menguruskan risiko iklim dan alam sekitar.

Dalam sektor perniagaan perkhidmatan wang (*money services business*, MSB), peningkatan penawaran dan penggunaan perkhidmatan MSB secara digital terus merangsang perpindahan pengiriman wang kepada saluran rasmi, dan pada masa yang sama mengurangkan kos transaksi kepada pengguna. Perubahan pengawalseliaan yang diperkenalkan untuk membenarkan penyedia perkhidmatan kiriman wang yang layak menggunakan Kenali Pelanggan Anda Menerusi Platform Digital (*electronic Know-Your-Customer*, eKYC) apabila mendaftar pelanggan individu baharu, telah mengurangkan kos dan menambah baik akses di kawasan yang penyedia perkhidmatan kiriman wang tidak mempunyai premis secara fizikal. Pada tahun 2018, tiga penyedia perkhidmatan kiriman wang elektronik telah diluluskan untuk menjalankan eKYC. Di samping itu, Projek Greenback 2.0 telah dianjurkan di bandar raya peneraju kedua iaitu Kota Kinabalu sebagai sebahagian daripada usaha yang berterusan untuk mendidik orang ramai, khususnya pekerja asing dan PKS, tentang penggunaan perkhidmatan MSB yang sah dan produk e-kiriman wang, serta mengurangkan kos pengiriman wang melalui peningkatan ketelusan dan akses kepada maklumat.

Langkah-langkah terus diambil untuk membangunkan pasaran pertukaran asing dalam negeri bagi meningkatkan daya tahananya terhadap kejutan. Usaha ini termasuk memberikan lebih fleksibiliti kepada pengurus dana untuk menguruskan risiko pertukaran asing dan melindung nilai kedudukan mereka secara dinamik. Pada tahun 2018, Bank mengumumkan perubahan selanjutnya kepada dasar pentadbiran

pertukaran asing yang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan operasi dan memudahkan pengurusan risiko oleh perniagaan dan institusi kewangan. Langkah-langkah turut diambil untuk meningkatkan ketelusan berhubung dengan pemilikan benefisial dalam pasaran sekuriti hutang dan membangunkan satu rangka kerja bagi operasi platform dagangan elektronik.

## Rangka kerja pengawalan dan penyeliaan

Aktiviti pengawalan dan penyeliaan Bank pada tahun 2018 terus tertumpu pada usaha untuk memastikan sistem kewangan kekal berdaya tahan terhadap risiko yang bakal dihadapi dalam persekitaran yang semakin mencabar. Usaha ini disokong oleh tumpuan yang berterusan untuk memperkuuh amalan pengurusan risiko dalam sektor perbankan dan insurans dan takaful, terutamanya bagi menghadapi risiko yang berkaitan dengan perubahan pesat dalam teknologi dan peningkatan pergantungan kepada pengaturan pihak ketiga. Tumpuan yang lebih mendalam terhadap aspek budaya dalam pendekatan pengawalan dan penyeliaan Bank juga mencerminkan usaha Bank untuk memupuk perilaku yang konsisten dengan pengurusan institusi kewangan yang bertanggungjawab dan kehendak masyarakat.

Pada separuh pertama tahun 2019, Bank akan mengeluarkan kertas cadangan mengenai keperluan pengawalseliaan dan langkah-langkah dasar yang dipertingkatkan untuk institusi perbankan domestik yang penting dari segi sistemik (*domestic systemically important banking institutions*, D-SIB), bertujuan untuk mengurangkan kebarangkalian dan kesan berkaitan dengan tekanan atau kegagalan D-SIB yang tidak terkawal terhadap sistem kewangan dan ekonomi. Cadangan tersebut termasuk mengehendaki D-SIB mengekalkan penampang modal tambahan dalam bentuk Modal Ekuiti Biasa Kumpulan I. Bank telah menyempurnakan kajian semula ke atas piawaian pengurusan risiko teknologi untuk memastikan semua dimensi risiko, baik yang baharu maupun yang sedang berkembang, diuruskan dengan sewajarnya, terutamanya dari peningkatan dedahan kepada ancaman siber dan kompromi terhadap akses kepada data sulit.

Susulan daripada perbincangan secara meluas dengan pihak industri dan kemajuan yang selanjutnya ke arah pelaksanaan rancangan pemulihan bagi institusi kewangan, Bank telah memuktamadkan semakan ke

atas piawaian pengurusan risiko penyumberan luar. Piawaian ini adalah bertujuan untuk mengimbangi manfaat aktiviti penyumberan luar dari segi peningkatan kecekapan dan menyokong pengurusan risiko merentas kumpulan kewangan, dengan kos yang mungkin disebabkan oleh terlalu bergantung kepada pihak ketiga, keupayaan pengawasan penyeliaan yang berkurang serta operasi perniagaan dan proses pemulihan yang semakin rumit. Bank juga sedang menjalankan kajian semula secara holistik terhadap rangka kerja pengawalseliaan yang sedia ada untuk IKP bagi mencerminkan peranan dan mandat khusus IKP, dan memastikan piawaian kehematan terus sesuai dengan profil risiko setiap IKP. Inisiatif ini dijangka mewujudkan perbezaan yang lebih ketara pada peringkat institusi, sambil memastikan bahawa herotan pasaran dapat dikurangkan. Sebagai sebahagian daripada kajian semula ini, Bank merancang untuk mengadakan konsultasi mengenai cadangan kajian semula 10 piawaian kehematan teras yang diterima pakai oleh IKP pada tahun hadapan.

Dalam sektor insurans dan takaful, Bank telah menyiapkan kajian semula piawaian pengendalian perniagaan yang berkaitan dengan pelaburan (*investment-linked*, IL), sebagai sebahagian daripada Rangka Kerja LIFE untuk menyokong pembangunan jangka panjang industri insurans dan takaful. Kajian semula ini bertujuan untuk memastikan pertumbuhan pesat perniagaan IL disokong oleh amalan bertanggungjawab yang konsisten dengan layanan yang adil terhadap pemegang polisi dan peserta takaful. Bank juga menerbitkan kajian semula yang dicadangkan terhadap Rangka Kerja Operasi Takaful bagi mengiktiraf instrumen Syariah yang lebih pelbagai dalam perniagaan takaful, sejajar dengan kemajuan yang dicapai dalam pembangunan piawaian Syariah.

Usaha Malaysia yang berterusan untuk memelihara integriti sistem kewangan dan menangani risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (*money laundering and terrorism financing*, ML/TF) membawa hasil apabila Pasukan Petugas Tindakan Kewangan telah menaikkan penarafan kepatuhan teknikal Malaysia terhadap rangka kerja Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (*Anti-Money Laundering and Countering the Financing of Terrorism*, AML/CFT). Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (*National Coordination Committee to Counter Money Laundering*) juga mengesahkan keputusan Penilaian Risiko Negara

(*National Risk Assessment*, NRA) yang menilai tahap ancaman bagi jenayah serius yang menimbulkan risiko ML, dan kelemahan sektor kewangan dan bukan kewangan kepada risiko ML/TF. Berpandukan hasil NRA, Pelan Strategik AML/CFT Negara akan dikaji semula pada tahun 2019 untuk memasukkan strategi menangani jurang dan kelemahan yang dikenal pasti. Kajian semula ini antara lain termasuk strategi untuk menambah baik rangka kerja perundangan dan pengawalan yang sedia ada bagi membanteras jenayah kewangan dan memperuntukkan semula sumber ke bidang yang mempunyai risiko yang lebih tinggi.

Langkah-langkah juga terus diambil sepanjang tahun 2018 untuk mengurangkan risiko penyalahgunaan wang tunai untuk kegiatan jenayah. Berkuat kuasa 1 Januari 2019, Bank mengurangkan nilai ambang pelaporan transaksi tunai daripada RM50,000 kepada RM25,000 untuk menambah baik pemantauan ke atas pola transaksi yang mencurigakan. Bank turut mempertimbangkan langkah-langkah lain, seperti had untuk transaksi tunai bernilai tinggi, untuk menangani penggunaan wang tunai untuk menyimpan, memindahkan dan mengagihkan hasil daripada kegiatan haram. Di samping itu, kajian semula yang sedang dijalankan terhadap Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011, yang kini pada peringkat perundingan awam, akan mengukuhkan keberkesanan tindakan penguatkuasaan terhadap aktiviti MSB haram yang juga menjadi alat bagi pelaku jenayah untuk memindahkan hasil tunai haram.

Tindakan penguatkuasaan yang berkesan dan tepat pada masanya oleh Bank terus menjadi langkah yang berwibawa dalam mencegah ketidakpatuhan kepada undang-undang dan peraturan. Sebagaimana yang diumumkan lebih awal, bermula dari tahun 2019, butiran setiap tindakan penguatkuasaan kini disiarkan di laman sesawang Bank.

## Amalan pasaran dan pemerkasaan pengguna

Risiko kepada pengguna kewangan yang berpuncu daripada peningkatan tahap hutang isi rumah kekal menjadi tumpuan utama pengawalan dan penyeliaan Bank terhadap amalan pasaran pada tahun 2018. Bank telah mengambil langkah-langkah khusus untuk memastikan bahawa institusi perbankan bertindak dengan adil apabila membuat penentuan semula harga pinjaman selepas peminjam gagal membuat pembayaran balik tepat pada masanya,

dan menjalankan usaha yang lebih banyak untuk membantu individu membayar hutang kad kredit mereka dengan lebih cepat bagi mengelakkan caj pembiayaan yang lebih tinggi dan terus terperangkap dalam hutang. Institusi perbankan juga dikehendaki menyemak semula terma dan syarat dalam kontrak pinjaman perumahan dan pembiayaan yang didapat tidak adil kepada pengguna atau yang terlalu rumit daripada sewajarnya.

Langkah-langkah ini adalah sebahagian daripada inisiatif yang lebih luas yang dijalankan oleh Bank untuk mewujudkan satu set piawaian yang menyeluruh mengenai layanan yang adil terhadap pengguna kewangan oleh penyedia perkhidmatan kewangan (*financial service provider*, FSP). Piawaian yang dikeluarkan untuk perundingan pada tahun itu menangani kehendak FSP untuk menyelaraskan tadbir urus, amalan dan operasi dalaman mereka dengan penghasilan layanan yang adil terhadap pengguna. Hal ini termasuk mewujudkan sistem ganjaran dan imbuhan yang selaras dengan layanan yang adil terhadap pengguna kewangan, memastikan terma kontrak yang adil, menyediakan maklumat produk yang jelas dan ringkas lagi padat serta menawarkan khidmat nasihat atau cadangan yang sesuai dengan keperluan dan keadaan kewangan pelanggan. Penambahbaikan dalam amalan FSP terhadap pengguna terus diperkuuh melalui tindakan penyeliaan dan penguatkuasaan oleh Bank. Pada tahun 2018, tindakan sedemikian diambil terhadap 51 FSP susulan daripada pelbagai ketidakpatuhan peraturan dan undang-undang amalan kewangan.

Pendidikan kewangan kekal sebagai fokus utama Bank untuk memperkasa serta melindungi pengguna kewangan. Bank terus menjalankan kerjasama erat dengan rakan-rakan dalam Jaringan Pendidikan Kewangan (*Financial Education Network*, FEN) untuk meluaskan jangkauan dan liputan inisiatif pendidikan kewangan. Berdasarkan hasil penilaian susulan yang telah dijalankan pada tahun 2018 mengenai Indeks Celik dan Keupayaan Kewangan Malaysia (*Malaysia's Financial Literacy and Capability*, MYFLIC) (yang mengukur tahap pengetahuan, perilaku dan sikap pengguna Malaysia mengenai hal-hal kewangan), tahap pengetahuan kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia umumnya kekal rendah. Keadaan ini seterusnya memberikan pengaruh yang besar terhadap sikap kewangan, lantas menyebabkan sebahagian besar daripada

rakyat Malaysia tidak bersedia untuk menangani perbelanjaan yang tidak dijangka dan peristiwa hayat, termasuk persaraan. Penemuan ini akan digunakan untuk memaklumkan keutamaan dan intervensi yang bersasaran di bawah strategi kerajaan untuk pendidikan kewangan yang sedang dimuktamadkan oleh FEN.

## Sistem pembayaran dan penyelesaian

Sistem pembayaran dan penyelesaian kekal berdaya tahan dan beroperasi tanpa sebarang gangguan besar sepanjang tahun 2018. Tumpuan terus diberi pada peningkatan daya tahan siber dan operasi untuk infrastruktur sistem pembayaran bernilai tinggi (RENTAS), baik dalam persekitaran Bank maupun dalam persekitaran Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet) dan peserta RENTAS. Bank telah mencapai pematuhan penuh dengan semua kawalan keselamatan wajib dan nasihat yang ditetapkan oleh *Society for Worldwide Interbank Financial Telecommunication* (SWIFT), yang telah disahkan melalui penilaian bebas oleh pihak luar berkenaan dengan pematuhan Bank. Bank dan institusi kewangan juga terus melaksanakan langkah-langkah kawalan yang berkesan dalam persekitaran yang ‘dianggap telah terjejas’ untuk melengkapkan pertahanan yang sedia ada bagi menghadapi serangan siber.

Dalam bidang pembayaran runcit, pembayaran elektronik runcit terus mencatatkan pertumbuhan dua angka yang kukuh. Memandangkan permintaan untuk pembayaran segera dan peningkatan dedahan debit bersih dalam sistem pembayaran runcit masa nyata, institusi kewangan dikehendaki menambah baik pemantauan serta pengurusan kedudukan dan dedahan mudah tunai intrahari mereka. Walaupun kerugian daripada penipuan pembayaran kekal rendah, langkah-langkah terus diambil oleh institusi kewangan untuk mengukuhkan perlindungan terhadap percubaan penipuan. Di samping langkah-langkah yang berterusan untuk mendidik pengguna tentang keselamatan pembayaran, prosedur dan kawalan yang lebih kukuh ke atas pendaftaran dan pertukaran nombor telefon mudah alih yang digunakan oleh pelanggan untuk menerima Kod Pengesahan Urus Niaga (*Transaction Authorisation Codes*, TAC) telah dilaksanakan oleh institusi kewangan untuk terus melindungi pelanggan daripada penipuan rekayasa sosial.

Pada tahun 2018, kemajuan selanjutnya dicapai dalam perpindahan kepada e-pembayaran. Jumlah cek telah menurun lebih separuh daripada 204.9 juta pada tahun 2011 kepada 101.4 juta pada tahun 2018. Walaupun wang tunai masih digunakan secara meluas di Malaysia bagi urus niaga runcit, nisbah wang tunai dalam edaran kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar juga mula menunjukkan trend menurun. Terminal penerimaan e-pembayaran yang semakin meningkat dalam kalangan pedagang runcit, ditambah dengan perpindahan kad pembayaran untuk menyokong pelaksanaan PIN dan fungsi tanpa sentuh telah menyumbang kepada peningkatan penggunaan kad pembayaran. Khususnya, urus niaga kad debit berkembang dengan kukuh sebanyak 51.5% kepada 245.7 juta urus niaga pada tahun 2018 (2017: 162.2 juta).

Penggunaan perkhidmatan pemindahan kredit terus mencapai kemajuan. Perkembangan ini didorong terutamanya oleh pertumbuhan yang besar dalam

penggunaan Pindahan Segera, berikutan pengecualian fi untuk urus niaga sebanyak RM5,000 dan ke bawah bagi individu dan PKS. Pembayaran mudah alih juga mendapat momentum untuk menggantikan wang tunai dalam urus niaga bernilai rendah, dengan jumlah urus niaga pembayaran mudah alih mencatatkan peningkatan yang ketara kepada 23.7 juta urus niaga pada tahun 2018 (2017: 1.2 juta). Peningkatan ini disokong oleh pengembangan rangkaian peniaga yang menerima pembayaran mudah alih. Dengan kehadiran entiti bukan bank dalam segmen pembayaran mudah alih, Bank melaksanakan Rangka Kerja Pemindahan Kredit Saling Boleh Kendali bagi mengupayakan fungsi saling boleh kendali antara bank dengan entiti bukan bank melalui infrastruktur pembayaran yang dikongsi bersama. Rangka Kerja ini bertujuan untuk mengekalkan persaingan dan inovasi dalam pasaran pembayaran, sambil mengoptimumkan kesan rangkaian positif yang penting untuk memberikan manfaat kepada pengguna perkhidmatan pembayaran yang berbeza-beza.



# Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan pada Tahun 2018

<b>13</b>	Tinjauan Keseluruhan
<b>15</b>	Risiko Kredit
<b>25</b>	Risiko Pasaran
<b>27</b>	Risiko Mudah Tunai dan Pendanaan
<b>30</b>	Risiko Penularan
<b>31</b>	Daya Tahan dan Prestasi Sektor Perbankan
<b>33</b>	Daya Tahan dan Prestasi Sektor Insurans dan Takaful
<b>35</b>	Ujian Tekanan Kesovenan Berbilang Tahun untuk Bank dan Penanggung Insurans



# Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan pada Tahun 2018

## TINJAUAN KESELURUHAN

Kestabilan kewangan domestik terus terpelihara pada tahun 2018, disokong oleh pasaran kewangan yang teratur dan institusi kewangan yang berdaya tahan. Pasaran kewangan domestik mengalami volatiliti yang lebih tinggi disebabkan oleh faktor luaran dan domestik. Kadar pengembalian dasar monetari di Amerika Syarikat (AS) ke tahap yang wajar, ketegangan perdagangan global yang semakin meruncing, keimbangan geopolitik yang semakin meningkat dan ketidaktentuan harga minyak global merupakan teras utama yang mempengaruhi perilaku para pelabur hampir sepanjang tahun 2018, dengan sebahagian besar ekonomi pasaran sedang pesat membangun (*emerging market economies*, EMEs), termasuk Malaysia, mengalami aliran keluar portfolio bersih. Ketidakpastian berhubung dengan dasar sejurus selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) juga memberikan kesan yang besar kepada sentimen pelabur. Keadaan pasaran kewangan domestik kekal teratur, disokong oleh pelabur institusi domestik yang teguh, termasuk institusi kewangan. Khususnya, institusi kewangan kekal berdaya tahan dengan keberuntungan yang kukuh serta penampang modal dan mudah tunai yang mantap. Kualiti aset terus bertambah baik. Keadaan mudah tunai dan pendanaan juga kekal kondusif untuk aktiviti pengantaraan kewangan. Faktor-faktor ini telah menyumbang kepada keyakinan orang ramai yang berterusan terhadap sistem kewangan Malaysia.

**Kestabilan kewangan domestik kekal mampan dan disokong dengan baik oleh keteguhan institusi dan keadaan pasaran kewangan yang teratur**

Jawatankuasa Kestabilan Kewangan (*Financial Stability Committee*, FSC) Bank telah bermesyuarat sebanyak empat kali pada tahun

2018. FSC mengambil maklum bahawa risiko kestabilan kewangan domestik adalah terkawal (Gambar Rajah 1.1), namun kekal berwaspada terhadap tahap hutang domestik yang tinggi dan ketidakseimbangan dalam pasaran harta tanah yang masih berpotensi menjadi punca kelemahan. Risiko terhadap kestabilan kewangan daripada hutang isi rumah dan syarikat korporat bukan kewangan sebahagian besarnya telah dikurangkan oleh keupayaan peminjam membayar balik hutang yang mampan secara keseluruhan serta amalan pengunderitan kredit dan pengurusan risiko institusi kewangan yang berhemat. Di samping itu, langkah-langkah termasuk polisi kehematan makro yang dilaksanakan sejak tahun 2010 juga telah membawa kepada pengumpulan hutang isi rumah agregat yang lebih mampan. Namun, beberapa kelemahan masih wujud dalam kalangan peminjam berpendapatan rendah yang lebih terdedah kepada kejutan negatif memandangkan penampang kewangan mereka yang rendah. Walau bagaimanapun, bahagian mereka dalam peminjaman isi rumah terus menurun dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Meskipun sektor perniagaan mempunyai tahap leveraj yang lebih tinggi dalam keadaan perolehan yang lebih lemah, keupayaan mereka membayar balik hutang secara keseluruhan kekal kukuh berbanding dengan tahap ambang kehematan. Keadaan perniagaan dalam sektor minyak dan gas (*oil and gas*, O&G), harta tanah dan pembinaan dijangka terus mencabar. Walau bagaimanapun, dedahan langsung institusi kewangan kepada firma dalam sektor-sektor ini adalah rendah. Bagi sektor harta tanah, jangkaan penyesuaian yang terus teratur terhadap ketidakpadanan dalam permintaan dan penawaran perumahan akan mengurangkan risiko kesan limpahan yang lebih meluas kepada sistem kewangan. Yang nyata, bank terus mengekalkan penampang kewangan yang kukuh untuk menghadapi kemungkinan kerugian yang berpunca daripada isi rumah, perniagaan dan pasaran harta tanah, termasuk di bawah senario tekanan yang teruk.

**Gambar Rajah 1.1: Prospek Risiko Terhadap Kestabilan Kewangan Domestik**

Bidang Risiko	Sektor	Prospek Risiko	Haluan Risiko (2019 berbanding 2018)
Risiko kredit	Isi rumah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Risiko dijangka berterusan dalam kalangan peminjam yang mempunyai beban hutang yang tinggi dan yang telah mengambil pinjaman untuk membeli harta tanah yang bernilai lebih tinggi dan untuk pembiayaan peribadi. Peminjam yang tidak berpendapatan tetap dan mereka yang berpendapatan lebih rendah serta tinggal di kawasan bandar juga mungkin berhadapan dengan cabaran yang lebih besar untuk membayar balik hutang.</li> <li>Inisiatif Kerajaan dijangka mengurangkan sebahagian tekanan kos sara hidup sementara prospek pendapatan dan guna tenaga yang stabil serta amalan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab akan terus menyokong keupayaan membayar balik hutang isi rumah secara keseluruhan.</li> </ul>	
	Pasaran harta tanah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Paras unit rumah yang tidak terjual mungkin akan meningkat dalam jangka pendek memandangkan keadaan pasaran yang terus lemah dengan isu mampu milik yang berlarutan.</li> <li>Walau bagaimanapun, pelarasan harga rumah dijangka teratur memandangkan permintaan yang terus kukuh terhadap rumah mampu milik dan perumahan oleh pemilik-penghuni, pemberian pinjaman yang berterusan oleh bank dan dasar Kerajaan yang bertujuan melaraskan permintaan dan penawaran perumahan dengan lebih baik.</li> <li>Risiko dijangka kekal tinggi dalam segmen ruang pejabat dan kompleks beli-belah memandangkan terdapat bekalan baharu yang banyak. Bekalan yang kekal tinggi akan meningkatkan risiko pada masa hadapan.</li> </ul>	
	Syarikat korporat bukan kewangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keadaan perniagaan mungkin kekal mencabar dalam sektor O&amp;G, harta tanah dan pembinaan.</li> <li>Volatiliti harga minyak dunia boleh memberikan kesan buruk kepada pendapatan dan pelaburan dalam sektor O&amp;G tetapi pemuliharan secara beransur-ansur daripada gangguan bekalan baru-baru ini akan sedikit sebanyak memberi sokongan kepada entiti perniagaan.</li> <li>Pemaju harta tanah mungkin akan terus mencatat prestasi jualan yang lembap dalam keadaan pasaran harta tanah yang lemah.</li> <li>Perniagaan pada amnya mempunyai penampang kewangan yang kukuh. Namun begitu, ketidakpastian akibat perang perdagangan yang berlarutan boleh memberikan kesan kepada perniagaan secara meluas. Hal ini akan menyebabkan keuntungan dan pelaburan yang lebih rendah, dan boleh mengurangkan penampang ini.</li> </ul>	
Risiko pasaran		<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengembalian dasar monetari AS ke paras yang wajar, ketegangan perdagangan yang semakin meruncing dan risiko geopolitik yang semakin meningkat mungkin mencetus aliran keluar bukan pemastautin dari rantau ini dan seterusnya meningkatkan tekanan terhadap kadar hasil dan mengurangkan mudah tunai pasaran. Kehadiran pelabur institusi domestik yang kukuh, termasuk institusi kewangan dijangka akan terus memberi sokongan dan mudah tunai kepada pasaran kewangan domestik didorong oleh penilaian yang menguntungkan.</li> </ul>	
Risiko mudah tunai dan pendanaan		<ul style="list-style-type: none"> <li>Aliran keluar yang berterusan dan berpanjangan boleh mengurangkan mudah tunai keseluruhan ke tahap yang boleh menyebabkan pasaran menjadi tidak bersepudu dan meningkatkan kos pendanaan.</li> <li>Bank-bank dijangka terus berdaya tahan menghadapi kejutan pendanaan, disokong oleh penampang mudah tunai yang mencukupi dan perkembangan yang berterusan dalam pengumpulan sumber pendanaan jangka lebih panjang yang stabil.</li> </ul>	
Risiko penularan		<ul style="list-style-type: none"> <li>Risiko penularan daripada institusi kewangan bukan bank (IKBB) kepada sistem kewangan dijangka kekal rendah. Langkah-langkah untuk memperkuuh tadbir urus dan pengurusan beberapa IKBB akan menyokong penambahbaikan prestasi dan daya tahan yang lebih tinggi terhadap perubahan keadaan pasaran kewangan pada masa hadapan.</li> </ul>	

Stabil Meningkat Menurun

Nota: Bahagian berwarna ungu menunjukkan tahap risiko semasa adalah tinggi.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Walaupun jangkaan pasaran terhadap keadaan kewangan global yang lebih ketat kelihatan telah reda sedikit menjelang tahun 2019, kewaspadaan yang tinggi terhadap kadar dan tahap pengumpulan hutang serta amalan pengambilan risiko adalah wajar untuk mencegah peningkatan kelemahan yang boleh mendedahkan sistem kewangan kepada risiko pada masa hadapan. Oleh itu, FSC terus berpendapat bahawa langkah-langkah kehematan sedia ada adalah bersesuaian untuk menguruskan risiko ini dan memastikan aktiviti pengantaraan kewangan terus mampan bagi menyokong ekonomi. Institusi kewangan yang kukuh dan berdaya tahan kekal menjadi asas kekuatan yang menyokong kestabilan kewangan domestik.

## RISIKO KREDIT

### Hutang Isi Rumah Terus Berkembang pada Kadar yang Lebih Perlahan

Pada tahun 2018, pertumbuhan hutang isi rumah terus perlakan pada 4.7%<sup>1</sup> (Rajah 1.1), didorong terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih perlakan dalam pinjaman yang diberikan oleh institusi kewangan bukan bank (IKBB). Sebagai sebahagian daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), jumlah hutang isi rumah menurun kepada 83% pada akhir tahun 2018 (Rajah 1.2). Pinjaman harta kediaman kekal sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan hutang isi rumah (Rajah 1.3) meskipun pemberian pinjaman telah menjadi lebih terhad disebabkan oleh kemampuan untuk memiliki rumah yang berkurangan, terutamanya dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah hingga sederhana. Sementara itu, pinjaman untuk pembelian sekuriti<sup>2</sup> mencatatkan pertumbuhan yang kukuh, disokong oleh prestasi dana ASNB yang terus menawarkan pulangan yang menguntungkan. Pada masa yang sama, sesetengah bank juga menyeimbangkan semula dedahan mereka ke arah pemberian pinjaman yang lebih terjamin, dengan lebih banyak bank menawarkan kemudahan pembiayaan ASNB. Pertumbuhan pinjaman untuk penggunaan<sup>3</sup> menunjukkan trend yang menurun menjelang akhir tahun 2018 apabila permintaan untuk sewa beli dan pinjaman peribadi yang lebih

tinggi semasa tempoh pelepasan cukai selama tiga bulan dari bulan Jun hingga Ogos semakin berkurang dengan pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (*Sales and Services Tax, SST*) pada bulan September.

Secara agregat, isi rumah terus berupaya untuk mengurus pembayaran balik hutang mereka, disokong oleh pertumbuhan pendapatan dan guna tenaga. Nisbah aset isi rumah kepada hutang terus tinggi pada tahap empat kali. Aset kewangan isi rumah berkembang pada kadar yang lebih perlakan pada tahun 2018 tetapi terus mengatasi kadar pertumbuhan hutang (Rajah 1.4). Pengembangan aset kewangan yang lebih perlakan ini mencerminkan penilaian pemegangan ekuiti dan dana unit amanah yang lebih rendah, dalam keadaan prestasi pasaran ekuiti yang lebih lemah pada tahun 2018. Walau bagaimanapun, isi rumah terus mengekalkan tahap aset kewangan dan aset kewangan mudah tunai (*liquid financial assets, LFA*) yang selesa, masing-masing pada 2.1 kali dan 1.4 kali hutang. Kira-kira dua pertiga daripada aset kewangan isi rumah ialah aset mudah tunai, kebanyakannya dalam bentuk deposit dan dana unit amanah, yang memberikan mereka akses kepada dana yang telah tersedia untuk memenuhi obligasi hutang dan membuat penyesuaian terhadap perubahan yang tidak dijangka dalam keadaan kewangan mereka. Walau bagaimanapun, kedudukan individu yang berpendapatan kurang RM3,000 sebulan masih lemah disebabkan oleh penampan kewangan mereka yang rendah. Dengan perlindungan LFA kurang satu kali (0.6 kali) daripada hutang terkumpul, peminjam dalam kumpulan ini menghadapi risiko yang lebih tinggi untuk gagal membayar balik pinjaman mereka sekiranya berlaku kejutan pendapatan. Susulan pelaksanaan piawaian bagi pemberian pinjaman yang bertanggungjawab (*responsible lending standards*) oleh bank, bahagian peminjam isi rumah yang lemah terus menurun dalam beberapa tahun ini (Rajah 1.5). Di samping itu, inisiatif Kerajaan untuk meringankan tekanan kos sara hidup, seperti gaji minimum yang lebih tinggi, harga siling bagi bahan api runcit dan pemberian tunai melalui Bantuan Sara Hidup akan memberikan sedikit sokongan kepada isi rumah berpendapatan lebih rendah.

Walaupun hutang isi rumah kekal tinggi, risiko kepada kestabilan kewangan telah dikurangkan. Langkah-langkah kehematan makro semasa yang


<sup>1</sup> Pinjaman yang diberikan oleh bank, institusi kewangan pembangunan (IKP) dan IKBB utama.

<sup>2</sup> Kira-kira 85% daripada pinjaman sekuriti terkumpul adalah untuk pembelian unit Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) yang sebahagian besarnya adalah pada harga tetap.

<sup>3</sup> Terutamanya kenderaan bermotor, kad kredit dan pembiayaan peribadi.


Rajah 1.1: Sektor Isi Rumah – Pertumbuhan Tahunan Hutang

**Pertumbuhan hutang isi rumah terus sederhana...**




Rajah 1.3: Sektor Isi Rumah – Sumbangan kepada Pertumbuhan Hutang

**Pertumbuhan hutang yang lebih perlahan didorong terutamanya oleh pertumbuhan pinjaman yang sederhana untuk pembelian harta kediaman dan kenderaan bermotor**



Rajah 1.5: Sektor Isi Rumah – Hutang Mengikut Kumpulan Pendapatan Bulanan

**Bahagian peminjaman bagi peminjam yang mudah terjejas semakin menurun**




\* Harta kediaman, harta bukan kediaman dan sekuriti

\*\* Terutamanya kenderaan bermotor, pembiayaan peribadi dan kad kredit

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia


Rajah 1.2: Sektor Isi Rumah – Nisbah Utama

**...dengan nisbah hutang kepada KDNK semakin menurun**




Rajah 1.4: Sektor Isi Rumah – Hutang dan Aset Kewangan

**Pertumbuhan aset kewangan terus mengatasi pertumbuhan hutang**



Rajah 1.6: Sektor Isi Rumah – Potensi Kerugian kepada Bank Sebelum dan Selepas Kejutan

**Potensi kerugian kekal dalam lingkungan lebihan penampungan modal bank**



dilaksanakan sejak tahun 2010 telah mendorong kadar pertumbuhan hutang isi rumah yang lebih mampan, dengan hutang dalam tempoh baru-baru ini berkembang lebih seiring dengan pendapatan. Kira-kira dua pertiga daripada peminjaman isi rumah dicagarkan kepada harta tanah atau sekuriti, lantas mengurangkan dedahan bersih institusi kewangan kepada isi rumah dengan ketara. Bank-bank juga kekal mematuhi amalan pemberian pinjaman dan pengurusan risiko yang berhemat, dengan melaksanakan penilaian kemampuan pinjaman untuk mengelakkan peningkatan hutang isi rumah yang berlebihan. Nisbah khidmat hutang<sup>4</sup> (*debt service ratio, DSR*) bagi sebahagian besar (70%) daripada pinjaman yang baharu diluluskan kekal di bawah 60%.

**Kualiti hutang isi rumah kekal utuh, dengan risiko sebahagian besarnya terhad kepada pinjaman untuk pembelian harta tanah bernilai tinggi dan pembiayaan peribadi**

Secara keseluruhan, kualiti pemberian pinjaman oleh bank dan bukan bank kepada isi rumah kekal kukuh dengan agregat nisbah pinjaman terjejas bertambah baik kepada 1.2%, dan agregat nisbah delinkuensi yang kekal rendah dan stabil (1.2%). Walau bagaimanapun, beberapa risiko masih wujud. Peminjam yang terdahulu membuat pinjaman perumahan untuk pembelian harta tanah bernilai melebihi RM500,000 dan menghadapi ketidaktentuan pendapatan yang lebih besar menunjukkan tanda-tanda kesukaran untuk membayar balik hutang mereka. Kejadian mungkir yang lebih tinggi dalam pembiayaan peribadi masih juga berlaku dalam kalangan peminjam yang berpendapatan kurang RM5,000 sebulan, dan dalam kalangan individu yang tinggal di kawasan bandar dengan kos sara hidup yang secara relatif lebih tinggi (rujuk ‘Pemahaman Mengenai Trend dan Penggunaan Pembiayaan Peribadi’). Hal ini sejajar dengan data daripada Program Pengurusan Hutang (*Debt Management Programme, DMP*) oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang menunjukkan bahawa bahagian peminjam dalam segmen ini daripada keseluruhan peserta DMP telah meningkat sejak tahun 2017. Peminjam sedemikian mencakupi kira-kira 80% daripada peserta DMP dan didapati mereka lazimnya terlalu optimistik

### Pemahaman Mengenai Trend dan Penggunaan Pembiayaan Peribadi

Pertumbuhan dalam pembiayaan peribadi, yang mendorong peningkatan pantas dalam hutang isi rumah sebelum ini telah berkurang dengan ketara berikutan pelaksanaan pelbagai langkah<sup>1</sup> sejak tahun 2012 [2018: 2.3%; 2017: 2.8%; 2008: 25.2% (paras tertinggi)]. Pertumbuhan yang sederhana ini dipacu terutamanya oleh IKBB, yang mencakupi lebih 40% daripada jumlah pembiayaan peribadi. Akibatnya, bahagian pembiayaan peribadi kepada jumlah hutang isi rumah telah menurun kepada 14.5% pada akhir tahun 2018 [2013: 16.4% (paras tertinggi)]. Walaupun risiko kepada kestabilan kewangan daripada dedahan pembiayaan peribadi adalah terhad disebabkan oleh tahap hutang berisiko<sup>2</sup> (*debt-at-risk*) yang rendah (2.7% daripada jumlah hutang isi rumah), kejadian mungkir dalam pembiayaan peribadi yang semakin meningkat dan kenaikan mendadak dalam bahagian peminjam muflis dengan pembiayaan peribadi dari tahun 2010, mewajarkan sikap terus berjaga-jaga (Rajah 1.7). Satu kaji selidik<sup>3</sup> yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia terhadap bank dan peminjam yang mendapatkan bantuan daripada AKPK memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang profil dan penggunaan pembiayaan peribadi oleh peminjam, termasuk peminjam yang bermasalah.

Kira-kira separuh daripada jumlah terkumpul pembiayaan peribadi terdiri daripada peminjam berpendapatan kurang RM5,000 sebulan. Bahagian pembiayaan peribadi kepada jumlah peminjaman mereka berada pada 26.6%, hampir dua kali peminjam biasa (14.5%). Pembiayaan peribadi digunakan terutamanya untuk tujuan penggunaan (Rajah 1.8). Yang nyata, lebih satu pertiga daripada pembiayaan peribadi adalah untuk perbelanjaan penggunaan bukan keperluan

<sup>1</sup> Garis Panduan Pembiayaan Bertanggungjawab (kemudiannya diterbitkan semula sebagai Dokumen Dasar pada tahun 2013) dan Dokumen Dasar Mengenai Pembiayaan Peribadi, masing-masing dilaksanakan pada tahun 2012 dan 2013.

<sup>2</sup> Bahagian hutang pembiayaan peribadi yang ditanggung oleh peminjam dengan margin kewangan negatif kepada jumlah hutang isi rumah.

<sup>3</sup> Kaji selidik ini terdiri daripada dua bahagian – (i) pinjaman terkumpul yang diberikan oleh pemberi pinjaman utama untuk pembiayaan peribadi, dan (ii) peminjam bermasalah yang mempunyai pembiayaan peribadi yang menghubungi AKPK dalam tempoh satu bulan pada bulan September 2018.

<sup>4</sup> Nisbah jumlah obligasi hutang bulanan bank dan bukan bank kepada pendapatan boleh guna bulanan (bersih daripada potongan statutori).


(discretionary consumption expenditure) untuk menyokong pilihan gaya hidup, termasuk pembelian barang tahan lama dan perbelanjaan untuk majlis perkahwinan dan musim perayaan. Hal yang sama berlaku dalam kalangan peminjam yang bermasalah (Rajah 1.9), yang menunjukkan perilaku berbelanja melebihi kemampuan yang berterusan (rujuk maklumat tambahan yang diberikan dalam ‘Kaji Selsidik Rangkuman dan Keupayaan Kewangan Dari Segi Permintaan 2018’ dalam Bab 4). Bahagian pembiayaan peribadi yang agak besar (15%) juga digunakan untuk penggunaan keperluan yang termasuk perbelanjaan yang berkaitan kecemasan dan perubatan, kebanyakannya oleh peminjam berpendapatan RM10,000 dan ke bawah dan tinggal di kawasan pusat bandar. Peminjam-peminjam ini sangat sukar untuk menampung kos sara hidup dan perbelanjaan tidak dijangka disebabkan perancangan kewangan yang lemah.

Hampir separuh daripada pembiayaan peribadi digunakan untuk mengumpul aset, terutamanya untuk membuat pembayaran pendahuluan bagi pembelian rumah dan untuk tujuan perniagaan. Yang nyata, dalam kalangan peminjam yang bermasalah yang mempunyai pembiayaan peribadi, peminjaman itu sebahagian besarnya digunakan untuk pengubahsuaian rumah. Memandangkan peningkatan nilai rumah daripada perbelanjaan tersebut tidak selalunya sepadan dengan jumlah yang dibelanjakan untuk pengubahsuaian, peminjam yang mempunyai hutang yang tinggi mungkin mendapati diri mereka berada dalam kedudukan ekuiti negatif dengan beban hutang yang tidak mampu dibayar oleh mereka.

Walaupun kejadian mungkir bagi pembiayaan peribadi telah meningkat, tahapnya kekal rendah pada 0.2% daripada jumlah hutang isi rumah pada akhir tahun 2018. Mencerminkan amalan pengunderitan yang lebih kukuh oleh bank dan IKBB, pembiayaan peribadi baharu yang diluluskan telah menunjukkan tahap DSR di bawah 60% dengan penambahbaikan dalam kadar mungkir vintaj untuk pembiayaan peribadi pada tahun-tahun kebelakangan ini.

Rajah 1.8: Pembiayaan Peribadi Terkumpul Mengikut Kegunaan

**Sebahagian besar pembiayaan peribadi digunakan untuk perbelanjaan bukan keperluan bagi menyokong gaya hidup...**




\* Termasuk pembiayaan peribadi yang digunakan untuk membeli kenderaan bermotor

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.7: Kes Muflis Mengikut Tujuan

**Bahagian pembiayaan peribadi dalam kalangan peminjam yang muflis adalah ketara dan semakin meningkat**




\* Kes muflis yang disebabkan oleh bukan peminjaman (contoh: penjamin dan kegagalan membayar cukai)

Sumber: Jabatan Insolvensi Malaysia

Rajah 1.9: Komposisi Pelanggan AKPK yang Mempunyai Pembiayaan Peribadi Mengikut Kegunaan dan Kumpulan Pendapatan Bulanan

**...dengan trend yang sama diperhatikan dalam kalangan peminjam yang bermasalah, terutamanya peminjam berpendapatan kurang RM5,000 sebulan**



Nota: (..%) menandakan bahagian daripada jumlah respons mengikut kumpulan pendapatan

Sumber: Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)

**Jadual 1.1****Andaian Kejutan dan Keputusan Analisis Sensitiviti ke atas Hutang Isi Rumah**

Senario		Parameter (Magnitud)	Bahagian peminjam dengan margin kewangan negatif (%)	Potensi kerugian kepada sistem perbankan (RM bilion)
<b>Dasar</b>			6.4	60.3
Kejutan	<b>Pendapatan</b>	Jumlah pendapatan merosot <sup>1</sup> (↓ 10%)	12.0	107.8
	<b>Kos sara hidup</b>	Perbelanjaan keperluan asas meningkat <sup>2</sup> (↑ 20%)	9.9	85.5
	<b>Kos peminjaman</b>	Kos peminjaman lebih tinggi <sup>3</sup> (↑ 50 mata asas)	7.4	68.8

Nota:

<sup>1</sup> Lebih besar daripada penurunan pendapatan boleh guna agregat sebanyak 8.7% semasa Krisis Kewangan Asia pada tahun 1998.  
<sup>2</sup> Hampir tiga kali kadar pertumbuhan tahunan terkompaun (*compound annual growth rate*, CAGR) 2009 – 2016 sebanyak 7.3% bagi perbelanjaan untuk keperluan asas.

<sup>3</sup> Berdasarkan kenaikan kadar pinjaman purata (*average lending rate*, ALR) berikutan dua kenaikan Kadar Dasar Semalamana secara berturut-turut pada tahun 2006.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Oxford Economics.

terhadap kemampuan untuk menanggung kos sara hidup yang lebih tinggi dan obligasi hutang disebabkan oleh perancangan kewangan yang lemah. Perkembangan ini menekankan kesesuaian langkah-langkah kehematan makro yang sedia ada untuk mengukuhkan daya tahan isi rumah.

Bank-bank dijangka kekal berdaya tahan terhadap potensi kerugian daripada pemberian pinjaman kepada isi rumah bawah senario tekanan. Berdasarkan analisis sensitiviti yang mensimulasikan impak kejutan kepada pendapatan, kos sara hidup dan kos peminjaman ke atas margin kewangan (*financial margin*) peminjam,<sup>5,6</sup> potensi kerugian kepada sistem perbankan daripada peminjam yang mempunyai margin kewangan negatif dijangka kekal berada dalam penampang modal lebihan bank yang berjumlah RM143.1 bilion pada akhir tahun 2018 (Jadual 1.1). Kejutan terhadap pendapatan akan memberikan kesan yang paling besar dalam meningkatkan bahagian peminjam yang mempunyai margin kewangan negatif dan kerugian kredit yang berkaitan kepada bank (Rajah 1.6).

### Pertumbuhan Harga Rumah Terus Sederhana, Manakala Keadaan Lebih Bekalan Berlanjutan dalam Pasaran Harta Bukan Kediaman

Harga rumah<sup>7</sup> terus meningkat dengan lebih sederhana pada separuh pertama tahun 2018 pada 4% dengan data awalan bagi suku ketiga tahun 2018 menunjukkan penurunan selanjutnya kepada 1.1%. Pertumbuhan harga rumah yang semakin perlaha mencerminkan permintaan yang semakin lemah terhadap harta tanah dalam segmen berharga lebih tinggi yang masih di luar kemampuan kebanyakan pembeli dan aktiviti yang lembap dalam pasaran perumahan sepanjang enam tahun lepas. Keadaan ini menyumbang kepada pelarasan bekalan perumahan ke arah segmen yang lebih mampu milik sepanjang dua tahun yang lepas dengan lebih banyak pelancaran perumahan baharu yang menyasarkan harta tanah berharga di bawah RM500,000. Walaupun pelancaran perumahan baharu berkurang dalam tempoh sembilan bulan pertama, aktiviti dalam segmen ini yang lebih giat di beberapa negeri utama<sup>8</sup> menyokong pertumbuhan kecil dalam jumlah jual beli rumah. Walau bagaimanapun, rumah pada paras harga ini masih tidak mampu dimiliki di negeri-negeri lain. Hal ini menyebabkan stok unit perumahan yang tidak

<sup>5</sup> Sila rujuk Rencana dalam Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2017 bertajuk 'Dibelenggu Hutang: Penilaian Terhadap Tahap Hutang dan Penampang Kewangan Isi Rumah' untuk butiran mengenai metodologi margin kewangan.

<sup>6</sup> Kejutan dikenakan secara berasingan dan disesuaikan kepada parameter yang lebih teruk daripada yang pernah diperhatikan sebelum ini. Analisis ini tidak mengambil kira kejutan yang berlaku secara serentak kerana kemungkinan hal ini berlaku dinilai sebagai sangat rendah.

<sup>7</sup> Diukur oleh Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM).

<sup>8</sup> Merujuk kepada Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang.

terjual<sup>9</sup> meningkat 22.5% dalam tempoh sembilan bulan sehingga bulan September 2018. Walaupun begitu, penurunan yang besar dan meluas dalam harga rumah yang boleh meningkatkan risiko pembetulan yang tidak teratur dalam pasaran perumahan dijangka tidak berlaku atas beberapa sebab. Perkembangan harga rumah secara umum didorong terutamanya oleh jual beli harta kediaman bertanah (76% daripada wajaran IHRM) yang terus menerima permintaan yang kukuh.<sup>10</sup> Permintaan terhadap perumahan juga dijangka terus teguh, disokong oleh pendapatan yang terus meningkat dan pembentukan isi rumah baharu yang berterusan.

### Kemampuan memiliki rumah masih menjadi isu dalam pasaran harta kediaman, manakala bekalan ruang pejabat dan ruang runcit yang berlebihan terus wujud dalam pasaran harta bukan kediaman

Rumah yang berharga lebih RM250,000 terus membentuk sebahagian besar pelancaran baharu dan jumlah rumah yang tidak terjual, seterusnya meningkatkan ketidakpadanan antara bekalan dengan permintaan perumahan di sesetengah lokasi. Walaupun Kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah<sup>11</sup> untuk menangani ketidakpadanan struktur ini, usaha penyelarasan bersama yang lebih rapat dengan sektor swasta adalah penting untuk mendorong peralihan yang lancar ke arah pasaran perumahan yang lebih mampan, di samping mengurangkan secara beransur-ansur paras harta tanah yang tidak terjual. Memandangkan permintaan terhadap rumah mampu milik yang kukuh dan masih melebihi bekalan baharu dalam masa

terdekat, ditambah pula dengan langkah-langkah untuk meningkatkan kemampuan pembiayaan, prospek pasaran perumahan dijangka akan bertambah baik secara beransur-ansur, berserta dengan penjajaran yang lebih baik antara keadaan permintaan dengan bekalan.

Dalam segmen harta bukan kediaman,<sup>12</sup> aktiviti pasaran adalah lembap pada tempoh sembilan bulan pertama tahun 2018. Segmen komersial yang terdiri daripada kedai serta ruang pejabat dan kompleks beli-belah (*office space and shopping complexes, OSSC*), mencatatkan jumlah dan nilai urus niaga yang lebih tinggi, terutamanya bagi harta tanah yang berharga lebih RM500,000. Sementara itu, urus niaga yang lebih tinggi dalam segmen industri didorong terutamanya oleh harta tanah yang berharga RM1 juta dan ke atas.

Meskipun terdapat peningkatan dalam aktiviti pasaran dalam segmen komersial, bekalan baharu yang banyak bagi ruang pejabat yang baharu dan dirancang di Lembah Klang dan ruang runcit di seluruh negara dijangka memburukkan lagi keadaan lebihan bekalan yang sedia ada. Keadaan ini berlaku meskipun kadar kelulusan pinjaman bagi pembinaan OSSC menurun kepada 73.1% (2017: 79.7%). Masih terdapat risiko bahawa ruang komersial tambahan ini tetap tidak akan diserap, berikutan kemerosotan kadar kekosongan walaupun pada paras bekalan semasa serta potensi cabaran terhadap ekonomi dalam negeri. Memandangkan kadar sewa purata bagi ruang pejabat di Lembah Klang terus tertekan, risiko harga harta tanah menurun dengan ketara tetap tinggi. Pemilik bangunan masih menawarkan banyak incentif untuk meningkatkan permintaan sewaan, termasuk pelepasan sewa dan diskain kepada harga sewa yang diminta. Dorongan sedemikian berkemungkinan menyebabkan kadar sewa efektif terus tertekan.

### Meskipun paras harta tanah yang tidak terjual meningkat, pembeli rumah kali pertama yang layak terus mendapat akses kepada pembiayaan rumah

Pada tahun 2018, jumlah dedahan<sup>13</sup> institusi kewangan kepada pasaran harta tanah dalam negeri (RM901.3 bilion, Rajah 1.10) meningkat pada kadar yang lebih perlahan, iaitu 5.9% (2017: 7.1%). Hal ini seajar

<sup>9</sup> Merujuk harta tanah tidak terjual yang telah siap (lebihan) dan harta tanah tidak terjual yang masih dalam pembinaan. Harta tanah ini merangkumi semua harta kediaman serta pangsapuri berperkhidmatan dan pejabat kecil / pejabat rumah (*small office home office, SOHO*). (Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara).

<sup>10</sup> Bahagian harta kediaman bertanah yang tidak terjual terus menurun daripada 46% pada suku pertama tahun 2015 kepada 33% pada suku ketiga tahun 2018.

<sup>11</sup> Usaha termasuk pewujudan pihak berkuasa tunggal untuk perumahan mampu milik, penggabungan pangkalan data permintaan dan bekalan bagi tujuan perancangan, penggunaan teknologi pembinaan yang lebih canggih dan cekap dari segi kos, serta pembangunan pasaran sewaan. Langkah-langkah untuk menggalakkan pemilikan rumah dan mengurangkan bilangan unit perumahan yang tidak terjual turut diumumkan dalam Bajet 2019 yang disasarkan khusus pada usaha meningkatkan kemampuan pembeli rumah kali pertama, isi rumah berpendapatan lebih rendah dan penjawat awam.

<sup>12</sup> Terdiri daripada ruang pejabat, kompleks beli-belah, kedai, hotel, tanah dan kilang.

<sup>13</sup> Jumlah ini termasuk dedahan bank, IKP, penanggung insurans dan pengendali takaful.


dengan keupayaan memiliki rumah yang semakin berkurang dan risiko berkaitan dengan lebihan bekalan yang tinggi dalam pasaran harta bukan kediaman. Pembiayaan akhir (*end-financing*) bagi harta kediaman masih lagi merupakan penyumbang terbesar pertumbuhan (Rajah 1.11). Selaras dengan kemampuan memiliki rumah yang lebih rendah, kebanyakan permohonan pinjaman adalah tertumpu terutamanya kepada pembelian rumah berharga bawah RM500,000. Pembeli rumah kali pertama kekal mencakupi sebahagian besar (69%) daripada jumlah peminjam pinjaman harta kediaman. Aktiviti spekulasi juga kekal rendah (Rajah 1.12).

Kadar kelulusan pinjaman keseluruhan menurun sedikit pada 71.3% (Rajah 1.13). Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan oleh Bank, sebab utama penolakan pinjaman ialah pemohon sudah terlalu banyak hutang atau mempunyai pendapatan yang tidak mencukupi untuk membayar balik pinjaman yang dijadualkan, walaupun prospek kenaikan kadar faedah pada masa hadapan tidak diambil kira.

Pertumbuhan pembiayaan bank kepada segmen harta bukan kediaman stabil pada 2% pada tahun 2018, sebahagian besarnya didorong oleh pembiayaan akhir untuk membeli kedai. Walaupun pembiayaan akhir untuk pembelian OSSC masih meningkat, bank secara amnya mengambil sikap berhati-hati ketika memberi

Rajah 1.10: Pasaran Harta Tanah – Dedahan Institusi Kewangan Terhadap Pasaran Harta Tanah

#### Kebanyakan dedahan institusi kewangan adalah berkaitan dengan pembiayaan akhir untuk membeli harta kediaman dan bukan kediaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

pinjaman kepada segmen ini. Sama seperti pinjaman untuk pembinaan OSSC, kadar kelulusan pinjaman yang lebih rendah dicatatkan untuk pembelian OSSC, iaitu pada 66.7% (2017: 76.8%).

#### Risiko daripada sektor harta tanah terus terkawal dengan kualiti pemberian pinjaman yang utuh


Secara keseluruhan, kualiti pinjaman bank bagi pembelian harta kediaman dan bukan kediaman kekal kukuh, disokong oleh amalan pengunderaitan dan penilaian yang berhemat. Secara agregat, nisbah jejas nilai dan delinkuensi bagi pinjaman sedemikian kekal rendah (Rajah 1.14) dan kadar mungkir vintaj terus menurun dalam beberapa tahun kebelakangan ini (Rajah 1.15 dan 1.16). Sejajar dengan piawaian pengurusan risiko kredit yang dipertingkat, bank membuat penilaian yang lebih mantap terhadap daya maju projek pembangunan harta tanah. Hal ini termasuk memberikan lebih pertimbangan terhadap faktor-faktor khusus buat sesuatu lokasi dalam penilaian kredit mereka, seperti kesan pembangunan baharu terhadap harta tanah di kawasan sekitar.

Dalam keadaan pasaran yang lembap, prestasi perolehan pemaju harta tanah berada dalam keadaan tertekan disebabkan oleh penyusutan margin dan usaha yang sedang dijalankan untuk menjual stok yang sedia ada. Bagi tahun 2018, pemaju harta tanah terus mencatatkan prestasi yang kurang memberangsangkan. Kedudukan mudah tunai syarikat dalam sektor ini, seperti yang diukur oleh nisbah tunai kepada hutang jangka pendek (*cash-to-short-term-debt ratio*, CASTD), adalah rendah iaitu di bawah 1 kali (0.7 kali) sejak tahun 2016. Walau bagaimanapun, keupayaan membayar balik hutang, seperti yang diukur oleh median nisbah perlindungan faedah (*interest coverage ratio*, ICR) kekal kukuh pada empat kali, iaitu selesa melebihi ambang kehematan sebanyak dua kali.

Risiko kepada kestabilan kewangan daripada perkembangan keadaan pasaran harta tanah kekal terkawal. Peralihan yang teratur dalam pasaran perumahan yang lebih mampan merupakan perkembangan yang sangat dialu-alukan bagi mengurangkan risiko jangka lebih panjang daripada hutang isi rumah yang tinggi dan pembetulan mendadak dalam pasaran perumahan. Dedahan bank kepada pemaju harta tanah yang mempunyai stok unit perumahan tidak terjual yang banyak


Rajah 1.11: Pasaran Harta Tanah – Pertumbuhan Tahunan Pembiayaan Akhir Mengikut Segmen

**Pembiayaan akhir untuk pembelian harta kediaman dan bukan kediaman terus meningkat walaupun pada kadar perlahan**




Rajah 1.13: Pasaran Harta Tanah – Kadar Kelulusan bagi Pinjaman Mengikut Tujuan

**Pembeli rumah yang layak kekal mendapat akses kepada pembiayaan rumah. Bank-bank masih mengambil sikap berhati-hati berikutan lebihan bekalan di segmen ruang pejabat dan kompleks beli-belah**



Rajah 1.15: Pasaran Harta Tanah – Analisis Vintaj bagi Pinjaman Harta Kediaman dalam Sistem Perbankan

**Kadar mungkir vintaj bagi pinjaman harta kediaman dan bukan kediaman yang diluluskan pada tahun-tahun kebelakangan ini bertambah baik**




Nota: Data termasuk pinjaman terjejas yang dihapus kira oleh bank

Sumber: Bank Negara Malaysia


Rajah 1.12: Pasaran Harta Tanah – Peminjam dengan Tiga atau Lebih Pinjaman Perumahan dan Pelunasan Awal Pinjaman Perumahan

**Kegiatan spekulasi dalam pasaran harta kediaman terus lembap**




Rajah 1.14: Pasaran Harta Tanah – Nisbah Pinjaman Terjejas bagi Pembiayaan Akhir Mengikut Segmen

**Kualiti aset kekal kukuh**



Rajah 1.16: Pasaran Harta Tanah – Analisis Vintaj bagi Pinjaman Harta Bukan Kediaman dalam Sistem Perbankan



dianggarkan tidak melebihi 2% daripada jumlah dedahan kredit bank. Dedahan bank kepada segmen OSSC juga kekal kecil, mencakupi 3.4% daripada jumlah pinjaman bank terkumpul dan 6.5% daripada pemegangan bon dan sukuk korporat. Analisis sensitiviti yang dijalankan oleh Bank turut menunjukkan penamparan modal bank masih mencukupi untuk menghadapi pembetulan harga yang menyeluruh (harga harta tanah menurun 50%) dalam pasaran harta tanah dalam negeri, termasuk kemungkinan berlakunya limpahan kepada sektor ekonomi lain yang bergantung pada prestasi sektor harta tanah. Risiko terhadap kestabilan kewangan akibat penurunan harga rumah yang berleluasa dikurangkan selanjutnya dengan sebahagian besar pinjaman harta kediaman diberikan kepada golongan pemilik-penghuni (*owner-occupiers*). Peminjam sedemikian mempunyai insentif yang kukuh untuk mengekalkan pembayaran balik pinjaman sekiranya berlaku tekanan kewangan atau nilai ekuiti negatif pada rumah mereka, berbanding dengan pembelian bagi tujuan pelaburan. Di samping itu, 72% daripada pinjaman perumahan terkumpul mempunyai nisbah pinjaman kepada nilai pada 80% dan ke bawah, sekali gus mengehadkan potensi kerugian kepada sistem perbankan.

### **Keupayaan Membayar Balik Hutang Sektor Perniagaan Secara Keseluruhan Kekal Kukuh Meskipun Hutang adalah Lebih Tinggi**


Pada tahun 2018, hutang syarikat korporat bukan kewangan (*non-financial corporations*, NFC) meningkat dengan kadar tahunan sebanyak 6.5% kepada 103.7% daripada KDNK (Rajah 1.17), didorong oleh sektor pembinaan, perkilangan dan harta tanah. Aktiviti perniagaan terus disokong terutamanya oleh pembiayaan domestik, yang mencakupi 74% daripada jumlah hutang NFC.

Bon dan sukuk terkumpul<sup>14</sup> mencatatkan pengembangan yang kukuh, disokong oleh terbitan bon korporat yang lebih banyak oleh entiti perniagaan dalam sektor harta tanah, pembinaan dan utiliti. Sementara itu, pinjaman yang diberikan oleh bank dan IKP meningkat daripada pertumbuhan yang sangat rendah pada tahun 2017, dengan pertumbuhan pinjaman yang positif dan lebih kukuh dicatatkan merentas kebanyakan sektor perniagaan (4.6%; 2017: 1.3%). Pembiayaan kepada sektor borong dan runcit, dan perkilangan, yang mencakupi kira-kira

<sup>14</sup> Bon dan sukuk korporat tidak termasuk terbitan oleh Cagamas, institusi kewangan dan bukan pemastautin.

**Rajah 1.17: Sektor Perniagaan – Nisbah Hutang Syarikat Korporat Bukan Kewangan kepada KDNK**

#### **Hutang lebih tinggi didorong oleh terbitan bon dan sukuk baru**



Sumber: Bank Negara Malaysia

36% daripada pinjaman perniagaan bank, didorong terutamanya oleh aktiviti perniagaan yang lebih giat dalam tempoh pelepasan cukai selama tiga bulan. Selain sektor-sektor ini, bekalan kredit oleh bank turut menyokong aktiviti perniagaan, dengan akses kepada pembiayaan yang berterusan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) seperti yang dicerminkan oleh kadar kelulusan pinjaman yang stabil (rujuk Rencana dalam Bab 2 yang bertajuk ‘Memahami Pembiayaan Melalui Kaca Mata PKS’).

#### **Kualiti keseluruhan peminjaman perniagaan adalah tinggi, meskipun prestasi kewangan merosot sedikit**


Prestasi kewangan<sup>15</sup> sektor perniagaan merosot sedikit pada tahun 2018 (Rajah 1.18), dalam keadaan gangguan bekalan dalam sektor komoditi, nilai ringgit yang secara relatif lebih lemah dan ketidakpastian sejurus selepas PRU-14. Leveraj<sup>16</sup> keseluruhan perniagaan yang lebih tinggi sebahagian besarnya mencerminkan perolehan tertahan yang lebih rendah oleh syarikat perladangan, berikutan penurunan harga minyak sawit mentah. Dalam keadaan perniagaan yang lebih mencabar, prestasi perolehan yang semakin lemah dalam kebanyakan sektor mengakibatkan median ICR menjadi lebih rendah. Namun demikian, sektor perniagaan secara keseluruhan terus mengekalkan kedudukan pembayaran balik hutang dan mudah tunai yang baik, jauh melebihi ambang kehematan.<sup>17</sup>

<sup>15</sup> Berdasarkan data kewangan 120 syarikat yang tersenarai dalam Bursa Malaysia, mencakupi sektor ekonomi utama dan kira-kira 85% daripada permodalan pasaran (tidak termasuk institusi kewangan).

<sup>16</sup> Diukur menggunakan median nisbah hutang kepada ekuiti.

<sup>17</sup> Ambang kehematan bagi ICR dan CASTD masing-masing ialah dua kali dan satu kali.


Rajah 1.18: Sektor Perniagaan – Penunjuk Leveraj, Keupayaan Membayar Balik Hutang dan Mudah Tunai



Kualiti keseluruhan bagi peminjaman perniagaan daripada sistem perbankan kekal teguh, dengan nisbah pinjaman terjejas berada pada paras yang rendah dan stabil (Rajah 1.19). Pada tahun 2018, terdapat lebih banyak penurunan gred dalam bon korporat yang mempunyai penarafan domestik (2018: 8; 2017: 4), kebanyakannya mencerminkan perkembangan syarikat atau sektor tertentu. Walau bagaimanapun, dedahan ini mengundang risiko yang sedikit sahaja, mencakupi hanya 0.4% daripada jumlah bon/sukuk korporat yang dipegang oleh institusi kewangan. Syarikat dalam sektor berkaitan O&G, harta tanah<sup>18</sup> dan pembinaan kekal berhadapan dengan rintangan (Rajah 1.20). Meskipun pemberian kontrak kepada penyedia perkhidmatan O&G telah meningkat sejak tahun 2017, kesan positif daripada kontrak baharu terhadap perolehan mungkin hanya tercapai dalam jangka sederhana. Kebanyakan peserta O&G, terutamanya yang berada dalam segmen huluhan, terus merasionalisasikan tahap hutang masing-masing, seperti yang dicerminkan oleh median nisbah leveraj yang lebih rendah sebanyak 39.9%. Keadaan ini dijangka meningkatkan keupayaan mereka untuk membayar balik hutang pada masa hadapan. Walaupun nisbah pinjaman terjejas bagi sektor berkaitan O&G kekal tinggi pada 10.2%, bank telah pun menyediakan peruntukan terhadap sebahagian besar kerugian dalam sektor ini.

<sup>18</sup> Bagi perkembangan dalam sektor harta tanah dan prestasi peserta harta tanah, sila rujuk penilaian risiko kredit terhadap sektor harta tanah.


Rajah 1.19: Sektor Perniagaan – Pinjaman Terjejas Kasar



Dalam sektor pembinaan, pembatalan atau penangguhan projek infrastruktur besar oleh Kerajaan hanya memberikan kesan langsung yang terhad kepada kualiti aset. Ini berikutan dedahan institusi kewangan yang rendah terhadap syarikat yang terlibat dalam projek sedemikian (3.6% daripada jumlah pinjaman terkumpul dan bon/sukuk yang dipegang oleh bank). Nisbah pinjaman terjejas bagi sektor

Rajah 1.20: Sektor Perniagaan – Penunjuk Mudah Tunai dan Keupayaan Membayar Balik Hutang bagi Sektor Terpilih

Keupayaan membayar balik hutang yang memuaskan bagi firma dalam sektor yang mempunyai prospek risiko kredit yang lebih lemah



Nota: Ambang kehematan bagi nisbah perlindungan faedah dan nisbah tunai kepada hutang jangka pendek masing-masing adalah dua kali dan satu kali

Sumber: Bloomberg dan anggaran Bank Negara Malaysia

pembinaan meningkat tetapi secara relatif kekal rendah pada 2.7%. Hal ini didorong terutamanya oleh syarikat dalam segmen kejuruteraan awam dan PKS yang terlibat dalam pembangunan harta bukan kediaman, yang telah terjejas akibat perbelanjaan awam yang lebih perlahan dan lebihan bekalan dalam segmen OSSC.

Pada tahun 2018, peminjaman luar negeri korporat meningkat pada kadar yang lebih pantas sedikit, didorong terutamanya oleh syarikat dalam sektor perkilangan dan pembinaan. Peningkatan ini sebahagiannya turut disebabkan oleh kesan penilaian akibat nilai ringgit yang lebih lemah. Secara agregat, risiko kepada kestabilan kewangan domestik daripada peminjaman luar negeri dalam mata wang asing (*foreign currency, FCY*) terus terkawal disebabkan oleh beberapa faktor. Sebanyak 76% daripada hutang luar negeri korporat merupakan hutang jangka sederhana hingga jangka lebih panjang, sekali gus mengehadkan risiko pelanjutan (*rollover risk*). Tiga perempat daripada hutang luar negeri dalam FCY telah dilindung nilai daripada risiko mata wang, sama ada menerusi derivatif kewangan atau aliran hasil dalam FCY daripada operasi di luar negeri. Profil risiko peminjaman luar negeri korporat yang lebih rendah turut disebabkan oleh bahagian hutang (kira-kira separuh) yang diwakili oleh pinjaman antara syarikat (sebahagian besarnya oleh syarikat pemastautin yang merupakan sebahagian daripada syarikat multinasional) dan kemudahan kredit perdagangan yang disokong oleh perolehan eksport.

## Berdasarkan analisis sensitiviti, potensi kerugian kredit daripada kejutan teruk ke atas syarikat Malaysia memberikan kesan yang terhad kepada bank

Berdasarkan analisis sensitiviti terhadap kumpulan peminjam NFC yang besar,<sup>19</sup> bank mampu menghadapi kemungkinan kerugian kredit akibat kejutan teruk.<sup>20</sup> Kemungkinan kerugian kredit kumulatif akibat dedahan kepada peminjam ini dianggarkan kira-kira satu pertiga lebihan penampang modal bank. Kumpulan peminjam ini mungkin menghadapi kekangan mudah tunai jangka

<sup>19</sup> Kumpulan peminjam NFC yang besar merupakan syarikat yang mempunyai dedahan kredit agregat (termasuk pembiayaan langsung serta pemegangan bon dan sukuk korporat) melebihi RM1 bilion dengan institusi kewangan Malaysia. Pada tahun 2018, dedahan institusi kewangan kepada peminjam berkenaan adalah 41.5% daripada dedahan kepada sektor perniagaan.

<sup>20</sup> Ringgit menyusut nilai sehingga 30%, keuntungan operasi merosot 50%, serta kos peminjaman ringgit dan mata wang asing masing-masing meningkat sebanyak 50 dan 100 mata asas.

pendek pascakejutan, tetapi dijangka terus berupaya untuk memenuhi obligasi hutang mereka daripada perolehan, dengan ICR pada 2.2 kali.

Pada tahun 2019, aktiviti perniagaan dijangka disokong oleh permintaan yang mampan serta pertumbuhan pendapatan dan guna tenaga yang berterusan. Pertumbuhan pelaburan sektor swasta yang berterusan akan menyokong prestasi perniagaan selanjutnya. Walau bagaimanapun, beberapa risiko masih wujud akibat pertumbuhan global yang lebih perlahan, peningkatan ketegangan perdagangan antara AS dengan Republik Rakyat China (RR China) yang semakin meruncing dan volatiliti dalam harga minyak global yang boleh memberikan kesan buruk kepada pendapatan dan pelaburan dalam sektor swasta. Di dalam negeri, syarikat dalam sektor komoditi dijangka pulih daripada gangguan bekalan, manakala sektor perniagaan pada amnya terus membuat penyesuaian terhadap perubahan dalam keadaan operasi berikutnya dasar terkini dan persaingan yang lebih sengit. Pada tahap leveraj dan pembayaran balik hutang semasa, keupayaan sektor perniagaan membayar hutang secara keseluruhan dijangka kekal kukuh, walaupun syarikat dalam sesetengah sektor mungkin lebih mudah terjejas akibat tekanan kewangan. Walau bagaimanapun, sebarang kesan terhadap sistem perbankan dijangka tidak ketara.

## RISIKO PASARAN

### Pasaran Kewangan Domestik Kekal Teratur Meskipun Volatiliti Berterusan

Pasaran kewangan domestik terus mengalami volatiliti pada tahun 2018 disebabkan oleh perkembangan domestik dan luaran. Sama seperti pasaran kewangan serantau yang lain, pasaran domestik mengalami aliran keluar pelaburan portfolio pada tahun 2018 berjumlah RM44 bilion. Walau bagaimanapun, keadaan pasaran yang kekal teratur terpelihara kerana pelabur institusi domestik mengambil peluang daripada penilaian yang menguntungkan. Tekanan pasaran, yang diukur menerusi Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (*Financial Market Stress Index, FMSI*), memuncak buat sementara waktu pada bulan Jun sejurus selepas PRU-14 tetapi telah menurun ke tahap rendah seperti yang dicatatkan pada tahun 2017 berikutnya dasar yang lebih jelas susulan pembentangan Belanjawan 2019 oleh Kerajaan (Rajah 1.21). Namun begitu, pasaran ekuiti dan bon mengalami beberapa episod volatiliti yang lebih

tinggi berikutan pergerakan yang mendadak harga minyak mentah dan pasaran ekuiti AS pada suku terakhir tahun 2018 walaupun bersifat sementara. Sentimen pelabur di rantau ini, termasuk Malaysia, juga dipengaruhi oleh ketidaktentuan dalam kadar pengembalian dasar monetari di AS ke paras yang wajar, ketegangan perdagangan yang semakin meruncing antara ekonomi utama dan risiko geopolitik yang semakin meningkat. Perkembangan luaran ini dijangka terus mempengaruhi sentimen pelabur pada tahun 2019.


## Dedahan risiko pasaran institusi kewangan kekal terurus meskipun volatiliti dalam pasaran kewangan berterusan

### **Bank-bank**

Portfolio perbendaharaan bank berkembang pada tahun 2018, disebabkan terutamanya oleh pemegangan bon kerajaan dan korporat yang lebih tinggi dalam akaun perbankan berikutan penjualan bon kerajaan yang menyeluruh oleh pelabur bukan pemastautin. Ini juga merupakan satu trend yang berlaku merentas pasaran serantau. Akibatnya, risiko kadar faedah dalam akaun perbankan meningkat kepada 4.5% daripada jumlah modal (2017: 3.5%). Saiz akaun perdagangan bank juga meningkat, walaupun secara relatif masih kecil (17.6% daripada jumlah sekuriti; 2017: 10.6%). Kedudukan terbuka

Rajah 1.21: Pasaran Kewangan – Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)

**Secara keseluruhan, tekanan pasaran meningkat sebelum menurun semula di sekitar paras terendah tahun 2017**



bersih (*net open position*, NOP) pertukaran asing (*foreign exchange*, FX) bank menurun kepada 5.8% daripada jumlah modal (2017: 6.1%). Hal ini mencerminkan kedudukan lebih berhati-hati yang diambil oleh bank dalam keadaan pasaran yang tidak menentu pada tahun 2018. Sebahagian besar dedahan FX NOP disebabkan oleh dedahan kepada dolar AS. Sumbangan perolehan bersih dagangan dan pelaburan kepada keuntungan bank sebelum cukai sebahagian besarnya kekal tidak berubah pada 17.9% (2017: 17.3%). Pengurusan risiko dan perlindungan nilai secara aktif oleh bank terus membendung dedahan risiko pasaran pada tahap yang terurus, dan kekal pada tahap berhemat bagi nilai berisiko (*value-at-risk*) dan kerugian yang mampu ditampung oleh setiap bank.

### **Penanggung insurans dan pengendali takaful**

Pemegangan aset kewangan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful juga berkembang pada tahun 2018 seiring dengan pertumbuhan dana insurans. Bagi penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga, sebahagian besar pemegangan pelaburan mereka kekal dalam bon korporat jangka sederhana hingga jangka panjang bagi memadankan struktur liabiliti mereka yang berjangka lebih panjang. Sebaliknya, penanggung insurans dan pengendali takaful am terus memegang sebahagian besar wang tunai dan deposit serta produk mudah tunai berstruktur disebabkan oleh struktur liabiliti mereka yang berjangka lebih pendek.

Pemegangan ekuiti merosot dari tahun 2017 berikutan penanggung insurans dan pengendali takaful mengurangkan pemegangan mereka dalam keadaan prestasi pasaran ekuiti yang lebih lemah pada separuh kedua tahun 2018. Seiring dengan itu, modal yang diperuntukkan untuk risiko ekuiti berkurang kepada 7.7% daripada jumlah modal yang tersedia pada akhir tahun 2018 (2017: 9.1%). Pelaburan dalam ekuiti terus terdiri terutamanya daripada saham-saham berprestasi tinggi dan berpelbagai merentas sektor ekonomi yang berbeza.

Caj modal bagi risiko kadar faedah yang ditanggung oleh penanggung insurans dan pengendali takaful kekal stabil pada 3% daripada jumlah modal tersedia. Secara keseluruhan, prestasi aktiviti dagangan penanggung insurans dan pengendali takaful adalah lebih lemah berbanding dengan

tahun lepas, dengan kerugian bersih daripada aktiviti dagangan dicatatkan sebanyak RM6.5 bilion. Ini didorong terutamanya oleh penilaian ekuiti yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, kesannya terhadap keuntungan keseluruhan industri kekal terurus.<sup>21</sup>

## RISIKO MUDAH TUNAI DAN PENDANAAN


### Bank-Bank Mengelakkan Aset Mudah Tunai yang Mencukupi untuk Menghadapi Tempoh Ketidakpastian

Mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem perbankan terus menyokong pengantaraan kewangan. Penampang mudah tunai bank untuk memenuhi kemungkinan keperluan mendesak sebahagian besarnya terus disokong oleh sumber pendanaan stabil yang terdiri daripada deposit dan peminjaman jangka panjang (Rajah 1.22). Hal ini ditunjukkan dalam nisbah pinjaman kepada dana (*loan-to-fund*, LTF) dan nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti (*loan-to-fund-and-equity*, LT&E) sistem perbankan yang terus masing-masing kekal pada tahap sekitar 80% dan 70% (Rajah 1.23). Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (*Liquidity Coverage Ratio*, LCR), yang mengukur jumlah aset mudah tunai berkualiti tinggi (*high-quality liquid assets*, HQLA) yang dipegang oleh bank untuk memenuhi keperluan mudah tunai dalam senario tekanan selama tempoh 30 hari, juga semakin meningkat sejak dengan peralihan sejak tahun 2015 ke arah pelaksanaan sepenuhnya keperluan mudah tunai yang kukuh. Lebihan mudah tunai ringgit sistem perbankan yang ditempatkan di Bank<sup>22</sup> meningkat pada separuh kedua tahun 2018 kepada RM171.8 bilion (Jun 2018: RM156.2 bilion; 2017: RM176.2 bilion) disebabkan oleh aliran keluar daripada pelabur bukan pemastautin yang telah berkurang. Pada tahap lebihan mudah tunai semasa, ujian tekanan Bank terus mengesahkan daya tahan sistem perbankan terhadap aliran keluar modal yang besar.

Aktiviti domestik bank sebahagian besarnya terus dibilai oleh sumber pendanaan domestik, dengan deposit mencakupi bahagian terbesar (71%) daripada jumlah liabiliti pendanaan. Pertumbuhan deposit runcit dan korporat kekal kukuh dan

Rajah 1.22: Sistem Perbankan – Komposisi Liabiliti Pendanaan Mengikut Instrumen


**Deposit dan peminjaman jangka panjang mencakupi lebih 70% daripada jumlah liabiliti pendanaan**



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.23: Sistem Perbankan – Nisbah Perlindungan Mudah Tunai, Nisbah Pinjaman kepada Dana dan Nisbah Pinjaman kepada Dana dan Ekuiti

**Bank-bank mengekalkan aset mudah tunai yang mencukupi**



Sumber: Bank Negara Malaysia

terus mencakupi 70% daripada pendanaan deposit. Deposit daripada IKBB turut meningkat, mencerminkan pemegangan wang tunai yang lebih tinggi oleh institusi ini dalam keadaan ketidakpastian yang berterusan dalam pasaran kewangan global. Persaingan untuk deposit lebih terkawal sebagai tindak balas terhadap langkah penyeliaan untuk menangani amalan mengemas akaun (*window dressing*) pada akhir tahun. Hasilnya, keadaan pendanaan yang diukur oleh KLIBOR 3 bulan dan

<sup>21</sup> Sila rujuk bahagian ‘Daya Tahan dan Prestasi Sektor Insurans dan Takaful’ untuk butiran mengenai pemacu keberuntungan.

<sup>22</sup> Terdiri daripada penempatan deposit, repo berbalik dan rizab berkanan dengan Bank.

kos dana purata berwajaran pada amnya kekal stabil sejak kenaikan Kadar Dasar Semalam (Overnight Policy Rate, OPR) pada bulan Januari 2018.

## Bank-bank kekal menguruskan ketidakpadanan tempoh matang dan mata wang dengan berhemat

Risiko pendanaan daripada aktiviti FCY bank (mewakili bahagian tidak melebihi 15% daripada jumlah kunci kira-kira sistem perbankan) juga kekal rendah (Gambar Rajah 1.2). Deposit dan dana jangka panjang mencakupi bahagian yang besar (60%) daripada jumlah pendanaan FCY. Bahagian hutang

luar negeri yang dipegang oleh kumpulan perbankan domestik (*domestic banking groups*, DBG) dan bank asing yang diperbadankan di Malaysia (*locally-incorporated foreign banks*, LIFB) secara amnya kekal stabil dalam beberapa tahun ini (Rajah 1.24), dengan hampir tiada tanda kebergantungan yang berlebihan pada pendanaan luar dan mata wang bersilang dalam kalangan bank ini (rujuk ‘Amalan Pengurusan Mudah Tunai FCY Bank-Bank’). Keperluan pendanaan FCY bagi LIFB pada amnya diuruskan melalui peminjaman dalam kumpulan (*intragroup borrowings*) daripada pihak yang berkaitan di luar negeri. Peminjaman ini lazimnya dipadankan dengan dedahan pembiayaan dari segi jumlah, mata wang dan tempoh. Sementara itu, DBG juga mengambil beberapa langkah awalan untuk

### **Amalan Pengurusan Mudah Tunai FCY Bank-Bank**

Penerapan amalan pengurusan risiko mudah tunai yang kukuh telah membolehkan bank-bank Malaysia menghadapi keadaan mudah tunai FCY yang tidak menentu dalam tempoh kebelakangan ini.

Bank-bank semakin giat menyelaraskan rangka kerja pengurusan mudah tunai dan pengurusan prestasi mereka untuk menangani ketidakpadanan tempoh matang apabila mengurus dedahan FCY. Premium mudah tunai bertempoh yang diambil kira dalam penentuan harga pemindahan dana (*funds transfer pricing*) mencerminkan risiko apabila memperoleh dana sedemikian. Bagi kebanyakan bank, premium ini dimasukkan ke dalam pengukuran prestasi unit perniagaan melalui perolehan terlaras risiko bagi memastikan penggunaan dana FCY yang berhemat. Rangka kerja risiko dan insentif menggalakkan lagi profil risiko mudah tunai yang lebih baik, antara lain, melalui pemberian kadar yang lebih baik kepada pendeposit yang stabil berdasarkan rekod lalu.

Bank-bank juga giat memantau kestabilan dan kepelbagaiannya sumber pendanaan yang sedia ada untuk menjangkakan dan menguruskan volatiliti serta masa aliran keluar dengan lebih baik melalui penggunaan pelbagai metrik dan had risiko dalaman. Bahagian pendanaan FCY jangka sederhana hingga jangka panjang yang stabil, dan pendanaan yang kurang stabil dalam pasaran antara bank melalui swap mata wang dan peminjaman jangka pendek, dipantau pada pelbagai peringkat di bank. Had risiko ditetapkan dan dikuatkuasakan melalui pelaporan kepada dan pengawasan oleh fungsi kawalan pengurusan risiko bank untuk mengelakkan pergantungan yang keterlaluan pada pendanaan jangka pendek yang tidak menentu.


Bank-bank juga memantau dengan rapi aliran keluar kumulatif maksimum (*maximum cumulative outflows*, MCO) dalam pelbagai tempoh masa. Pemantauan ini adalah untuk mengekalkan had tempoh kemandirian (*survivability*) minimum antara 21 hingga 30 hari untuk memastikan bank dapat terus menghadapi aliran keluar berterusan dalam jangka masa yang ditetapkan. Di samping itu, LCR dipantau merentas pelbagai mata wang bagi melengkapi penunjuk mudah tunai yang lain. Bagi kebanyakan bank, kedudukan mudah tunai FCY keseluruhan, termasuk kedudukan operasi luar negeri, dikemukakan kepada Jawatankuasa Aset dan Liabiliti (*Asset and Liability Committee*, ALCO) untuk perbincangan sekurang-kurangnya pada setiap bulan, manakala had yang berkaitan dibincangkan dan diluluskan oleh lembaga pengarah.

Selain had risiko, bank menjalankan ujian tekanan secara berkala untuk membuat jangkaan aliran keluar masa depan yang timbul daripada kejutan khusus buat bank dan kejutan di seluruh pasaran. Kejutan ini termasuk (i) mengenakan anggaran pengeluaran (*run-off*) yang lebih konservatif bagi pendeposit besar; dan (ii) membuat simulasi sekiranya bank bukan permastautin tidak melanjutkan pendanaan borong. Hasil ujian tekanan kemudiannya digunakan sebagai input kepada pelan pendanaan kontingenzi dan tindakan pengurusan awalan. Hal ini mungkin merangkumi tindakan untuk memperkuuh penamparan mudah tunai FCY seperti yang dilihat pada separuh pertama tahun 2018.

Gambar Rajah 1.2: Hutang Luar Negeri Bank-Bank – Penggunaan dan Profil Risiko

**Risiko daripada dedahan hutang luar negeri bank adalah rendah disebabkan ciri 'satu persatu' ('back-to-back')**

Hutang luar negeri digunakan terutamanya untuk:




Secara amnya, dedahan adalah sepadan dari segi:




Rajah 1.25: Hutang Luar Negeri Bank-Bank – Mengikut Jenis Dedahan dan Instrumen

**47% daripada hutang luar negeri adalah berbentuk dedahan kepada entiti berkaitan dalam kumpulan yang kurang terdedah kepada kejutan pengeluaran secara tiba-tiba**



Rajah 1.27: Sistem Perbankan – Hutang Luar Negeri Berisiko dan Aset Mudah Tunai FCY

**Bank-bank mengekalkan sejumlah besar aset mudah tunai FCY lebih dua kali daripada hutang luar negeri berisiko FCY**




Nota: 1. Hutang luar negeri bank dalam konteks ini merujuk kepada hutang luar negeri DBG, LIFB dan bank di LIBFC  
2. Sistem perbankan atau bank dalam pesisir merujuk hanya kepada DBG dan LIFB

Sumber: Bank Negara Malaysia


Rajah 1.24: Hutang Luar Negeri Bank-Bank – Mengikut Jenis Bank

**41% daripada hutang luar negeri bank disebabkan oleh bank asing yang beroperasi di LIBFC**




Rajah 1.26: Hutang Luar Negeri Bank-Bank – Mengikut Instrumen

**Pendanaan luar negeri kekal kecil relatif kepada jumlah pendanaan sistem perbankan**



Rajah 1.28: Sistem Perbankan – Kedudukan Terbuka Bersih FX dan USD Sebagai Peratusan daripada Modal

**Kedudukan terbuka bersih FX dan USD kekal rendah**



membina penampang mudah tunai FCY tambahan sebagai langkah persiapan untuk menghadapi obligasi yang akan matang dan keadaan mudah tunai global yang lebih ketat (Rajah 1.25). Hal ini telah menyumbang kepada pertumbuhan dalam hutang luar negeri jangka pendek sistem perbankan pada separuh pertama tahun 2018, yang sejak itu telah mengalami trend yang menurun apabila peminjaman telah dibayar sepenuhnya pada tempoh matang berikutan keadaan pasaran yang bertambah baik. Secara keseluruhan, pendanaan luar negeri meliputi kurang 10% daripada jumlah liabiliti pendanaan sistem perbankan, dengan bukan pemastautin mencakupi hanya 6% daripada jumlah deposit sistem perbankan (Rajah 1.26).<sup>23</sup>

Hanya kira-kira satu perempat daripada hutang luar negeri FCY bank yang terdiri daripada ‘hutang berisiko’.<sup>24</sup> Hutang ini mencakupi pendanaan kurang stabil<sup>25</sup> yang diperoleh daripada rakan niaga bukan pemastautin tidak berkaitan yang menyumbang tidak melebihi 3% daripada jumlah dana sistem perbankan. Pemegangan aset mudah tunai<sup>26</sup> FCY bank melebihi dua kali tahap hutang luar negeri berisiko, lantas meningkatkan lagi kapasiti mereka untuk mengurangkan kesan potensi kejutan pendanaan FCY (Rajah 1.27). Kedudukan terbuka bersih mata wang asing bank juga kekal rendah (Rajah 1.28).

## RISIKO PENULARAN

### Risiko Penularan daripada Institusi Kewangan Bukan Bank Masih Terkawal

Profil risiko institusi kewangan bukan bank<sup>27</sup> (IKBB) dan sifat kesalinghubungan institusi ini dengan sistem kewangan domestik secara keseluruhannya kekal tidak berubah (Rajah 1.29). Pada tahun 2018, sebuah IKBB telah diserap bawah pengawalseliaan Bank, berikutan penggabungannya dengan sebuah bank berlesen. Ini telah mengurangkan sedikit bahagian pembiayaan

dan deposit isi rumah yang disumbangkan oleh aktiviti IKBB. Secara agregat, bahagian IKBB daripada jumlah aset sistem kewangan secara amnya kekal stabil, dengan dana persaraan dan industri pengurusan dana terus membentuk sebahagian besar jumlah aset IKBB (Rajah 1.30).

Pemegangan aset kewangan dan ekuiti dalam bank domestik yang ketara oleh IKBB terus menjadi saluran utama untuk pemindahan risiko kepada sistem kewangan. Kira-kira 40% dan 45% aset kewangan yang dipegang oleh beberapa IKBB yang besar, masing-masing adalah dalam bentuk bon dan ekuiti. Pelaburan IKBB dalam pasaran bon sebahagian besarnya adalah dalam sekuriti hutang kerajaan jangka panjang dan bon korporat berpenarafan tinggi.

Secara agregat, risiko daripada pelupusan aset kewangan yang cepat dan berskala besar oleh IKBB kekal rendah, disebabkan oleh tempoh pelaburan kebanyakan IKBB yang berjangka sederhana dan panjang serta pemegangan saham secara strategik dalam bank domestik. Beberapa IKBB besar juga telah mempelbagaikan portfolio pelaburan mereka secara berperingkat ke dalam pasaran dan mata wang asing. Hal ini telah menyokong keseluruhan keberuntungan IKBB sebagai satu kelompok. Dalam tempoh aliran keluar portfolio, IKBB kekal memainkan peranan penting untuk menyediakan mudah tunai dalam pasaran kewangan domestik melalui pembelian aset kewangan yang dijual oleh para pelabur portfolio bukan pemastautin.

**IKBB memegang aset mudah tunai yang mencukupi untuk mengurus risiko mudah tunai**

Risiko kepada kestabilan kewangan daripada aktiviti transformasi tempoh matang IKBB kekal terkawal. IKBB yang lebih bergantung pada pendanaan pasaran telah menunjukkan kecenderungan terhadap pendanaan jangka lebih panjang sejak beberapa tahun yang lalu, dengan purata baki tempoh matang untuk bon yang diterbitkan oleh IKBB sebanyak 6.7 tahun pada akhir tahun 2018. Oleh itu, risiko pendanaan dan pelanjutan kekal terkawal. Walau bagaimanapun, beberapa IKBB terus terdedah pada risiko pengeluaran yang lebih tinggi berikutan pemegangan liabiliti yang menyerupai deposit permintaan dalam jumlah yang agak besar. Entiti-entiti ini terus memegang aset mudah tunai yang mencukupi dalam bentuk wang tunai, penempatan deposit dan sekuriti kerajaan untuk menghadapi kejutan mudah tunai, termasuk pengeluaran berjumlah besar yang berterusan.

<sup>23</sup> Untuk maklumat lanjut mengenai hutang luar negeri bank-bank Malaysia, sila rujuk Rencana ‘Daya Tahan Malaysia dalam Menguruskan Obligasi Hutang Luar Negeri dan Kecukupan Rizab Antarabangsa’ dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2018.

<sup>24</sup> Merujuk bahagian hutang luar negeri bank yang lebih mudah terjejas kepada kejutan pengeluaran secara mendadak.


<sup>25</sup> Merujuk deposit, peminjaman antara bank dan pinjaman jangka pendek institusi kewangan.

<sup>26</sup> Terdiri daripada tunai dan setara tunai (*cash equivalent*), sekuriti hutang yang dipegang dan tiada halangan untuk menggunakan dan penempatan antara bank.

<sup>27</sup> Merujuk IKBB yang tidak dikawal selia oleh Bank. Aktiviti IKBB meliputi pemberian kredit, pensekuritian, penciptaan kemudahan kredit dan pengurusan dana persaraan dan dana awam.

Rajah 1.29: Institusi Kewangan Bukan Bank – Kesalinghubungan dengan Sistem Kewangan

**Tiada perubahan ketara pada saluran dan magnitud kesalinghubungan IKBB dengan sistem kewangan**




a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan penyata kewangan yang diterbitkan

Rajah 1.30: Sistem Kewangan – Komposisi Aset

**IKBB mencakupi kira-kira 40% daripada jumlah aset sistem kewangan**



a Awalan

\*Merujuk kepada Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) yang tidak dikawal selia oleh Bank di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (AIKP 2002)

\* Merujuk kepada pemegang pajak gadai, pemberi pinjam wang, penyedia kredit dan pembentangan sewa beli bukan bank, penyedia pembentangan pendidikan bukan bank, penyedia kredit perumahan bukan bank, syarikat pemegang amanah milik Kerajaan, dan pertubuhan keselamatan sosial

\*\*Merujuk sekuriti bersandarkan aset terkumpul dan saiz aset perbadanan gadai janji nasional

Sumber: Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan penyata kewangan yang diterbitkan

Langkah berterusan untuk menggalakkan ketelusan yang lebih tinggi dan menguahkan tadbir urus dan integriti IKBB akan mengurangkan lagi risiko kestabilan kewangan. Bank juga terus meningkatkan pengawasan terhadap risiko yang ditimbulkan oleh IKBB, disokong oleh data yang lebih baik yang diperoleh daripada IKBB serta perbincangan yang lebih kerap dengan IKBB yang lebih besar dan pengawal selia lain berhubung risiko baharu muncul.


## DAYA TAHAN DAN PRESTASI SEKTOR PERBANKAN

### Bank–Bank Terus Mengekalkan Tahap Permodalan yang Kukuh dalam Keadaan Keuntungan yang Berterusan dan Persekutaran Kualiti Aset yang Lebih Baik

Kedudukan modal bank kekal kukuh pada tahun 2018. “Impak Hari Pertama” (*Day One Impact*) daripada peruntukan dalam piawaian jejas nilai baharu Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (*Malaysian Financial Reporting Standards*, MFRS 9) yang lebih tinggi menghasilkan nisbah modal yang lebih rendah berbanding dengan paras pada tahun 2016 dan 2017. Walaupun begitu, bank terus mengekalkan lebihan penampang modal yang besar melebihi tahap keperluan minimum pengawalseliaan (Rajah 1.31). Sebahagian besar modal bank (kira-kira tiga perempat) dipegang dalam bentuk instrumen berkualiti tertinggi yang berupaya menampung kerugian, yang terdiri daripada modal berbayar, perolehan tertahan dan rizab.

Sistem perbankan terus mencatatkan keuntungan yang kukuh pada tahun 2018, disokong sebahagian besarnya oleh aktiviti pembiayaan dan peningkatan kecekapan yang berterusan (Rajah 1.32). Keuntungan sebelum cukai meningkat pada kadar yang lebih perlahan, menyumbang kepada penyusutan yang sedikit dalam pulangan tahunan atas aset dan ekuiti. Pertumbuhan keuntungan yang lebih perlahan ini disebabkan terutamanya oleh peruntukan yang lebih tinggi yang disediakan oleh bank berikutan pelaksanaan MFRS 9 dan pertambahan perbelanjaan faedah untuk deposit, selaras dengan kenaikan OPR pada bulan Januari. Walau bagaimanapun, kesan daripada peruntukan ini ditampung oleh rizab pengawalseliaan<sup>28</sup> yang perlu dikekalkan oleh bank sejak tahun 2010. Margin pembiayaan (setelah ditolak peruntukan jejas nilai dan kos operasi) meningkat sedikit, dengan sebahagian besar bank mencatatkan kos operasi yang lebih rendah. Pendapatan perdagangan dan pelaburan tahun tersebut juga lebih tinggi, disokong oleh keadaan pasaran kewangan yang menggalakkan pada awal tahun.

**Rajah 1.31: Sistem Perbankan – Nisbah Modal**




Nota: Lebihan jumlah modal merujuk kepada jumlah modal yang melebihi keperluan minimum pengawalseliaan termasuk keperluan penampaian pengekal modal tahun 2018 dan keperluan modal tambahan khusus buat bank

Sumber: Bank Negara Malaysia

<sup>28</sup> Sebagai sebahagian daripada peraturan Bank, bank kini perlu mengekalkan, secara agregat, peruntukan untuk dedahan kredit yang berbayar dan tertunggak serta rizab pengawalseliaan yang tidak kurang daripada 1% daripada semua dedahan kredit, setelah ditolak peruntukan untuk kredit yang tidak berbayar.

**Rajah 1.32: Sistem Perbankan – Keberuntungan**

### Keberuntungan perbankan kekal kukuh




Nota: Margin faedah bersih merupakan margin faedah/pembiayaan kasar bank ditolak peruntukan pinjaman terjejas dan kos operasi

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kualiti aset bank kekal kukuh dan pada peringkat agregat terus bertambah baik, dengan pinjaman terjejas kasar dan bersih menurun berbanding dengan tahun lalu dari segi nilai mutlak dan sebagai bahagian daripada jumlah pinjaman (Rajah 1.33). Walau bagaimanapun, penelitian yang lebih rapi terhadap pinjaman isi rumah menunjukkan bahawa beberapa segmen tertentu memperkenan insiden pinjaman terjejas yang lebih tinggi. Khususnya, pinjaman terjejas bagi pembelian harta tanah bernilai lebih tinggi dan pinjaman peribadi baru-baru ini menunjukkan trend yang semakin meningkat. Pelaksanaan piawaiyan pembiayaan bertanggungjawab membantu memastikan pinjaman baharu yang diberi mulai tahun 2012 mempunyai kualiti yang kukuh seperti yang didebak oleh vintaj pemberian pinjaman yang lebih baik pada tahun-tahun kebelakangan ini. Bank-bank juga terus mengurus risiko kredit secara proaktif. Beberapa bank telah mempertingkat pemantauan dan penyusunan semula lebih awal akaun yang memperkenan tanda kesukaran membayar balik hutang yang bersifat sementara. Bank-bank juga meningkatkan ketelitian ujian tekanan bagi dedahan kepada sektor yang lemah dan melakukan simulasi kesan peristiwa besar global atau pasaran pada kualiti aset, modal dan penampaian mudah tunai bank. Di samping itu, nisbah perlindungan kerugian pinjaman bank juga terus diperkuuh melalui pelaksanaan MFRS 9 yang memerlukan bank berpandangan lebih jauh semasa menyediakan peruntukan.

Rajah 1.33: Sistem Perbankan – Kualiti Aset dan Perlindungan Kerugian Pinjaman



### Operasi Luar Negeri Mengekalkan Kedudukan Kewangan yang Mantap


Operasi luar negeri<sup>29</sup> DBG terus berkembang dalam keadaan pertumbuhan ekonomi serantau yang mampan. Keberuntungan daripada operasi luar negeri meningkat, disokong oleh penambahbaikan yang berterusan dalam kualiti aset, kecekapan operasi yang meningkat dan sumbangan pendapatan yang lebih tinggi daripada aktiviti bukan pembiayaan seperti pengurusan harta kekayaan dan bankasurans. Subsidiari utama luar negeri bank juga terus mengekalkan kedudukan modal yang kukuh. Kualiti aset operasi luar negeri secara keseluruhan bertambah baik merentas semua pasaran, sejajar dengan pengawasan kumpulan yang lebih kukuh oleh bank induk di Malaysia (Rajah 1.34).

Operasi luar negeri DBG kekal dibiayai sebahagian besarnya dalam bentuk deposit mata wang tempatan (66%<sup>30</sup> daripada jumlah pendanaan), sekaligus mengurangkan risiko yang berkaitan dengan pendanaan merentas sempadan dan ketidakpadanan mata wang. Pergantungan yang rendah pada pasaran borong atau pendanaan bank induk juga terus melindungi DBG daripada volatiliti pasaran dan kejutan mudah tunai yang mampu menjelaskan

<sup>29</sup> Merujuk pejabat DBG luar negeri (cawangan dan subsidiari) yang beroperasi di luar Malaysia dan Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan.

<sup>30</sup> Mencerminkan median bahagian deposit pelanggan meliputi seluruh operasi luar negeri.

Rajah 1.34: Kumpulan Perbankan Domestik – Penunjuk Kekuahan Kewangan Utama Operasi Luar Negeri



Nota: Merujuk kepada median jutul penunjuk kekuahan kewangan utama operasi luar negeri terpilih

Sumber: Bank Negara Malaysia

operasi luar negeri. Nisbah LCR subsidiari luar negeri utama terus jauh melebihi 100%.

Perkembangan operasi luar negeri DBG kekal dipantau oleh Bank sebagai sebahagian daripada rangka kerja penyeliaan bersepadunya. Pihak Bank juga kerap berbincang dengan pengawal selia negara tuan rumah melalui forum penyeliaan dan mesyuarat dua hala yang terus diadakan sepanjang tahun. Perbincangan seperti ini terus penting dalam perkongsian maklumat dan pengenalpastian risiko baru muncul, yang tepat pada masanya, di samping penyelarasan langkah tindak balas penyeliaan apabila perlu.

### DAYA TAHAN DAN PRESTASI SEKTOR INSURANS DAN TAKAFUL

#### Sektor Insurans dan Takaful Kekal Berdaya Tahan dengan Tahap Permodalan yang Kukuh Meskipun Tahap Keberuntungan Lebih Rendah


Sektor insurans dan takaful kekal berdaya tahan pada tahun 2018. Nisbah kecukupan modal (*capital adequacy ratio*, CAR) agregat berada pada paras 245%, jauh melebihi keperluan

pengawalseliaan minimum (Rajah 1.35). Risiko insurans dan takaful<sup>31</sup> yang mencakupi separuh daripada jumlah modal yang diperlukan, sebahagian besarnya kekal stabil selaras dengan campuran perniagaan keseluruhan yang pada amnya tidak berubah. Dedahan risiko pasaran berkang ekoran penilaian ekuiti yang lebih rendah dalam keadaan prestasi pasaran ekuiti domestik yang lebih lemah. Penanggung insurans dan pengendali takaful juga telah menjual ekuiti sebagai sebahagian daripada strategi pengurusan risiko dan ini telah memberi kesan kepada paras keberuntungan. Dedahan risiko kredit secara relatif kekal stabil, dengan lebih 90% bon korporat yang dipegang mempunyai penarafan sekurang-kurangnya AA- atau dijamin oleh Kerajaan. Risiko rakan niaga daripada pengaturan insurans semula, termasuk dedahan insurans semula luar, kekal terhad berikutan penarafan kredit penanggung insurans semula yang mampan.

Sektor insurans dan takaful mencatatkan keberuntungan yang lebih rendah pada tahun 2018. Hal ini sebahagian besarnya disebabkan oleh perniagaan insurans hayat dan keluarga (Rajah 1.36) yang mengalami kerugian pelaburan tidak direalisasi daripada pemegangan bon dan ekuiti. Kadar hasil pelaburan<sup>32</sup> juga jauh lebih rendah pada kadar 2% (2017: 8.3%). Meskipun hasil pelaburan

Rajah 1.35: Sektor Insurans dan Takaful – Nisbah Kecukupan Modal

#### Nisbah kecukupan modal agregat kekal jauh melebihi tahap pengawalseliaan minimum iaitu pada 130%




<sup>31</sup> Merujuk kepada risiko membuat anggaran yang kurang daripada sepertutnya terhadap liabiliti insurans dan takaful, pengalaman tuntutan yang buruk, perbelanjaan serta polisi yang luput.

<sup>32</sup> Jumlah dividen, kupon yang diterima, keuntungan direalisasi dan keuntungan belum direalisasi sebagai peratusan daripada jumlah pelaburan.

Rajah 1.36: Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Komposisi Pendapatan dan Perbelanjaan

#### Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan yang lebih rendah didorong oleh kerugian keuntungan tidak direalisasi




lebih rendah, keberuntungan terus disokong oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam jumlah premium bersih, khususnya daripada polisi yang sedia ada, dan perbelanjaan keseluruhan yang lebih rendah, di samping peningkatan yang lebih perlahan dalam manfaat polisi bersih yang dibayar.

Perniagaan baharu penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga meningkat pada kadar yang lebih perlahan berikutan jualan polisi berkaitan pelaburan baharu yang terjejas. Hal ini disebabkan oleh penurunan kesanggupan pengguna untuk mengambil dalam keadaan prestasi pasaran kewangan yang lebih lemah (Rajah 1.37). Sebaliknya, perniagaan baharu bagi polisi tradisional mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi,

Rajah 1.37: Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Pertumbuhan Premium Perniagaan Baharu dan Komposisi Produk

#### Perniagaan baharu kekal berkembang walaupun pada kadar yang lebih perlahan




didorong terutamanya oleh perniagaan berkaitan gadai janji ekoran permintaan yang berterusan terhadap gadai janji harta kediaman.

## Penanggung insurans dan pengendali takaful mencatatkan tahap keberuntungan yang lebih rendah dalam keadaan prestasi pasaran kewangan yang lebih lemah

Keuntungan operasi penanggung insurans dan pengendali takaful am meningkat, disokong oleh keuntungan pengunderaitan yang lebih tinggi (Rajah 1.38). Hal ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pertumbuhan premium motor yang lebih tinggi sejajar dengan jualan kenderaan bermotor yang meningkat semasa tempoh pelepasan cukai. Sumbangan segmen motor kepada tahap keberuntungan keseluruhan juga meningkat berikutan usaha menyelaraskan premium dengan risiko daripada polisi motor ‘Komprehensif’ dan ‘Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian’<sup>33</sup> dengan lebih baik. Tahap keberuntungan disokong selanjutnya oleh pelepasan rizab dalam segmen kebakaran disebabkan oleh pengalaman tuntutan yang lebih baik.

Rajah 1.38: Sektor Insurans dan Takaful Am – Komposisi Keuntungan Operasi


### Keuntungan operasi yang lebih tinggi disokong oleh keuntungan pengunderaitan yang bertambah baik



<sup>33</sup> Liberalisasi tarif motor bagi kedua-dua segmen motor ini bermula pada 1 Julai 2017 sebagai sebahagian daripada Fasa II pembaharuan penentuan harga keseluruhan.

Rajah 1.39: Sektor Insurans dan Takaful Am – Pertumbuhan Premium Langsung Kasar dan Komposisi Produk

### Premium langsung kasar berkembang pada kadar yang lebih tinggi



Premium langsung kasar meningkat pada kadar yang lebih kukuh (Rajah 1.39). Selain perniagaan motor, segmen kebakaran serta perubatan dan kesihatan juga mencatatkan pertumbuhan premium yang lebih tinggi, sejajar dengan kos perubatan yang terus meningkat dan permintaan yang berterusan terhadap polisi perubatan berkelompok. Segmen marin, penerbangan dan transit terus menguncup disebabkan oleh permintaan terhadap insurans berkaitan minyak luar pesisir yang lemah. Walau bagaimanapun, penguncupan ini yang mungkin disebabkan oleh pemulihan sektor O&G yang perlahan, memberi kesan yang terhad ke atas sektor am, memandangkan bahagiannya yang kecil (6%) daripada jumlah premium langsung kasar.

## UJIAN TEKANAN KESOLVENAN BERBILANG TAHUN UNTUK BANK-BANK DAN PENANGGUNG INSURANS

Ujian tekanan kesolvenan berbilang tahun terkini yang dijalankan oleh Bank terus mengesahkan daya tahan bank-bank dan penanggung insurans di bawah simulasi senario tekanan makroekonomi dan kewangan yang teruk (rujuk ‘Senario Ujian Tekanan Kesolvenan, Andaian Utama dan Parameter Kejutan’). Bank-bank berada dalam kedudukan yang baik untuk menyerap potensi kerugian menggunakan penampungan modal dan pendapatan sedia ada, dengan nisbah modal sistem perbankan selepas ujian tekanan kekal jauh melebihi paras pengawalseliaan minimum (Rajah 1.40).

Sebahagian besar (bahagian melebihi 90%) kerugian<sup>34</sup> sistem perbankan didorong oleh risiko kredit bawah kedua-dua senario yang buruk. Dalam keadaan makroekonomi yang teruk yang diandaikan dalam senario yang buruk, pinjaman terjejas dijangka meningkat dengan ketara sepanjang tempoh ujian tekanan. Nisbah jejas nilai kasar meningkat kepada 8.6% (Rajah 1.41), setara dengan pengalaman paling buruk yang dialami oleh industri pada dekad ini. Di bawah Senario Buruk 2, 56% daripada jumlah kerugian adalah disebabkan oleh dedahan kredit bank kepada perniagaan (Rajah 1.42). Keadaan ini didorong terutamanya oleh peminjam NFC terpilih yang besar yang mempunyai kedudukan kewangan yang lemah sebelum kejutan atau peminjam dalam sektor yang telah dikenal pasti mempunyai prospek risiko kredit yang lebih lemah. Baki kerugian daripada sektor perniagaan sebahagian besarnya disebabkan oleh dedahan yang lebih kecil dalam sektor pembinaan dan berkaitan harta tanah. Dedahan isi rumah menyumbang 35% daripada jumlah kerugian, terutamanya daripada pinjaman kenderaan bermotor yang mencakupi 48% daripada jumlah kerugian daripada pemberian pinjaman isi rumah. Lebih satu pertiga daripada kerugian ini dikaitkan dengan peminjam yang berpendapatan kurang daripada RM5,000 sebulan. Kerugian kredit daripada pinjaman perumahan mencakupi kira-kira satu perempat daripada jumlah kerugian isi rumah. Kesan yang kecil dapat dilihat daripada kejutan risiko pasaran dan pendanaan luar. Kesan risiko penularan yang timbul daripada dedahan antara bank, iaitu satu penambahbaikan yang diperkenalkan dalam ujian tahun ini, juga dinilai sebagai terhad pada 6.3% daripada jumlah kerugian (untuk maklumat lanjut, rujuk ‘Menilai Risiko Penularan dalam Sistem Perbankan Domestik’). Kerugian daripada risiko penularan dianggarkan lebih rendah sekiranya dedahan rakan niaga dalam kumpulan dikecualikan.

Pada peringkat institusi, tujuh buah bank berada di bawah keperluan modal pengawalseliaan minimum. Bank-bank ini terjejas akibat penampang pendapatan

yang secara relatif lebih kecil, dan lebih banyak dedahan yang tertumpu kepada peminjam besar terpilih. Walau bagaimanapun, bank ini secara kolektif hanya mencakupi 9.7% daripada jumlah aset sistem perbankan.

### Institusi kewangan kekal berdaya tahan dalam senario tekanan teruk yang disimulasikan

Sektor insurans juga dijangka kekal berdaya tahan di bawah keadaan tertekan dengan CAR agregat bagi sektor insurans hayat dan am kekal melebihi paras pengawalseliaan minimum sepanjang tempoh ujian tekanan (Rajah 1.43).

Berbanding dengan ujian yang dijalankan pada separuh tahun pertama 2018, kejutan risiko kredit telah disemak semula untuk mencerminkan kemungkinan kebarangkalian mungkir yang berbeza mengikut sektor ekonomi dan kerugian daripada pemegangan bon yang diterbitkan oleh korporat besar yang lemah dari segi kewangan, selaras dengan parameter yang digunakan untuk ujian tekanan bank. Di samping itu, kerugian yang timbul akibat dedahan terhadap bank yang gagal ujian tekanan bawah senario yang buruk juga diambil kira. Dengan penambahaikan ini, kesan daripada risiko kredit mencakupi komponen terbesar bagi jumlah kerugian penanggung insurans hayat dan am dalam senario tekanan ekonomi yang diandaikan, dengan masing-masing mencakupi sehingga 58% dan 82% daripada jumlah kerugian. Bagi penanggung insurans hayat, kerugian penilaian yang disebabkan oleh keadaan pasaran kewangan yang buruk akan memberikan kesan yang ketara kepada tahap modal (sehingga 42% daripada jumlah kerugian). Bagi penanggung insurans am, penyumbang kedua terbesar kepada jumlah kerugian adalah disebabkan oleh kejutan yang berkaitan dengan tuntutan yang lebih tinggi (Gambar Rajah 1.4).

<sup>34</sup> Ujian ini menggunakan pendekatan konservatif untuk dedahan ini, dan tidak mengambil kira faktor pengurangan risiko seperti jaminan yang mampu mengurangkan potensi kerugian yang dihadapi oleh bank.

## Scenario Ujian Tekanan Kesolvenan, Andaian Utama dan Parameter Kejutan

Ujian tekanan menggunakan satu siri peristiwa risiko hujung (*tail-risk event*) di bawah tiga senario (satu senario dasar dan dua senario buruk), yang mengandaikan hala tuju pertumbuhan KDNK yang berbeza untuk Malaysia dalam tempoh empat tahun (2019-2022). Ujian ini tidak mengambil kira (i) mana-mana campur tangan dasar yang dirangka oleh pihak berkuasa dan (ii) tindakan pengurusan oleh institusi supaya Bank dapat menilai keupayaan segera bank dan penanggung insurans bagi menghadapi kejutan yang teruk tanpa campur tangan atau bantuan tambahan.

Jadual 1.2

### Ujian Tekanan Kesolvenan: Andaian dan Parameter Kejutan Utama yang Digunakan bawah Senario Buruk yang Diandaikan

Andaian utama	SB1 – kemelesetan berbentuk 'V'	SB2 – kemelesetan berpanjangan berbentuk 'L'
<b>Unjuran kunci kira-kira dan pendapatan</b>		
<ul style="list-style-type: none"> <li>o Penurunan pertumbuhan pinjaman (kadar pertumbuhan tahunan terkompaun)</li> <li>o Penurunan tahunan pertumbuhan pendapatan bank, dibezakan mengikut segmen (pendapatan faedah, pendapatan berasaskan fi dan pendapatan lain)</li> <li>o Penurunan tahunan pendapatan premium penanggung insurans</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>o 3%</li> <li>o Sehingga 21%</li> <li>o Sehingga 30%</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>o 6%</li> <li>o Sehingga 17%</li> <li>o Sehingga 28%</li> </ul>
<b>Kejutan risiko kredit</b>		
<ul style="list-style-type: none"> <li>o Kejutan kebarangkalian mungkir (<i>Probability of default</i>, PD)           <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pinjaman perniagaan</li> <li>• Pinjaman isi rumah</li> </ul> </li> <li>o Kejutan kerugian akibat mungkir (<i>Loss given default</i>, LGD)           <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pinjaman perniagaan</li> <li>• Pinjaman isi rumah</li> </ul> </li> <li>o Kemungkinan peminjam NFC dengan pinjaman yang besar daripada sistem kewangan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 5% hingga 10%</li> <li>• 1% hingga 11%</li> <li>• 44% hingga 56%</li> <li>• 18% hingga 76%</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 5% hingga 12%</li> <li>• 2% hingga 13%</li> <li>• 44% hingga 61%</li> <li>• 19% hingga 76%</li> </ul>
<b>Kejutan risiko pasaran</b>		
<ul style="list-style-type: none"> <li>o Peningkatan tahunan kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS)</li> <li>o Peningkatan tahunan kadar hasil bon korporat</li> <li>o Penurunan tahunan FBM KLCI</li> <li>o Penyusutan tahunan nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>o Sehingga 56 mata asas</li> <li>o Sehingga 72 mata asas</li> <li>o Sehingga 34%</li> <li>o 13% hingga 30%</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>o Sehingga 62 mata asas</li> <li>o Sehingga 71 mata asas</li> <li>o Sehingga 23%</li> <li>o 6% hingga 15%</li> </ul>
<b>Kejutan risiko pendanaan luar</b>		
<ul style="list-style-type: none"> <li>o Kebalikan (<i>reversal</i>) tuntutan oleh bukan pemastautin</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>o Sehingga 30% daripada peminjaman dan deposit antara bank</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>o Sehingga 15% daripada peminjaman dan deposit antara bank</li> </ul>
<b>Kejutan risiko pendanaan luar</b>		
<ul style="list-style-type: none"> <li>o Peningkatan dalam nisbah tuntutan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>o Sehingga 30%</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>o Sehingga 16%</li> </ul>
<b>Kejutan risiko penularan</b>		
<ul style="list-style-type: none"> <li>o Antara bank</li> <li>o Bank kepada penanggung insurans</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>o Kemerosotan kesolvenan bank rakan niaga</li> <li>o Kemerosotan nilai bon yang diterbitkan oleh bank-bank yang gagal ujian tekanan bawah senario buruk</li> </ul>	

Sumber: Bank Negara Malaysia


Senario buruk pertama (SB1) melibatkan landasan pertumbuhan berbentuk 'V' dengan magnitud kemelesetan bersamaan dengan 2.5 sisihan piawaian bagi kadar pertumbuhan KDNK jangka panjang daripada senario dasar. Senario ini mengandaikan ketegangan perdagangan yang meningkat sehingga mencetuskan perang perdagangan pelbagai hala, kelembapan ekonomi yang ketara di AS dan RR China berikutan keadaan kredit yang lebih ketat dan volatiliti pasaran kewangan yang meningkat disebabkan oleh Brexit yang tidak teratur dan ketidakpastian dalam dasar Kesatuan Eropah. Pertumbuhan serantau diandaikan semakin lemah dalam keadaan permintaan luaran yang lembap. Berlatarkan persekitaran ini, Malaysia diandaikan mengalami kemelesetan yang ketara pada tahun 2019, diikuti oleh pemulihan yang kukuh dalam pertumbuhan ekonomi sebelum kembali ke trajektori pertumbuhan dasar. Senario buruk kedua (SB2) membuat simulasi laluan pertumbuhan ekonomi berbentuk 'L' dengan penurunan secara kumulatif pada akhir tempoh ujian tekanan diselaraskan sebanyak enam sisihan piawaian daripada senario dasar. Senario ini mengandaikan bahawa

kelembapan berlaku secara serentak di AS dan RR China, digabungkan dengan ketegangan perdagangan yang berlarutan dan aliran keluar modal yang berterusan dalam keadaan tekanan kewangan dalam EMEs telah mencetuskan penurunan pertumbuhan yang sederhana pada peringkat awal, diikuti oleh pemulihan yang perlahan dan lemah.

## Menilai Risiko Penularan dalam Sistem Perbankan Domestik

Apabila kesalinghubungan operasi bank menjadi semakin kukuh, sebarang kesukaran atau kemungkirian yang dihadapi oleh sesebuah bank boleh menyebabkan kesan limpahan yang lebih luas dan meningkatkan kemungkinan bank lain untuk menghadapi kesukaran. Untuk menilai potensi kesan penularan seperti itu dalam sistem perbankan domestik, satu modul simulasi rangkaian telah dimasukkan ke dalam ujian tekanan kesolvenan makro Bank. Modul ini dibangunkan berdasarkan algoritma DebtRank yang pertama kali diperkenalkan dalam satu kajian terhadap sekumpulan institusi kewangan global yang menerima bantuan mudah tunai kecemasan daripada Federal Reserve AS antara tahun 2008 hingga 2010 dan disesuaikan dengan dedahan pinjaman domestik antara bank bagi bank di Malaysia.

Gambar Rajah 1.3: Ilustrasi Risiko Penularan dalam Pasaran Antara Bank Domestik



## Rujukan


- Battiston, S., Puliga, M., Kaushik, R. Tasca, P. and Caldarelli, G. (2012): 'DebtRank: Too Central to Fail?' Financial Networks, the FED and Systemic Risk. *Scientific Reports*, 2(1).
- Bardoscia, M., Barucca, P., Codd, A. and Hill, J. (2017): 'The Decline of Solvency Contagion Risk', Staff Working Paper No. 662. Available at: <https://www.bankofengland.co.uk/-/media/boe/files/working-paper/2017/the-decline-of-solvency-contagion-risk>.

## Simulasi Peristiwa Wabak Penyakit dan Banjir Teruk terhadap Industri Insurans dan Takaful

Bagi penanggung insurans dan pengendali takaful, ujian tekanan makro yang dijalankan turut ditambah dengan ujian tekanan seluruh industri untuk menilai daya tahan industri insurans dan takaful untuk tempoh satu tahun terhadap peristiwa risiko insurans yang teruk tetapi munasabah, iaitu wabak penyakit dan banjir yang teruk. Pada tahun ini, senario wabak penyakit telah diperhalusi untuk mencerminkan peristiwa wabak penyakit jenis influenza yang lebih teruk dengan kesan limpahan kepada pasaran kewangan. Kesan senario banjir pula dibuat untuk mengambil kira lokasi geografi yang mempunyai dedahan kewangan yang ketara terhadap risiko banjir. Keputusan ujian tekanan seluruh industri ini juga mengesahkan daya tahan keseluruhan industri terhadap senario yang diberikan. Selepas ujian tekanan, nisbah kecukupan modal agregat bagi sektor hayat dan keluarga serta sektor am kekal melebihi tahap pengawalseliaan minimum sebanyak 130%.


Rajah 1.40: Sistem Perbankan – Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 Selepas Kejutan

Nisbah modal selepas kejutan adalah jauh melebihi paras pengawalseliaan minimum



Rajah 1.41: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar


Kualiti aset dijangka merosot sepanjang tempoh ujian tekanan



Rajah 1.42: Sistem Perbankan – Punca Kerugian dalam Senario Buruk 2


Kerugian risiko kredit terdiri daripada kira-kira 90% daripada jumlah kerugian

(% daripada jumlah kerugian)




Rajah 1.43: Sektor Insurans – Nisbah Kecukupan Modal Selepas Kejutan

Nisbah kecukupan modal selepas ujian tekanan kekal melebihi paras minimum pengawalseliaan



Gambar Rajah 1.4: Sektor Insurans – Punca Utama Kerugian bawah Senario Buruk



Sumber: Bank Negara Malaysia



# Pembangunan Sektor Kewangan

- 43** Perbankan
- 49** Insurans dan Takaful
- 54** Kewangan Islam
- 57** Perniagaan Perkhidmatan Wang
- 59** Pasaran Kewangan
- 63** *Rencana: Memahami Pembiayaan melalui Lensa Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)*
- 74** *Rencana: Memperluas Perlindungan Insurans dan Takaful untuk Golongan B40*



# Pembangunan Sektor Kewangan

## PERBANKAN


Pembiayaan oleh sektor perbankan (termasuk perbankan Islam) terus menyokong kegiatan ekonomi pada tahun 2018 (Rajah 2.1). Jumlah pembiayaan terkumpul meningkat dengan lebih cepat sebanyak 5.6% kepada RM1,673.5 bilion (2017: 4.1%). Pembiayaan isi rumah, yang mencakupi 57.3% daripada jumlah pembiayaan yang diberikan oleh sektor perbankan, berkembang sebanyak 5.6% pada tahun 2018 (2017: 5.1%) selepas mengalami tempoh pertumbuhan yang sederhana, berikutan pelaksanaan langkah kehematan makro pada tahun 2013 yang bertujuan untuk menggalakkan pemberian pinjaman yang lebih bertanggungjawab. Peningkatan pembiayaan ini sebahagian besarnya didorong oleh pembiayaan sekuriti yang lebih tinggi. Pembiayaan sektor perniagaan turut mencatatkan pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 5.4% (2017: 1.8%), yang disumbangkan terutamanya oleh pembiayaan kepada sektor pembinaan bagi menyokong projek-projek infrastruktur seperti Lebuhraya Pan Borneo dan LRT 3. Sektor perbankan terus menyokong perusahaan kecil dan sederhana (PKS) pada tahun 2018, dengan pembiayaan sebanyak RM65.5 bilion diluluskan untuk disalurkan kepada 108,700 akaun PKS. Pembiayaan kepada PKS terus menjadi tumpuan strategik institusi perbankan, dengan peningkatan yang ketara sejak beberapa tahun yang lalu. Kini, pembiayaan daripada PKS merupakan hampir separuh daripada pembiayaan terkumpul kepada sektor perniagaan (Gambar Rajah 2.1). Penjelasan yang lebih mendalam tentang keperluan pembiayaan PKS diuraikan dalam Rencana bertajuk “Memahami Pembiayaan Melalui Lensa PKS”.

Institusi kewangan pembangunan (IKP) terus memainkan peranan yang penting dalam menyokong sektor ekonomi strategik dan memajukan matlamat pembangunan dan sosioekonomi Malaysia. Jumlah pembiayaan terkumpul IKP yang bernilai

RM143.1 bilion pada akhir tahun 2018 disalurkan terutamanya kepada segmen infrastruktur, PKS, eksport, pertanian dan isi rumah yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Khususnya, pembiayaan kepada PKS dan sektor pertanian masing-masing mencatatkan pertumbuhan dua angka, sebanyak 11.7% dan 10.7%. IKP juga menyumbang sebahagian besar (75.5%) daripada pembiayaan kepada usahawan mikro di bawah Skim Pembiayaan Mikro, dengan pengeluaran pinjaman berjumlah RM292.2 juta pada tahun 2018. Pada akhir tahun 2018, jumlah pembiayaan terkumpul di bawah skim ini adalah sebanyak RM910.7 juta. Produk khusus turut diperkenalkan oleh IKP pada akhir tahun 2017 untuk membantu kumpulan pendapatan isi rumah 40% terendah (B40), termasuk program pembiayaan mikro yang disasarkan kepada usahawan mikro berdasarkan pertanian. Sehingga kini, pembiayaan sebanyak RM5.2 juta telah disalurkan kepada lebih 1,600 akaun pembiayaan mikro di bawah program ini.

Rajah 2.1: Pembiayaan Terkumpul Sektor Perbankan


### Pertumbuhan pembiayaan sektor perbankan meningkat pada tahun 2018



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 2.1

### Statistik Utama Pembiayaan PKS



### Memupuk inovasi menerusi Sandbox Pengawalseliaan Teknologi Kewangan

Bank menyokong kemajuan teknologi yang dapat meningkatkan kualiti, kecekapan dan akses kepada perkhidmatan kewangan. *Sandbox* Pengawalseliaan Teknologi Kewangan (*Sandbox*) terus menjadi saluran penting untuk menguji penyelesaian kewangan dan model perniagaan yang inovatif. Sebanyak tujuh penyelesaian yang diluluskan pada tahun 2017, termasuk agregator insurans, kiriman wang secara

digital, pengenalpastian secara digital (*electronic Know-Your-Customer*, eKYC) dan platform *chat* yang selamat untuk urus niaga perbankan (*chat banking*) terus menjalani ujian sebenar (*live test*) pada tahun 2018. Berdasarkan maklum balas yang diterima semasa fasa ujian sebenar, beberapa peserta *Sandbox* telah menambah baik dan meluaskan penawaran produk mereka untuk memenuhi keperluan pengguna dengan lebih baik. Kesemua penyelesaian dijangka mengakhiri fasa ujian sebenar dan keluar daripada *Sandbox* sebelum akhir tahun 2019. Syarikat yang memiliki

penyelesaian yang berdaya maju boleh menawarkan produk mereka dalam pasaran berlandaskan rejim pengawalseliaan yang telah disesuaikan menerusi proses *Sandbox*.

Pada tahun 2018, Bank menerima 17 permohonan baharu untuk menguji penyelesaian kewangan dan model perniagaan yang inovatif dalam *Sandbox*. Permohonan tersebut yang kini sedang dinilai oleh Bank, adalah lebih pelbagai dan canggih, termasuk penyelesaian perbankan digital, insurans rakan-ke-rakan (*peer-to-peer insurance*) dan penggunaan kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) merentas rantaian nilai perkhidmatan kewangan.

Bagi mempercepat penggunaan inovasi yang terbukti berimpak tinggi dan jelas berpotensi untuk meningkatkan perkhidmatan kewangan, Bank telah memperkenalkan satu laluan tematik khusus untuk *Sandbox* (*Specialised Sandbox*). Inisiatif ini membolehkan pendekatan yang lebih bersasar digunakan dalam bidang berimpak tinggi yang telah dikenal pasti dan pada masa yang sama terus menyediakan liputan yang lebih luas bagi penyelesaian inovatif lain.

Berlandaskan skop yang jelas, *Specialised Sandbox* menggunakan parameter ujian yang lebih tertumpu dan seragam untuk ujian yang lebih cekap dan pengumpulan data prestasi yang lebih baik. *Specialised Sandbox* yang pertama memberi tumpuan pada proses Kenali Pelanggan Anda menerusi platform digital eKYC memandangkan potensinya untuk menawarkan perkhidmatan kewangan dengan lebih cekap dan senang diakses menerusi penerimaan pendaftaran pelanggan secara digital. Sebanyak dua syarikat teknologi kewangan (*Fintech*) dan tujuh bank telah diberikan kelulusan untuk menguji teknologi eKYC mereka menerusi laluan *Specialised Sandbox*.

***Specialised Sandbox* menggunakan parameter ujian yang lebih tertumpu dan seragam untuk ujian yang lebih cekap dan pengumpulan data prestasi yang lebih baik**

### **Memudahkan penggunaan Application Programme Interface (API)**

Kemajuan yang menggalakkan telah dicapai dalam usaha Bank untuk memudahkan penggunaan API

Terbuka dalam sektor perkhidmatan kewangan. Pada bulan Januari 2019, Bank mengeluarkan dokumen dasar mengenai Penerbitan Data Terbuka menggunakan API Terbuka. Dokumen dasar tersebut menggariskan cadangan Bank kepada industri mengenai pembangunan dan penerbitan API Terbuka untuk data awam sedia ada. Cadangan yang diberikan termasuk pertimbangan reka bentuk untuk API Terbuka serta langkah-langkah keselamatan untuk melindungi industri daripada ancaman keselamatan siber, bersesuaian dengan sensitiviti data yang dikongsi melalui API Terbuka. Penerbitan API Terbuka oleh institusi kewangan dijangka meningkatkan kadar inovasi kewangan dengan memberikan akses yang terbuka dan mudah alih kepada data dan perkhidmatan. Perkara ini seterusnya akan merancakkan persaingan, serta meningkatkan kualiti dan kecekapan perkhidmatan kewangan.

Cadangan ini bersesuaian dengan usaha yang dijalankan oleh Bank bersama-sama dengan industri untuk membangunkan spesifikasi teknikal bagi API Terbuka. Kumpulan Pelaksana (*Implementation Group*) API Terbuka yang diterajui oleh Bank telah ditubuhkan pada bulan Mac 2018 untuk mengenal pasti dan membangunkan API terbuka yang standard bagi kes penggunaan berimpak tinggi. Kumpulan pelaksana API dianggotai oleh pelbagai pihak yang terdiri daripada institusi kewangan terpilih, syarikat *Fintech* dan agensi yang berkaitan berdasarkan kes penggunaan khusus. Kumpulan ini telah membangunkan spesifikasi standard untuk API Terbuka mengenai maklumat produk berhubung dengan pembiayaan PKS, kad kredit dan insurans/takaful motor. Berdasarkan spesifikasi ini, Kumpulan Pelaksana dijangka menerbitkan API Terbuka mereka pada separuh tahun pertama 2019. Usaha ini dijangka menjadi pemangkin untuk penyelesaian yang lebih inovatif bagi memudahkan pelanggan mengakses dan membandingkan produk pembiayaan dan insurans/takaful daripada pelbagai penyedia, dan seterusnya memilih perkhidmatan yang paling sesuai dengan keperluan khusus mereka.

Pada masa hadapan, usaha selanjutnya akan terus diambil untuk membenarkan pihak ketiga yang dipercayai mendapat akses kepada skop maklumat perbankan yang lebih luas melalui API Terbuka dengan kaedah yang selamat dan dengan persetujuan pelanggan. Usaha ini akan dilaksanakan dengan kerjasama industri untuk membuat penilaian risiko, mewujudkan persekitaran kawal selia yang

kondusif dan mengenal pasti langkah keselamatan yang sesuai untuk melindungi pengguna dan integriti perkhidmatan kewangan.

## Menggalakkan akses yang bermakna kepada perkhidmatan kewangan


Malaysia telah meraih kejayaan yang besar dalam rangkuman kewangan hasil usaha yang gigih sejak beberapa tahun lepas dalam menggalakkan akses dan penggunaan perkhidmatan kewangan kepada semua segmen masyarakat. Pusat mengakses kewangan boleh didapati hampir di semua mukim, digerakkan oleh bank ejen yang diperkenalkan sejak tahun 2012. Data dari segi penawaran yang diberikan oleh institusi kewangan pula menunjukkan bahawa 95% orang dewasa di Malaysia mempunyai akaun deposit (Gambar Rajah 2.2).

Bank menjalankan kajian dari segi permintaan secara berkala pada peringkat kebangsaan untuk melengkap data dari segi penawaran berhubung dengan rangkuman kewangan, serta mengenal pasti isu-isu dasar yang berkaitan dengan akses dan penggunaan kewangan. Kajian terbaru yang dijalankan pada tahun 2018 menunjukkan penggunaan produk kewangan dan saluran digital yang meningkat (Gambar Rajah 2.3).

Pada bulan Disember 2018, Bank bekerjasama dengan tiga buah institusi kewangan dan Taman Teknologi Malaysia untuk menjalankan projek perintis Program Pemerksaan Komuniti (*Community Empowerment Programme*, CEP) dengan masyarakat berpendapatan rendah di Sabah dan Terengganu bagi membantu masyarakat di kedua-dua negeri ini menyimpan dan

Gambar Rajah 2.2

### Penunjuk Rangkuman Kewangan Terpilih



Sumber: Bank Negara Malaysia

melabur. Selain menyediakan produk kewangan yang sesuai untuk masyarakat tersebut, institusi kewangan yang terlibat juga membantu menyediakan infrastruktur komuniti bagi meningkatkan produktiviti kegiatan ekonomi. Dalam satu program yang dijalankan, bantuan yang diberikan termasuk penyediaan bilik pengering bagi mempercepat masa yang diperlukan untuk menghasilkan ikan kering dan ikan bilis. Bantuan ini dapat menyumbang ke arah meningkatkan pendapatan masa depan komuniti dan seterusnya membolehkan mereka menggunakan perkhidmatan kewangan.

## Memanfaatkan teknologi untuk memacu rangkuman kewangan

Bank melihat inovasi digital sebagai pendorong penting dalam meningkatkan akses yang lebih luas, berkualiti dan penggunaan perkhidmatan kewangan yang bertanggungjawab. Bagi tujuan ini, Bank telah bekerjasama dengan *United Nations Capital Development Fund* (UNCDF) dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (*Malaysia Digital Economy Corporation*, MDEC) untuk melancarkan Hab Inovasi Digital (Hab Inovasi) dan Program Pencepat Fintech Inklusif (*Accelerator Program*, Program Pencepat).




Matlamat utama Hab Inovasi ini adalah untuk memenuhi keperluan segmen penduduk berpendapatan rendah, dengan memberi tumpuan kepada penyedia perkhidmatan (termasuk institusi kewangan dan syarikat permulaan *Fintech*) menggunakan teknologi untuk menggalakkan rangkuman kewangan. Hab ini juga bertujuan untuk membina satu komuniti pembangun yang inovatif dan pintar. Penyedia perkhidmatan yang mengambil bahagian dijangka memperoleh manfaat daripada percambahan silang idea dan penyelidikan pasaran yang dijana melalui Hab Inovasi, terutamanya untuk menyesuaikan produk dan perkhidmatan mereka dengan lebih baik bagi memenuhi keperluan golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan di Malaysia.

Tujuan utama Hab Inovasi adalah untuk memenuhi keperluan segmen berpendapatan rendah dengan mengerakkan penggunaan teknologi yang lebih luas dalam menggalakkan rangkuman kewangan

Program Pencepat telah dilancarkan pada tahun 2018 menerusi Hab Inovasi. Program ini bertujuan untuk menangani cabaran rangkuman kewangan yang khusus

Gambar Rajah 2.3

**Penemuan Utama Kajian dari Segi Permintaan 2018**



Sumber: Bank Negara Malaysia

di Malaysia yang meliputi empat bidang tumpuan utama: perbelanjaan, simpanan, peminjaman, dan perancangan kewangan. Siri pertama program pencepat yang dilancarkan

pada bulan Disember 2018 merupakan program anjuran bersama Bank dan UNCDF dengan program dan inisiatif selanjutnya diatur sepanjang tahun 2019.

## Meningkatkan akses kepada pembiayaan untuk PKS

Sebagai sebahagian daripada inisiatif yang berterusan untuk menyokong peningkatan keperluan pembiayaan PKS yang semakin berbeza, sebuah platform aggregator pembiayaan dalam talian atau “ImSME” yang dikendalikan oleh CGC telah dilancarkan pada bulan Februari 2018. ImSME memadankan keperluan pembiayaan PKS dengan produk pembiayaan yang sesuai daripada pelbagai institusi sambil mengurangkan kos carian yang berkaitan dengan pembiayaan. Sejak pelancarannya, pembiayaan berjumlah RM46.9 juta telah diluluskan untuk 405 PKS. Di samping itu, 2,515 PKS yang pada mulanya tidak layak mendapat pembiayaan telah dibantu oleh Pasukan Penasihat Kewangan ImSME yang memberikan panduan praktikal dan sokongan kepada PKS terbabit menangani keperluan pembiayaan mereka. Sebanyak 41% daripada PKS yang dibantu telah mendapat pembiayaan daripada institusi kewangan dan pembiaya alternatif (seperti platform rakan-ke-rakan). Baki PKS yang terlibat telah dirujuk kepada agensi bina upaya yang akan bersama-sama meningkatkan kelayakan mereka untuk mendapatkan pembiayaan. Institusi kewangan juga telah diingatkan untuk menambah baik maklumat yang diberikan kepada PKS tentang yuran dan caj yang dikenakan, sebab-sebab permohonan pembiayaan ditolak, dan saluran yang disediakan untuk membuat aduan. Usaha ini dibuat bagi memperkasa PKS supaya mereka dapat melakukan penambahanbaikan berhubung dengan keperluan pembiayaan mereka.

Walaupun akses kepada pembiayaan untuk PKS telah meningkat dengan ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini, masih terdapat beberapa PKS yang menghadapi masalah untuk mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan. Sehubungan dengan itu, Bank terus bekerjasama dengan industri serta kementerian dan agensi yang berkaitan untuk menangani isu akses yang khusus, dan pada masa yang sama memperhebat program kesedaran. Pada tahun 2018, lebih 8,100 PKS menghadiri 50 program kesedaran yang dianjurkan oleh Bank di seluruh negara. Lebih 1,100 PKS turut mengambil bahagian dalam seminar dan klinik kewangan lebih bersasaran yang merangkumi topik seperti sumber pembiayaan, pengurusan kewangan, keperluan dan proses permohonan pembiayaan, saluran untuk mendapatkan maklumat dan bantuan penyelesaian, e-pembayaran dan perlindungan insurans/takaful untuk perniagaan.

## Menambah baik peranan IKP

IKP terus memainkan peranan penting dalam merancakkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial. Pada tahun 2018, Bank bekerjasama dengan Bank Dunia dan IKP untuk membangunkan rangka kerja pengukuran prestasi yang dipertingkat bagi IKP. Rangka kerja baharu ini bertujuan mengukur sumbangan IKP yang lebih luas berbanding dengan penunjuk pertumbuhan pembiayaan yang terbatas, di samping menggabungkan penunjuk prestasi utama (*key performance indicators*, KPIs) pembangunan untuk mengukur impak operasi IKP ke atas sosioekonomi (Gambar Rajah 2.4).

Gambar Rajah 2.4

### Rangka Kerja Pengukuran Prestasi Baharu untuk IKP



\* Peningkatan merujuk kepada impak positif IKP yang melebihi impak yang dihasilkan dalam persekitaran komersial atau yang berpaksikan keuntungan

\*\* SDI dan OI juga bertujuan menggalakkan kemampuan kewangan dan mengurangkan gangguan pasaran kredit

Rangka kerja ini bertujuan untuk memantapkan lagi penyelesaian antara prestasi IKP dengan impak mereka kepada pembangunan. Di samping itu, rangka kerja ini menekankan perlunya IKP mempunyai kedudukan kewangan yang mampan, dan pada masa yang sama mengurangkan gangguan pasaran kredit. Aspek ini penting bagi menyokong pembangunan sektor-sektor strategik dan pertumbuhan baharu. Rangka kerja ini sedang dilaksanakan secara berperingkat dan akan terus ditambah baik apabila IKP memperincikan KPI bagi memenuhi mandat mereka dengan lebih jelas. Keputusan awal rangka kerja pengukuran pada tahun 2018 menunjukkan bahawa impak IKP jauh melangkaui penyediaan pembiayaan yang diperlukan dan turut merangkumi perwujudan peluang pekerjaan dan peningkatan kemahiran segmen sasaran (Gambar Rajah 2.5).

Usaha terus digembung bagi membina sistem dan keupayaan yang diperlukan dalam IKP untuk memantau dan menilai prestasi dan hasil pembangunan secara berkesan. Usaha ini disokong oleh Bank secara aktif, dengan kerjasama dengan rakan strategik termasuk Bank Dunia, serta kementerian dan agensi Kerajaan yang berkaitan.

Gambar Rajah 2.5

#### Hasil Pembangunan Awal Berdasarkan Skim Terpilih IKP

Peningkatan Kewangan	
74%	Peratusan portfolio pembiayaan IKP kepada segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan (2016 – 2017)
3,024	Syarikat permulaan ( <i>start-up companies</i> ) yang menerima pembiayaan pertanian (2015 – 2017)
Peningkatan Reka Bentuk	
570 pekerjaan	Kewujudan pekerjaan dan penambahan pendapatan seperti yang dilaporkan oleh 44 responden yang memperoleh pembiayaan berjumlah RM2.2 bilion untuk usaha niaga merentas sempadan (2010 – 2017)
RM6.75 bilion	
502 PKS	PKS yang mencatatkan penambahan keuntungan, pertumbuhan jualan, penggunaan teknologi dan penembusan pasaran eksport disebabkan oleh bantuan nilai ditambah yang dipergiat (2016 – 2017)
Peningkatan Demonstrasi	
7.8%	Portfolio pembiayaan bersindiket berbanding jumlah pembiayaan pada tahun 2017, sebagai proksi bagi tarikan pelaburan swasta (2016: 4.6%)

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada masa hadapan, usaha untuk menginstitusikan rangka kerja baharu dan memastikan rangka kerja ini dilaksanakan dengan berkesan akan terus menjadi keutamaan untuk IKP dan tumpuan aktiviti pengawalseliaan dan penyeliaan Bank. Sejajar dengan itu, Bank juga berbincang dan berinteraksi dengan pihak Kerajaan bagi mengkaji semula landskap IKP untuk mengambil kira pembangunan dalam sistem kewangan dan perubahan dalam struktur dan keutamaan ekonomi Malaysia. Usaha ini bertujuan untuk memberikan tumpuan yang lebih mendalam pada mandat IKP sambil memaksimumkan prestasi dan sinergi.

Usaha juga sedang dijalankan bagi meningkatkan keupayaan dan kapasiti IKP untuk melaksanakan mandat mereka secara berkesan melalui program pembiayaan pembangunan khusus yang dibangunkan dengan kerjasama *Asian Institute of Chartered Bankers* (AICB), Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus Iclif dan Bank Dunia. Program ini melengkapi tawaran program teknikal berfokuskan pembangunan yang diterajui oleh *Association of Development Finance Institutions of Malaysia*.

#### INSURANS DAN TAKAFUL

Sektor insurans dan takaful di Malaysia mencatatkan jumlah premium dan sumbangan yang lebih tinggi dengan peningkatan sebanyak 4.9% kepada RM66.6 bilion (2017: RM63.5 bilion). Jumlah aset insurans dan takaful juga meningkat sebanyak 3.2% kepada RM309.1 bilion (2017: RM299.5 bilion). Kadar penembusan insurans dan takaful, yang diukur sebagai peratusan jumlah premium dan sumbangan kasar kepada KDNK, kekal pada 4.7%. Kepadatan insurans dan takaful, yang diukur sebagai peratusan jumlah bayaran premium dan sumbangan kasar per kapita, meningkat sedikit kepada RM2,050 (2017: RM1,980) pada akhir tahun 2018. Perlindungan insurans/takaful juga kekal tidak sekata memandangkan sebahagian besar rakyat Malaysia, terutamanya dalam segmen berpendapatan lebih rendah, belum dilindungi oleh insurans dan takaful. Hal ini dicerminkan oleh kadar penembusan insurans hayat dan takaful keluarga yang mencatatkan hanya sedikit perubahan pada 41%. Kadar ini mengukur peratusan rakyat Malaysia yang mempunyai sekurang-kurangnya satu polisi insurans hayat atau sijil takaful keluarga secara individu atau berkelompok.

Pada tahun 2018, enam penanggung insurans dan pengendali takaful komposit telah menukarkan lesen komposit mereka kepada lesen insurans hayat/takaful keluarga dan lesen am yang berasingan, manakala lima penanggung insurans dan pengendali takaful komposit mengekalkan hanya lesen insurans hayat/takaful keluarga mereka. Perkembangan ini menyelesaikan proses penukaran lesen komposit yang bermula sejak tahun 2013 untuk memperkuuh pengurusan perniagaan insurans/takaful am dan insurans hayat/takaful keluarga, seperti yang dikehendaki di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA).

### **Liberalisasi tarif motor dan tarif kebakaran secara berfasa**

Liberalisasi kadar tarif motor dan tarif kebakaran secara berfasa yang bermula sejak tahun 2016 telah memasuki tahun ketiga. Fasa I, yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016, membolehkan pengenalan produk-produk baharu dan pelindungan tambahan ditawarkan pada harga yang ditentukan oleh pasaran. Fasa II, yang bermula pada 1 Julai 2017 telah memansuhkan kadar tarif untuk produk 'Komprehensif' dan 'Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian' untuk membolehkan pembaharuan terhadap harga yang selanjutnya dapat dilaksanakan.

Pada tahun 2018, perbezaan yang lebih ketara dapat dilihat dalam penetapan harga untuk mencerminkan risiko berdasarkan penambahan faktor-faktor penarafan risiko yang digunakan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful untuk menetapkan bayaran premium dan sumbangan (Gambar Rajah 2.6). Semakan semula ke atas bayaran premium dan sumbangan untuk enam kelas kenderaan telah dikemukakan kepada Bank pada tahun 2018 oleh 17 penanggung insurans dan pengendali takaful am. Dalam segmen kenderaan pasaran umum, bayaran premium dan sumbangan secara lazimnya berbeza dalam

julat 10% berbanding dengan kadar tarif terdahulu. Lebih kurang 34% polisi dan sijil mencatatkan kadar yang lebih rendah daripada kadar tarif, 10% polisi dan sijil tidak berubah, manakala 56% polisi dan sijil mencatatkan kenaikan kadar berbanding dengan tarif. Sementara itu, dalam segmen kenderaan berisiko tinggi, terutamanya kenderaan yang cenderung untuk dicuri, kadar premium dan sumbangan meningkat sehingga 30%. Dalam segmen kenderaan lain dengan pengalaman tuntutan yang lebih baik, terdapat penurunan kadar sehingga 60% daripada kadar tarif. Penetapan harga yang mengutamakan pemanduan selamat dan keselamatan kenderaan dijangka menjurus kepada penambahbaikan pada pengalaman tuntutan kerugian motor secara keseluruhan. Hal ini seterusnya akan menyokong kemampuan kadar premium dan sumbangan secara keseluruhan.

Inovasi produk motor dan kebakaran baharu yang ditawarkan dalam pasaran meningkat 39% kepada 249 produk baharu pada tahun 2018 (2017: 179 produk baharu), didorong terutamanya oleh produk motor baharu bagi memenuhi keperluan perlindungan risiko yang berbeza, seperti:

- i) Perlindungan tambahan untuk penyedia khidmat kereta sewa dalam talian (*e-hailing*) yang memberikan perlindungan kepada pemandu, kenderaan, penumpang dan pihak ketiga semasa penggunaan kereta persendirian untuk perkhidmatan *e-hailing*, sejajar dengan keperluan yang ditetapkan oleh Kementerian Pengangkutan;
- ii) Produk yang menggunakan peranti telematik untuk memantau sikap pemanduan pengguna, supaya bayaran premium atau sumbangan yang lebih rendah dapat ditawarkan bagi mencerminkan pemanduan yang lebih berhemah; dan
- iii) Pengendorsan *pay-as-you-drive* iaitu pemandu layak untuk menerima bayaran balik jika jarak pemanduan rendah, selepas tamat tempoh polisi selama dua belas bulan.

**Gambar Rajah 2.6**

#### **Faktor Penarafan yang Biasa Digunakan**



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada masa hadapan, Bank menjangkakan penggunaan teknologi seperti peranti telematik atau produk berasaskan penggunaan (*usage-based*) akan mendapat sambutan yang lebih memberangsangkan. Perkembangan ini akan memudahkan usaha penambahbaikan penetapan harga berdasarkan profil risiko individu.

### Bank menjangkakan penggunaan teknologi dan produk berasaskan penggunaan akan membolehkan industri menambah baik penetapan harga berdasarkan profil risiko individu

Bank sedang merangka beberapa cadangan untuk fasa liberalisasi seterusnya. Cadangan ini akan mempertimbangkan pelarasan yang sesuai secara beransur-ansur bagi premium dan sumbangan untuk perlindungan wajib produk motor ‘Pihak Ketiga’ dan kebakaran, termasuk tempoh pelaksanaannya. Pada tahun 2018, segmen insurans/takaful motor ‘Pihak Ketiga’ yang wajib ini terus mencatatkan kerugian dengan nisbah gabungan agregat sebanyak 108%. Walau bagaimanapun, pengalaman portfolio motor secara keseluruhan yang bertambah baik hasil daripada liberalisasi Fasa I dan II dijangka mengurangkan impak penetapan harga yang tidak setimpal pada paras semasa premium dan sumbangan.

### Kemajuan Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga

Melalui Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga (*Life Insurance and Family Takaful, LIFE*) yang dikeluarkan pada bulan November 2015, Bank telah menyediakan pelan hala tuju pembaharuan untuk menyokong pembangunan jangka panjang industri insurans hayat dan takaful keluarga. Pada tahun 2018, beberapa kemajuan telah dicapai dalam pelaksanaan langkah pembaharuan ini:

- Akses dan jangkauan insurans hayat dan produk takaful keluarga yang semakin meluas**  
Sejak bulan Jun 2017, penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga dikehendaki menawarkan produk perlindungan asas bertempoh melalui saluran pengagihan langsung. Pelanggan juga disediakan dengan alat-alat untuk memudahkan penilaian kendiri berhubung dengan kesesuaian dan kemampuan untuk membeli produk yang ditawarkan. Saluran pengagihan

langsung, seperti Internet, adalah bertujuan untuk menyediakan saluran tambahan yang mudah diakses oleh orang ramai untuk membeli produk insurans/takaful. Pada tahun 2018, bahagian pasaran premium dan sumbangan baharu daripada saluran meningkat kepada 3.2% berbanding dengan tahun yang sebelumnya (2017: 2.4%) apabila lebih ramai pemegang polisi semakin sedar tentang saluran akses alternatif, meskipun jumlahnya masih rendah (Rajah 2.2).


Berkuat kuasa pada bulan Mac 2019, produk yang ditawarkan melalui saluran pengagihan langsung akan diperluas untuk merangkumi produk insurans/takaful perlindungan asas bagi penyakit kritis, perubatan dan kesihatan. Memandangkan produk sedemikian adalah lebih pelbagai dari segi reka bentuk dan liputan merentas industri, penanggung insurans dan pengendali takaful dikehendaki mematuhi keperluan penzahiran yang telah diperkuuh untuk memberikan maklumat yang sewajarnya bagi membantu pelanggan membuat keputusan pembelian berdasarkan maklumat yang mencukupi.

#### ii) **Pemansuhan had ke atas kos operasi secara beransur-ansur**

Had yang dikenakan ke atas komisen dan perbelanjaan agensi untuk produk berkaitan pelaburan akan diliberalisasikan seiring dengan pelaksanaan Kadar Peruntukan Minimum (*Minimum Allocation Rate, MAR*) untuk produk insurans dan takaful keluarga yang berkaitan pelaburan, masing-masing bermula pada bulan Julai 2019 dan

Rajah 2.2: Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Premium dan Sumbangan Baharu Mengikut Saluran Pengagihan

#### Agensi dan bankasurans terus menjadi saluran utama bagi perniagaan baharu



Sumber: Bank Negara Malaysia

Julai 2020 (lihat Bab 3 “Rangka Kerja Pengawalan dan Penyeliaan”). Langkah ini dijangka dapat menggalakkan pasaran insurans/takaful yang lebih berdaya saing dan pelbagai, di samping melindungi kepentingan pengguna melalui MAR, yang menetapkan bahagian minimum premium/sumbangan yang akan diperuntukkan kepada dana unit pemilik polisi/peserta takaful.

Liberalisasi secara beransur-ansur berkaitan dengan had komisen sedang dilaksanakan sejajar dengan pembaharuan terhadap insentif agensi yang bertujuan untuk mengurangkan risiko akibat salah jual produk. Sehubungan dengan itu, rangka kerja Kad Skor Seimbang (*Balanced Scorecard, BSC*), yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2018, telah menunjukkan pencapaian yang positif dalam menyumbang kepada hasil pengguna yang lebih baik pada tahun pertama pelaksanaannya. Proses jualan juga bertambah baik dengan ketara, dengan proses pencarian fakta pelanggan yang komprehensif telah dilakukan dalam 77% jualan, berbanding dengan 28% pada tahun 2016. Pencapaian ini memberikan penekanan kepada layanan dan usaha lebih wajar dilaksanakan oleh ejen untuk menilai keperluan pengguna dengan betul sebelum mencadangkan produk insurans/takaful. Tempoh pemegangan (*persistency*) polisi dan sijil juga bertambah baik, dengan 73% dan 68% daripada ejen memenuhi atau melebihi sasaran tempoh pemegangan masing-masing pada tahun pertama dan kedua, lebih tinggi berbanding dengan tahun sebelumnya (2016: 66% dan 61%). Selain itu, ejen juga lebih komited terhadap pembangunan profesional, dengan 85% daripada ejen memenuhi jumlah jam Pembangunan Profesional Berterusan (*Continuous Professional Development, CPD*) yang dikehendaki (2016: 72%).

## Perkembangan Insurans dan Takaful Perubatan dan Kesihatan

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk membendung peningkatan tuntutan perubatan yang telah mengakibatkan kos insurans/takaful perubatan dan kesihatan meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Pasukan Petugas bagi Membendung Kos Perubatan telah ditubuhkan oleh industri pada tahun 2018. Pasukan Petugas ini yang terdiri daripada wakil industri peringkat tertinggi dan pakar teknikal akan mulakan kajian terhadap pendorong tuntutan perubatan yang tinggi dan langkah-langkah

yang dapat membendung kos. Kajian ini dijangka diterbitkan pada suku ketiga tahun 2019 dan bakal menyediakan analisis berdasarkan bukti sebagai rujukan kepada inisiatif masa hadapan. Pasukan Petugas ini, dengan kerjasama Persatuan Hospital Swasta Malaysia, juga akan mempertimbangkan langkah-langkah untuk menggalakkan ketelusan harga yang wajar bagi perkhidmatan penjagaan kesihatan. Langkah ini boleh membantu mengurangkan kos dan membolehkan individu membuat keputusan berkaitan rawatan perubatan mereka berdasarkan maklumat yang mencukupi. Langkah-langkah ini termasuk menyediakan maklumat mengenai kos prosedur perubatan yang lazim agar mudah diakses oleh orang ramai dan meningkatkan tahap ketelusan dalam caj terperinci untuk perkhidmatan penjagaan kesihatan.

## Perlindungan Tenang

Inisiatif Perlindungan Tenang dilancarkan pada bulan November 2017 bagi menggalakkan penanggung insurans dan pengendali takaful menawarkan produk-produk mampu milik, mudah diakses dan mudah difahami. Inisiatif ini disasarkan untuk memenuhi keperluan rakyat Malaysia yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan dan takaful, khususnya kumpulan pendapatan isi rumah 40% terendah (B40). Pada masa ini, sebanyak 10 penanggung insurans dan pengendali takaful menawarkan produk Perlindungan Tenang.

Kos produk insurans hayat atau takaful keluarga yang dijual di bawah Perlindungan Tenang adalah antara RM5 hingga RM13 sebulan dalam bentuk premium/sumbangan untuk jumlah perlindungan/penyertaan antara RM15,000 hingga RM33,000. Sejak pelancarannya, lebih 29,500 polisi dan sijil telah terjual, yang terdiri daripada 28,900 polisi hayat dan sijil takaful keluarga serta lebih 600 polisi dan sijil kebakaran atau banjir. Pengumuman Belanjawan 2019 mengenai pengecualian duti setem selama dua tahun untuk produk Perlindungan Tenang dijangka mengurangkan lagi kos pembelian dan seterusnya menggalakkan penyertaan yang lebih tinggi.

Satu dana perlindungan B40 juga diumumkan dalam Belanjawan 2019 untuk melengkapkan inisiatif Perlindungan Tenang. Dana tersebut, seperti yang dihuraikan dalam rencana bertajuk “Memperluas Perlindungan Insurans dan Takaful untuk Golongan B40” akan membolehkan golongan pemegang polisi dan sijil B40 memahami dan merasai pengalaman


memiliki insurans/takaful, dan akhirnya membantu mereka untuk mendapatkan perlindungan yang ditawarkan oleh pasaran insurans/takaful untuk tempoh jangka panjang.

### Penambahbaikan proses tuntutan melalui pengaturan semakan data dengan Jabatan Pendaftaran Negara

Berdasarkan anggaran industri, lebih RM300 juta manfaat insurans dan takaful tidak dituntut oleh beneficiari kerana pemegang polisi dan sijil tidak mengemas kini rekod mereka. Bagi meningkatkan kecekapan proses tuntutan dan mengurangkan insiden manfaat kematian yang tidak dituntut dalam kalangan rakyat Malaysia, Bank sedang memuktamadkan suatu pengaturan dengan Jabatan Pendaftaran Negara untuk memudahkan penanggung insurans dan pengendali takaful membuat semakan daftar kematian negara secara berkala (Gambar Rajah 2.7). Pengaturan ini akan membolehkan penanggung insurans dan pengendali takaful menghubungi dan membayar manfaat tersebut secara proaktif kepada beneficiari yang sah. Pengaturan ini dijangka beroperasi pada tahun 2019.

Gambar Rajah 2.7

#### Pengaturan Semakan Data dengan JPN



Sumber: Bank Negara Malaysia

### Menggalakkan kerjasama serantau dalam sektor insurans

Bank menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Pengawal Selia Insurans ASEAN (*ASEAN Insurance Regulators' Meeting*, AIRM) kali ke-21 pada bulan November 2018. Beberapa bidang kepentingan bersama telah dibincangkan, termasuk pembangunan insurans mikro untuk meningkatkan penembusan insurans, pematuhan Prinsip Teras Insurans Pengawal Selia Insurans Antarabangsa (*International Association of Insurance Supervisors*, IAIS) yang telah disemak semula, inisiatif pembiayaan risiko dan pengurusan risiko malapetaka (*catastrophe risk*) serta inisiatif pembinaan kapasiti serantau yang disokong oleh Institut Latihan dan Penyelidikan Insurans ASEAN (*ASEAN Insurance Training and Research Institute*). Perkongsian sektor awam-swasta juga diakui sebagai kaedah penting untuk menggalakkan daya tahan kewangan terhadap risiko bencana dan pendigitalan dalam sektor insurans.

Integrasi insurans serantau juga semakin kukuh apabila negara anggota ASEAN bersetuju dengan prinsip panduan bagi pelaksanaan Rangka Kerja


Integrasi Insurans ASEAN (Rangka Kerja). Sebagai sebahagian daripada komitmen Malaysia terhadap Rangka Kerja tersebut, Malaysia telah meliberalisasi penawaran insurans marin, penerbangan dan transit (*marine, aviation and transit*, MAT) merentas sempadan bagi membolehkan penanggung insurans serantau mengunderait insurans risiko MAT Malaysia dengan kelulusan Bank. Langkah ini akan meningkatkan kapasiti dan mengurangkan kos insurans risiko MAT.

### Memastikan tawaran nilai yang bermakna bagi Malaysia

Selaras dengan kriteria ‘Kepentingan Terbaik untuk Malaysia’ bagi pemegangan saham seperti yang digariskan dalam FSA dan IFSI, Bank terus memudahkan komitmen dan penyampaian tawaran nilai yang bermakna daripada pemegang saham yang memohon untuk memiliki kepentingan yang besar dalam syarikat insurans dan pengendali takaful. Hasil daripada komitmen yang dibuat, penanggung insurans dan pengendali takaful telah mengambil langkah-langkah untuk menubuhkan hab aktuari dan operasi serta makmal inovasi di Malaysia. Pada masa hadapan, Bank akan memberikan lebih tumpuan terhadap tawaran sedemikian dengan mengenal pasti bidang pembangunan utama (Gambar Rajah 2.8) dan menerangkan dengan lebih lanjut jangkaan terhadap komitmen supaya keutamaan ini dapat dicerminkan dan diselaraskan dengan strategi perniagaan dan pertumbuhan

Gambar Rajah 2.8

#### Bidang Pembangunan Keutamaan bagi Kepentingan Terbaik untuk Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia


yang ditetapkan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful bagi operasi di Malaysia. Langkah ini bertujuan untuk memastikan komitmen tersebut akan membolehkan Malaysia meraih manfaat ekonomi jangka panjang secara berterusan.

### KEWANGAN ISLAM

Pada tahun 2018, pembiayaan oleh bank-bank Islam meningkat 10.5% kepada RM668.7 bilion (2017: 9.4%) (Rajah 2.3). Bahagian pembiayaan patuh Syariah daripada jumlah pembiayaan sektor perbankan terus meningkat kepada 36.6%, berbanding dengan 34.9% pada tahun 2017. Pertumbuhan yang ketara ini sebahagiannya disumbangkan oleh suntikan

Rajah 2.3: Pertumbuhan Pembiayaan Islam

#### Pembiayaan Islam meningkat 10.5% pada tahun 2018



aset pembiayaan Islam tambahan hasil daripada penggabungan antara sebuah bank Islam dengan sebuah institusi bukan bank pada awal tahun 2018. Pembiayaan Islam untuk isi rumah dan perniagaan masing-masing meningkat 11.5% dan 8.9%, dengan pembiayaan perumahan kepada isi rumah (+5.9%) dan pembiayaan kepada syarikat besar (+4.6%) menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan pembiayaan keseluruhan. Pembiayaan perniagaan kepada PKS mencatatkan pertumbuhan yang sederhana pada 8.9% (2017: 12.5%) sejajar dengan pertumbuhan ekonomi yang lebih sederhana. Dari segi pendanaan, akaun deposit dan pelaburan Islam mencatatkan pertumbuhan yang stabil sebanyak 10.2% kepada RM742.3 bilion (2017: 11.7%). Keuntungan sebelum cukai bank-bank Islam meningkat 14.8% kepada RM7.7 bilion (2017: 19.8%) menghasilkan pulangan atas ekuiti sebanyak 15.7% dan pulangan atas aset sebanyak 1.1% meskipun peruntukan adalah lebih tinggi susulan pelaksanaan MFRS 9 bagi industri perbankan. Hal ini berbanding dengan pulangan atas ekuiti dan pulangan atas aset bank-bank konvensional di Malaysia yang masing-masing adalah 12.0% dan 1.5%.

Permintaan yang kukuh terhadap penyelesaian perlindungan patuh Syariah menyokong pertumbuhan berterusan industri takaful pada tahun 2018. Jumlah sumbangan bersih perniagaan takaful keluarga dan am meningkat 15.9% kepada RM9.56 bilion (2017: 9.5%, RM8.25 bilion), dengan peningkatan bahagian pasaran sebanyak 16.6% (2017: 15.2%) daripada jumlah premium insurans dan sumbangan takaful. Jumlah aset dana takaful juga meningkat 7.1% kepada RM31.37 bilion (2017: 9.3%).

Industri takaful keluarga dan am kekal tertumpu kepada segmen perniagaan tertentu. Pada tahun 2018, perniagaan takaful keluarga yang baharu meningkat 13.1% untuk mencapai sumbangan kasar sebanyak RM4.91 bilion (2017: 10.0%). Pelan gadai janji bertempoh dan berkaitan pelaburan, yang mencakupi 65.1% daripada jumlah sumbangan (2017: 64.6%), terus memacu pertumbuhan perniagaan baharu. Bagi produk takaful am, produk motor dan kebakaran kekal dominan, mencakupi 82.4% (2017: 80.7%) daripada perniagaan yang diunderit. Usaha pengendali takaful kebelakangan ini untuk meningkatkan kepelbagaiannya dengan memasuki bidang perniagaan baharu termasuk risiko komersial dan yang berkaitan dengan perdagangan, masih belum menunjukkan kesan yang ketara. Pada tahun 2018, sumbangan takaful am kasar

meningkat 9.0% kepada RM2.79 bilion (2017: 6.3%, RM2.56 bilion).

Sektor takaful kekal untung, meskipun pada tahap yang lebih rendah. Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan dalam takaful keluarga adalah sebanyak RM2.17 bilion dengan penurunan sebanyak 14.0% berbanding dengan tahun 2017 (2017: RM2.53 bilion), disebabkan oleh kos dan pembayaran manfaat kepada peserta takaful yang lebih tinggi. Sementara itu, keuntungan operasi takaful am merosot 33.0% kepada RM201.8 juta (2017: RM301.2 juta), disebabkan oleh tekanan perniagaan baharu yang meningkat akibat persaingan yang lebih sengit dalam industri takaful.

### Pengantaraan berdasarkan nilai (*value-based intermediation, VBI*) mengukuhkan lagi impak kewangan Islam

Berikutan pengenalan konsep pengantaraan berdasarkan nilai (*value-based intermediation, VBI*) pada tahun 2017, Kertas Strategik muktamad yang tertumpu pada pengukuhan peranan dan impak kewangan Islam telah dikeluarkan oleh Bank dan Komuniti Pengamal (*Community of Practitioners, CoP*) VBI, iaitu satu kumpulan industri yang terdiri daripada sembilan bank Islam. VBI merangkumkan wawasan industri supaya bank-bank Islam lebih dipacu oleh impak, lantas mengukuhkan lagi matlamat keseluruhan Syariah iaitu menggalakkan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Yang penting, VBI juga konsisten dengan inisiatif kewangan global untuk menyokong pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals, SDG*) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Kesedaran dan sokongan terhadap VBI terus mendapat momentum pada tahun 2018. Forum Kewangan Islam Global (*Global Islamic Finance Forum, GIFF*) 2018 kali ke-6 yang dianjurkan oleh Persatuan Perbankan dan Institusi Kewangan Islam Malaysia (*Association of Islamic Banking and Financial Institutions Malaysia, AIBIM*) secara dwitahunan, yang bertemakan “VBI – Melangkaui Keuntungan”, berakhiri dengan komitmen dan pelan tindakan industri kewangan secara kolektif ke arah pembinaan ekosistem kewangan yang mampan. Pada acara itu, Bank dengan kerjasama industri telah mengeluarkan Panduan Pelaksanaan VBI yang memberikan pandangan yang berguna mengenai amalan perbankan berdasarkan nilai dan kajian kes berdasarkan VBI. Di samping itu, dua alat baharu diterbitkan untuk

rundingan dengan industri bagi memudahkan pengoperasian VBI, iaitu Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan VBI (*VBI Financing and Investment Impact Assessment Framework*, VBIAF) dan Kad Skor VBI. VBIAF menyediakan panduan mengenai penilaian ke atas permohonan pembiayaan dan pelaburan dengan mengambil kira impak ekonomi, sosial dan alam sekitar. Kad Skor VBI pula menyokong pelaksanaan rangka kerja pengukuran prestasi berasaskan impak dalam kalangan institusi kewangan Islam.

### **Bank dengan kerjasama industri mengeluarkan Panduan Pelaksanaan VBI yang memberikan pandangan mengenai amalan perbankan dan kajian kes berdasarkan VBI**

Bank-bank Islam terus mencapai kemajuan dalam memacu agenda VBI melalui penawaran produk yang dipertingkat dan komitmen institusi yang kukuh. Sukuk SDG pertama di dunia telah diterbitkan pada tahun ini oleh sebuah bank Islam asing berlesen, yang menggunakan SDG PBB sebagai rujukan dalam penggunaan perolehannya. Sementara itu, bagi menyokong sektor tenaga yang cekap, satu kumpulan perbankan tempatan telah menawarkan kadar pembiayaan yang memberi keutamaan kepada pembelian kenderaan hibrid baharu dan harta tanah kediaman yang mempunyai perakuan Indeks Bangunan Hijau. Beberapa anggota CoP juga membuat komitmen global kepada kewangan mampan melalui penyertaan mereka dalam rangkaian global seperti Inisiatif Pelaporan Global, Perikatan Global untuk Perbankan mengenai Nilai dan Prinsip untuk Perbankan yang Bertanggungjawab (suatu inisiatif oleh *United Nations Environment Programme Financial Initiative*, UNEPFI).<sup>1</sup>

Bank juga telah menjadi ahli pleno dalam Rangkaian untuk Penghijauan Sistem Kewangan (*Network for Greening the Financial System, Network*) sejak bulan Oktober 2018 selaras dengan tumpuan yang semakin meningkat kepada usaha untuk menggalakkan

kewangan yang mampan serta memahami impak risiko alam sekitar dan sosial, terhadap daya tahan institusi dan kestabilan kewangan secara lebih meluas. Rangkaian ini terdiri daripada sekumpulan bank pusat dan penyelia yang terlibat dalam penyelidikan berpandangan jauh dalam bidang risiko alam sekitar dan sosial. Penyertaan Bank akan menyumbang kepada tindak balas pengawalan dan penyeliaan Malaysia terhadap pengurusan risiko oleh institusi kewangan berikut daripada perubahan persekitaran.

Pada masa hadapan, Bank dan industri berhasrat untuk bekerjasama lebih rapat dengan agensi Kerajaan, masyarakat sivil dan orang ramai bagi meningkatkan kesedaran dan menggalakkan penyertaan yang lebih aktif dalam menyokong penyelesaian kewangan yang mampan.

### **Memperhebat sokongan kewangan Islam ke arah pertumbuhan perniagaan halal**

Kewangan Islam diakui oleh Kerajaan sebagai penggerak utama untuk menyokong pertumbuhan industri halal. Pada tahun 2018, industri kewangan Islam telah menyertai Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (*Malaysia International Halal Showcase, MIHAS*). Sebanyak 865 potensi perniagaan telah dijana melalui pameran itu. Subsidi kadar keuntungan sebanyak 2% juga telah diperuntukkan oleh Kerajaan dalam Belanjawan 2019 sebagai sebahagian daripada Skim Pembiayaan Patuh Syariah PKS yang bernilai RM1 bilion bagi membantu syarikat pengekspor halal. Skim ini akan disalurkan melalui institusi kewangan Islam.

Pada masa hadapan, industri perbankan Islam dijangka semakin memanfaatkan kemudahan yang disediakan melalui Program Kewangan Perdagangan dan Program Rantaian Pembekalan anjuran Bank Pembangunan Asia (*Asian Development Bank, ADB*) bagi mengembangkan lagi kapasiti dalam membiayai industri halal. Program ini menawarkan, antara lain, kemudahan jaminan yang membantu pengurusan risiko berkaitan perdagangan, terutamanya untuk perdagangan dengan pasaran baharu yang berisiko tinggi.

### **Membangunkan ekosistem bakat untuk kewangan Islam**

Pembangunan bakat terus menjadi keutamaan, dengan perkembangan yang ketara dalam usaha memperkuat ekosistem pembangunan bakat untuk kewangan Islam. Jawatankuasa Penyelarasan

<sup>1</sup> UNEPFI merupakan perkongsian antara *United Nations Environment (UN Environment)* dengan sektor kewangan global yang ditubuhkan pada Persidangan Kemuncak Bumi 1992 dengan misi untuk menggalakkan kewangan yang mampan. Lebih 230 institusi kewangan, termasuk bank, penanggung insurans, dan pelabur, bersama-sama dengan *UN Environment* berusaha untuk memahami persekitaran hari ini, cabaran sosial dan tadbir urus, kepentingannya kepada kewangan, dan cara untuk menyertai secara aktif dalam menangani hal-hal tersebut.

Strategik (*Strategic Coordination Committee, SCC*)<sup>2</sup> yang ditubuhkan oleh Bank pada bulan September 2017 terus memainkan peranan yang penting dalam memanfaatkan ciri saling melengkapi antara badan profesional dengan penyedia latihan sedia ada dalam kewangan Islam, iaitu Persatuan Penasihat Syariah bagi Kewangan Islam Malaysia (*Association of Shariah Advisors in Islamic Finance Malaysia*), Institut Profesional Kewangan Islam Berpiagam (*Chartered Institute of Islamic Finance Professionals*) dan Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (*Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, IBFIM*). Rangka kerja usaha sama juga telah dimulakan antara institusi-institusi ini untuk memanfaatkan gabungan kepakaran, pengalaman dan sumber mereka bagi memajukan pembangunan kumpulan profesional dalam kewangan Islam.

Bank juga terus merintis jalan dalam usaha meningkatkan integrasi antara kewangan Islam dengan kurikulum pendidikan tinggi, khususnya melalui penerbitan Manual Pendidik mengenai piawaian dan keperluan operasi Syariah. Bank, dengan kerjasama Majlis Penasihat Pendidik Kewangan Islam Antarabangsa (*International Council of Islamic Finance Educators, ICIFE*), Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa (*International Shariah Research Academy, ISRA*) dan IBFIM, telah menerbitkan Manual Pendidik mengenai *musyarakah* (perkongsian keuntungan dan kerugian), *mudarabah* (perkongsian keuntungan), *tawarruq* (pembelian aset secara tertangguh dengan penjualan seterusnya kepada pihak ketiga secara tunai), *ijarah* (pajakan) dan *murabahah* (kos ditambah keuntungan) yang dikemas kini. Sebanyak 14 universiti telah bersetuju untuk menerapkan Manual Pendidik ini sebagai sebahagian daripada sukanan pelajaran akademik mereka. Satu siri program latihan mengenai manual ini juga dijalankan untuk ahli fakulti. Pada tahun 2019, dua lagi Manual Pengajar akan dibangunkan, iaitu *istisna'* (pembinaan atau perkilangan) dan *qard* (pinjaman).

Satu pencapaian penting bagi Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) pada tahun 2018 ialah penganugerahan akreditasi berprestij oleh

<sup>2</sup> Terdiri daripada wakil Bank dan ketua institusi bakat kewangan Islam, iaitu INCEIF, Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa (ISRA), IBFIM, Persatuan Penasihat Syariah bagi Kewangan Islam Malaysia (ASAS) dan Institut Profesional Kewangan Islam Berpiagam (CIIF). Jawatankuasa ini ditubuhkan pada tahun 2017 untuk merancang strategi bagi meningkatkan kualiti dan kepelbagaiannya penawaran bakat untuk memenuhi keperluan sektor kewangan Islam dan menangani pertindihan dalam bidang kerja. Hal ini bagi memaksimumkan sinergi operasi dan kewangan merentasi institusi-institusi tersebut.

*Association to Advance Collegiate Schools of Business* (AACSB). Akreditasi ini menempatkan program akademik INCEIF dalam kalangan 5% program perniagaan terpilih dunia yang memperoleh akreditasi AACSB. Akreditasi AACSB mengiktiraf institusi yang memberikan tumpuan terhadap kecemerlangan dalam semua bidang, termasuk pengajaran, penyelidikan, pembangunan kurikulum dan pembelajaran pelajar. Pencapaian ini memperkuuh peranan penting dan impak INCEIF dalam usaha membina kumpulan bakat yang berkualiti tinggi untuk industri kewangan Islam di seluruh dunia.

## PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG

Pada tahun 2018, pengiriman wang keluar meningkat dengan ketara sebanyak 23.3% kepada RM40.64 bilion (2017: RM33 bilion). Peningkatan penawaran dan penggunaan khidmat perniagaan perkhidmatan kewangan (*Money Services Business, MSB*) secara digital terus merangsang peralihan pengiriman wang kepada saluran rasmi. Dianggarkan bahawa lebih RM900 juta daripada jumlah pengiriman wang yang direkodkan ialah urus niaga yang dahulunya dijalankan melalui saluran tidak rasmi, berbanding dengan anggaran sebanyak RM500 juta pada tahun 2017.

Mencerminkan penggunaan teknologi yang semakin meningkat dalam sektor pengiriman wang, lebih banyak penyedia perkhidmatan menawarkan kiriman wang secara elektronik (e-pengiriman wang) pada tahun 2018. Sebanyak 20 syarikat (2017: 17) menawarkan perkhidmatan pengiriman wang mudah alih dan berdasarkan web kepada pelanggan runcit dan korporat. Beberapa penyedia perkhidmatan juga telah memperkenalkan e-pengiriman wang untuk tujuan pembayaran perdagangan. Susulan perubahan pengawalseliaan pada bulan November 2017 untuk membenarkan penyedia pengiriman wang yang layak menggunakan Kenali Pelanggan Anda menerusi platform digital (eKYC) apabila mendaftar pelanggan individu baharu, tiga penyedia e-pengiriman wang telah mendapat kelulusan daripada Bank untuk menjalankan proses eKYC pada tahun 2018. Penggunaan teknologi pengawalan yang berkesan untuk menjalankan eKYC membolehkan penyedia perkhidmatan pengiriman wang mengesahkan dokumen pengenalan dan membuat pengecaman wajah pelanggan secara jarak jauh, dengan tujuan untuk mencapai hasil yang sama taraf atau lebih baik jika dibandingkan dengan prosedur secara bersemuka. Hal ini memberikan kesan yang nyata

kepada usaha menggalakkan penggunaan saluran pengiriman wang rasmi secara lebih meluas berikutan pengurangan kos untuk melaksanakan keperluan usaha wajar pelanggan (*customer due diligence*, CDD) dan menambah baik akses di kawasan yang penyedia perkhidmatan kiriman wang tidak mempunyai premis secara fizikal.

Bagi tahun 2018, kos purata untuk urus niaga e-pengiriman wang ialah 2.1%, lebih rendah daripada kos purata untuk urus niaga pengiriman wang melalui kaunter sebanyak 2.9%.

### Selain menambah baik akses dan kecekapan, e-pengiriman turut mengurangkan kos urus niaga pengiriman wang untuk pelanggan

Pada tahun 2018, urus niaga pertukaran mata wang runcit mencatatkan perolehan sebanyak RM79.4 bilion (2017: RM 79.2 bilion). Peningkatan ini disokong terutamanya oleh permintaan yang berterusan daripada pelancong ke dalam dan ke luar negeri untuk mata wang lazim seperti dolar Singapura, dolar AS, renmimbi China dan mata wang serantau. Dalam segmen borong, perolehan yang lebih rendah dicatatkan iaitu RM13.5 bilion pada tahun 2018 (2017: RM15.5 bilion), berikutan lebih banyak penyedia pertukaran mata wang memperoleh dan menjelaskan mata wang asing melalui bank dan penyedia pertukaran mata wang runcit lain.

Pendigitalan juga semakin mendapat perhatian dalam segmen pertukaran mata wang dengan pengenalan dompet elektronik pelbagai mata wang. Produk inovatif ini membolehkan pelanggan menukar wang dan membuat pembayaran dalam pelbagai mata wang secara elektronik, tanpa perlu membawa mata wang asing secara fizikal.

Aplikasi mudah alih aggregator Penasihat MSB yang diperkenalkan oleh Persatuan Perniagaan Perkhidmatan Wang Malaysia (*Malaysian Association of MSB*, MAMSB) pada tahun 2017 menggalakkan lagi penggunaan saluran MSB terdekat yang dibenarkan. Aplikasi ini membolehkan pelanggan mencari secara elektronik tawaran yang terbaik, mengenal pasti pengendali MSB yang dibenarkan dan menilai perkhidmatan mereka, lantas memberikan lebih kemudahan kepada pengguna sebelum dan selepas menggunakan perkhidmatan MSB. Selain itu, pengguna juga boleh menggunakan aplikasi tersebut untuk melaporkan aktiviti MSB yang tidak sah kepada Bank.

### Jangkauan untuk menggalakkan saluran rasmi MSB

Bank terus meningkatkan usaha mendidik orang ramai tentang kepentingan untuk berurus dengan penyedia perkhidmatan yang dibenarkan sahaja di samping risiko yang dihadapi jika menggunakan saluran tidak sah. Pada tahun ini, Bank telah menganjurkan Projek Greenback 2.0 di Kota Kinabalu (GBKK), bandar raya peneraju kedua di Malaysia. Projek GBKK selama dua tahun ini berlandaskan kejayaan Projek Greenback 2.0 yang pertama di Johor Bahru, sambil meneruskan jalinan usaha sama antara Bank dengan Bank Dunia. Inisiatif yang dilaksanakan di bawah GBKK tertumpu pada usaha mendidik pekerja asing untuk mengenali saluran MSB rasmi dan menggalakkan penggunaan penyelesaian e-pengiriman wang dalam kalangan individu dan perniagaan pada skala yang lebih besar.

Hasil daripada 10 program jangkauan yang diadakan dari bulan Mac hingga bulan Disember 2018, GBKK telah menjangkau lebih 9,000 pekerja asing dan tempatan. Di bawah GBKK, lebih 2,400 pengguna baharu telah mendaftar untuk perkhidmatan e-pengiriman wang dengan jumlah nilai urus niaga meningkat kepada RM12.2 juta bagi tempoh bulan Mac hingga bulan Disember 2018 (49% lebih tinggi daripada nilai yang dicatatkan pada tempoh yang sama pada tahun 2017). Persaingan yang lebih sengit dan kecekapan yang meningkat dalam peruntukan perkhidmatan pengiriman wang juga telah mengurangkan kos urus niaga pengiriman wang dengan ketara di Kota Kinabalu daripada 4.5% pada tahun 2017 kepada 2.4% bagi tempoh bulan Mac hingga bulan Disember 2018. Sementara itu, program jangkauan yang serupa juga telah dianjurkan di beberapa tempat lain di Malaysia khususnya di kawasan yang mempunyai banyak pekerja asing dan PKS.

### Memupuk jalinan usaha sama antarabangsa

Pada tahun 2018, Bank telah bekerjasama dengan *International Fund for Agricultural Development* dan Bank Dunia untuk menganjurkan *Global Forum on Remittances, Investment and Development*, GFRID 2018 di Kuala Lumpur, yang merupakan forum pertama bagi rantau Asia Pasifik. GFRID telah dihadiri oleh lebih 400 pengamal daripada sektor awam dan swasta dari

## Projek Greenback 2.0 di Malaysia

Projek Greenback 2.0 ialah inisiatif yang dibangunkan oleh Bank Dunia yang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan ketelusan pasaran pengiriman wang melalui pendekatan inovatif. Greenback 2.0 juga menyokong pelaksanaan SDG yang dibangunkan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mengurangkan kos pengiriman wang dan menghapuskan kemiskinan. Usaha ini termasuk kerjasama antara komuniti pekerja asing, peserta industri pengiriman wang dan pihak berkuasa awam untuk menggalakkan pendidikan kewangan, memberikan tumpuan pada perkhidmatan pengiriman wang dan meletakkan sasaran pada pekerja-pekerja asing. Inisiatif ini dilancarkan pada tahun 2011 di bandar-bandar terpilih (Bandar Pengiriman Wang) bermula dengan Turin (Itali) dan Montreuil (Perancis). Di Malaysia, Bank dengan kerjasama Bank Dunia dan disokong oleh para peserta industri, agensi Kerajaan, perniagaan dan komuniti pekerja asing, telah melancarkan dua Projek Greenback 2.0, iaitu di Johor Bharu (pada tahun 2015 sebagai Bandar Pengiriman Wang yang pertama di Asia) dan Kota Kinabalu (pada tahun 2018).


50 negara dan merupakan platform untuk berkongsi amalan terbaik serta menjalankan perkongsian untuk memaksimumkan impak pembangunan menerusi pengiriman wang. Forum ini berhasil mengenal pasti hasil tindakan khusus yang boleh dikaitkan secara langsung dengan Agenda Pembangunan Mampan dan Matlamat Pembangunan Mampan 2030 PBB (*UN's 2030 Agenda for Sustainable Development and its Sustainable Development Goals*). Tindakan ini termasuk: (i) memperkuuh kutipan, analisis dan aplikasi data yang berkaitan dengan pengiriman wang untuk merangka dasar pengiriman wang dan pemerkasaan pengguna yang berkesan; (ii) menggalakkan pengharmonian pengawalseliaan serantau untuk merancakkan inovasi dan meningkatkan kecekapan pasaran, dan pada masa yang sama memelihara integriti perkhidmatan pengiriman wang; dan (iii) memanfaatkan pengiriman wang untuk memajukan agenda rangkuman kewangan. Hasil tersebut dijangka dapat memupuk jalinan usaha sama dalam kalangan pihak berkuasa dan industri MSB untuk meningkatkan impak pembangunan perkhidmatan pengiriman wang bagi menyokong pembangunan mampan dan pertumbuhan yang inklusif di rantau ini.

## PASARAN KEWANGAN

Pada tahun 2018, pasaran bon Malaysia terus menjadi sumber pembiayaan yang penting bagi sektor awam dan korporat. Pasaran ini turut mengekalkan kedudukannya sebagai salah satu pasaran terbesar di Asia Tenggara (Rajah 2.4). Bon kerajaan dan korporat terkumpul meningkat 8.8% kepada RM1.4 triliion pada tahun 2018 yang masing-masing mewakili 51.7% dan 46.7% daripada KDNK (2017: RM1.3 triliun, kerajaan: 49.7% daripada KDNK; korporat: 45.7% daripada KDNK). Sukuk, yang mencakupi 60.1% daripada jumlah sekuriti hutang terkumpul (2017: 58.8%) terus mendominasi penerbitan (Rajah 2.5).

**Rajah 2.4: Pasaran Sekuriti Hutang Mata Wang Tempatan Terkumpul ASEAN**

**Pasaran sekuriti hutang Malaysia kekal antara pasaran terbesar di ASEAN**




Sumber: *Asian Bonds Online*

Pelbagai perkembangan luaran pada tahun 2018, termasuk penjajaran dasar monetari oleh *Federal Reserve* AS dan volatiliti pasaran global yang tercetus akibat ketegangan perdagangan AS-China telah menyumbang kepada sentimen penghindaran risiko pada peringkat global. Situasi ini menyebabkan berlakunya aliran keluar portfolio daripada pasaran yang pesat membangun, termasuk Malaysia. Walau bagaimanapun, kedalaman pasaran sekuriti hutang terus menyokong keadaan pasaran yang teratur. Keadaan ini disokong oleh institusi kewangan dan institusi pelaburan domestik yang utuh, seperti yang dicerminkan oleh urus niaga yang terus aktif dalam pasaran sekuriti kerajaan yang mencatatkan dagangan berjumlah RM1.2 triliun pada tahun 2018. Kadar hasil bon kekal stabil dalam keadaan permintaan yang tinggi terhadap Sekuriti Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Securities*, MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia

Rajah 2.5: Sekuriti Hutang dan Sukuk Terkumpul (Kerajaan dan Korporat)

**Sukuk mencakupi bahagian terbesar jumlah sekuriti hutang terkumpul**



Sumber: Bank Negara Malaysia

(*Malaysian Government Investment Issues*, MGII). Purata nisbah bida kepada perlindungan yang dicatatkan pada tahun 2018 ialah 2.293 kali (2017: 2.198 kali), dengan penyertaan aktif terutamanya daripada institusi perbankan, syarikat insurans dan institusi pelaburan domestik.

Bahagian pemegangan bukan pemastautin bagi bon kerajaan Malaysia menurun daripada 27.7% kepada 22.7% pada bulan Disember 2018 dengan komposisi pelabur yang stabil seperti bank pusat lain, kumpulan wang pencen dan syarikat insurans, meningkat secara relatif berbanding dengan pelabur jangka pendek. Pelabur yang stabil mewakili lebih separuh daripada pemegangan bukan pemastautin bon kerajaan Malaysia pada 52%, dan menjadi penyumbang kepada pasaran bon tempatan yang lebih berdaya tahan.

**Kadar hasil bon kekal stabil manakala permintaan terhadap MGS dan MGII terus utuh, mencerminkan penyertaan yang aktif terutamanya daripada institusi perbankan, syarikat insurans dan pelabur institusi**

Berbeza dengan prestasi yang lebih memberangsangkan pada tahun 2017, ringgit menyusut nilai 1.8% berbanding dengan dolar AS dan ditutup pada RM4.1385 pada tahun 2018 dengan dolar AS yang pada amnya mengukuh (Rajah 2.6). Risiko untuk ringgit menyusut nilai sebahagian

Rajah 2.6: Kadar Pertukaran Ringgit Berbanding Dolar AS

**Kadar tukaran mata wang Ringgit menurun 1.8% berbanding dolar AS pada tahun 2018**




Sumber: Bank Negara Malaysia

besarnya dikurangkan oleh lebihan akaun semasa imbalan pembayaran yang berterusan dan atas ekonomi Malaysia yang mantap.

Pelaksanaan beberapa inisiatif pembangunan pasaran kewangan pada tahun 2016 telah membantu mengukuhkan daya tahan pasaran domestik terhadap kejutan. Volatiliti ringgit mencatatkan sedikit kenaikan kepada 4.6% (Rajah 2.7), sebahagian besarnya disebabkan oleh kombinasi peristiwa seperti keputusan pilihan raya di Malaysia, rintangan luaran pada peringkat global dan volatiliti harga minyak pada tahun 2018. Dalam pasaran pertukaran asing (FX), spread bida-tawar untuk USD/RM kekal stabil pada purata 24 pips bagi tahun 2018 (purata 2016 dan 2017: 35 pips), disokong oleh mudah tunai pasaran domestik yang mencukupi.

Rajah 2.7: Turun Naik Tersirat USD/RM Tempatan Satu Bulan

**Turun naik ringgit kekal stabil sepanjang tahun 2018**




Sumber: Bank Negara Malaysia

Langkah-langkah untuk mengurus kesan limpahan daripada pasaran kontrak hadapan tanpa serahan (*non-deliverable forwards*, NDF) USD/RM disokong oleh kemajuan selanjutnya dalam pasaran derivatif pertukaran asing dalam negeri. Hal ini telah membantu menstabilkan kadar dalam negeri meskipun pasaran yang pesat membangun mengalami aliran modal yang tidak menentu. Urus niaga spekulatif ringgit reda dan mencatatkan penurunan yang ketara dalam jumlah urus niaga harian purata NDF. Sementara itu, jumlah kontrak spot domestik dan kontrak hadapan meningkat berikutan peningkatan lebih satu pertiga dagangan hadapan dalam negeri harian berbanding dengan tahun 2017 (Rajah 2.8). Pembangunan pasaran FX dalam negeri terus berkembang berikutan lebih fleksibiliti diberikan kepada pengurus dana untuk mengurus risiko FX dan kedudukan perlindungan nilai mereka secara lebih dinamik. Pada akhir tahun 2018, lebih 80 pengurus dana telah berdaftar dengan Bank untuk memohon fleksibiliti perlindungan nilai yang dinamik dengan jumlah aset yang layak melebihi RM120 bilion.

Liberalisasi dasar pentadbiran pertukaran asing (*foreign exchange administration*, FEA) yang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat sejak tahun-tahun kebelakangan ini telah menyumbang kepada desentralisasi rizab yang dipegang oleh syarikat korporat dan institusi kewangan. Liberalisasi ini membolehkan obligasi luaran dipenuhi tanpa perlu membuat tuntutan ke atas rizab antarabangsa

#### Rajah 2.8: Jumlah Dagangan Pertukaran Asing Harian



Bank. Pada akhir tahun 2018, rizab antarabangsa berjumlah USD101.4 bilion, cukup untuk membiayai 7.4 bulan import tertangguh dan 1.0 kali hutang luar negeri jangka pendek.

#### Penambahbaikan dasar FEA

Pada 17 Ogos 2018, Bank mengumumkan beberapa perubahan lanjut pada dasar FEA yang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pengendalian dan memudahkan pengurusan risiko oleh perniagaan dan institusi kewangan, dan pada masa yang sama memelihara kestabilan kewangan dalam tempoh ketidakpastian pasaran global yang semakin meningkat.

#### Meningkatkan ketelusan dan kecekapan pasaran kewangan

Pada bulan Mei 2018, Bank melaksanakan dasar untuk meningkatkan ketelusan berhubung dengan pemilikan benefisial sekuriti hutang melalui struktur akaun berasingan yang dikendalikan oleh RENTAS. Pematuhan pada peringkat pelaksanaan pelaburan, adalah wajib ke atas semua pelabur pemastautin dan bukan pemastautin dalam sekuriti hutang RENTAS. Pengoperasian inisiatif ini juga selaras dengan perkembangan global, khususnya penerapan Pengecam Entiti Sah (*Legal Entity Identifier*) sebagai pengecam unik untuk penyelenggaraan akaun.

Penambahbaikan juga telah dilakukan pada Sistem Pemantauan dan Operasi Ringgit (*Ringgit Operations and Monitoring System*) yang dikendalikan oleh Bank untuk memperkuuh pengawasannya terhadap pasaran FX Bank. Sistem ini memudahkan semua bank tempatan berlesen untuk melaporkan urus niaga dan kedudukan FX mereka setiap hari bagi memantau keadaan pasaran. Penambahbaikan ini membantu pengawasan Bank secara hampir masa nyata yang lebih berkesan bagi penukaran dan aliran FX.

Sejajar dengan pendigitalan yang semakin meluas dalam sektor kewangan, Bank juga sedang membangunkan satu rangka kerja bagi platform dagangan elektronik. Rangka kerja ini akan memperincikan bentuk penubuhannya dan keperluan lain yang perlu dipatuhi oleh penyedia platform. Langkah ini diharapkan dapat menambah baik kecekapan dan produktiviti pasaran di samping menyokong kepelbagai pelanggan melalui akses yang lebih baik yang disediakan untuk peserta pasaran borong. Satu Draf Dedahan dijangka dikeluarkan pada separuh tahun pertama 2019.

## Penambahbaikan dasar FEA pada bulan Ogos 2018:

### i. Lebih fleksibiliti dalam pengurusan perolehan eksport

Pengeksport dibenarkan untuk memasukkan hasil eksport mereka secara automatik ke dalam Akaun Mata Wang Asing Perdagangan dengan bank tempatan bagi memenuhi obligasi mata wang asing sehingga enam bulan tanpa perlu menukar dahulu hasil eksport tersebut ke dalam ringgit. Fleksibiliti ini diberikan apabila pengeksport telah mengemukakan obligasi mata wang asing enam bulan mereka kepada bank tempatan masing-masing.

### ii. Perlindungan nilai yang fleksibel bagi obligasi mata wang asing

Bank akan memberikan fleksibiliti yang lebih besar kepada pemastautin yang membuat permohonan kepada Bank untuk melindungi nilai:

- obligasi mata wang asing melebihi enam bulan (iaitu untuk obligasi akaun semasa dan pembayaran balik pinjaman mata wang asing); dan
- dedahan terhadap mata wang asing daripada invois yang dikeluarkan dalam mata wang asing di bawah amalan penetapan harga antarabangsa bagi perdagangan barang dan perkhidmatan dalam negeri.

### iii. Akses yang lebih luas kepada pasaran kewangan dalam negeri bagi bukan pemastautin

- Syarikat bukan pemastautin kini dibenarkan untuk menjalankan urus niaga derivatif kadar faedah dalam denominasi ringgit melalui Pejabat Luar Negara Yang Dilantik (*Appointed Overseas Offices*), tertakluk pada pengaturan *back-to-back* (nilai yang setara bagi kedua-dua mata wang) dengan bank tempatan. Langkah ini bertujuan untuk memperdalam pasaran derivatif kadar faedah dalam negeri bagi menyokong aktiviti pengurusan risiko oleh sektor perniagaan.

## Memahami Pembiayaan Melalui Lensa Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

Oleh Karunajothi Kandasamy, Samuel Lee dan Ng Shyue Jer

### Pengenalan

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS)<sup>1</sup> memainkan peranan penting dalam menjana pendapatan, pekerjaan, inovasi dan jalinan perpaduan sosial. Terdapat kira-kira satu juta PKS<sup>2</sup> dalam negara yang menyumbang 37.1% daripada KDNK, 66% daripada pekerjaan dan 17.3% daripada eksport Malaysia.<sup>3</sup> Hubungan positif antara keusahawanan dan pertumbuhan sememangnya sudah mantap,<sup>4</sup> namun semakin banyak penyelidikan yang memberikan tumpuan kepada pentingnya pembiayaan bagi menyokong perkembangan PKS. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa firma yang mendapat akses kepada pinjaman berkembang pada kadar yang lebih pesat berbanding dengan firma yang tidak mendapat akses.<sup>5</sup>

Sebagai sebahagian daripada fungsi Bank untuk menggalakkan sektor kewangan yang kukuh, progresif dan terangkum, usaha yang telah dilaksanakan menjurus ke arah membangunkan ekosistem pembiayaan PKS yang holistik. Antaranya ialah usaha untuk menangani maklumat tidak simetri dan ketidaksempurnaan pasaran yang merupakan penghalang utama kepada pembiayaan. Kemajuan yang ketara telah dicapai dalam bidang maklumat kredit; jaminan kredit; dana khas; khidmat nasihat serta pengaturan bantuan dan penyelesaian hutang. Pembiayaan kepada PKS kini mencakupi 48.7% daripada jumlah pembiayaan terkumpul yang diberikan oleh institusi kewangan kepada segmen perniagaan (2010: 37.6%), dan 17.5% daripada jumlah pembiayaan terkumpul (2010: 14.4%).

Antara inisiatif Bank yang berterusan untuk memastikan PKS terus mendapat akses kepada pembiayaan, satu Kaji Selidik Pembiayaan PKS ("Kaji Selidik") telah dijalankan pada tahun 2018 untuk memahami keperluan pembiayaan dan amalan PKS dengan lebih baik. Rencana ini membentangkan hasil Kaji Selidik tersebut yang memberikan pemahaman lebih mendalam tentang perkara-perkara yang berikut:

1. Ciri-ciri utama dan amalan pembiayaan PKS di Malaysia;
2. Cabaran dalam pembiayaan; dan
3. Implikasi dasar pada masa hadapan.

### Skop Dan Metodologi Kaji Selidik

Kaji Selidik ini yang meliputi ciri-ciri firma perniagaan dan keusahawanan, prestasi dan cabaran perniagaan, serta akses kepada pembiayaan dan penggunaan perkhidmatan kewangan, telah disertai oleh sejumlah 1,529<sup>6</sup> PKS yang beroperasi secara formal. Pendekatan pensampelan berstrata telah digunakan bagi memastikan kaji selidik mewakili taburan di seluruh negara. Selain itu, sampel sebanyak 223 perniagaan yang tidak formal turut dikaji bagi memahami keperluan dan kebimbangan pembiayaan mereka yang unik.

### Profil PKS

Kebanyakan PKS di Malaysia merupakan perusahaan mikro (77%) dan sebahagian besar perniagaan ini tertumpu pada sektor perkhidmatan (89%).<sup>7</sup> Dari segi status undang-undang, kebanyakan PKS beroperasi sebagai pemilik tunggal (61%, Gambar Rajah 1).

<sup>1</sup> Termasuk perusahaan mikro.

<sup>2</sup> Berdasarkan anggaran bagi tahun 2018 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

<sup>3</sup> Sumber data 2017 tentang KDNK, pekerjaan dan eksport daripada Jabatan Statistik Malaysia.


<sup>4</sup> Beck, Demirgic-Kunt, Levine, 2005. SMEs, Growth and Poverty, National Bureau of Economic Research (NBER) working paper series.

<sup>5</sup> Ayyagari, Juarros, et al. 2016. Access to Finance and Job Creation; Firm Level Evidence across Developing Countries, World Bank Group.

<sup>6</sup> Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

<sup>7</sup> Berdasarkan Banci Ekonomi 2016, Jabatan Statistik Malaysia.

Gambar Rajah 1

**Profil PKS Mengikut Saiz, Sektor dan Status Undang-Undang**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Pemahaman Mendalam daripada Hasil Kaji Selidik****1. Ciri-ciri Utama dan Amalan Pembiayaan PKS di Malaysia**

Kaji Selidik ini menunjukkan bahawa lebih 90% daripada PKS menjalankan perniagaan untuk pasaran dalam negeri, manakala 7% mengeksport produk dan perkhidmatan mereka. Kira-kira 83% daripada PKS telah melaporkan bahawa mereka menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*Information and Communications Technology, ICT*) dalam operasi perniagaan mereka (Gambar Rajah 2), dengan 22% yang mempunyai laman sesawang sendiri dan 14% mengendalikan kedai dalam talian. Lebih daripada separuh responden (53%) menggunakan perkhidmatan profesional termasuk juruaudit, akauntan atau penasihat kewangan untuk mengurus akaun kewangan mereka. Meskipun berhadapan dengan persekitaran perniagaan yang mencabar pada suku pertama tahun 2018, sebahagian besar PKS (71%) mencatatkan margin keuntungan melebihi 10% (Rajah 1) dan dapat mengekalkan aliran wang tunai yang positif. Firma perkilangan melaporkan tahap produktiviti yang lebih tinggi dan membayar upah yang lebih lumayan kepada graduan baharu yang diambil bekerja berbanding dengan sektor lain.

Dari segi pembiayaan, responden melaporkan mereka memperoleh dana daripada pelbagai sumber dalaman dan luaran, dengan sumbangan wang tunai sendiri merupakan sumber utama. Antara sumber dana lain kira-kira 27% daripada responden mendapat kemudahan pinjaman daripada institusi kewangan, diikuti oleh sumber daripada keluarga dan sahabat handai, dana yang dijana secara dalaman dan institusi pembiayaan mikro (Rajah 2).


Gambar Rajah 2

**Ciri-Ciri PKS**

\* Beroperasi kurang daripada tiga tahun

Sumber: Bank Negara Malaysia


Rajah 1: Margin Keuntungan PKS Mengikut Sektor




Dalam segmen perusahaan mikro, 22% daripada responden mendapat kemudahan pembiayaan daripada institusi kewangan, termasuk 9% memperoleh pembiayaan melalui kemudahan Pembiayaan Mikro.<sup>8</sup>

Sumber pembiayaan juga berbeza-beza mengikut kitaran hayat perniagaan. Pada peringkat permulaan, syarikat yang baru memulakan operasi lebih cenderung untuk bergantung pada wang tunai sendiri dan sumber tidak rasmi seperti keluarga dan sahabat handai. Penemuan kajian ini selaras dengan kebanyakan hasil penyelidikan, iaitu, amalan seperti ini merupakan perkara lazim bagi syarikat yang baru memulakan operasi disebabkan oleh maklumat yang tidak jelas; kekurangan cagaran, rekod prestasi dan kemahiran mengurus kewangan; serta kos urus niaga yang tinggi.<sup>9</sup> Apabila perniagaan kian matang (biasanya selepas lima tahun beroperasi), mereka lebih cenderung untuk bergantung pada pembiayaan luaran dalam bentuk hutang dan juga ekuiti, termasuk pembiayaan bank (Rajah 3).

Rajah 2: Sumber Pembiayaan Mengikut Saiz



Rajah 3 : Sumber Pembiayaan Mengikut Tahun Syarikat Beroperasi



<sup>8</sup> Skim pembiayaan mikro khusus tanpa cagaran untuk membiayai perniagaan sehingga RM50,000.


<sup>9</sup> Berger, Udell, 1998; OECD, 2015. *The Economics of Small Business Finance: The Roles of Private Equity and Debt Markets in the Financial Growth Cycle*; Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD), 2015. *New Approaches to SME and Entrepreneurship Financing: Broadening the Range of Instruments*.

Dalam kalangan PKS yang telah memohon pembiayaan, sebahagian besar menyatakan bahawa mereka berjaya memperoleh pembiayaan. Kira-kira 22% daripada responden telah membuat permohonan pembiayaan dalam tempoh enam bulan sebelum Kaji Selidik ini, dengan sebahagian besar daripada permohonan mereka (94%) telah diluluskan.

- Kira-kira 13% memohon pembiayaan daripada institusi kewangan dengan 91% daripada permohonan mereka diluluskan sementara 9% lagi memohon daripada sumber kewangan lain<sup>10</sup> dengan kadar kelulusan sebanyak 99%.

Gambar Rajah 3

### Penggunaan Perkhidmatan Kewangan Lain oleh PKS



- b) Firma milik wanita melaporkan permintaan terhadap pembiayaan yang lebih tinggi (33% daripada firma milik wanita telah memohon berbanding dengan 22% bagi semua responden), tetapi mengalami kadar kelulusan yang lebih rendah, iaitu 83% (keseluruhan: 94%) disebabkan terutamanya oleh prestasi rekod pembayaran yang terhad dan dokumentasi yang tidak mencukupi. Kebanyakan firma ini memperoleh pembiayaan tidak bercagar daripada institusi pembiayaan mikro, institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan.
- c) Kira-kira 44% daripada responden merupakan peminjam kali pertama.
- d) Tujuan utama permohonan pembiayaan adalah untuk membeli aset (bangunan, harta tanah, jentera dan peralatan: (23%), modal kerja (22%) dan memulakan perniagaan baharu (19%).
- e) Secara purata, sebahagian besar permohonan (89%) telah diluluskan dalam tempoh sebulan dan dana telah disalurkan pada bulan yang berikutnya (87%).

Kaji Selidik ini turut memberikan pemahaman tentang penggunaan perkhidmatan kewangan lain oleh PKS, seperti insurans, takaful dan e-pembayaran (Gambar Rajah 3). Lebih daripada separuh responden memiliki produk insurans atau takaful, namun hal ini tidak begitu ketara dalam kalangan perusahaan mikro. Meskipun kadar pengambilan insurans dan takaful oleh PKS pada masa ini rendah, namun permintaan ke atas produk insurans dan takaful secara menyeluruh dijangka mempunyai potensi yang besar pada masa hadapan. Hal ini disebabkan oleh minat mereka yang semakin meningkat khususnya pada produk perlindungan risiko yang berkaitan dengan keselamatan siber, ganti rugi profesional, mungkir pembayaran dan kerosakan hasil tanaman. Sebahagian besar PKS membuat pembayaran secara elektronik, tetapi memilih wang tunai apabila menerima bayaran daripada pelanggan. Cek juga didapati terus popular sebagai instrumen untuk membuat pembayaran kepada pembekal dan dalam urus niaga B2B (perniagaan ke perniagaan) lain.

## 2. Cabaran Pembiayaan

### a) Halangan pembiayaan terutamanya berkaitan dengan dokumentasi, kos dan daya maju perniagaan

Antara kekangan utama terhadap pertumbuhan perniagaan, kesukaran untuk mengakses pembiayaan yang mencukupi menduduki tempat kedua terakhir daripada sembilan kekangan yang dikenal pasti oleh PKS (Rajah 4). Walau bagaimanapun, hasil Kaji Selidik ini telah mendedahkan beberapa halangan pembiayaan yang dihadapi oleh PKS:

- PKS yang permohonan pembiayaannya ditolak menyatakan bahawa dokumen yang tidak mencukupi, aliran tunai yang tidak memuaskan untuk menampung pembayaran balik dan pelan perniagaan yang tidak berdaya maju merupakan sebab utama permohonan mereka ditolak.

Rajah 4: Kekangan Perniagaan yang Dihadapi oleh PKS




Nota: Firma boleh memilih lebih daripada satu jawapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

- PKS yang terlibat dalam kegiatan automasi, inovasi, perkilangan dan eksport mengalami kadar penolakan permohonan yang lebih tinggi berbanding dengan keseluruhan PKS (Rajah 5). Firma yang melaksanakan automasi menyatakan bahawa cagaran yang tidak mencukupi dan projek yang dianggap berisiko lebih tinggi merupakan sebab utama permohonan mereka ditolak. Permohonan yang ditolak ini terutamanya adalah untuk pembelian jentera dan kelengkapan serta peralatan ICT, di samping tujuan penyelidikan dan pembangunan (*Research and Development*, R&D). Projek-projek ini boleh dianggap mempunyai risiko yang lebih besar kerana ia mungkin melibatkan aset boleh alih dan tidak ketara dengan nilai sisaan (*salvage value*) yang rendah sekiranya gagal dari segi komersial serta, penggunaan proses yang baharu dan belum diuji dengan keuntungan yang sukar diramal.<sup>11</sup> Firma inovatif menyatakan bahawa dokumentasi yang tidak mencukupi merupakan sebab utama permohonan ditolak. Firma pengeksport dan firma perkilangan yang lebih sukar untuk memperoleh pembiayaan adalah firma yang kebanyakannya baru ditubuhkan dengan rekod prestasi pembayaran balik yang terhad.
- Perniagaan yang memerlukan pembiayaan tetapi tidak memohon (41%) merupakan firma yang mengambil sikap berwaspada dalam menanggung hutang, tidak pasti tentang keupayaan untuk membayar balik pinjaman atau mendapat proses permohonan terlalu sukar.
- Kira-kira 46% daripada responden menyatakan bahawa produk pembiayaan yang ditawarkan oleh institusi kewangan tidak memenuhi keperluan perniagaan mereka disebabkan oleh kos pembiayaan yang tinggi (50%), jumlah pembiayaan yang tidak mencukupi (42%) dan keperluan dokumen yang membebankan (29%). Kadar pembiayaan purata yang sanggup dibayar oleh responden ialah 3.88%, jauh lebih rendah daripada kadar pinjaman purata PKS semasa Kaji Selidik ini dibuat, iaitu 6.18% (suku kedua 2018).

Cabaran yang dibangkitkan oleh PKS dalam Kaji Selidik ini ialah peluang untuk menambah baik proses pendaftaran pelanggan baharu institusi kewangan (termasuk keperluan dokumen) dan keupayaan PKS menguruskan kewangan bagi meningkatkan kebolehpercayaan kredit mereka. Pendekatan baharu yang membuka peluang kepada PKS untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan adalah menerusi penilaian kredit yang menggunakan teknologi dan data mega.

**Rajah 5: Kadar Penolakan Permohonan Mengikut Segmen Utama**




<sup>11</sup> OECD, 2004. *Financing Innovative SMEs in a Global Economy*.


### b) Dana merupakan bantuan Kerajaan yang paling dikehendaki

Kaji Selidik ini menunjukkan bahawa kekangan utama pertumbuhan PKS ialah faktor yang berhubung kait dengan pengendalian dan keadaan perniagaan, iaitu persaingan yang semakin sengit (69% daripada responden), permintaan yang tidak menentu (51%), kos input yang meningkat (44%) dan kos tenaga pekerja yang bertambah (40%). Walau bagaimanapun, apabila ditanya tentang bentuk bantuan Kerajaan yang paling dikehendaki, sebahagian besar PKS secara konsisten memilih bantuan kewangan (contohnya geran, pinjaman mudah, jaminan) (Rajah 6). Hal ini menunjukkan bahawa PKS kurang mempunyai kesedaran tentang bentuk bantuan lain yang boleh diberikan oleh Kerajaan, yang mungkin lebih sesuai untuk menangani cabaran khusus yang dihadapi, seperti sokongan dalam pembangunan modal insan, tindakan pengawalseliaan atau akses kepada pasaran baharu.


**Rajah 6: Bantuan Kerajaan Dianggap Sebagai Paling Bermanfaat oleh PKS Berbanding dengan Kekangan Utama yang Dihadapi**



**Rajah 7: Kesedaran PKS Mengenai Bantuan Kerajaan**



**Rajah 8: Amalan Pembiayaan oleh PKS yang Berautomasi**



Hasil daripada Kaji Selidik ini selanjutnya menunjukkan bahawa faktor-faktor tertentu seperti tahap pendidikan, keahlian dalam persatuan perdagangan, dan penggunaan ICT mempunyai hubung kait yang positif dengan kesedaran yang lebih tinggi (Rajah 7). Faktor-faktor ini boleh dimanfaatkan dalam usaha membangunkan program kesedaran pada masa hadapan bagi memastikan jangkauan yang lebih berkesan.

**c) Permintaan terhadap pembiayaan yang lebih tinggi untuk automasi dan teknologi**

Kira-kira 19% daripada responden menyatakan bahawa mereka telah mengautomasikan operasi mereka, 15% menggunakan teknologi secara aktif untuk berinovasi atau memperkenalkan produk dan proses baru, manakala kira-kira 17% (khususnya syarikat bersaiz sederhana) sedang membuat persiapan untuk menyertai Industri 4.0.<sup>12</sup> Perniagaan yang telah mengautomasikan operasi mereka (terutamanya dalam perdagangan borong, komputer dan perkhidmatan berkaitan teknologi maklumat, serta pengilangan jentera dan peralatan kejuruteraan) telah melaporkan purata hasil kira-kira 90% lebih tinggi bagi setiap pekerja, berbanding dengan perniagaan yang tidak melaksanakan automasi. Oleh itu, peralihan kepada automasi mempunyai potensi yang besar dengan menggunakan pembiayaan sebagai penggerak utama untuk meningkatkan pertumbuhan dan sumbangan PKS kepada ekonomi.

Firma yang menggunakan teknologi<sup>13</sup> pada amnya mempunyai permintaan pembiayaan yang lebih tinggi berbanding dengan keseluruhan responden (Rajah 8), tetapi mereka juga menerima kadar penolakan permohonan yang lebih tinggi. Khususnya, tujuan utama firma yang melaksanakan automasi mendapatkan pembiayaan adalah untuk membeli jentera dan peralatan serta alat ICT termasuk perkakasan dan perisian, di samping menjalankan aktiviti R&D. Pembiayaan seperti ini boleh melibatkan risiko yang lebih tinggi yang dikaitkan dengan ketidakpastian terhadap nilai dan keselamatan yang terdapat pada aset tidak ketara atau boleh alih, termasuk keupayaan aset ini untuk menjana aliran tunai. Hal yang sedemikian mengakibatkan kadar penolakan permohonan menjadi lebih tinggi. Satu lagi sebab penolakan permohonan ialah kemungkinan kurangnya produk yang sesuai dalam pasaran untuk membiayai automasi kerana kurang berpengalaman dalam menilai teknologi inovatif dan juga dalam menentukan harga bagi menilai risiko yang berkaitan.<sup>14</sup>

Pada masa yang sama, Kaji Selidik ini mendedahkan bahawa firma automasi bersikap terbuka dan bersedia untuk berkongsi maklumat dengan penyedia perkhidmatan kewangan. Mereka juga mempunyai hak milik aset yang lebih tinggi (tiga kali lebih tinggi daripada firma yang tidak mengautomasi). Oleh itu, terdapat peluang untuk memperkuuh pemahaman tentang keunikan profil dan keperluan pembiayaan firma yang melaksanakan automasi, menambah baik dan menyesuaikan tawaran produk untuk automasi, serta mengkaji semula dasar cagaran dan infrastruktur sokongan agar aset boleh alih dan tidak ketara ini dapat diterima sebagai cagaran.

**d) Perniagaan tidak formal yang terus wujud mengehadkan lagi akses kepada pembiayaan**

Kaji Selidik ini turut mendedahkan bahawa syarikat tidak berdaftar,<sup>15</sup> pada amnya mencatatkan keuntungan yang lebih tinggi, dengan purata 17.7%, berbanding dengan 16.1% yang dicatatkan oleh PKS formal. Firma seperti ini sangat bergantung pada dana daripada keluarga dan sahabat handai serta wang tunai sendiri pada peringkat permulaan, dan terus bergantung pada keluarga dan sahabat handai, serta wang yang dijana secara dalaman meskipun perniagaan mereka telah berkembang, dengan akses kepada pembiayaan luar yang rendah. Akses yang terhad daripada sumber penting dan bantuan Kerajaan boleh mengehadkan skop pertumbuhan mereka.<sup>16</sup>

<sup>12</sup> Industri 4.0 atau Revolusi Perindustrian Keempat ialah nama yang diberikan kepada trend automasi dan pertukaran data teknologi perkilangan pada masa ini. Antara lain, Industri 4.0 termasuk sistem fizikal siber, Internet benda (*Internet of things*), pengkomputeran awan (*cloud computing*), pengkomputeran kognitif (*cognitive computing*), data mega dan robot autonomi.

<sup>13</sup> Merujuk firma yang mengautomasi dan meningkatkan produktiviti di samping berinovasi.

<sup>14</sup> Shroder, 2017. *The Challenge of Industry 4.0 for Small and Medium-sized Enterprises*.


<sup>15</sup> Perniagaan tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Walau bagaimanapun, 36% firma ini telah didaftarkan dengan pihak berkuasa lain seperti pihak berkuasa tempatan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwai Pengguna, persatuan dan pertubuhan.

<sup>16</sup> International Finance Corporation (IFC), 2013. Menutup Jurang Kredit Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana yang Formal dan Tidak Formal (*Closing the Credit Gap for Formal and Informal Micro, Small, and Medium Enterprises*).

Cuma 6% pemilik firma yang tidak berdaftar menyatakan bahawa mereka berhasrat untuk mendaftarkan perniagaan mereka secara formal dalam tempoh dua tahun akan datang. Kaji Selidik Perusahaan Bank Dunia (*The World Bank Enterprise Surveys*) menyatakan bahawa antara sebab lazim firma tidak mendaftarkan perniagaan mereka termasuk kekurangan maklumat tentang cara pendaftaran, masa yang diambil untuk mendaftar, cukai yang perlu dibayar, dan tanggapan kurangnya manfaat yang diperoleh daripada pendaftaran perniagaan mereka. Kajian lain turut memaparkan kos kemasukan yang tinggi, peraturan pekerja yang ketat, kurang akses kepada sumber dan proses pendaftaran yang rumit sebagai penghalang kepada firma untuk menjadi formal. Faktor-faktor ini, yang mungkin juga relevan di Malaysia, boleh dikaji dengan lebih lanjut menerusi kaji selidik yang diadakan pada masa hadapan untuk menggalakkan lebih banyak perniagaan menjadi formal.<sup>17</sup>

**Gambar Rajah 4**

#### Ciri-Ciri Utama PKS Tidak Formal



Nota: Sebagai % daripada responden, k mewakili ribu

Sumber: Bank Negara Malaysia

### 3. Implikasi Dasar

Hasil Kaji Selidik ini menegaskan bahawa keutamaan dasar sedia ada yang lebih tertumpu pada usaha untuk menggalakkan inovasi oleh institusi kewangan termasuk produk penambahbaikan kredit, meningkatkan kecekapan proses pembiayaan serta mengukuhkan keupayaan pengurusan kewangan PKS, kekal relevan memandangkan halangan memperoleh pembiayaan masih wujud bagi sejumlah PKS. Inisiatif terkini Bank dengan kerjasama pihak berkepentingan utama diterangkan dalam Gambar Rajah 5. Di samping itu, perkara yang terus diambil kira bagi menangani keperluan baharu dan keperluan pada masa akan datang bagi pembiayaan PKS termasuk:

<sup>17</sup> Ibid.

Gambar Rajah 5

**Inisiatif Terkini untuk Meningkatkan Pembiayaan PKS**

	Platform pembiayaan dalam talian imSME yang memadankan PKS dengan produk pembiayaan yang paling sesuai daripada 37 produk yang ditawarkan oleh 22 institusi kewangan dan CGC. Pada akhir tahun 2018, RM47 juta telah diluluskan kepada 405 PKS sementara 2,515 lagi telah dinasihati supaya mendapatkan sokongan penasihat kewangan		Credit Guarantee Corporation (CGC)* menambah pembiayaan perniagaan permulaan iaitu, BizMula-i dan BizWanita-i, yang menggunakan dana BNM bagi menyediakan pembiayaan kepada perniagaan permulaan yang mempunyai potensi untuk berkembang. Setakat hujung tahun 2018, lebih daripada RM170 juta telah diluluskan untuk 2,176 PKS
	Sandbox Pengawalseliaan untuk menggalakkan inovasi dan kecekapan dengan membolehkan penyelesaian baharu diuji dalam persekitaran sebenar, berserta fleksibiliti dan perlindungan pengawalseliaan		Kerjasama dengan Institut Akauntan Malaysia ( <i>Malaysian Institute of Accountants, MIA</i> ) dalam modul latihan pengurusan kewangan yang baru untuk PKS bagi membimbing mereka dalam penyediaan pinjaman. Lebih daripada 1,000 PKS telah meraih manfaat daripada usaha ini pada tahun 2018
	Penggerak utama <i>fintech</i> sebagai asas untuk mendorong penyelesaian inovatif seperti piawaian API terbuka bagi membolehkan institusi kewangan dan syarikat fintech berkomunikasi dan bertukar-tukar maklumat dengan lancar melalui data terbuka		Merintis analisis psikometrik bagi melengkapai pengunderaitan kredit konvensional, khususnya untuk peminjam mikro yang tidak mempunyai maklumat atau rekod prestasi

\* CGC Malaysia membantu PKS yang agak lemah tapi berpotensi untuk berdaya maju terutamanya PKS yang tidak mempunyai cagaran dan rekod prestasi yang mencukupi untuk mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan. Bantuan ini diberikan melalui skim jaminan CGC

Sumber: Bank Negara Malaysia

- a) **Mewujudkan satu rangka kerja kepentingan bercagar:** Usaha yang sedang dijalankan untuk mewujudkan rangka kerja perundangan bersepadan bagi harta alih kepentingan bercagar dan pendaftar cagaran bersekutu bagi aset boleh alih di Malaysia merupakan langkah penting dalam usaha menambah baik infrastruktur akses kepada pembiayaan, khususnya bagi PKS. Pada masa ini, firma tidak diperbadankan yang mencakupi kira-kira 70% daripada PKS, tidak mempunyai rangka kerja yang sah untuk menggunakan aset boleh alih sebagai cagaran. Rangka kerja baharu ini akan meluaskan rangkaian aset yang boleh digunakan oleh PKS untuk membuat pinjaman (contohnya jentera, harta intelektual, inventori, produk pertanian) di samping cagaran konvensional dalam bentuk bangunan atau harta tanah.<sup>18</sup> Satu kajian oleh Bank Dunia<sup>19</sup> menunjukkan bahawa kepentingan bercagar meningkatkan akses kepada pembiayaan bank sebanyak 8 mata peratusan dan mengurangkan kos pembiayaan sebanyak 3 mata peratusan.
- b) **Mendaftarkan PKS secara formal dapat meningkatkan akses kepada pembiayaan:** Memandangkan segmen tidak formal dianggarkan mencakupi kira-kira 29.6% Pendapatan Negara Kasar di Malaysia,<sup>20</sup> insentif yang dirumuskan dengan baik untuk menggalakkan perniagaan tersebut menjadi formal akan dapat memperluas akses kepada pembiayaan supaya perniagaan tersebut dapat berkembang. Insentif ini perlu diiringi dengan langkah-langkah untuk mengenal pasti dan menangani sebab utama perniagaan memilih untuk tidak menjadi formal. Kajian impak<sup>21</sup> di beberapa negara lain menunjukkan bahawa usaha menangani proses dan kos pendaftaran perniagaan sahaja terbukti tidak begitu berkesan untuk menggalakkan PKS menjadi formal. Walau bagaimanapun, apabila langkah ini digabungkan dengan insentif monetari (contohnya, geran) atau peluang mengakses pasaran (contohnya, kriteria untuk membida bagi pemerolehan awam) akan memberikan dorongan yang lebih kuat kepada PKS untuk

<sup>18</sup> Statistik daripada *United Nations Commission on International Trade Law (UNCITRAL)* menunjukkan bahawa 78% saham modal di seluruh dunia adalah dalam bentuk aset boleh alih.

<sup>19</sup> Meliputi 73 negara pada tahun 2013.

<sup>20</sup> Anggaran oleh Friedrich Schneider pada tahun 2012 dalam *The Shadow Economy and the Work in the Shadow: What Do We (Not) Know?*

<sup>21</sup> IFC, 2013. *Closing the Credit Gap for Formal and Informal Micro, Small, and Medium Enterprises*.

mendaftarkan perniagaan mereka. Kajian lain<sup>22</sup> juga menunjukkan bahawa akses yang membawa manfaat seperti skim perlindungan sosial, perkhidmatan pembiayaan komersial serta perkhidmatan pembangunan perniagaan dan pentadbiran cukai yang mesra syarikat (meningkatkan nilai ambang percukaian) telah mendorong perniagaan untuk menjadi formal. Insentif seperti ini perlu diimbangi dengan tindakan penguatkuasaan yang lebih baik, yang mungkin meliputi penalti yang lebih tinggi untuk ketidakpatuhan peraturan perniagaan. Dengan cara ini, manfaat dasar dapat diraih dengan sepenuhnya.

- c) **Menggalakkan pembiayaan alternatif:** Landskap kewangan yang meluas adalah penting supaya PKS dapat mengakses pelbagai pilihan pembiayaan terbaik yang dapat memenuhi keperluan khusus mereka dan sesuai untuk peringkat yang berbeza dalam kitaran hayat perniagaan mereka. Pada masa hadapan, pembiayaan alternatif dijangka memainkan peranan yang lebih besar bagi melengkapai pembiayaan bank. Hal ini akan merapatkan "jurang pembiayaan" bagi memenuhi keperluan kewangan firma yang tidak layak untuk mendapatkan pembiayaan daripada bank yang dibiayai oleh deposit (deposit-funded banks). Antara firma yang dimaksudkan ini termasuklah firma permulaan berasaskan teknologi dan firma inovatif. Asimetri maklumat yang tinggi dan maklumat kewangan yang kurang, kebergantungan terhadap aset tak ketara, keuntungan yang sukar diramal, serta tadbir urus dan pengurusan yang tidak formal merupakan ciri-ciri firma sebegini, terutamanya pada peringkat permulaan. Keadaan ini menimbulkan cabaran khusus kepada pinjaman bank tradisional, dan boleh meningkatkan risiko kerugian yang tidak seimbang bagi pendeposit.<sup>23</sup> Pada masa ini, pembiayaan alternatif yang merangkumi modal teroka, pemerolehan ekuiti melalui Internet, pelaburan tidak formal, pemajakan, pemfaktoran serta pembiayaan rakan ke rakan, mencakupi kurang 3%<sup>24</sup> daripada keseluruhan pembiayaan PKS di Malaysia. Pembiayaan alternatif ini tidak bersepada dan mempunyai banyak peserta. Pendekatan pembangunan yang lebih holistik dengan penyelaras yang lebih baik dalam kalangan pihak berkuasa yang berkaitan akan membolehkan ekosistem dibangunkan dengan baik bersama peraturan yang sesuai, sistem insentif yang menarik serta infrastruktur yang menyokong agar dapat memupuk dan membantu meningkatkan pertumbuhan kewangan alternatif dengan lebih pesat bagi menyokong PKS.

<sup>22</sup> International Labour Organisation (ILO), 2016. *Policies, Strategies and Practices for the Formalisation of Micro and Small Enterprises*.

<sup>23</sup> OECD, 2016. *New approaches to SME and Entrepreneurship Financing: Broadening the Range of Instrument*, Bravo-Biosco, 2013. *Access to Finance for Innovation: Rationales and Risk of Public Intervention*.

<sup>24</sup> Sumber data daripada Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, SME Corporation Malaysia dan pelbagai pihak berkuasa lain. Sebagai perbandingan, akaun pembiayaan alternatif mencakupi lebih 20% bahagian pembiayaan PKS di Amerika Syarikat.

## Memperluas Perlindungan Insurans dan Takaful untuk Golongan B40

Oleh Liung Miao Shan dan Siti Nur Shuhada Nor Baharin

Rencana ini membincangkan tentang ciri-ciri, pengoperasian dan matlamat yang ingin dicapai daripada Skim Perlindungan Nasional B40, mySalam (Skim) yang baru diperkenalkan oleh Kerajaan berkuat kuasa 1 Januari 2019. Skim ini bertujuan mengurangkan bebanan golongan isi rumah berpendapatan 40% terendah (*Bottom 40%, B40*) yang mudah terjejas akibat kejutan kewangan sekiranya dimasukkan ke hospital atau mendapat penyakit kritisik yang tidak dijangka. Skim ini adalah untuk penerima Bantuan Sara Hidup Rakyat dalam kalangan isi rumah yang layak dan berumur antara 18 hingga 55 tahun.

Skim ini melengkapi inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh Bank untuk meningkatkan perlindungan insurans dan takaful terutamanya dalam kalangan segmen yang kurang mendapat perkhidmatan insurans dan takaful dan seterusnya mengukuhkan daya tahan entiti perniagaan dan isi rumah terhadap kejutan kewangan. Bagi tujuan ini, Bank telah melancarkan inisiatif Perlindungan Tenang pada bulan Disember 2017, yang disertai oleh 10 penanggung insurans dan pengendali takaful untuk menawarkan produk insurans dan takaful yang mudah dan mampu milik. Menerusi inovasi reka bentuk produk dan pengalaman pelanggan seperti saluran pengagihan dan penyerahan tuntutan secara digital, penanggung insurans dan pengendali takaful kini lebih responsif terhadap keperluan segmen ini.

### Memahami Keperluan Golongan Berpendapatan B40

Risiko utama yang dihadapi oleh golongan B40 ialah kesan kewangan serta-merta lantaran kehilangan pendapatan untuk sementara waktu kerana tidak berupaya bekerja akibat dimasukkan ke hospital atau terlantar sakit. Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan Dari Segi Permintaan (*Financial Capability and Inclusion Demand Side, FCI*) 2018<sup>1</sup> mendapati bahawa 62% daripada mereka yang menghadapi kesukaran untuk menampung keperluan asas sepanjang tempoh kaji selidik selama 12 bulan adalah daripada segmen paling mudah terjejas yang memperoleh pendapatan kurang daripada RM1,000 sebulan. Isi rumah berpendapatan rendah yang kurang daripada RM2,000 turut mengalami situasi yang sama dengan mereka membelanjakan 95% daripada pendapatan untuk kos sara hidup. Hal ini menyebabkan mereka mempunyai baki simpanan yang sedikit sekiranya berlaku kejutan ekonomi atau kecemasan. Manakala 86% daripada responden yang menyatakan kesukaran untuk mendapatkan wang kecemasan sebanyak RM1,000 iaitu jumlah yang hampir sama dengan upah minimum satu bulan adalah daripada isi rumah berpendapatan rendah yang kurang daripada RM1,500. Bagi golongan B40, diagnosis penyakit yang kritisik atau tempoh rawatan di hospital yang panjang boleh menjerumuskan isi rumah tersebut ke kancan kemiskinan atau bebanan hutang dalam hanya beberapa minggu, terutama jika pasangannya terpaksa mengambil tanggungjawab sebagai penjaga. Pemerhatian terhadap golongan B40 ini selaras dengan laporan kebangsaan<sup>2</sup> dan maklum balas daripada penanggung insurans dan pengendali takaful.

Halangan untuk mendapatkan perlindungan insurans dan takaful mampu milik dan bersesuaian masih wujud kerana produk yang sedang berada di pasaran lebih sesuai untuk memenuhi keperluan segmen pasaran yang lebih mewah. Kerumitan produk dan proses turut menyebabkan insurans dan takaful sukar difahami oleh sebahagian besar masyarakat. Hal ini menyebabkan permintaan terhadap insurans dan takaful kurang menggalakkan, terutamanya dalam kalangan B40. Berdasarkan kajian pengguna dalam FCI 2018, tiga daripada lima responden dalam kalangan mereka yang tidak pernah membeli produk insurans dan takaful menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai pengetahuan asas tentang insurans dan takaful, atau mereka tidak tahu cara untuk menilai atau memilih produk tersebut. Selain itu, kekangan kewangan dan maklumat yang sering dihadapi oleh golongan B40 menambahkan lagi kesulitan mereka untuk membuat keputusan tentang pembelian insurans dan takaful.

Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, sistem perlindungan sosial Malaysia yang sedia ada hanya memberi manfaat kepada 38% daripada rakyat Malaysia yang mencapai umur bekerja<sup>3</sup>, manakala selebihnya (kira-kira 13.7 juta orang) tidak memperoleh perlindungan itu. Golongan yang tertinggal ini

<sup>1</sup> Bank Negara Malaysia, 2018.

<sup>2</sup> Laporan Keadaan Isi Rumah – Realiti Berbeza, Institut Penyelidikan Khazanah, 2018.

<sup>3</sup> Ditakrifkan sebagai mereka yang berumur antara 16 hingga 60 tahun.

termasuk mereka yang bekerja sendiri, tidak bekerja secara rasmi (seperti penerima gaji hari) dan suri rumah. Meskipun dasar Kerajaan baru-baru ini<sup>4</sup> berhasrat untuk memperluas perlindungan bagi golongan tersebut, kebanyakan mereka terdiri daripada pekerja berpendapatan rendah. Sekiranya berlaku gangguan kepada aliran pendapatan yang disebabkan oleh ketidakupayaan untuk bekerja, keadaan itu boleh memberi kesan yang besar terhadap kesejahteraan mereka dan juga tanggungan mereka. Golongan ini masih kurang mendapat perkhidmatan daripada penanggung insurans dan pengendali takaful swasta serta perlindungan sosial awam.

### **Skim untuk Mengurangkan Jurang Perlindungan dan Menggalakkan Peralihan Golongan B40 ke Pasaran Swasta yang Mampan**

Berdasarkan jurang perlindungan yang diperhatikan di atas, Skim ini akan memberikan perlindungan serta-merta kepada golongan B40 yang layak. Skim ini juga telah direka bagi memenuhi matlamat jangka panjang yang berikut:

- A) Menggalakkan pengambilan insurans dan takaful dalam kalangan B40 dengan mewujudkan kesedaran dan keyakinan yang lebih tinggi, serta pengalaman yang positif**

Halangan utama terhadap pengambilan perlindungan insurans dan takaful ialah sifatnya yang khusus iaitu, manfaat perlindungannya tidak jelas pada peringkat permulaan sedangkan kos yang ditanggung perlu dibayar dengan serta-merta. Perbezaan ini lebih ketara dalam kalangan segmen B40 yang memiliki sumber yang

Gambar Rajah 1

#### **Objektif dan matlamat Skim Perlindungan Nasional B40, mySalam**



Sumber: Bank Negara Malaysia

<sup>4</sup> Skim Bencana Pekerjaan untuk individu yang bekerja sendiri di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Caruman Sukarela Insentif Suri (i-Suri) di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

terhad. Oleh itu, tujuan Skim ini adalah untuk memberi peluang kepada B40 merasai sendiri manfaat kewangan daripada insurans dan takaful, dan untuk meningkatkan pengetahuan yang positif dan keyakinan terhadap prosedur yang berkaitan. Pelbagai kajian<sup>5</sup> telah menunjukkan bahawa pengalaman peribadi memiliki produk insurans boleh mewujudkan permintaan yang berterusan kepada insurans dan takaful. Skim ini dapat menangani risiko kehilangan punca pendapatan yang dihadapi oleh golongan B40 untuk sementara waktu menerusi perlindungan insurans dan takaful.

Penanggung insurans dan pengendali takaful yang menyertai Skim ini perlu memenuhi piawaian perkhidmatan yang ditetapkan selaras dengan prinsip Perlindungan Tenang. Piawaian ini termasuk ciri-ciri produk dan perkhidmatan yang memberikan akses yang mudah, senang difahami dan mudah membuat tuntutan manfaat. Hal ini penting supaya golongan B40 dapat menempuh pengalaman yang positif sebagai pengguna dan meningkatkan keyakinan mereka terhadap insurans dan takaful. Bagi tujuan ini, Skim tersebut telah memperkenalkan portal dalam talian dan talian khidmat pelanggan khusus untuk melayani semua pertanyaan dan tuntutan. Di samping itu, Skim ini akan terus meneliti saluran pengagihan dan jangkauan yang lebih berkesan seperti menerusi hospital.

- B) Menggalakkan penawaran produk dan perkhidmatan insurans dan takaful komersial yang mampan dan mampu milik yang memenuhi keperluan segmen yang kurang mendapat perkhidmatan insurans dan takaful**
- Skim ini direka cipta berdasarkan prinsip asas insurans dan takaful dan bukan berperanan sebagai kebajikan sosial jangka panjang. Skim ini akan ditawarkan untuk tempoh yang terhad dengan matlamat untuk menggalakkan peralihan B40 kepada produk insurans dan takaful swasta kelak.

Pada masa ini, kekurangan data tentang B40 sering ditimbulkan oleh industri sebagai cabaran untuk menyediakan dan menentukan harga produk. Menerusi Skim ini, data B40 yang menyeluruh seperti tuntutan dan profil pelanggan yang dikumpul sepanjang tempoh Skim tersebut akan menyokong pembangunan produk dan penentuan harga yang lebih tepat dan mampan. Usaha ini akan mendorong penawaran produk pasaran swasta yang lebih meluas dan lebih berdaya saing bagi memenuhi keperluan segmen yang kurang mendapat perkhidmatan insurans dan takaful. Selain itu, Skim ini akan turut menjadi tapak ujian bagi membangunkan saluran penghantaran yang inovatif, termasuk penyelesaian digital dan perkongsian awam-swasta yang boleh menjangkau dan memenuhi keperluan segmen sasaran secara berkesan.

Dalam tempoh jangka lebih panjang, produk insurans dan takaful swasta mampu milik dijangka akan lebih banyak ditawarkan dan lebih mudah diakses oleh pelbagai segmen masyarakat dan ekonomi bagi menangani pelbagai risiko kewangan dan peristiwa dalam kehidupan.

### Kemampanan Pengoperasian untuk Menyokong Matlamat Jangka Lebih Panjang

Skim ini akan dibiayai oleh industri insurans dan takaful. Dana permulaan akan disediakan oleh pemegang saham syarikat insurans asing yang memilih untuk memberi sumbangan kepada Skim ini sebagai alternatif kepada komitmen mereka bagi mengurangkan pegangan saham mereka kepada tidak lebih daripada 70%. Sumbangan kepada Skim ini juga akan mendorong kepada pencapaian matlamat yang sama dengan penjualan kepentingan iaitu memperoleh manfaat ekonomi jangka panjang yang lebih besar untuk negara menerusi perkongsiankekayaan dan kadar penembusan insurans dan takaful yang lebih tinggi.

Satu tabung amanah telah diwujudkan bagi tujuan mengurus sumbangan daripada penanggung insurans dan pengendali takaful kepada Skim ini. Pada peringkat permulaan, Skim ini akan membayar premium atau caruman daripada tabung tersebut bagi pihak B40 kepada penanggung insurans dan pengendali takaful yang menyertai Skim untuk mendapatkan liputan perlindungan yang ditetapkan. Produk ini akan diunderait dan diuruskan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful yang menyertai Skim ini pada harga kos manakala keuntungan akan dikembalikan kepada Skim tersebut.

<sup>5</sup> Menggunakan Subsidi untuk Insurans yang Inklusif: Iktibar daripada Pertanian dan Kesihatan, Pertubuhan Buruh Antarabangsa, 2014.

Skim ini menggunakan infrastruktur penanggung insurans dan pengendali takaful sedia ada bagi memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan. Infrastruktur sokongan tambahan untuk menyokong transaksi perkhidmatan yang tinggi, seperti portal dalam talian (*online portal*), akan dibangunkan bagi kegunaan penanggung insurans dan pengendali takaful yang menyertai Skim ini. Model ini membolehkan Skim tersebut mengawal kosnya dan memastikan kemampuanannya sepanjang tempoh pelaksanaan Skim berkenaan.

Skim ini dijangka akan memainkan peranan sebagai pemangkin utama dalam pembangunan produk dan perkhidmatan insurans dan takaful yang sesuai untuk segmen yang kurang mendapat perkhidmatan insurans dan takaful di Malaysia. Skim ini juga membuka peluang yang unik kepada peserta industri untuk memahami secara mendalam tentang keperluan pelanggan dan menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia melindungi diri mereka daripada kejutan kewangan menerusi perlindungan insurans dan takaful.



# Rangka Kerja Pengawalseliaan dan Penyeliaan

- 81** Pembangunan Pengawalseliaan
- 87** Pembangunan Penyeliaan
- 91** Memperkuuh dan Memelihara Integriti Sistem Kewangan
- 97** Tindakan Penguatkuasaan
- 99** *Rencana: Mengukuhkan Budaya Risiko Pematuhan Syariah*



# Rangka Kerja Pengawalseliaan dan Penyeliaan

Pada tahun 2018, aktiviti pengawalseliaan dan penyeliaan Bank terus tertumpu pada usaha untuk memastikan sistem kewangan kekal berdaya tahan terhadap risiko yang bakal dihadapi dalam persekitaran yang semakin mencabar. Pelaksanaan pakej pembaharuan Basel III maju setapak lagi. Kemajuan ini disokong oleh tumpuan yang berterusan untuk memperkuuh amalan pengurusan risiko dalam sektor perbankan dan insurans, terutamanya bagi menghadapi risiko berkaitan dengan perubahan pesat dalam teknologi dan peningkatan pergantungan kepada pihak ketiga. Pendekatan pengawalseliaan dan penyeliaan Bank juga terus memberikan tumpuan yang lebih mendalam terhadap aspek budaya dalam usaha memupuk amalan yang konsisten dengan pengurusan institusi kewangan yang bertanggungjawab serta memenuhi keperluan masyarakat.

Usaha Malaysia dalam memelihara integriti sistem kewangan dan mencegah risiko pengubahan wang haram (*money laundering*, ML) dan pembiayaan keganasan (*terrorism financing*, TF) telah membawa hasil apabila Pleno Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (*Financial Action Task Force*, FATF) telah menaikkan penarafan pematuhan teknikal Malaysia bagi rangka kerja Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembanterasan Pembiayaan Keganasan (*Anti-Money Laundering and Countering the Financing of Terrorism*, AML/CFT). Penarafan semula ini meletakkan Malaysia dalam kalangan negara yang mempunyai penarafan yang tinggi bagi pematuhan teknikal terhadap Saranan FATF. Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (*National Coordination Committee to Counter Money Laundering*, NCC) juga mengesahkan keputusan Penilaian Risiko Negara (*National Risk Assessment*, NRA), yang akan memberikan input penting kepada NCC untuk mengkaji semula Pelan Strategik AML/CFT Negara pada tahun 2019. Usaha ini adalah untuk menambah baik lagi kaedah pengenalpastian dan perlindungan terhadap ancaman dan kelemahan ML/TF pada peringkat kebangsaan.

## PEMBANGUNAN PENGAWALSELIAAN

### **Pelaksanaan piawaian Basel III dan pembaharuan global lain**

Pelaksanaan pembaharuan Basel III di Malaysia terus menjadi tumpuan aktiviti pengawalseliaan Bank pada tahun 2018 bagi memastikan sistem perbankan Malaysia kekal kukuh dan berdaya tahan. Sejak pelaksanaan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (*Liquidity Coverage Ratio*, LCR) pada tahun 2015, peralihan institusi perbankan untuk mematuhi sepenuhnya keperluan minimum secara berperingkat mengikut garis masa yang ditetapkan pada peringkat global telah berjalan lancar. LCR meningkatkan daya tahan jangka pendek terhadap kejutan mudah tunai dengan mengehendaki institusi perbankan mempunyai penampang mudah tunai yang mencukupi bagi menghadapi senario tekanan mudah tunai untuk tempoh 30 hari. Pada bulan Januari 2019, semua institusi perbankan melaporkan tahap LCR melebihi 100% nisbah minimum (sila rujuk bahagian ‘Risiko Mudah Tunai dan Pendanaan’ dalam Bab ‘Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan Tahun 2018’).

### **Pelanjutan tempoh pemerhatian Nisbah Pendanaan Stabil Bersih**

Pada bulan Oktober 2018, Bank mengumumkan pelanjutan tempoh pemerhatian Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (*Net Stable Funding Ratio*, NSFR) sehingga 31 Disember 2019. NSFR menjadi pelengkap kepada LCR dengan meningkatkan daya tahan profil risiko mudah tunai institusi perbankan untuk jangka panjang. Keperluan ini mendorong institusi perbankan membiayai aktiviti mereka dengan pendanaan stabil yang mencukupi secara berterusan. Pada akhir tahun 2018, NSFR purata bagi industri perbankan ialah 109.3%, dengan 83% daripada institusi perbankan melaporkan tahap NSFR sekurang-kurangnya 100% (2017: 107.6%;

76% daripada institusi perbankan). Meskipun sebahagian besar institusi perbankan dijangka boleh memenuhi keperluan minimum NSFR sebanyak 100%, Bank sedang menjalankan kajian lanjut mengenai amalan pengurusan risiko mudah tunai institusi perbankan sebagai input tambahan sebelum memuktamadkan keperluan NSFR. Walaupun pelaksanaan NSFR pada peringkat global masih tidak menentu, Bank tetap komited terhadap pelaksanaannya di Malaysia dan menyasarkan untuk memuktamadkan keperluan NSFR pada separuh pertama tahun 2019.

#### **Penambahbaikan terhadap penzahiran Tuggak 3**

Pada bulan Jun 2018, Bank telah mengeluarkan draf dedahan berhubung dengan semakan keperluan yang mengehendaki institusi kewangan menzhirkan maklumat penting berkaitan dengan modal pengawalseliaan dan dedahan risiko (keperluan ‘Tuggak 3’). Semakan ini merupakan sebahagian daripada usaha Bank untuk mengukuhkan disiplin pasaran melalui penyediaan maklumat profil risiko institusi perbankan yang bermakna dan boleh dibandingkan.

Draf dedahan Tuggak 3 bertujuan memberikan penzahiran yang jelas, komprehensif dan konsisten mengenai maklumat penting yang berkaitan dengan modal pengawalseliaan dan dedahan risiko institusi kewangan

Berlandaskan keperluan penzahiran Tuggak 3 sedia ada yang dikeluarkan pada tahun 2010, cadangan utama pada amnya selaras dengan keperluan Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel (*Basel Committee on Banking Supervision*, BCBS) dan bertujuan memberikan penzahiran yang jelas, komprehensif dan konsisten kepada pengguna. Templat am diperkenalkan bagi meningkatkan ketekalan penzahiran dan memudahkan perbandingan profil risiko institusi perbankan dalam negeri dan antara negara. Kajian semula yang dicadangkan ini juga melengkapkan pelaporan kewangan melalui penyediaan data yang lebih terperinci mengenai metrik pengawalseliaan, disokong oleh maklumat kualitatif tambahan. Usaha ini bertujuan untuk membolehkan penilaian yang lebih bermakna oleh peserta pasaran. Bank turut mengambil peluang ini untuk menyatukan semua penzahiran pengawalseliaan yang sedia ada, termasuk mengenai modal, aset berwajaran risiko kredit, Nisbah Leveraj, LCR dan amalan ganjaran, ke dalam satu dokumen untuk rujukan yang lebih mudah.

Sebahagian besar maklum balas industri yang diterima semasa tempoh perundingan adalah berkaitan dengan kos operasi pematuhan. Dalam hal ini, Bank sedang mempertimbangkan beberapa pilihan untuk memastikan matlamat kajian semula tercapai dan pada masa yang sama mengurangkan beban operasi pematuhan oleh institusi perbankan. Bank dijangka memuktamadkan keperluan ini paling awal pada tahun 2020.

#### **Rangka kerja institusi perbankan domestik yang penting dari segi sistemik**

Memandangkan saiz dan kerumitan beberapa kumpulan perbankan domestik yang semakin meningkat serta penglibatan mereka yang semakin aktif di rantau ini, kegagalan kumpulan perbankan ini boleh meningkatkan kemungkinan berlakunya gangguan kepada keseluruhan pasaran yang berpotensi untuk mengancam kestabilan kewangan. Oleh itu, kumpulan perbankan ini perlu tertakluk kepada tahap piawaian kehematan yang lebih tinggi bagi memastikan mereka mempunyai daya tahan yang terus kukuh dan sekali gus mengurangkan bahaya moral (*moral hazard*) yang berkaitan dengan jangkaan penggunaan dana awam bagi menyelamatkan kumpulan perbankan ini.

Rangka kerja D-SIB akan menetapkan keperluan pengawalseliaan dan langkah-langkah dasar yang dipertingkatkan untuk D-SIB bagi mengurangkan kebarangkalian dan kesan berkaitan dengan tekanan atau kegagalan D-SIB yang tidak terkawal terhadap sektor kewangan dan ekonomi

Pada separuh pertama tahun 2019, Bank akan mengeluarkan draf dedahan yang menetapkan metodologi penilaian untuk mengenal pasti institusi perbankan domestik yang penting dari segi sistemik (*domestic systemically important banking institutions*, D-SIB) dan keperluan pengawalseliaan yang berkaitan. Rangka kerja D-SIB dirangka sejajar dengan prinsip yang digariskan dalam rangka kerja BCBS mengenai bank yang penting dari segi sistemik pada peringkat global (*global systemically important banks*, G-SIB). Rangka kerja ini akan menetapkan keperluan pengawalseliaan dan langkah-langkah dasar yang dipertingkatkan untuk D-SIB. Rangka kerja ini bertujuan mengurangkan kebarangkalian dan kesan berkaitan dengan tekanan atau kegagalan D-SIB yang tidak terkawal terhadap sektor kewangan dan ekonomi. Salah satu langkah dasar yang akan

diperkenalkan adalah keperluan untuk D-SIB mengekalkan penampungan modal tambahan dalam bentuk Ekuiti Biasa Kumpulan 1 (*Common Equity Tier 1, CET1*). Draf dedahan tersebut juga mengehendaki keperluan pelaporan tambahan untuk memudahkan Bank mengenal pasti dan membuat penilaian ke atas D-SIB.

## Mengukuhkan amalan, budaya dan pengurusan risiko dalam industri kewangan

### **Penambahbaikan kepada keperluan pengurusan risiko dalam teknologi**

Pendigitalan operasi perniagaan institusi kewangan telah merangsang penawaran perkhidmatan kewangan yang lebih pelbagai, cekap dan inovatif. Walau bagaimanapun, perkembangan ini mewujudkan


dimensi baharu dalam risiko yang perlu diuruskan dengan sejawarnya, terutamanya dari segi peningkatan dedahan kepada ancaman siber dan kompromi terhadap akses kepada data sulit. Pada bulan September 2018, Bank mengeluarkan draf dedahan mengenai Pengurusan Risiko dalam Teknologi (*Risk Management in Technology, RMiT*) untuk menambah baik dan memperkemas dasar sedia ada tentang pengurusan risiko teknologi. Penambahbaikan yang dicadangkan itu meningkatkan keperluan pengawalseliaan dan penyeliaan terhadap institusi kewangan (Gambar Rajah 3.1) bagi memastikan:

- (i) pengawasan lembaga pengarah yang berkesan terhadap risiko teknologi maklumat (*information technology, IT*) dan siber;
- (ii) pertahanan barisan kedua (*second line of defence*) yang kukuh untuk pengurusan risiko teknologi yang berkesan;



Gambar Rajah 3.1

### Teras Utama Rangka Kerja Pengurusan Risiko dalam Teknologi



Teras 1



Teras 3



Teras 4



Sumber: Bank Negara Malaysia

(iii) pengaturan yang mencukupi dan telah diuji bagi memastikan ketersediaan perkhidmatan yang berterusan serta infrastruktur IT yang berdaya tahan; dan (iv) pemantauan yang diperkujuh dan jaminan oleh entiti bebas untuk meningkatkan daya tahan yang lebih mantap terhadap serangan siber. Sebahagian besar maklum balas daripada pihak industri meminta penjelasan lanjut mengenai penggunaan perkhidmatan alam maya (*cloud services*) dan parameter yang diterima pakai bagi mentakrifkan perkhidmatan dan sistem kritikal yang tertakluk pada keperluan pengawalseliaan yang dipertingkatkan. Maklum balas ini akan ditangani apabila dasar RMiT dimuktamadkan pada tahun 2019.

### **Memuktamadkan piawaian penyumberan luar yang dikaji semula**

Susulan daripada perbincangan yang menyeluruh dengan pihak industri dan kemajuan yang selanjutnya ke arah pelaksanaan rancangan pemulihan (*recovery plans*) bagi institusi kewangan, Bank telah mengeluarkan piawaian pengurusan risiko penyumberan luar (*outsourcing*) yang dikaji semula pada bulan Disember 2018. Piawaian yang dimuktamadkan ini bertujuan untuk mengimbangi manfaat penyumberan luar yang diperoleh oleh institusi kewangan dari segi peningkatan kecekapan dan kejelasan risiko merentas kumpulan kewangan, berbanding dengan isu yang mungkin ditanggung disebabkan terlalu bergantung kepada pihak ketiga, keupayaan pengawasan penyeliaan yang berkurang serta operasi perniagaan dan proses pemulihan yang semakin rumit. Kehilangan keupayaan dalaman institusi kewangan untuk menguruskan risiko utama dalam jangka panjang juga merupakan pertimbangan penting dalam memuktamadkan piawaian ini. Bagi mencapai keseimbangan ini, piawaian muktamad penyumberan luar mengehendaki institusi kewangan mengenal pasti dengan jelas pengaturan penyumberan luar yang penting dan mengekalkan perlindungan yang mencukupi terhadap pengaturan penyumberan luar. Keperluan ini juga mengehendaki institusi kewangan mengenal pasti akauntabiliti pengurusan kanan bagi aktiviti penyumberan luar, mendapatkan akses audit ke atas penyedia perkhidmatan dan perancangan kesinambungan perniagaan yang sepadan dengan sifat dan risiko pengaturan penyumberan luar. Institusi kewangan juga perlu mengekalkan maklumat lengkap tentang semua pengaturan penyumberan luar bagi tujuan penyeliaan dan penilaian risiko yang berterusan. Piawaian ini telah berkuat kuasa sejak 1 Januari 2019, dengan tempoh peralihan selama enam bulan untuk

institusi kewangan menyiapkan daftar dalaman bagi semua pengaturan penyumberan luar, melaksanakan analisis jurang (*gap analysis*) bagi pengaturan sedia ada berbanding dengan keperluan yang dipertingkatkan dan merangka pelan tindakan untuk menangani jurang yang dikenal pasti. Kesemua pengaturan penyumberan luar sedia ada yang dimeterai oleh institusi kewangan perlu mematuhi sepenuhnya piawaian ini menjelang 1 Julai 2022.

### **Akauntabiliti yang diperkujuh melalui pemetaan tanggungjawab**

Pada bulan April 2018, Bank telah menamatkan rundingan awal dengan industri berhubung dengan kertas perbincangan Pemetaan Tanggungjawab (*Responsibility Mapping*). Kertas perbincangan ini menggariskan pendekatan yang dicadangkan oleh Bank untuk memperkujuh rangka kerja akauntabiliti pengurusan kanan institusi kewangan. Rangka kerja ini melengkapi keperluan sedia ada untuk pengurusan kanan institusi kewangan bagi memupuk amalan beretika dan berhemat dengan memperjelas akauntabiliti pada peringkat individu dan memastikan kegagalan pengurusan kanan dalam menjalankan tanggungjawab mereka akan menerima akibat yang setimpal. Cadangan awal yang dikongsi oleh Bank adalah berkaitan dengan aspek yang meliputi hubungan antara peranan pegawai kanan pada peringkat entiti dengan peranan pegawai kanan pada peringkat kumpulan, tugas asas pegawai kanan, pegawai kanan yang memainkan dwi-peranan (*double hatting*) dan menjalankan tanggungjawab bersama, serta keputusan yang dibuat secara kolektif. Perbincangan selanjutnya dengan pihak industri akan dijalankan sepanjang tahun 2019 untuk memahami dengan lebih mendalam cara pelaksanaan pendekatan cadangan pemetaan tanggungjawab yang dapat memperkujuh rangka kerja akauntabiliti dan memacu penambahbaikan dalam budaya organisasi.

### **Pendekatan pengawalseliaan seimbang bagi institusi kewangan pembangunan (IKP)**

Memandangkan landskap dan struktur ekonomi Malaysia terus berubah, Bank akan mengkaji semula mandat IKP untuk memastikan matlamat pembangunan mereka adalah sejajar dengan strategi ekonomi negara. Selaras dengan inisiatif ini, Bank sedang menjalankan kajian semula secara holistik terhadap rangka kerja pengawalseliaan yang sedia ada untuk IKP. Langkah ini akan memastikan peranan IKP lebih sejajar dengan matlamat yang lebih meluas, termasuk pertumbuhan dan rangkuman kewangan.

Kajian semula ini dirangka berlandaskan pendekatan Bank yang sedia ada dalam melaksanakan keperluan kehematan yang berbeza antara IKP dengan institusi perbankan, serta kemajuan yang dicapai untuk memperteguh rangka kerja pengukuran prestasi dan rangka kerja akauntabiliti untuk IKP (sila rujuk bahagian ‘Perbankan’ dalam Bab ‘Pembangunan Sektor Kewangan’). Rangka kerja akauntabiliti juga penting terutamanya bagi mengurangkan gangguan pasaran dan bagi memastikan rangka kerja kehematan terus sesuai dengan profil risiko khusus setiap IKP. Pendekatan pengawalseliaan dan penyeliaan Bank bertujuan memberikan perbezaan yang lebih ketara pada peringkat institusi bagi mencerminkan sifat, saiz, kerumitan, serta peranan dan mandat khusus setiap IKP. Pendekatan ini akan membolehkan IKP meningkatkan impak pembangunan mereka dan mencapai matlamat ini secara mampan. Sebagai sebahagian daripada kajian semula ini, Bank merancang untuk mengadakan perbincangan mengenai cadangan kajian semula 10 piawaian kehematan teras yang diterima pakai oleh IKP pada tahun hadapan.

#### **Penambahbaikan dasar untuk perniagaan berkaitan pelaburan bagi penanggung insurans dan pengendali takaful**

Bank telah mengkaji semula piawaian yang diterima pakai bagi menjalankan perniagaan berkaitan pelaburan (*investment-linked*, IL) pada tahun 2018. Usaha ini merupakan sebahagian daripada pelaksanaan secara berperingkat Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga (*Life Insurance and Family Takaful Framework, LIFE Framework*) untuk menyokong pembangunan jangka panjang industri insurans dan takaful. Piawaian yang dikaji semula ini telah dikeluarkan pada bulan Januari 2019. Keperluan dalam piawaian ini diperkuuh untuk memastikan pertumbuhan pesat perniagaan IL sejak beberapa tahun kebelakangan ini tidak menjelaskan tanggungjawab penanggung insurans dan pengendali takaful untuk berlaku adil dan menawarkan perlindungan yang sesuai kepada pemilik polisi dan peserta takaful.

Keperluan utama piawaian perniagaan IL yang dikaji semula termasuk:

- (i) memperkenal Kadar Peruntukan Minimum (*Minimum Allocation Rate*, MAR) untuk melindungi nilai akaun pelanggan selaras dengan pemansuhan had komisen yang akan berkuat kuasa pada bulan Julai 2019 (bagi penanggung insurans hayat) dan pada Julai 2020 (bagi pengendali takaful keluarga).

MAR juga akan menyebabkan komisen diagihkan dalam tempoh yang lebih panjang. Hal ini akan menggalakkan jualan dan amalan perkhidmatan yang lebih baik, serta pengurusan ketegaran (*persistency management*) untuk polisi/sijil takaful IL berjangka panjang;

- (ii) memperteguh keperluan bagi penanggung insurans dan pengendali takaful untuk menjalankan ujian kemampuan yang lebih mantap bagi memastikan polisi/sijil takaful IL dapat mengekalkan perlindungannya sehingga akhir tempoh kontrak; dan
- (iii) menambah baik penzahiran ilustrasi produk IL supaya pelanggan dapat memahami dengan lebih jelas risiko dan manfaat utama polisi/sijil takaful IL, dan seterusnya memudahkan pelanggan membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi.

#### **Rangka kerja pengawalseliaan untuk kewangan Islam**

Perniagaan kewangan Islam yang semakin kompleks sejak beberapa tahun kebelakangan ini berpunca daripada permintaan yang meningkat terhadap penyelesaian kewangan Islam yang lebih terbeza dan bersasar. Keadaan ini telah menghasilkan pembangunan penyelesaian kewangan Islam yang lebih canggih dan kompleks bagi menghadapi persekitaran kewangan Islam yang sentiasa berubah. Bagi memastikan rangka kerja pengawalseliaan untuk kewangan Islam kekal responsif terhadap persekitaran ini, Bank memberikan lebih tumpuan untuk:

- (i) meningkatkan integrasi tadbir urus dan pengurusan risiko Syariah yang berkesan dalam operasi dan proses institusi kewangan Islam;
- (ii) memperkuuh pematuhan terhadap piawaian Syariah dalam pengoperasian kontrak Syariah; dan
- (iii) menggalakkan inovasi, terutamanya dalam industri takaful, dengan memperjelas penggunaan kontrak Syariah yang lebih pelbagai dalam penawaran produk takaful.

Bank dijangka memuktamadkan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah pada separuh kedua tahun 2019, selepas mengambil kira maklum balas yang diterima melalui draf dedahan yang dikeluarkan pada tahun 2017. Rangka kerja ini bertujuan memajukan institusi kewangan Islam daripada lebih tertumpu pada pematuhan dan berpandukan proses kepada pendekatan yang lebih bersepadan yang menerapkan tadbir urus Syariah dalam strategi perniagaan dan risiko institusi kewangan Islam (lihat Gambar Rajah 3.2).

Gambar Rajah 3.2

### Pertimbangan Dasar Utama dalam Memuktamadkan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah



Sumber: Bank Negara Malaysia

Bank turut mencapai kemajuan selanjutnya dalam pembangunan parameter Syariah dan keperluan operasi yang mentadbir urus penggunaan kontrak Syariah dalam urus niaga kewangan Islam. Jumlah piawaian Syariah kini bertambah kepada 14 siri berikutnya penerbitan piawaian *bai' al-sarf* (pertukaran mata wang) dan *rahn* (cagaran) (Jadual 3.1).

Berdasarkan maklum balas industri mengenai Rangka Kerja Operasi Takaful yang dikeluarkan pada bulan Mei 2018 (Gambar Rajah 3.3), Bank juga akan

memberi penjelasan tambahan berkaitan dengan penggunaan kontrak Syariah bagi menangani beberapa aspek khusus perniagaan takaful. Kajian semula yang dicadangkan itu mengiktiraf instrumen Syariah yang lebih pelbagai dalam perniagaan takaful sejajar dengan kemajuan yang dicapai dalam pembangunan piawaian Syariah. Kajian semula ini dijangka meningkatkan lagi inovasi dan pembezaan produk yang ditawarkan, di samping memperkuuh amalan pengurusan dana takaful. Hal ini seterusnya akan meningkatkan kepelbagaiannya dan potensi

Jadual 3.1

#### Piawaian Syariah yang Diterbitkan pada Tahun 2018

Kontrak Syariah	Rahn (Cagaran)	Bai' al-sarf (Pertukaran mata wang)
Pelaksanaan	Pajak gadai dan pembiayaan bercagar	Deposit, pembiayaan atau pelaburan mata wang asing, kiriman wang dan biro pertukaran wang
Huraian	Mentakrifkan penggunaan cagaran yang diterima dan caj yang dibenarkan	Menjelaskan pendekatan untuk penyelesaian secara lari dan kadar pertukaran bagi pertukaran mata wang
Matlamat	Amalan yang konsisten dalam penggunaan cagaran sebagai instrumen pengurangan risiko bagi penyelesaian pembiayaan Islam (contohnya perniagaan pajak gadai Islam)	Operasi yang lancar dan amalan pasaran yang kukuh untuk pertukaran mata wang

Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 3.3

**Cadangan Penambahbaikan terhadap Rangka Kerja Operasi Takaful**

Sumber: Bank Negara Malaysia

pertumbuhan pasaran takaful di Malaysia. Bank merancang untuk memuktamadkan rangka kerja ini pada separuh pertama tahun 2019.

**PEMBANGUNAN PENYELIAAN****Pelaksanaan piawaian perakaunan****MFRS 9**


Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9: Instrumen Kewangan (*Malaysian Financial Reporting Standards 9: Financial Instruments*, MFRS 9), yang dirangka berdasarkan pendekatan berpandangan jauh untuk membuat anggaran peruntukan, berkuat kuasa sepenuhnya pada 1 Januari 2018. Tarikh penguatkuasaan ini adalah selaras dengan garis masa pelaksanaan pada peringkat global. Bank telah menjalankan penilaian tematik terhadap pelaksanaan MFRS 9 oleh institusi perbankan pada tahun 2018. Penilaian tematik ini bertujuan untuk memastikan kecukupan

terhadap pengawasan dan kawalan, metodologi dan model untuk menganggarkan jangkaan kerugian kredit (*expected credit losses*, ECL), dan keupayaan sistem. Secara keseluruhan, peralihan institusi kewangan kepada penggunaan piawaian perakaunan yang baharu berjalan lancar dengan bantuan rizab pengawalseliaan mereka yang telah mengurangkan impak peruntukan tambahan. Pendekatan pelaksanaan oleh institusi kewangan juga pada amnya mantap, walaupun sesetengah institusi perbankan perlu menambah baik beberapa aspek pelaksanaan tertentu. Pemerhatian utama yang dibuat semasa penilaian tematik diringkaskan dalam Gambar Rajah 3.4.

Penilaian tematik ini juga mengesahkan jangkaan bahawa wujudnya kebolehubahan (*variability*) amalan peruntukan dalam kalangan institusi perbankan, yang didorong terutamanya oleh perbezaan data yang digunakan, pendekatan pemodelan sedia ada untuk menganggarkan ECL

Gambar Rajah 3.4

**Pemerhatian Utama dalam Penilaian Tematik Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (Malaysian Financial Reporting Standards 9, MFRS 9)**



Sumber: Bank Negara Malaysia

dan penggunaan pertimbangan pakar. Pemerhatian ini mendorong Bank untuk menjalankan ujian penilaian portfolio hipotetikal (*hypothetical portfolio evaluation*, HPE) pada bulan Oktober 2018 untuk menganggarkan tahap boleh ubah paras peruntukan. Dalam penilaian ini, sembilan institusi perbankan diberikan portfolio pinjaman perumahan dan dedahan korporat secara hipotetikal, dan mereka dikehendaki untuk menganggarkan peruntukan ECL berdasarkan model dan metodologi dalaman. Bank sedang berbincang dengan setiap institusi perbankan dan juruaudit luar yang terlibat bagi memuktamadkan penilaian ujian HPE. Hasil daripada penilaian tematik dan HPE akan digunakan untuk menentukan sama ada respons pengawalseliaan perlu diambil bagi memastikan MFRS 9 dilaksanakan selaras dengan matlamat yang ingin dicapai.

#### **MFRS 17**


MFRS 17: Kontrak Insurans akan mengubah dengan ketara cara penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators*, ITO) mengiktiraf, mengukur dan menyatakan kontrak insurans dan takaful dalam laporan kewangan

mereka. Pada tahun 2018, Bank telah menjalankan beberapa tinjauan industri untuk menilai tahap penyediaan ITO bagi melaksanakan piawaian ini dan untuk lebih memahami isu operasi dan teknikal yang bakal dihadapi dalam melaksanakan piawaian tersebut.

Sebahagian besar ITO telah menujuhan pasukan pengurusan projek untuk mempelopori pelaksanaan piawaian ini, dan telah mengenal pasti pencapaian utama, pelan projek secara am dan mekanisme pemantauan. Walau bagaimanapun, tahap perkembangan industri masih tidak sekata, dengan banyak ITO masih melakukan analisis jurang (*gap analyses*). Di samping itu, anggaran dalaman berkaitan dengan kos pelaksanaan dan keperluan sumber juga menunjukkan perbezaan yang ketara dalam industri. Keadaan ini mencerminkan perbezaan dari segi keupayaan operasi dan akses kepada sokongan luaran. Sebahagian besar daripada kos pelaksanaan melibatkan proses menaik taraf sistem dan sumber manusia (Rajah 3.1). ITO melaporkan permintaan tenaga mahir yang tertinggi dalam bidang aktuari, kewangan, IT dan pengurusan

Rajah 3.1: Anggaran Peruntukan Belanjawan MFRS 17

**Sistem dan tenaga kerja merupakan bahagian terbesar bagi anggaran kos pelaksanaan**



Sumber: Bank Negara Malaysia

projek, dan permintaan ini adalah lebih ketara dalam industri takaful (Rajah 3.2). Oleh itu, ITO dijangka lebih bergantung terhadap khidmat pakar luar untuk menangani jurang ini.


ITO telah mengenal pasti beberapa isu tafsiran dan aplikasi yang sebahagian besarnya berkaitan dengan konsep yang baharu diperkenalkan dalam piawaian ini, termasuk sempadan kontrak (*contract boundaries*) dan penilaian kontrak insurans semula. Bagi pengendali takaful, terdapat cabaran tambahan yang dihadapi, antaranya: (i) piawaian baharu tidak menangani beberapa ciri unik kontrak takaful secara langsung, seperti perkongsian lebihan dan pengiktirafannya sebagai liabiliti; dan (ii) keperluan untuk memastikan setiap metodologi baharu yang dicadangkan adalah konsisten dengan prinsip Syariah. Bank akan mempertimbangkan semua isu ini bersama dengan perubahan pada keperluan kehematan mengenai metodologi penilaian dalam membangunkan keperluan pengawalseliaan tambahan. Usaha ini adalah untuk menyokong pelaksanaan MFRS 17 sejajar dengan matlamat kehematan. Bank merancang untuk mengadakan perundingan mengenai keperluan ini pada separuh kedua tahun 2019.

### Mengurus amalan dalam pasaran kewangan borong

Berikutnya penerbitan Tatakelakuan Pasaran Kewangan Borong Malaysia dan Prinsip Pasaran Kewangan yang Adil dan Berkesan untuk Pasaran

Rajah 3.2: Kadar Kekosongan Jawatan untuk Kepakaran MFRS 17

**Permintaan tinggi untuk tenaga mahir, terutamanya kepakaran aktuari dalam industri takaful**



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kewangan Malaysia pada tahun 2017, Bank telah menjalankan penilaian tematik untuk menilai pematuhan institusi perbankan terhadap keperluan yang ditetapkan dalam dokumen-dokumen tersebut. Penilaian itu tertumpu pada 14 institusi perbankan yang mempunyai operasi perpendaharaan yang besar, khususnya bagi penggerak pasaran (*market makers*) untuk urus niaga pertukaran asing dan peniaga utama. Ringkasan penilaian tematik disenaraikan dalam Gambar Rajah 3.5.

### Meningkatkan pengurusan risiko dan amalan peruntukan rizab penanggung insurans dan pengendali takaful

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Bank mendapati jualan bagi perniagaan polisi insurans hayat sertaan tradisional semakin menurun, dengan jumlah polisi hayat sertaan yang masih berkuat kuasa menurun 14.6% dari tahun 2013 hingga tahun 2017. Sebaliknya, perniagaan IL mencatatkan peningkatan yang ketara, dengan pertumbuhan 42.7% dicatatkan dalam jumlah polisi yang masih berkuat kuasa pada tempoh yang sama. Penurunan polisi hayat sertaan turut diiringi oleh minat yang bertambah terhadap produk alternatif seperti produk simpanan berasaskan akaun yang tidak merujuk pada unit dan bukan berasaskan budi bicara (*non-unitised and non-discretionary account-based saving products*). Dalam kaji selidik tidak rasmi yang dijalankan pada tahun 2018, separuh daripada penanggung insurans hayat konvensional menjangka penurunan akan terus berlaku dalam perniagaan insurans hayat sertaan tradisional. Antara pendorong kepada pertumbuhan yang lebih

Gambar Rajah 3.5

### Penilaian Tematik Mengenai Amalan Pasaran Borong

#### Bidang yang dinilai



- Keberkesanan amalan pengurusan risiko dan sistem pengawasan untuk mengenal pasti, memantau dan mengurangkan salah laku pasaran borong
- Reka bentuk struktur insentif yang boleh mendorong salah laku pasaran borong (contohnya amalan pembayaran ganjaran, pemberian hadiah dan hiburan)
- Keberkesanan dasar, prosedur dan proses dalaman untuk mengenal pasti dan mengurangkan salah laku atau kemungkinan salah laku peniaga

#### Keputusan utama penilaian



- Terdapat dasar, prosedur dan proses dalaman yang mantap untuk menggalakkan amalan pasaran borong yang adil dan telus
- Perbincangan aktif antara lembaga pengarah dengan pengurusan kanan mengenai salah laku pasaran borong, lantas memudahkan tindakan pemulihan yang tepat pada masanya
- Peningkatan pengawasan diperhatikan oleh lembaga pengarah dan pengurusan kanan terhadap isu-isu amalan pasaran borong, terutamanya apabila kes-kes pelanggaran dikenal pasti

#### Bidang untuk penambahbaikan



- Potensi untuk menerima pakai sistem pengawasan perdagangan yang lebih canggih, termasuk automasi proses untuk mengesas kejanggalan perdagangan dan potensi salah laku
- Peningkatan kemahiran dan kepakaran fungsi kawalan yang berterusan bagi menambah baik keupayaan untuk mengenal pasti dan menangani kelemahan proses sedia ada untuk mengurangkan salah laku pasaran borong

Sumber: Bank Negara Malaysia

perlahan ini ialah: (i) peralihan strategi perniagaan penanggung insurans daripada produk insurans tradisional kepada produk alternatif; dan (ii) tahap pemahaman pengguna yang rendah mengenai polisi insurans hayat sertaan tradisional, termasuk ciri bonus tidak terjamin yang dibayar di bawah polisi tersebut.

Berikutnya kemerosotan dalam perniagaan polisi insurans hayat sertaan, penanggung insurans perlu membuat jangkaan dan mengurus risiko dengan lebih baik. Hal ini termasuk keperluan untuk menilai kesan daripada dana risiko (*risk pools*) yang lebih kecil ke atas tuntutan, perbelanjaan dan pulangan pelaburan daripada perniagaan yang sedang menguncup itu. Dalam hal ini, Bank mengehendaki penanggung insurans untuk menilai kesan kewangan trend ini ke atas kesolenan dana sertaan dan mengambil langkah-langkah pencegahan awal bagi memastikan mereka berupaya memenuhi kehendak pemegang polisi yang munasabah untuk jangka panjang. Bank juga telah menambah baik amalan penzahiran untuk produk IL dan produk lain yang berdasarkan akaun. Keperluan ini bertujuan untuk mengukuhkan tahap ketelusan produk-produk ini, memastikan amalan jualan yang lebih konsisten, serta memberikan pengguna maklumat yang relevan dan mencukupi bagi memudahkan mereka membuat keputusan.

Di samping itu, Bank juga mendapati amalan yang tidak konsisten dalam kalangan ITO am berhubung dengan pengurusan liabiliti tuntutan dan segmen perniagaan berisiko tinggi. Hal ini mendorong Bank untuk mengeluarkan keperluan penyeliaan yang mengehendaki ITO am mengekalkan rizab kes yang mencukupi bagi memenuhi tuntutan yang belum dibayar sejaklar dengan had statut (*statute of limitations*), di samping memperkuuh amalan pengurusan risiko untuk perniagaan insurans dan takaful kebakaran jangka panjang.

### Meningkatkan keupayaan penyeliaan dan kerjasama antarabangsa

Memandangkan hubungan serantau dan antarabangsa yang kian berkembang, Bank terus memupuk pengaturan kerjasama yang erat dengan bank pusat dan pihak berkuasa penyeliaan yang lain untuk meningkatkan pengawasan yang berkesan terhadap institusi kewangan yang mempunyai operasi merentas sempadan.

Pada bulan November 2018, Bank menandatangani Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding*, MoU) dengan Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Dubai (*Dubai Financial Services Authority*) untuk meningkatkan pengawasan yang berkesan ke atas institusi kewangan yang beroperasi di kedua-dua negara. MoU tersebut menggariskan kerjasama dan penyelaras dalam bidang pertukaran maklumat, penyeliaan di premis merentas sempadan, pengeluaran lesen dan pencegahan risiko ML/TF.

Pada tahun 2018, Bank turut menyertai mesyuarat forum penyeliaan (*supervisory college*) yang melibatkan 10 institusi kewangan asing yang beroperasi di Malaysia, dan menjadi tuan rumah mesyuarat forum penyeliaan kepada satu kumpulan perbankan domestik yang aktif di rantau ini. Mesyuarat dua hala dengan lima pihak berkuasa penyeliaan asing juga diadakan untuk memudahkan penyalaras yang berkesan bagi pengawasan dan aktiviti penyeliaan yang melibatkan kumpulan kewangan merentas sempadan. Selain memudahkan perbincangan mengenai risiko dan keimbangan utama penyelia, saluran kerjasama ini turut memberi gambaran yang lebih menyeluruh kepada Bank berkaitan dengan risiko merentas kumpulan yang dihadapi oleh institusi kewangan dan tindakan yang sedang diambil untuk menangani risiko tersebut.

Di samping itu, Bank mengambil bahagian dalam dua kumpulan pengurusan krisis (*crisis management group*, CMG) yang dikendalikan oleh Pihak Berkuasa Pengawalseliaan Kehematian United Kingdom (*United Kingdom Prudential Regulatory Authority*) untuk satu penanggung insurans yang penting dari segi sistemik pada peringkat global, dan CMG Asia yang diselaraskan oleh Pihak Berkuasa Monetari Hong Kong (*Hong Kong Monetary Authority*) untuk satu G-SIB. CMG ini bertujuan meningkatkan tahap kesediaan pihak berkuasa negara asal dan pihak berkuasa negara tuan rumah utama untuk mengurus secara berkesan proses pemulihan dan resolusi sesebuah institusi kewangan. Hal ini dapat dilaksanakan dengan mengetahui halangan yang mungkin timbul terhadap usaha untuk melaksanakan pelan pemulihan dan resolusi institusi kewangan, di samping memahami kesannya kepada pasaran tempat institusi tersebut beroperasi.

## **MEMPERKUKUH DAN MEMELIHARA INTEGRITI SISTEM KEWANGAN**

### **Penemuan daripada NRA 2017**

Malaysia terus komited untuk memelihara integriti sistem kewangan negara daripada pengubahan wang haram dan pembentukan keganasan. Dalam hal ini, Bank, sebagai Pihak Berkuasa Berwibawa di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (*Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001*, AMLA), dan pengerusi

NCC, memainkan peranan yang penting dalam menyelaraskan usaha pada peringkat kebangsaan bagi memperkuuh rejim AML/CFT di Malaysia. Pada bulan Julai 2018, NCC telah mengesahkan hasil NRA yang telah dijalankan pada tahun 2017. NRA merupakan satu penilaian berkala untuk mengenal pasti, menilai dan memahami risiko ML/TF di negara ini. Dengan menggunakan data sepanjang tempoh tiga tahun dari tahun 2014 hingga 2016, NRA menilai bidang-bidang yang berikut: (i) jenayah serius yang menimbulkan ancaman ML; (ii) risiko keganasan dan TF, termasuk penilaian khusus mengenai kelemahan organisasi bukan berdasarkan keuntungan (*non-profit organisations*, NPO) terhadap risiko TF; dan (iii) kelemahan sektor kewangan dan bukan kewangan kepada risiko ML/TF.

Penemuan utama berkaitan jenayah berat diringkaskan dalam Jadual 3.2. Menyedari bahawa risiko-risiko ini sentiasa berubah, NCC komited untuk melaksanakan NRA setiap tiga tahun bagi meningkatkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai landskap risiko ML/TF semasa dan menambah baik tempoh tindak balas kawalan risiko terhadap perubahan persekitaran risiko.

Berpandukan hasil NRA, Pelan Strategik AML/CFT Negara akan dikaji semula pada tahun 2019 untuk memasukkan strategi menangani jurang yang telah dikenal pasti dan mengurangkan kelemahan. Strategi ini termasuk menambah baik rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan yang sedia ada bagi membanteras jenayah kewangan, memperuntukkan semula sumber ke bidang yang mempunyai risiko yang lebih tinggi dan sektor yang lebih mudah terancam, serta memperhebat usaha untuk meningkatkan tahap kesedaran mengenai risiko ML/TF.

### **Mengukuhkan rangka kerja ML/TF**

Berdasarkan penemuan NRA 2017, wang tunai digunakan secara meluas oleh penjenayah untuk tujuan menyimpan, memindahkan dan mengagihkan hasil daripada kegiatan haram. Memandangkan penggunaan wang tunai sebagai medium pembayaran masih meluas di Malaysia, langkah-langkah terus diambil untuk mengurangkan risiko penyalahgunaan wang tunai untuk aktiviti jenayah. Berkuat kuasa 1 Januari 2019, Bank mengurangkan nilai ambang pelaporan transaksi wang tunai daripada RM50,000 kepada RM25,000. Laporan nilai ambang tunai (*cash threshold reports*, CTR), iaitu laporan yang wajib dikemukakan oleh institusi perbankan dan institusi

Jadual 3.2

**Risiko Keganasan dan Pembiayaan Keganasan (*Terrorism Financing, TF*) dan Tahap Ancaman Pengubahan Wang Haram bagi Jenayah Berat**

Jenis jenayah berat	Tahap ancaman	Jenis jenayah berat	Tahap ancaman
Rasuah		Pemalsuan mata wang	
Penipuan		Jenayah alam sekitar	
Pengedaran dadah secara haram	Tinggi	Pengiriman wang secara haram	
Jenayah terancang		Perdagangan orang dalam dan manipulasi pasaran	
Penyeludupan		Penculikan	
Pemalsuan dan cetak rompak produk		Pembunuhan	
Pemalsuan		Peras ugut	
Merompak dan mencuri	Sederhana Tinggi	Penjualan senjata secara haram	
Pemerdagangan manusia/penyeludupan migran		Perdagangan haram barang curi	
Eksloitasi seks		Rompakan di laut	
Pengelakan cukai			
Keganasan dan TF			

Sumber: Bank Negara Malaysia

pelapor lain dalam pelbagai sektor sejak tahun 2006, melengkapkan laporan transaksi yang mencurigakan (*suspicious transaction reports, STR*) sebagai sumber maklumat yang bernilai untuk digunakan dalam penyiasatan jenayah kewangan oleh agensi penguatkuasaan undang-undang (*law enforcement agencies, LEA*) di Malaysia. Penilaian yang dibuat baru-baru ini menunjukkan bahawa nilai ambang semasa sebanyak RM50,000 adalah tinggi berbanding dengan negara-negara lain, dan tidak mencerminkan saiz dan kelaziman penggunaan wang tunai dalam ekonomi Malaysia dengan sewajarnya. Hal ini memudahkan hasil daripada kegiatan haram disimpan di institusi kewangan oleh penjenayah dalam jumlah yang kurang sedikit daripada nilai ambang untuk mengelak daripada dikesan. Dengan menurunkan nilai ambang ini, perbuatan sedemikian dapat dikesan dengan lebih mudah melalui pemantauan yang lebih mantap dan pemerhatian yang lebih baik ke atas pola transaksi yang mencurigakan. Bank turut mempertimbangkan langkah-langkah lain, dengan kerjasama LEA lain, untuk melengkapi CTR dan STR dalam menangani risiko penyalahgunaan wang tunai untuk aktiviti jenayah. Langkah ini termasuk meneliti keperluan


memperkenalkan had untuk transaksi tunai di Malaysia, seperti yang dilaksanakan di beberapa buah negara lain (Gambar Rajah 3.6).

**Bank mengurangkan nilai ambang pelaporan transaksi wang tunai daripada RM50,000 kepada RM25,000 untuk menambah baik pemantauan ke atas pola transaksi yang mencurigakan**

Bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang risiko ML/TF di samping memupuk kerjasama yang lebih erat antara institusi kewangan dengan LEA, Bank mengeluarkan beberapa laporan ‘bendera merah’ (*red flag*) dan tipologi sepanjang tahun 2018. Laporan-laporan tersebut mengemukakan risikan penting tentang jenayah kewangan seperti pembiayaan keganasan dan percambahan, rasuah dan penipuan. Laporan-laporan tersebut juga turut mengulas lanjut tentang trend dan teknik yang semakin cenderung digunakan dalam jenayah kewangan bagi memudahkan institusi pelapor meningkatkan usaha untuk mengenal pasti dan membuat pengesanan awal, di samping membantu LEA mencegah jenayah sedemikian.

Gambar Rajah 3.6

**Perlaksanaan Had Transaksi Tunai di Negara-negara Terpilih**



\* Berkukuasa 1 Julai 2019

Nota: Bagi negara yang mempunyai had pelbagai, had ini adalah berbeza mengikut kategori seperti tujuan transaksi, sektor perniagaan, atau rakan niaga yang terlibat dalam transaksi (sama ada pemastautin atau bukan pemastautin). Penukaran mata wang adalah berdasarkan kadar pertukaran purata untuk tahun 2018

Sumber: *The Australian Government the Treasury, European Consumer Centre, Central Board of Direct Taxes – India, Forbes*

Bank turut memperkenalkan platform perkongsian awam-swasta (*public-private partnership*, PPP) pada awal tahun 2017 untuk menjalin kerjasama yang lebih erat antara LEA dengan institusi kewangan terpilih. PPP memudahkan pertukaran risikan kewangan yang cepat dan berkesan dalam mencegah risiko ML/TF. Hal ini terbukti dengan bertambahnya bilangan dan kualiti STR mengenai TF yang semakin baik, pengenalpastian entiti baharu yang disyaki ada kaitan dengan TF serta tindakan penguatkuasaan yang lebih pantas oleh LEA. Pada akhir tahun 2018, Bank menganjurkan Persidangan Pematuhan 2018 dengan tema “Penilaian Risiko Negara: Mencapai Keseimbangan Pematuhan dan Penguatkuasaan”, yang dihadiri lebih 1000 peserta tempatan daripada sektor kewangan dan sektor bukan kewangan. Persidangan tersebut memberikan peluang yang baik kepada Bank dan LEA untuk berkongsi perkembangan mutakhir tentang aktiviti ML/TF dan keutamaan pengawalseliaan bagi mencegah risiko ML/TF dengan berkesan.

### **Penarafan semula pematuhan teknikal Malaysia terhadap Saranan FATF**

Pada bulan Oktober 2018, Pleno FATF mengiktiraf Laporan Susulan Tahun Ketiga Malaysia berhubung dengan langkah-langkah yang diambil untuk menangani jurang yang dikenal pasti dalam program Penilaian Bersama 2015 yang dijalankan ke atas rangka kerja AML/CFT Malaysia. Mencerminkan kemajuan besar yang telah dicapai, Pleno bersetuju dengan penarafan semula tahap pematuhan teknikal Malaysia berhubung dengan empat Saranan FATF (Jadual 3.3). Khususnya, usaha yang telah diiktiraf dalam penarafan yang disemak adalah seperti berikut:

- (i) penambahbaikan rangka kerja perundangan Malaysia bagi mengatasi kekurangan dalam melaksanakan ketetapan *United Nations Targeted Financial Sanctions on Proliferation* berkenaan obligasi pembekuan dan larangan dalam negeri;

- (ii) penubuhan platform khusus untuk mempertingkatkan penyelarasan dan kerjasama dalam kalangan LEA, seperti Jawatankuasa Kecil Pelaksanaan dan Penguatkuasaan Wang Tunai dan Pemegang Instrumen Boleh Niaga Merentas Sempadan;
- (iii) pengukuhan penilaian risiko dalam sektor NPO;
- (iv) penerbitan panduan, laporan ‘bendera merah’, tipologi dan maklumat yang dikemas kini untuk membantu pelaksanaan langkah pencegahan yang berkesan terhadap risiko ML/TF, dan penambahbaikan dalam pelaporan mengenai transaksi yang mencurigakan; dan
- (v) pengaturan kerjasama yang dipertingkatkan melalui platform PPP.

Susulan keberhasilan program penarafan semula, Malaysia diberi penarafan “Patuh” atau “Patuh sebahagian besarnya” bagi 38 daripada 40 Saranan FATF (Jadual 3.4). Inisiatif terus dilaksanakan untuk menangani jurang yang dikenal pasti dalam baki dua Saranan FATF berkaitan dengan ketelusan dan pemilikan benefisial entiti yang diberi kuasa (*legal persons*) dan pengaturan berasaskan undang-undang (*legal arrangements*), termasuk menjalankan penilaian risiko dan membuat pindaan perundangan yang perlu bagi memudahkan pematuhan sepenuhnya terhadap Saranan FATF.

## Mempertingkatkan penyeliaan AML/CFT

### **Sektor perbankan dan insurans**

Pada tahun 2018, Bank menggabungkan sumber penyeliaannya untuk memperkuuh tumpuan dan pengkhususan dalam penyeliaan risiko ML/TF dalam sektor kewangan. Usaha ini membawa kepada penubuhan unit AML/CFT yang khusus

Jadual 3.3

### **Penarafan Semula Kepatuhan Teknikal**

Saranan FATF	Penilaian Bersama (2015)	Susulan Tahun Ketiga (2018)
5. Kesalahan pembiayaan pengganas	LC	C
7. Sekatan kewangan sasaran terhadap percambahan	PC	C
32. Penghantar wang tunai	LC	C
34. Panduan dan maklum balas	LC	C

C – Patuh (*compliant*)

LC – Patuh sebahagian besarnya (*largely compliant*)

PC – Patuh sebahagiannya (*partially compliant*)

Sumber: Pasukan Petugas Tindakan Kewangan

dalam sektor penyeliaan. Pada tahun 2018, unit tersebut (bersama-sama dengan penyelia kehematan) telah menjalankan penilaian AML di premis 54 institusi perbankan, enam IKP dan 49 ITO. Penilaian itu mendapat bahawa institusi kewangan telah mencatatkan kemajuan yang ketara dalam memperkuuh kawalan dan amalan AML/CFT masing-masing. Institusi kewangan juga telah meningkatkan tahap kewaspadaan dalam membanteras skim kewangan haram dan akaun mule (akaun yang digunakan oleh penipu kewangan untuk menyimpan atau memindahkan wang yang diperoleh secara haram), dengan penambahbaikan dibuat pada dasar dan proses institusi kewangan untuk mengenal pasti dan seterusnya menutup akaun berkenaan. Institusi kewangan turut memberikan komitmen yang lebih tinggi untuk mempertingkatkan kemahiran kakitangan dengan menggalakkan pegawai pematuhan mengambil pensijilan profesional. Institusi kewangan juga terus meningkatkan pelaburan dalam teknologi, sistem dan sumber manusia untuk menambah baik proses pemantauan dan penyaringan transaksi. Perkara ini dilengkapi oleh usaha yang berterusan untuk mengukuhkan kecekapan kakitangan barisan hadapan dan fungsi kesahan, terutamanya apabila menjalankan penilaian risiko ke atas segmen perniagaan atau kategori pelanggan yang mempunyai risiko ML/TF yang lebih tinggi.

Bank turut memperkuuh Rangka Kerja Penyeliaan Berasaskan Risiko AML/CFT untuk merangkumkan metodologi NRA dan penilaian risiko bagi TF. Usaha sedang dijalankan untuk menambah baik aktiviti penyeliaan AML/CFT Bank melalui penggunaan teknologi dan analisis data (*data analytics*) yang lebih meluas.

Jadual 3.4

### **Penarafan Keseluruhan Terkini Kepatuhan Teknikal**

Penarafan	Penilaian Bersama (2015)	Susulan Tahun Ketiga (2018)
Patuh	16	20
Patuh sebahagian besarnya	21	18
Patuh sebahagiannya	3	2*
Tidak patuh	0	0

\* Saranan 24 adalah mengenai ketelusan dan pemilikan benefisial entiti yang diberi kuasa dan Saranan 25 adalah mengenai ketelusan dan pemilikan benefisial pengaturan berasaskan undang-undang

Sumber: Pasukan Petugas Tindakan Kewangan

**Usaha sedang dijalankan untuk menambah baik aktiviti penyeliaan AML/CFT Bank melalui penggunaan teknologi dan analisis data (*data analytics*) yang lebih meluas**

#### **Perniagaan dan Profesional Bukan Kewangan yang Ditetapkan**

NRA 2017 menunjukkan risiko ML/TF sederhana tinggi ke tinggi yang dihadapi oleh beberapa sektor Perniagaan dan Profesional Bukan Kewangan yang Ditetapkan (*Designated Non-Financial Businesses and Professions*, DNFBP) seperti peniaga logam dan batu berharga, peguam, setiausaha syarikat, pemberi pinjaman wang dan pemegang pajak gadai. Risiko ini didorong terutamanya oleh ciri-ciri risiko tinggi termasuk akses yang mudah, pelanggan tanpa nama (*anonymous*), serta produk dan perkhidmatan yang berisiko tinggi. Langkah-langkah pengawalan pula lazimnya didapati lemah atau tidak mencukupi. Oleh itu, unit penyeliaan DNFBP Bank telah memperhebat penilaian terhadap lima sektor yang mempunyai risiko yang lebih tinggi pada tahun 2018. Penilaian itu menunjukkan pelaksanaan obligasi AML/CFT yang bertambah baik dalam sesetengah bidang dengan infrastruktur institusi yang diperkuuh telah diterapkan sebagai sebahagian daripada operasi perniagaan institusi pelapor. Perkara ini termasuk usaha wajar pelanggan (*customer due diligence*, CDD) yang asas, penyimpanan rekod dan sistem pengurusan maklumat. Walau bagaimanapun, masih wujud jurang yang ketara dalam beberapa bidang, termasuk pelaksanaan CDD terhadap pemilik benefisial, usaha wajar yang dipertingkatkan dan berterusan, penilaian risiko dan pemprofilan risiko pelanggan, serta kawalan untuk membanteras pembiayaan keganasan.

Kesedaran tentang risiko ML/TF dan kawalan yang berkesan terus menjadi halangan utama kepada pematuhan yang berkesan oleh DNFBP. Sehubungan dengan itu, Bank melancarkan Program Pematuhan AML/CFT Kebangsaan pada tahun 2018, dengan cogan kata “Patuh untuk Melindungi (*Comply to Protect*)”. Sejumlah 32 sesi taklimat kesedaran dijalankan di lapan bandar besar di Malaysia sepanjang tahun 2018, termasuk Persidangan Pematuhan 2018 untuk DNFBP yang disertai lebih 390 peserta. Pada masa hadapan, aktiviti penyeliaan bagi sektor DNFBP akan terus diperhebat, terutamanya dalam sektor yang dikenal pasti dalam NRA 2017 sebagai sektor yang mempunyai dedahan yang lebih tinggi terhadap risiko

ML/TF. Bank juga akan menjalankan kajian semula yang menyeluruh ke atas keperluan AML/CFT untuk DNFBP dan Sektor Bukan Kewangan Lain (Sektor 5), bagi menyediakan panduan tambahan tentang pelaksanaan langkah-langkah AML/CFT dalam sektor tersebut dengan mengambil kira risiko ML/TF yang berkaitan.

#### **Aset digital**

Aset digital terus berevolusi. Evolusi ini merangkumi perkembangan tawaran duit syiling awal (*initial coin offerings*, ICO), penggunaan token digital sebagai cara pembayaran, serta perdagangan atau pertukaran aset digital melalui pengurup mata wang digital (*digital currency exchangers*, DCE). Menyedari bahawa perkembangan ini berpotensi untuk menimbulkan risiko terhadap integriti sistem kewangan, DCE telah ditetapkan sebagai institusi pelapor di bawah AMLA pada bulan Februari 2018, dan dikehendaki mengisyiharkan aktiviti mereka kepada Bank. Keperluan penzahiran minimum juga telah diperkenalkan supaya institusi-institusi ini meningkatkan ketelusan aktiviti mereka bersama-sama dengan keperluan untuk mewujudkan dasar dan prosedur yang mencukupi bagi menangani risiko ML/TF. Sejumlah 49 pengisyiharan DCE diterima, dengan 29 daripadanya mengisyiharkan bahawa tiada aktiviti dilaporkan pada tahun 2018, manakala bakinya melaporkan bilangan dan nilai urus niaga yang semakin berkurang.

Meskipun aset digital boleh digunakan sebagai medium pertukaran yang mempunyai nilai, namun pada amnya aset digital tidak mempunyai ciri-ciri wang, seperti wang kertas dan duit syiling yang disokong oleh Kerajaan (juga dikenali sebagai mata wang fiat). Oleh itu, aset digital sebagai satu cara pembayaran di Malaysia terus terhad penggunaannya. Bank telah memaklumkan kepada orang ramai bahawa aset digital tidak sah diperlakukan dan tidak tertakluk di bawah rangka kerja perlindungan pengguna Bank. Sehubungan dengan itu, orang ramai dinasihati untuk menilai risiko dengan teliti apabila mereka membuat urus niaga menggunakan aset digital.

Bank juga telah mengukuhkan kerjasama dengan pihak berkuasa pengawalan dalam negeri untuk mengurus risiko yang berkaitan dengan aset digital terhadap sistem kewangan dan pembayaran di Malaysia. Berlandaskan MoU antara Bank dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (*Securities Commission Malaysia*, SC) yang dimeterai pada bulan Oktober 2012, pengaturan

penyelarasian telah diperluaskan pada bulan Disember 2018 untuk merangkumi pengawalseliaan aset digital di Malaysia. Pengaturan ini memperjelas aspek pengawasan Bank berhubung dengan pematuhan undang-undang dan pengawalseliaan yang berkaitan dengan hal ehwal pembayaran dan mata wang, serta tanggungjawab SC untuk mengawal selia pengeluaran aset digital berkaitan dengan ICO dan urus niaga aset digital di bursa aset digital di Malaysia. Dengan ini, SC juga akan menyelia pematuhan terhadap keperluan AML/CFT yang terpakai untuk bursa aset digital.

### **Perniagaan Perkhidmatan Wang**

Pada tahun 2018, Bank terus memberikan tumpuan pada usaha untuk mengurangkan kelemahan terhadap risiko ML/TF dalam industri perniagaan perkhidmatan wang (*money services business, MSB*). Hasil daripada fungsi analisis data Bank, 46 operasi pengawasan bersasaran telah dilancarkan oleh Bank terhadap perniagaan pengiriman wang yang tidak sah pada tahun 2018. Daripada jumlah tersebut, 14 pengendali MSB runcit yang tidak sah telah dikenal pasti dan diarahkan untuk menghentikan operasi.

Pada tahun 2018, Bank turut membuat kajian semula terhadap Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 (*Money Services Business Act 2011, MSBA*). Kajian semula ini bertujuan mengukuhkan keberkesanan tindakan penguatkuasaan terhadap aktiviti MSB haram oleh pengendali yang tidak sah, ketidakpatuhan pemegang lesen terhadap keperluan pengawalseliaan yang melindungi pengguna dan mencegah penyalahgunaan industri bagi tujuan yang salah di sisi undang-undang. Bank telah

mengeluarkan kertas rundingan pada bulan Mac 2019 untuk mendapatkan maklum balas orang ramai tentang pindaan yang dicadangkan terhadap MSBA. Melalui pindaan yang dicadangkan, tindakan penguatkuasaan dijangka lebih pantas, lebih punitif dan lebih terserlah bagi menghalang dan membanteras perkhidmatan pengiriman wang dan pertukaran mata wang yang tidak sah. Pada masa yang sama, Bank akan meluaskan skop tindakan penguatkuasaan pentadbiran untuk memupuk disiplin yang lebih tinggi dalam industri, di samping memastikan pendekatan penguatkuasaan yang lebih seimbang, setimpal dengan tahap keseriusan kesalahan yang dilakukan.

### **Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang yang ditambah baik dijangka akan menghasilkan tindakan penguatkuasaan yang lebih pantas, lebih punitif dan lebih terserlah bagi menghalang dan membanteras perkhidmatan pengiriman wang dan pertukaran mata wang yang tidak sah**

Usaha untuk memelihara integriti industri MSB turut disokong oleh program bina upaya yang berterusan untuk meningkatkan tahap profesionalisme dan pematuhan dalam industri. Pensijilan dan akreditasi Pegawai Pematuhan (*Compliance Officers, CO*) MSB seperti yang dikehendaki oleh Bank pada tahun 2017 terus mencatatkan kemajuan yang memberangsangkan. Sehingga kini, satu pertiga daripada semua CO (mencakupi hampir semua syarikat MSB yang bersaiz lebih besar) telah memperoleh akreditasi mereka, manakala baki dua pertiga lagi dijangka akan mendapat

### **Penggunaan analisis data oleh Bank dalam aktiviti pengawasan, penyeliaan, dan penguatkuasaan**

Penggunaan analisis data sejak tahun 2017 telah meningkatkan keupayaan Bank untuk mengawal dan menyelia MSB dengan lebih berkesan melalui penambahbaikan dari aspek yang berikut:

- (i) menyokong penilaian risiko ML/TF yang berkaitan dengan aktiviti MSB secara lebih berkesan melalui pembangunan tipologi berkaitan ML/TF dengan menggunakan alat pemodelan dan analisis data mega (*big data*). Alat pemodelan dan analisis data mega dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang tingkah laku pelanggan, corak transaksi serta modus operandi penjenayah dan pengendali MSB yang tidak sah. Hal ini seterusnya akan membolehkan Bank mengambil tindakan penyeliaan dan penguatkuasaan yang lebih disasarkan;
- (ii) penggunaan sumber penyeliaan yang disasarkan kepada bidang yang lebih kritis dan berisiko tinggi, sekali gus memudahkan campur tangan dan tindakan penguatkuasaan yang lebih tepat pada masanya untuk melindungi integriti industri MSB; dan
- (iii) membolehkan peningkatan kecekapan yang lebih ketara dari segi tempoh pemprosesan permohonan pengawalseliaan daripada peserta industri, dengan pemprofilan risiko pemegang lesen yang lebih mantap dan lebih kerap.

akreditasi sepenuhnya menjelang akhir tahun 2019. Berkuat kuasa 22 Januari 2019, semua pengarah dan ketua pegawai eksekutif (*chief executive officers*, CEO) pemegang lesen MSB yang bersaiz sederhana dan besar juga dikehendaki untuk menghadiri Program Pendidikan Pengarah MSB (*MSB Directors Education Programme*, MSB-DEP). MSB-DEP bertujuan memberikan pendedahan yang disasarkan kepada pengarah dan CEO MSB tentang keperluan pengawalseliaan dan amalan terbaik bagi pengurusan risiko dalam menjalankan perniagaan perkhidmatan wang.


Pada masa hadapan, Bank juga sedang mempertimbangkan kemungkinan untuk melanjutkan tempoh lesen yang dikeluarkan melebihi tempoh maksimum semasa iaitu tiga tahun kepada pemegang lesen MSB yang berkelayakan. Pertimbangan ini mengambil kira penambahbaikan dalam keupayaan pengawalan dan penyeliaan Bank serta pematuhan industri yang semakin kukuh sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Langkah sedemikian juga akan memudahkan Bank menyalurkan sumbernya dengan lebih cekap kepada aktiviti penyeliaan risiko ML/TF yang berterusan.

## TINDAKAN PENGUATKUASAAN

Tindakan penguatkuasaan Bank yang berkesan dan tepat pada masanya merupakan langkah pencegahan yang berwibawa terhadap ketidakpatuhan pada undang-undang dan keperluan pengawalseliaan yang berkuat kuasa. Langkah ini seterusnya akan menggalakkan amalan dalam industri kewangan yang sejahtera dengan amalan perniagaan yang kukuh dan bertanggungjawab. Ringkasan mengenai tindakan penguatkuasaan yang diambil pada tahun 2018

Rajah 3.3: Jumlah Penalti Kewangan yang Dikenakan

### Jumlah penalti yang dikenakan pada tahun 2018 meningkat sedikit



Sumber: Bank Negara Malaysia


disenaraikan dalam Jadual 3.5. Mulai tahun 2019, butiran tentang setiap tindakan penguatkuasaan akan disiarkan di laman sesawang Bank.

Bank telah meningkatkan penggunaan tindakan penyeliaan yang disasarkan sejak beberapa tahun kebelakangan ini untuk menggalakkan perubahan positif yang berterusan pada tingkah laku dan budaya pematuhan institusi kewangan

Meskipun tindakan penguatkuasaan punitif (seperti pengenaan denda berbentuk monetari, tindakan sivil atau jenayah) akan terus dilaksanakan untuk ketidakpatuhan yang serius dan aktiviti haram atau yang menyalahi undang-undang, Bank telah meningkatkan penggunaan tindakan penyeliaan yang disasarkan sejak beberapa tahun kebelakangan ini untuk menggalakkan perubahan positif yang berterusan pada tingkah laku dan budaya pematuhan institusi kewangan (Rajah 3.3 dan 3.4). Khususnya, arahan pematuhan, arahan penyeliaan, dan aku janji yang boleh dikuatkuasakan telah terbukti sebagai kaedah yang berkesan untuk mendapatkan komitmen dan sumber institusi kewangan bagi melaksanakan pelan pemulihan untuk menangani kebimbangan atau kelemahan khusus dalam sistem pengurusan risiko, rangka kerja pematuhan dan pengaturan tadbir urus dalam. Bank akan terus memastikan sebarang tindakan penguatkuasaan dan penyeliaan yang dilaksanakan adalah wajar, dengan mengambil kira kesan ketidakpatuhan dan sama ada tindakan tersebut dapat mencegah atau menghalang ketidakpatuhan selanjutnya.

Rajah 3.4: Bilangan Tindakan Penyeliaan dan Penguatkuasaan yang Diambil

### Perlaksanaan tindakan penyeliaan untuk menangani ketidakpatuhan semakin meningkat



Sumber: Bank Negara Malaysia

**Jadual 3.5****Tindakan Penguatkuasaan yang Diambil pada Tahun 2018**

<b>Bidang</b>	<b>Tindakan Penguatkuasaan</b>
Pengambilan deposit secara haram	<ul style="list-style-type: none"> <li>Satu entiti disabitkan kesalahan di bawah seksyen 25(1) Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989</li> </ul>
Pengeluaran instrumen pembayaran yang ditetapkan tanpa kelulusan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Satu entiti disabitkan kesalahan di bawah seksyen 25(1) Akta Sistem Pembayaran 2003</li> </ul>
Ketidakpatuhan pada keperluan perniagaan perkhidmatan wang ( <i>money services business</i> , MSB)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sepuluh entiti dan seorang individu disabitkan kesalahan kerana menawarkan perniagaan perkhidmatan wang yang tidak sah di bawah seksyen 4(1) Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 (MSB Act 2011, MSBA)</li> <li>Penalti monetari pentadbiran (<i>administrative monetary penalties</i>, AMP) berjumlah RM6,000 dikenakan terhadap empat penyedia MSB atas kegagalan mematuhi keperluan modal di bawah seksyen 22(1) MSBA</li> <li>AMP dikenakan masing-masing sebanyak RM10,000 terhadap enam penyedia MSB dan RM42,000 terhadap empat penyedia MSB kerana melanggar seksyen 31(9) dan 34(1) MSBA, berhubung dengan keperluan penyerahan laporan audit kepada Bank</li> <li>Dua entiti disabitkan kesalahan kerana menggunakan perkataan yang menunjukkan penyediaan perniagaan perkhidmatan wang secara tidak sah di bawah seksyen 23(1) MSBA</li> <li>Kompaun berjumlah RM135,000 dikenakan terhadap dua penyedia MSB atas kegagalan mematuhi keperluan pengawalseliaan berhubung dengan perlantikan pengarah di bawah seksyen 30(1) MSBA</li> </ul>
Ketidakpatuhan pada keperluan pengawalseliaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>AMP berjumlah RM11.7 juta dikenakan terhadap 31 institusi perbankan atas kegagalan mematuhi keperluan pelaporan statistik di bawah seksyen 143 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (<i>Financial Services Act 2013</i>, FSA) dan seksyen 155 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (<i>Islamic Financial Services Act 2013</i>, IFSA)</li> <li>AMP dikenakan sebanyak RM4.8 juta terhadap tiga institusi perbankan atas kegagalan mematuhi dasar berhubung dengan perlindungan maklumat pelanggan di bawah seksyen 48 FSA dan seksyen 58 IFSA</li> <li>AMP dikenakan sebanyak RM725,000 terhadap satu institusi perbankan atas kegagalan mematuhi keperluan tadbir urus korporat di bawah seksyen 63 IFSA</li> <li>Kompaun dikenakan sebanyak RM100,000 terhadap satu institusi perbankan atas kegagalan mematuhi Ketetapan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu di bawah seksyen 82(1) Akta Bank Negara Malaysia 2009</li> <li>Kompaun dikenakan sebanyak RM650,000 terhadap satu institusi perbankan atas kegagalan mematuhi keperluan pentadbiran pertukaran asing di bawah seksyen 214(2) FSA</li> </ul>
Ketidakpatuhan pada keperluan AML/CFT	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kompaun dikenakan sebanyak RM120,000 terhadap dua institusi perbankan atas kegagalan mematuhi obligasi pelaporan di bawah seksyen 14 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (<i>Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001</i>, AMLA)</li> <li>Kompaun dikenakan sebanyak RM312,500 terhadap tiga institusi perbankan atas kegagalan mematuhi keperluan usaha wajar pelanggan di bawah seksyen 16 AMLA</li> <li>Enam entiti dan seorang individu disabitkan kesalahan kerana pengubahan wang haram di bawah seksyen 4(1) AMLA</li> </ul>

Sumber: Bank Negara Malaysia

## Mengukuhkan Budaya Risiko Pematuhan Syariah


Oleh Faizal Jaafar, Mohd Hairi Mohd Tahir dan Nurlida Jasmin Ismail

### Pengenalan

Syariah merupakan teras utama kewangan Islam yang menitikberatkan keadilan dan ketelusan dalam urus niaga kewangan Islam. Oleh itu, kegagalan mematuhi prinsip Syariah boleh menjelaskan kesahan dan penguatkuasaan urus niaga kewangan Islam, serta meningkatkan risiko kewangan dan bukan kewangan bagi institusi kewangan Islam. Misalnya, institusi kewangan Islam tidak boleh mengiktiraf pendapatan yang diperoleh daripada urus niaga yang tidak patuh Syariah. Hal sedemikian boleh menjelaskan daya tahan dan keteguhan sesebuah institusi kewangan Islam. Insiden tidak patuh Syariah pada peringkat yang lebih luas, boleh memberi kesan yang serius dan menjelaskan keyakinan terhadap kestabilan sektor kewangan Islam. Oleh yang demikian, pengurusan risiko ketidakpatuhan Syariah yang berkesan amat penting, seiring dengan perkembangan kewangan Islam yang menjadi komponen utama sistem kewangan domestik dan antarabangsa. Rencana ini membentangkan pendekatan Bank dan amalan institusi kewangan Islam dalam memupuk budaya risiko pematuhan Syariah yang berkesan.

Gambar Rajah 1

#### Faktor yang Menyebabkan Ketidakpatuhan Syariah



Sumber: Bank Negara Malaysia

### Pematuhan Syariah di Malaysia

Seksyen 28 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 mengehendaki institusi kewangan Islam memastikan matlamat dan pengendalian, perniagaan, hal ehwal dan aktiviti kewangan Islam sentiasa mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Pematuhan Syariah di Malaysia disokong oleh struktur tadbir urus dua peringkat, iaitu pada peringkat industri dan pada peringkat institusi. Tadbir urus ini dikukuhkan lagi dengan rangka kerja pengawalseliaan, penyeliaan dan fungsi kawalan institusi kewangan Islam.

#### a) Majlis Penasihat Syariah berpusat

Pada peringkat industri, Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS) merupakan pihak berkuasa tertinggi yang menentukan hukum Syarak bagi perniagaan kewangan Islam yang dijalankan oleh institusi yang dikawal selia oleh Bank. Meskipun Islam mengiktiraf kepelbagaiannya pentafsiran dan pendekatan dalam pelaksanaan *fiqh*, kewujudan pihak berkuasa berpusat adalah penting bagi memastikan ketetapan dan keseragaman dalam pentafsiran Syariah. Peranan MPS dalam memuktamadkan ketetapan Syariah bagi

kewangan Islam pada peringkat kebangsaan membolehkan sistem kewangan Islam dibangunkan secara teratur, sekali gus mengelakkan percanggahan tafsiran Syariah yang boleh menjelaskan keyakinan orang ramai dan mengakibatkan jurang dalam amalan pasaran.

**b) Jawatankuasa Syariah pada peringkat institusi kewangan Islam**

Pada peringkat institusi, setiap institusi kewangan Islam melantik jawatankuasa Syariah yang bertanggungjawab menasihati pihak pengurusan dan lembaga pengarah berhubung dengan perkara Syariah dalam semua aspek perniagaan, hal ehwal, amalan dan aktiviti institusi tersebut. Lazimnya, MPS membincangkan secara terperinci penggunaan prinsip Syariah tertentu serta implikasinya ke atas industri secara keseluruhan. Pada peringkat institusi pula, jawatankuasa Syariah memberikan tumpuan pada perbincangan Syariah yang khusus berhubung dengan institusi berkenaan. Isu yang dibincangkan termasuklah hal-hal yang berkaitan dengan pembangunan produk dan perkhidmatan yang khusus serta operasi perniagaan. Pada masa ini, terdapat lebih daripada 150 orang cendekiawan Syariah tempatan dan antarabangsa yang telah dilantik sebagai ahli jawatankuasa Syariah di 55 buah institusi kewangan.

**c) Fungsi pengurusan risiko Syariah, penilaian Syariah dan audit Syariah**

Peranan jawatankuasa Syariah disokong oleh fungsi kawalan dalam tertentu, iaitu fungsi pengurusan risiko Syariah, penilaian Syariah dan audit Syariah. Fungsi-fungsi ini tidak terikat dengan operasi perniagaan dan bertanggungjawab untuk memberikan penilaian yang objektif serta jaminan terhadap keberkesanannya pematuhan Syariah dan pengurusan risiko ketidakpatuhan Syariah sesebuah institusi kewangan Islam. Pewujudan dan pengukuhan fungsi-fungsi kawalan ini dari semasa ke semasa memainkan peranan penting dalam menggalakkan budaya risiko pematuhan Syariah yang teguh dalam kalangan institusi kewangan Islam.

**d) Rangka kerja kawal selia**

Sejak tahun 2012, Bank telah mengeluarkan 14 Piawaian Syariah dan Keperluan Operasi untuk menguatkuasakan keputusan MPS di samping menggalakkan pengurusan risiko yang berkesan dalam perniagaan kewangan Islam. Hal ini telah mendorong kepada penambahbaikan dasar dan proses dalam institusi kewangan Islam untuk mengurus risiko ketidakpatuhan Syariah dalam hal ehwal perniagaan secara berkesan. Khususnya, piawaian pengawalseliaan telah memainkan peranan penting untuk mengurangkan risiko perundungan dan operasi yang berkaitan dengan individu dan sistem dalam pengoperasian dan inovasi produk dan perkhidmatan kewangan Islam.

Penilaian semula Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah diharap akan memperkuuh pelaksanaan tadbir urus Syariah dalam kalangan institusi. Rangka kerja ini menggariskan keperluan tertentu dalam memastikan pertimbangan Syariah diterapkan dalam strategi perniagaan dan risiko institusi kewangan Islam. Rangka kerja ini juga memperjelas peranan, tanggungjawab dan akauntabiliti lembaga pengarah, jawatankuasa Syariah dan fungsi utama yang terlibat dalam mewujudkan budaya risiko pematuhan Syariah yang teguh. Selain itu, penekanan juga diberikan pada usaha mempertingkatkan kompetensi profesional dari segi pengetahuan Syariah dan penerapannya dalam kewangan Islam bagi individu yang bertanggungjawab menerajui peranan ini. Keperluan terhadap kebebasan dan kualiti fungsi kawalan bagi memastikan pengurusan risiko ketidakpatuhan Syariah yang berkesan turut dipertingkat dalam rangka kerja ini.

### **Pemerhatian ke atas Pematuhan Syariah**

Penerapan Syariah mempunyai implikasi yang luas ke atas operasi sesebuah institusi – merangkumi amalan dan proses perniagaan serta perilaku pihak pengurusan kanan dan kakitangannya. Bahagian ini memberikan gambaran keseluruhan tentang pemerhatian ke atas amalan pematuhan Syariah dalam institusi kewangan Islam.

- Pada peringkat tertinggi, lembaga pengarah dan pihak pengurusan kanan menetapkan nada bagi budaya organisasi dan norma perilaku yang dikehendaki dalam memastikan pematuhan Syariah. Institusi kewangan Islam telah menunjukkan kecenderungan dalam menerapkan secara rasmi suatu set nilai dan tujuan bersama yang mencerminkan prinsip Syariah serta mendasari strategi perniagaan dan kesanggupan institusi-institusi ini mengambil risiko.

- Penekanan terhadap tanggungjawab pematuhan Syariah dan pengurusan risiko yang lebih menyeluruh kepada unit perniagaan dan kakitangannya mencerminkan pengukuhan pertahanan barisan pertama dalam mengurangkan risiko ketidakpatuhan Syariah. Langkah ini disusuli dengan tindakan memperkasa dan meletakkan akauntabiliti pada unit perniagaan, dengan penglibatan yang lebih meluas dalam mereka bentuk proses perniagaan dan kawalan dalam bagi mengurus risiko ketidakpatuhan Syariah.
- Pertimbangan terhadap amalan yang memberi kesan kepada pematuhan Syariah sesebuah institusi kewangan Islam turut menjadi ciri utama rangka kerja incentif. Kebanyakan institusi kewangan Islam menerapkan sistem penalti dan ganjaran yang menghubungkaitkan ukuran prestasi dengan jangkaan pematuhan Syariah. Strategi ini bertujuan memperkuuh tumpuan kolektif organisasi bagi memastikan amalan patuh Syariah dilaksanakan dalam semua aspek perniagaan institusi kewangan Islam, dan seterusnya memupuk budaya risiko yang teguh dalam kalangan kakitangan.
- Institusi kewangan Islam kini mempergiat usaha ke arah membina teras pengetahuan Syariah yang kukuh dan penerapannya dalam kalangan pekerja. Amalan pengambilan pekerja dan penekanan dalam latihan dan pembangunan modal insan semakin dipertingkat. Tindakan ini didorong oleh tumpuan institusi kewangan Islam terhadap pengurusan risiko ketidakpatuhan Syariah yang lebih mantap, di samping kemahuan untuk memacu penawaran penyelesaian kewangan patuh Syariah yang lebih inovatif. Peningkatan tahap akauntabiliti jawatankuasa Syariah juga telah menggalakkan para cendekiawan Syariah yang dilantik menganggotai jawatankuasa ini supaya meningkatkan kemahiran mereka, khususnya dalam bidang yang berkaitan dengan operasi perniagaan dan amalan industri.

Secara kolektif, perkembangan ini telah menghasilkan keselarasan operasi, proses dan amalan perniagaan yang lebih menepati kehendak Syariah, dan seterusnya mengurangkan insiden ketidakpatuhan. Butiran lanjut berhubung dengan amalan dalam kalangan institusi kewangan Islam dihuraikan dalam Gambar Rajah 2.

## Kesimpulan

Pada masa hadapan, Bank menjakkan kemajuan yang berterusan bagi mengembangkan budaya risiko pematuhan Syariah secara bersepadan dan saling mengukuh dalam institusi kewangan Islam. Pembudayaan ini akan menjadi asas bagi pertumbuhan dan inovasi industri kewangan Islam, dan pada masa yang sama menyumbang kepada kestabilan kewangan domestik.

Selaras dengan prinsip Syariah, penerapan pengantaraan berdasarkan nilai (*value-based intermediation*, VBI) akan meningkatkan tumpuan institusi kewangan Islam dalam memastikan produk, perkhidmatan dan amalan menghasilkan kesan yang positif dan mampu kepada ekonomi, masyarakat dan alam sekitar. Peningkatan tumpuan terhadap strategi yang didorong oleh impak, disokong oleh tadbir urus yang kukuh, dijangka dapat diterapkan sepenuhnya dan disepadukan dalam amalan pengurusan risiko dan strategi inovasi produk institusi kewangan Islam (kemajuan pelaksanaan VBI diperincikan selanjutnya dalam Bab 2, bahagian Kewangan Islam). Pembangunan kad skor VBI dan amalan penzahiran akan membolehkan pihak berkepentingan membuat penilaian dengan lebih baik sama ada institusi tersebut mematuhi prinsip utama Syariah. Pembangunan kad skor VBI ini turut memastikan institusi kewangan Islam mencapai matlamat keseluruhan Syariah (*maqasid Syariah*) – iaitu memelihara dan memajukan kepentingan bersama masyarakat dengan mencegah kemudarat dan memaksimumkan manfaat. Hal ini akan terus memperkuuh akauntabiliti, ketelusan dan integriti institusi kewangan Islam.

Gambar Rajah 2

**Peningkatan Usaha Institusi Kewangan Islam untuk Memantapkan Budaya Risiko Pematuhan Syariah****Pemerhatian Terhadap Amalan****Nada dari Atas**

- Dasar dalaman mencerminkan prinsip Syariah serta memenuhi keperluan risiko yang berbeza dalam melaksanakan pelbagai kontrak Syariah
- Pertimbangan Syariah yang disepakup dengan amalan pengoperasian perniagaan dan pengurusan risiko
  - > Sistem IT yang bersepudut memastikan proses pelaksanaan kontrak Syariah dipatuhi secara sistemik
  - > Proses penilaian risiko yang teguh untuk mengenal pasti dan menerapkan risiko ketidakpatuhan Syariah di bawah ICAAP\*, termasuk penentuan nilai risiko
- Memantapkan perbincangan peringkat tinggi tentang Syariah dan pelaksanaannya dalam strategi perniagaan dan risiko
  - > Dialog setiap 6 bulan sekali antara lembaga pengarah dengan jawatankuasa Syariah untuk menyelesaikan isu strategik secara berkesan
  - > Pelantikan cendekiawan Syariah sebagai ahli lembaga pengarah dalam 11 buah institusi dapat memupuk pemahaman yang lebih mendalam dalam kalangan ahli lembaga pengarah tentang hal ehwal Syariah

**Akauntabiliti dan Komunikasi**

- Peranan dan tanggungjawab yang jelas bagi semua unit dan kakitangan organisasi
  - > Pelantikan pegawai kanan yang bertanggungjawab untuk pengurusan harian hal ehwal Syariah
- Perbincangan dan interaksi yang kerap dalam kalangan kakitangan bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pematuhan Syariah
  - > Dialog mingguan/bulanan dalam kalangan kakitangan/pengurus cawangan bagi memupuk kesedaran tentang risiko ketidakpatuhan Syariah
  - > Perkongsian amalan yang baik atau dapatan audit membuka peluang untuk belajar dan menambah baik proses

**Pengurusan Prestasi**

- Mendorong peningkatan prestasi bagi memastikan pematuhan Syariah
  - > Memperkenalkan mekanisme ganjaran untuk mencapai ketidakpatuhan Syariah sifar
  - > Memperkenalkan pemantauan ‘Pembeli Misteri’ sebagai kaedah untuk menilai kompetensi barisan hadapan dalam mengendalikan urusan Syariah

**Pembangunan Bakat**

- Meningkatkan pemahaman tentang Syariah dan memastikan pencapaian kemahiran teknikal
  - > Amalan pelantikan ahli lembaga pengarah, pengurusan kanan atau pengambilan pekerja yang mengambil kira pengetahuan dan pengalaman calon dalam kewangan Islam dan Syariah
  - > Meningkatkan pengetahuan menerusi program latihan berstruktur

**Program Pembelajaran Berstruktur**

Seramai 109 orang ahli lembaga pengarah telah menyempurnakan program Kewangan Islam untuk Lembaga Pengarah (*Islamic Finance for Board of Directors, IF4Board*) – Meningkatkan pemahaman para pengarah tentang prinsip Syariah yang dinamik dalam membentuk perniagaan kewangan Islam

Sebanyak 38% ahli jawatankuasa Syariah telah mendaftar dalam program Penasihat Syariah Bertauliah (*Certified Sharia Advisors, CSA*) pada tahun 2018 – Meningkatkan kompetensi jawatankuasa Syariah dalam pengetahuan praktikal berkaitan dengan Syariah dan bidang perniagaan

Lebih 2,000 orang kakitangan dari 39 buah institusi kewangan telah mendaftar untuk memperoleh kelayakan khusus dalam bidang kewangan Islam (AQIF, IQIF dan CQIF)\*\* – Kelayakan tiga peringkat untuk meningkatkan pengetahuan dan kompetensi pengamal kewangan Islam dalam bidang perbankan Islam, takaful, pasaran modal dan pengurusan kekayaan

\* ICAAP - Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (*Internal Capital Adequacy Assessment Process*)

\*\* AQIF - Associate Qualification in Islamic Finance; IQIF - Intermediate Qualification in Islamic Finance; dan CQIF - Certified Qualification in Islamic Finance

# Amalan Pasaran dan Pemerkasaan Pengguna

- 105** Mengurus Risiko Pengguna Kewangan
- 109** Memastikan Mekanisme Bantuan Penyelesaian yang Berkesan untuk Pengguna Kewangan yang Berpengetahuan dan Diperkasa
- 112** Pengguna Kewangan yang Berpengetahuan dan Diperkasa



# Amalan Pasaran dan Pemerkasaan Pengguna

Perkhidmatan kewangan memberi kesan pada kehidupan banyak lapisan masyarakat. Selaras dengan matlamat pengawalseliaan untuk memupuk amalan perniagaan yang adil, bertanggungjawab dan profesional dalam kalangan penyedia perkhidmatan kewangan (*financial service providers*, FSP), Bank terus mengambil langkah untuk memperkuuh layanan yang adil kepada pengguna kewangan di Malaysia. Pada tahun 2018, tumpuan yang lebih besar diberikan pada usaha untuk memastikan institusi perbankan mengambil langkah yang wajar bagi membantu peminjam runcit yang terus menanggung hutang, dan melindungi pengguna kewangan daripada terma-terma kontrak yang tidak adil bagi produk berkaitan kredit. Dalam industri insurans dan takaful, langkah selanjutnya telah diambil bagi meningkatkan amalan profesional pengantara. Bersama-sama dengan langkah ini, Bank telah mengukuhkan mekanisme bantuan penyelesaian dan akan memperkenalkan prinsip layanan adil kepada pengguna kewangan bagi menggalakkan piawaian amalan profesional yang tinggi dalam kalangan FSP. Agenda pendidikan kewangan terus maju ke hadapan sebagai strategi utama untuk memperkasakan pengguna kewangan dan meningkatkan kesejahteraan kewangan mereka, terutamanya melalui peningkatan tahap celik kewangan dalam kalangan belia dan tenaga kerja, serta kesedaran tentang skim penipuan kewangan dan penipuan pelaburan.

## MENGURUS RISIKO PENGGUNA KEWANGAN

Fokus pengawalan dan penyeliaan amalan pasaran oleh Bank adalah berpandukan penilaian trend dan perkembangan utama dalam sektor kewangan yang boleh meningkatkan risiko kepada pengguna kewangan. Pada tahun 2018, risiko kepada pengguna kewangan yang berpunca daripada peningkatan tahap hutang isi rumah kekal menjadi tumpuan utama Bank

untuk menggalakkan daya tahan isi rumah yang lebih kukuh. Bank juga terus memberikan tumpuan pada usaha untuk memastikan insentif dan pengaturan tadbir urus dalam FSP bersesuaian dengan amalan yang adil dan bertanggungjawab terhadap pengguna kewangan. Dengan kadar perkembangan inovasi kewangan yang semakin pantas, Bank telah meletakkan harapan yang lebih tinggi terhadap FSP untuk memenuhi piawaian penzahiran dan kompetensi yang sepadan dengan keperluan pengguna kewangan supaya mereka memahami dan mengurus risiko yang berkaitan.

## Amalan penentuan semula harga yang berkaitan dengan pinjaman/pembiayaan runcit tertunggak

Dalam suasana kos sara hidup yang semakin meningkat, terutamanya apabila keadaan ini berlaku serentak dengan peristiwa malang dalam hidup seperti kehilangan pekerjaan atau diserang penyakit, pengguna kewangan berkemungkinan besar menghadapi masalah untuk membayar balik hutang dan tanggungan kewangan lain. Apabila peminjam gagal membuat pembayaran balik tepat pada masanya, institusi perbankan secara amnya akan menentukan semula harga pinjaman/pembiayaan bagi mencerminkan perubahan pada profil risiko kredit atau kepercayaan kredit peminjam. Bank mengambil maklum bahawa amalan penentuan semula harga oleh industri sangat berbeza antara satu sama lain dan dalam sesetengah kes, bukti yang ada tidak meyakinkan bagi menunjukkan bahawa keupayaan pembayaran balik peminjam telah merosot. Perbezaan dalam amalan penentuan semula harga juga diperhatikan lebih ketara berikutan keperluan institusi perbankan untuk membuat peruntukan bagi pinjaman terjejas lebih awal (khususnya pinjaman di bawah Peringkat 1 dan 2) berdasarkan pendekatan jangkaan kerugian kredit (*expected credit loss*) apabila Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 mengenai Instrumen Kewangan dilaksanakan pada awal tahun 2018.

Memandangkan kesan amalan ini terhadap tahap hutang isi rumah kekal tinggi, Bank telah mendapatkan maklum balas tentang keperluan yang dicadangkan bagi memastikan peminjam dilayan secara adil dan telus apabila peruntukan penentuan semula harga dicetuskan oleh institusi perbankan berikutnya kegagalan peminjam membuat bayaran balik kemudahan pinjaman/pembelian. Khususnya, keperluan tersebut menangani prinsip-prinsip yang berkait dengan: (i) penentuan semula harga yang dicetuskan oleh kegagalan peminjam membuat pembayaran balik; (ii) penetapan kuantum bagi penentuan semula harga; dan (iii) pengaturan masa untuk kembali kepada kadar pembiayaan mengikut kontrak. Keperluan ini mengambil kira peruntukan kerugian pinjaman yang lebih tinggi, usaha mendapatkan kembali bayaran tunggakan dan kehilangan peluang untuk menjana pendapatan oleh institusi perbankan apabila peminjam gagal membayar balik pinjaman mereka. Walau bagaimanapun, institusi perbankan perlu memastikan peminjam dilayan secara adil dan telus. Institusi perbankan dikehendaki memberikan maklumat yang jelas kepada peminjam tentang perubahan kadar pembiayaan mereka bersama-sama dengan kesan terhadap ansuran bulanan mereka serta langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengembalikan pembayaran balik mereka kepada kadar pembiayaan asal mengikut kontrak. Selain itu, menjadi suatu keperluan juga supaya kenaikan kadar pembiayaan oleh institusi perbankan tidak boleh lebih daripada yang sepatutnya bagi membayar kos tambahan yang ditanggung oleh institusi perbankan disebabkan oleh peminjam gagal membayar balik pinjaman atau pembayaran balik yang lewat. Matlamat Bank adalah untuk memuktamadkan keperluan penentuan semula harga pada separuh pertama tahun 2019.

## Terma dan syarat kontrak pinjaman perumahan yang tidak adil

Bank terus memberikan penekanan tentang harapannya terhadap FSP untuk memastikan terma dan syarat kontrak yang ditandatangani oleh FSP dengan pelanggan runcit serta perusahaan kecil dan sederhana adalah adil dan jelas. Pada tahun 2018, Bank menjalankan penilaian tematik terhadap kontrak pinjaman dan pembelian perumahan untuk mengenal pasti terma dan syarat yang tidak konsisten dengan harapan yang munasabah terhadap amalan yang adil kepada pengguna kewangan. Bank mendapati bahawa terdapat beberapa terma dan syarat yang tidak seimbang yang memihak kepada institusi perbankan dan menjelaskan pengguna. Hal ini termasuk terma dan syarat yang memberikan pengecualian mutlak atau mengehadkan liabiliti dan obligasi institusi perbankan secara mutlak, serta meletakkan pergantungan yang tidak wajar terhadap akuan yang ditandatangani untuk menyatakan bahawa pengguna kewangan telah membaca dan memahami sesuatu kontrak. Selain itu, beberapa terma dan syarat didapati terlalu rumit daripada yang sewajarnya dengan penggunaan istilah undang-undang dan teknikal yang keterlaluan, yang tidak membantu meningkatkan pemahaman pengguna.

**Institusi perbankan dikehendaki menyemak semula terma dan syarat yang tidak adil serta menggunakan bahasa yang mudah dalam perjanjian pinjaman perumahan baharu dan sedia ada**

## Keputusan Mahkamah Persekutuan berhubung dengan klausa liabiliti dalam kontrak pinjaman

Inisiatif ini konsisten dengan keputusan penting yang dibuat oleh Mahkamah Persekutuan pada bulan Disember 2018.<sup>1</sup> Mahkamah telah memutuskan bahawa sesebuah bank perdagangan tidak boleh bergantung pada pengecualian mutlak pada klausa liabiliti, yang lazimnya terdapat dalam kebanyakan perjanjian perbankan, untuk melindungi bank perdagangan daripada disaman oleh pengguna kewangan atas sebab kecuaian. Mahkamah Persekutuan berpendapat bahawa kuasa tawar-menawar pihak-pihak yang terlibat dalam perjanjian perbankan pada hakikatnya adalah tidak sama rata, iaitu jika pengguna kewangan ingin mendapatkan perkhidmatan kewangan daripada institusi perbankan, pengguna kewangan perlu menerima terma dan syarat dalam kontrak standard yang disediakan oleh institusi perbankan. Dalam hal ini, Mahkamah Persekutuan berpendapat bahawa terdapat ketidakadilan dan tindakan berat sebelah yang ketara untuk membenarkan klausa pengecualian mutlak institusi perbankan manafikan hak plaintiff dalam kes ini dan menggunakan prinsip dasar awam dalam mencapai keputusannya. Di samping itu, Mahkamah Persekutuan menekankan bahawa seksyen 24(c) Akta Kontrak 1950 memberikan peruntukan bahawa pertimbangan atau objek sesuatu perjanjian adalah menyalahi undang-undang jika hal itu berlawanan dengan dasar awam.

<sup>1</sup> Dalam kes Anthony Lawrence Bourke & Anor v CIMB Bank Bhd [2018].

Berikutnya penilaian yang dilakukan oleh Bank, institusi perbankan dikehendaki menyemak semula terma dan syarat yang tidak adil dan meningkatkan kejelasan menerusi penggunaan bahasa yang mudah dalam kontrak pinjaman dan pembiayaan perumahan yang baharu dan sedia ada menjelang akhir tahun 2019. Di samping itu, Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (*Association of Banks in Malaysia*, ABM) dan Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (*Association of Islamic Banking and Financial Institution Malaysia*, AIBIM) sedang bekerjasama dengan institusi perbankan untuk mengkaji semula terma dan syarat utama yang boleh diseragamkan bagi perjanjian pinjaman perumahan yang melibatkan jumlah prinsipal sebanyak RM500,000 dan ke bawah bagi menangani isu yang telah dibangkitkan oleh Bank.

### Hutang kad kredit

Kad kredit digunakan secara meluas oleh pengguna kewangan untuk membuat pembayaran dan mengurus keperluan kewangan jangka pendek. Walau bagaimanapun, terdapat risiko pengguna kewangan mengumpulkan hutang yang berlebihan melalui kad kredit mereka. Risiko ini terdedah kepada pengguna kewangan terutamanya dalam kalangan mereka yang lebih mudah terjejas yang hanya membuat pembayaran minimum berulang kali. Mereka juga mempunyai jumlah baki hutang kad kredit yang besar untuk suatu tempoh yang panjang. Hutang kad kredit yang berterusan seperti ini, yang mempunyai kadar faedah yang lebih tinggi berbanding dengan kemudahan kredit jangka pendek yang lain, turut menyumbang kepada peningkatan tahap hutang isi rumah. Bagi menangani kebimbangan yang semakin meningkat ini, Bank akan mengukuhkan lagi keperluan amalan bagi kad kredit untuk menggalakkan disiplin kewangan yang lebih tinggi sambil membantu individu untuk membayar hutang kad kredit mereka dengan lebih cepat. FSP dikehendaki mengenal pasti pengguna kewangan yang mudah terjejas dan lazimnya membayar jumlah minimum atau hampir dengan jumlah minimum untuk tempoh yang panjang, dan membuat tawaran untuk menukar baki kad kredit yang belum dijelaskan kepada pinjaman berjangka dengan kadar faedah yang lebih rendah, bagi membantu mereka membayar balik hutang kad kredit dalam tempoh yang munasabah. Keperluan ini dapat mengelakkan caj pembiayaan yang lebih tinggi dan beban hutang yang berterusan.

### Layanan yang adil terhadap pengguna kewangan

Bank telah mendapatkan maklum balas tentang satu set piawaian menyeluruh bagi menegaskan kepentingan layanan yang adil terhadap pengguna kewangan dan memastikan wujudnya amalan bertanggungjawab sepanjang kitaran hayat produk. Piawaian ini menggariskan keperluan lembaga pengarah dan pengurusan kanan FSP menggalakkan budaya yang menjadikan kepentingan pengguna kewangan sebagai komponen penting dalam operasi perniagaan. FSP juga dikehendaki mewujudkan sistem ganjaran dan imbuhan yang mendorong sikap dan tingkah laku pekerja yang sesuai pada semua peringkat bagi merealisasikan layanan yang adil terhadap pengguna kewangan. Di samping itu, FSP perlu bertindak secara jujur dengan memastikan terma kontrak yang adil, memberikan maklumat produk yang jelas dan ringkas lagi padat. Selain itu, mereka juga perlu menawarkan khidmat nasihat atau saranan yang bersesuaian dengan keperluan dan keadaan kewangan individu. Mereka juga dikehendaki memberikan perhatian, kemahiran dan usaha wajar ketika berurusan dengan pengguna kewangan. Meskipun piawaian ini telah lama menyokong keperluan Bank terhadap amalan pasaran, matlamat menyatakan piawaian ini adalah untuk menggalakkan dan mengukuhkan pendekatan ‘seluruh institusi’ bagi memastikan FSP tidak bertindak dengan cara yang boleh mendatangkan mudarat kepada pengguna kewangan. Hal ini seterusnya akan memberikan keyakinan yang lebih tinggi kepada para pengguna kewangan bahawa mereka akan dilayan secara adil pada semua peringkat hubungan mereka dengan FSP. Bank dijangka mengeluarkan piawaian yang muktamad pada separuh pertama tahun 2019.

**Piawaian menyeluruh bagi mendukung layanan yang adil terhadap pengguna kewangan dan memastikan amalan bertanggungjawab FSP sepanjang kitaran hayat produk**

### Penzahiran dan piawaian perkhidmatan dalam insurans/takaful motor

Pelaksanaan Fasa II liberalisasi tarif motor telah membuka jalan bagi penentuan harga produk insurans/takaful motor yang lebih terbeza serta

pengenalan produk motor yang baharu dan penambahan perlindungan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful. Bagi membantu pengguna membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi ketika membeli dan memperbaharui perlindungan motor mereka, penanggung insurans dan pengendali takaful dikehendaki menzahirkan maklumat yang secukupnya mengenai premium/sumbangan dan ciri-ciri produk yang boleh dibandingkan dengan mudah merentas produk yang ditawarkan oleh semua penanggung insurans dan pengendali takaful. Penilaian tematik yang dijalankan oleh Bank ke atas amalan penanggung insurans motor dan pengendali takaful pada separuh pertama tahun 2018 mengenal pasti beberapa kelemahan seperti yang berikut: (i) beberapa penanggung insurans dan pengendali takaful mengambil masa lebih daripada 24 jam untuk memenuhi permintaan pelanggan bagi sebut harga dan pertanyaan; (ii) amaun premium/sumbangan tidak dizahirkan dalam notis pembaharuan/tamat tempoh yang dikeluarkan kepada pelanggan; (iii) maklumat yang tidak mencukupi diberikan dalam notis pembaharuan/tamat tempoh kerana tidak dinyatakan dengan jelas bahawa pelanggan boleh memilih untuk tidak mengambil perlindungan tambahan; dan (iv) kakitangan dan ejen jualan tidak mengetahui manfaat dan pengecualian yang berkaitan dengan produk baharu yang diperkenalkan. Bank akan terus memantau dengan teliti tindakan pembetulan yang perlu diambil oleh penanggung insurans dan pengendali takaful bagi menangani kelemahan ini.

Meskipun begitu, pengalaman pelanggan susulan daripada pelaksanaan Fasa II liberalisasi tarif motor secara keseluruhannya didapati menggalakkan seperti yang dicerminkan oleh kadar pembelian produk motor baharu yang lebih tinggi (19%) yang kebanyakannya disesuaikan untuk memenuhi keperluan tertentu individu seperti Perlindungan Aset Terjamin (*Guaranteed Asset Protection*, GAP), insurans berasaskan tahap penggunaan dan e-panggilan.<sup>2</sup> Berdasarkan pemfailan produk oleh penanggung insurans dan pengendali takaful, dianggarkan 34% daripada pemilik polisi/peserta takaful turut menikmati kadar premium yang lebih rendah sehingga 15% berbanding dengan kadar tarif sebelum ini.

<sup>2</sup> Insurans GAP melindungi perbezaan antara nilai pasaran sebenar kenderaan dengan baki pembiayaan yang belum dibayar sekiranya berlaku kerugian menyeluruh. Insurans berasaskan penggunaan merupakan sejenis insurans motor yang menentukan premium berdasarkan penggunaan sebenar kenderaan, manakala insurans motor e-panggilan menyediakan perlindungan ketika kenderaan tersebut digunakan untuk mengangkut penumpang e-panggilan.

Penanggung insurans dan pengendali takaful juga menyiarkan dan melaksanakan Piagam Perkhidmatan Pelanggan untuk meneguhkan komitmen mereka dalam memberikan perkhidmatan berkualiti tinggi secara konsisten. Langkah ini diharapkan dapat menggalakkan persaingan yang sihat dan meningkatkan lagi piawaian perkhidmatan.

### Amalan profesional pengantara

Pengantara terus memainkan peranan utama dalam menyediakan khidmat nasihat kewangan dan membantu pelanggan meningkatkan kesejahteraan kewangan mereka. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan ejen, broker insurans/takaful dan penasihat kewangan, rangka kerja Kad Skor Seimbang (*Balanced Scorecard*, BSC) telah berkuat kuasa seperti yang dirancangkan pada tahun 2018. Rangka kerja ini memperkenalkan perubahan kepada struktur imbuhan pengantara insurans dan takaful dengan matlamat untuk menyelaraskan insentif jualan dengan kualiti jualan dan perkhidmatan polisi yang lebih berkualiti oleh pengantara. Bank juga membuat huraian yang lebih lanjut tentang harapannya supaya pengantara diterajui oleh individu yang berintegriti, boleh dipercayai dan kompeten menerusi pengeluaran piawaian Kriteria Layak dan Sesuai bagi Orang yang Diluluskan pada bulan Disember 2018. Piawaian ini memerlukan pengantara menilai dan menentukan kelayakan dan kesesuaian individu dalam jawatan pengawasan dan pengurusan serta sebagai Wakil Penasihat Kewangan berpandukan satu set kriteria.

Kursus Sijil Asas dalam Pelarasian Kerugian Insurans (*Basic Certificate Course in Insurance Loss Adjusting*, BCCILA) yang ditawarkan oleh Institut Insurans Malaysia (*Malaysian Insurance Institute*, MII) juga terus ditambah baik. Semakan telah dibuat ke atas topik sedia ada yang meliputi etika perniagaan, kod tatakelakuan dan kecemerlangan perkhidmatan pelanggan, sebagai tambahan kepada topik baharu yang diperkenalkan tentang piawaian teknikal untuk penyiasatan, pengesahan dan anggaran tuntutan motor. Kandungan yang dipertingkatkan ini bertujuan menggalakkan amalan beretika dan meningkatkan tahap kecekapan adjuster kerugian yang baharu dan sedia ada bagi menyokong inisiatif lebih umum yang sedang dilaksanakan untuk menambah baik proses pengendalian tuntutan insurans/takaful motor.

Gambar Rajah 4.1: Tindakan Pengawalan dan Penguatkuasaan yang Diambil pada Tahun 2018



Sumber: Bank Negara Malaysia

## Tindakan Penyeliaan dan Penguatkuasaan

Bagi melindungi hak dan kepentingan pengguna kewangan, Bank melaksanakan aktiviti pengawasan, penyeliaan dan penguatkuasaan untuk mengenal pasti dan mencegah amalan FSP yang boleh memudaratkan pengguna kewangan. Pada tahun 2018, tindakan penyeliaan dan penguatkuasaan telah diambil terhadap 51 FSP (2017: 59 FSP) susulan daripada pelbagai ketidakpatuhan peraturan dan undang-undang amalan kewangan (Gambar Rajah 4.1).

## MEMASTIKAN MEKANISME BANTUAN PENYELESAIAN YANG BERKESAN UNTUK PENGGUNA


Kewujudan mekanisme bantuan penyelesaian pertikaian yang berkesan penting dalam menggalakkan layanan yang adil terhadap pengguna kewangan dan memupuk keyakinan orang ramai terhadap sektor kewangan. Perkhidmatan ini disediakan melalui Ombudsman Perkhidmatan Kewangan dan BNMLINK, yang berfungsi sebagai saluran alternatif kepada mahkamah untuk pengguna kewangan mendapatkan pembelaan atau menyelesaikan pertikaian mereka dengan FSP.

## Ombudsman Perkhidmatan Kewangan

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (*Ombudsman for Financial Service*, OFS) telah memulakan operasinya pada 1 Oktober 2016, dengan mengambil alih fungsi Biro Pengantaraan Kewangan (*Financial Mediation Bureau*, FMB). Bank Negara Malaysia menyediakan pengawasan penyelesaian ke atas OFS. Dalam dua tahun pertama operasi, OFS telah menerima sebanyak 2,183 kes, dengan pertikaian insurans dan takaful mencakupi hampir dua pertiga daripada pertikaian yang diterima (Rajah 4.1). Kes yang diterima adalah lebih rendah untuk semua sektor berbanding dengan tempoh sebelum pelaksanaan skim ombudsman kewangan. Hal ini mencerminkan pengurusan aduan yang lebih proaktif oleh FSP berikutan pengenaan yuran kes terhadap FSP mulai 1 Oktober 2017 bagi kes-kes yang dirujuk kepada OFS. Penghijrahan daripada pengesahan berdasarkan tanda tangan kepada pengesahan melalui nombor pengenalan diri (*personal identification number*, PIN) untuk kad pembayaran yang berkuat kuasa 1 Julai 2017 turut menyumbang kepada pengurangan kes transaksi tidak sah yang timbul daripada kad-kad kredit dan debit yang hilang dan dicuri.

Rajah 4.1: Sektor Perbankan dan Insurans: Pecahan Kes yang Diterima

### Kes berkaitan insurans dan takaful mencakupi hampir dua pertiga daripada pertikaian yang diterima




OFS telah menyelesaikan/menutup sebanyak 2,404<sup>3</sup> kes dalam tempoh dua tahun pertama operasi skim ombudsman kewangan. Sebanyak dua pertiga daripada kes ini telah diselesaikan pada peringkat awal (biasanya dalam tempoh enam bulan) melalui persetujuan bersama yang dicapai antara pihak yang bertikai

<sup>3</sup> Termasuk kes yang dipindahkan daripada skim terdahulu.

semasa pengurusan kes. Pencapaian ini menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding dengan penyelesaian awal sebanyak 42% yang dicapai menerusi skim terdahulu (Rajah 4.2 dan Rajah 4.3). Peningkatan ini boleh dikaitkan dengan penambahaikan yang dibuat terhadap pengaturan penyelesaian pertikaian, termasuk pengurusan kes yang lebih proaktif dan peluang awal untuk pihak yang bertikai mengkaji


Rajah 4.2: Kes Diselesaikan/Ditutup

### Kebanyakan kes diselesaikan pada peringkat pengantaraan



Rajah 4.3: Masa Diambil untuk Menyelesaikan Pertikaian

### Kebanyakan kes diselesaikan dalam tempoh enam bulan\*



\* Baki 29% daripada kes pertikaian mengambil masa yang lebih lama untuk diselesaikan disebabkan terutamanya oleh kelewatan penyerahan dokumen yang lengkap

semula fakta kes yang berkaitan. Sebilangan besar pertikaian itu mencerminkan tahap pemahaman yang pada amnya rendah berkaitan dengan terma dan syarat kontrak kewangan dalam kalangan pengadu. Bagi kes-kes yang diteruskan ke peringkat adjukasi, OFS mengekalkan keputusan FSP dalam 84.3% daripada kes. Keputusan OFS mengikat FSP jika keputusan itu diterima oleh pengadu. Sebaliknya, pengadu boleh mengambil tindakan lanjut menerusi mahkamah jika ia tidak berpuas hati dengan keputusan OFS. Daripada pengalaman lepas, kurang 0.2% daripada kes yang diputuskan memihak kepada FSP telah dibawa ke mahkamah.

## Pengurusan Aduan dan Khidmat Nasihat BNMLINK

Selain OFS, BNMLINK terus menyediakan saluran alternatif kepada pengguna kewangan untuk mencari jalan penyelesaian atau menyelesaikan pertikaian dengan FSP. Pada tahun 2018, BNMLINK dan OFS masing-masing mengendalikan sebanyak 88% dan 12% daripada 6,465 kes aduan peringkat kedua.<sup>4</sup> Seperti OFS, bilangan aduan yang dirujuk kepada BNMLINK berkurang bagi industri perbankan dan insurans/takaful (Rajah 4.4 dan Rajah 4.5) kerana keberkesanan FSP mengurus aduan dengan 98% aduan yang diterima berjaya diselesaikan oleh FSP. Bank terus memberikan maklum balas yang konstruktif kepada FSP berdasarkan pemantauannya terhadap proses dan hasil pengendalian aduan FSP dengan menggunakan rangka kerja Pemprofilan Bantuan Penyelesaian Aduan Pengguna (*Consumer Complaints Redress*, CURE).


## Pemprofilan Bantuan Penyelesaian Aduan Pengguna (CURE)

Rangka kerja Pemprofilan Bantuan Penyelesaian Aduan Pengguna (*Consumer Complaints Redress*, CURE) ialah alat pemantauan dan pemprofilan yang digunakan oleh Bank untuk menggalakkan pengurusan aduan yang adil dan berkesan oleh FSP. FSP dinilai mengikut lima komponen utama layanan yang adil dalam pengurusan aduan berdasarkan keperluan pengawalseliaan, termasuk amalan terbaik industri dan antarabangsa (Gambar Rajah 4.2). Memandangkan pemprofilan CURE dijalankan secara dwitahunan, penilaian juga merangkumi prestasi FSP berbanding dengan pelan tindakan tertentu dan Penunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator*, KPI) yang telah dikenal pasti dalam penilaian sebelumnya. Hasil CURE 2018 menunjukkan bahawa usaha penambahbaikan dalam pengurusan aduan FSP mendapat dorongan yang padu dan positif daripada pihak atasan FSP yang menekankan budaya memperkasakan pelanggan dengan memberikan keutamaan dan ganjaran terhadap layanan yang adil kepada pengguna kewangan (Jadual 4.1).

<sup>4</sup> Aduan peringkat kedua ialah aduan yang tertakluk di bawah bidang kuasa BNMLINK dan juga OFS, selepas pengguna membuat aduan kepada FSP.

Rajah 4.4: Aduan yang Diterima oleh Bank Mengikut Jenis FSP


### Kes aduan yang diterima oleh BNMLINK berkurang



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 4.5: Aduan yang Diterima oleh Bank Mengikut Isu Utama


### Kes aduan mengikut isu utama berkurang



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 4.2

### Lima Komponen Pemprofilan CURE



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kebanyakan FSP dalam industri perbankan terus menunjukkan kemajuan dalam penguahan fungsi pengawasan dan pengurusan operasi masing-masing bagi memastikan pematuhan terhadap keperluan pengawalseliaan dan hasil yang adil kepada pengguna kewangan. Meskipun terdapat beberapa peningkatan, pengurusan aduan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful masih belum lagi memenuhi kehendak Bank. FSP yang gagal memenuhi kehendak ini perlu melaksanakan amalan baik industri

(Gambar Rajah 4.3) di samping mencerminkan budaya amalan profesional dan empati bagi menangani isu dan kebimbangan pengguna.

### PENGGUNA KEWANGAN YANG BERPENGETAHUAN DAN DIPERKASA

Dengan inovasi kewangan yang semakin hebat dan produk serta perkhidmatan kewangan yang semakin kompleks, usaha untuk menyediakan pengguna

Jadual 4.1

#### Ringkasan Hasil FSP Terpilih dalam Perprofilan CURE\* Tahun 2016 & 2018

Hasil CURE 2018		Perbankan		Insurans/Takaful	
		2016	2018	2016	2018
Memenuhi Kehendak Bank	Fungsi pengawasan dan pengurusan operasi FSP adalah berkesan dalam memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh Bank berkaitan dengan pengurusan pengendalian dan penyelesaian aduan yang adil	8	11	0	3**
Tidak Memenuhi Kehendak Bank	FSP perlu melakukan peningkatan segera berikutan kelemahan dalam fungsi pengawasan dan kekurangan dalam pengurusan operasi termasuk ketidakpatuhan dengan piawaian seperti yang ditetapkan dalam Dokumen Dasar Pengendalian Aduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia	4	2	6	5
FSP baharu yang dinilai dalam CURE tahun 2018		1		2	
FSP yang menunjukkan peningkatan daripada CURE tahun 2016 ke CURE tahun 2018		3		2	

\* FSP dipilih berdasarkan rangkuman lebih 70% jumlah aduan industri

\*\* Dua FSP telah menunjukkan peningkatan daripada CURE tahun 2016 ke CURE tahun 2018, sementara terdapat satu FSP baharu dinilai pada tahun 2018

Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 4.3

**Amalan Baik Industri yang Dikenal Pasti dalam Pemprofilan CURE 2018**

Fungsi Pemantauan yang Dipertingkat	
Akauntabiliti yang mencukupi terhadap pengurusan aduan	'Nada dari atas' yang positif terhadap budaya yang memberi tumpuan pada penyampaian hasil yang adil kepada pengguna
Kajian semula secara bebas terhadap pematuhan	Struktur pengurusan aduan yang baik dan peranannya yang efektif
	Pemantauan yang berterusan untuk memastikan dasar dan prosedur yang berkaitan dengan aduan adalah mencukupi dan berkesan
Memperkuuh Pengurusan Operasi	
Jaminan kualiti dan kawalan secara bebas	Jaminan kualiti pengurusan aduan termasuk proses penyiasatan, maklum balas dan kakitangan
	Analisis punca utama yang disalurkan kembali kepada unit perniagaan untuk penambahbaikan termasuk proses penyiasatan, maklum balas dan kakitangan
	Mekanisme kawalan dan pemantauan yang berkesan bagi memastikan pelaporan yang tepat pada masanya dan penyelesaian yang adil
Langkah-langkah berkesan untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan kakitangan	Kakitangan pengurusan aduan yang mencukupi dan berpengalaman yang sepadan dengan profil aduan dan kerumitan FSP
	Proses pengambilan pekerja dan latihan yang sesuai untuk pengurus aduan dan kakitangan barisan hadapan
	Pemerkasaan, kuasa dan had yang jelas diberikan kepada kakitangan pengurusan aduan untuk melindungi kepentingan pengguna

Sumber: Bank Negara Malaysia

kewangan dengan pengetahuan menjadi semakin penting supaya mereka yakin untuk membuat keputusan kewangan berdasarkan maklumat yang mencukupi. Bank terus bekerjasama dengan pelbagai agensi untuk membina keupayaan kewangan, meningkatkan tahap literasi dan menggalakkan pengurusan kewangan berhemat dalam kalangan rakyat Malaysia.

Pada tahun 2018, Bank terus menjalankan kerjasama erat dengan rakan-rakan<sup>5</sup> dalam Jaringan Pendidikan Kewangan (*Financial Education Network*, FEN) untuk meluaskan jangkauan dan liputan inisiatif pendidikan kewangan. FEN menyelaraskan inisiatif yang dijalankan

oleh semua ahlinya untuk memastikan penggunaan sumber yang optimum bagi memaksimumkan impak kolektif daripada program pendidikan kewangan supaya matlamat dan objektif strategi pendidikan kewangan kebangsaan dapat dicapai.

**Bank menjalankan kerjasama erat dengan Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN) untuk meluaskan jangkauan dan liputan inisiatif pendidikan kewangan.**

Usaha bersama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi memupuk nilai-nilai kewangan yang baik bermula daripada usia muda telah mencatatkan integrasi pendidikan kewangan yang progresif ke dalam kurikulum sekolah hingga ke Tingkatan Dua. Integrasi tersebut dijangka selesai mengikut jadual untuk semua peringkat sekolah rendah dan menengah menjelang tahun 2021.

<sup>5</sup> Ahli FEN terdiri daripada Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SSM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB).

Komitmen KPM untuk memastikan pendidikan kewangan dilaksanakan dengan berkesan di sekolah-sekolah telah menunjukkan hasil yang memberangsangkan, apabila para guru memperkenalkan keyakinan dan pengetahuan yang lebih baik tentang mata pelajaran tersebut. Hal ini juga disokong oleh kemasukan modul elektif celik kewangan untuk guru-guru pelatih seiring dengan program yang lebih sesuai dan sedang dilaksanakan oleh KPM untuk guru-guru dalam perkhidmatan.

Melalui Program Sekolah Angkat, FSP terus memainkan peranan penting untuk memperkuuh konsep penting pengurusan kewangan yang diajar dalam kurikulum sekolah. Beberapa FSP telah melancarkan dengan jayanya program-program celik kewangan di sekolah-sekolah angkat mereka, misalnya ‘AEIOU Financial Comic Strip Challenge’ oleh Alliance Bank Malaysia Berhad, ‘Program Celik Wang’ anjuran Agrobank, ‘BSN Educate Programme’ oleh Bank Simpanan Nasional, ‘Cha-Ching’ dan ‘Duit Right’ oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad, dan Allianz Malaysia Berhad dengan ‘My Finance Coach’. Lebih 26,000 pelajar dan kanak-kanak yang melawat Muzium Wang dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia pada tahun 2018 juga telah didedahkan kepada pelbagai topik tentang pengurusan wang melalui permainan interaktif.

Selain pendidikan kewangan di sekolah-sekolah, Bank juga menggunakan pelbagai saluran dan platform untuk menggalakkan kesedaran dan pendidikan kewangan (Gambar Rajah 4.4). Inisiatif-inisiatif ini telah menjangkau lebih 20 juta individu yang mempelajari serba sedikit

tentang pengurusan kewangan dan perkhidmatan kewangan melalui pelbagai program dan saluran jangkauan yang disediakan oleh Bank. Hal ini merupakan pengalaman pertama bagi kebanyakan mereka. Sejumlah 1,700 sesi pembelajaran tentang pengurusan kewangan peribadi telah dijalankan oleh Bank melalui subsidiari milik penuhnya iaitu Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK), dan menjangkau lebih 1,650,000 orang sepanjang tahun 2018. Tambah memberangsangkan lagi, agensi kerajaan dan sektor swasta turut memainkan peranan yang lebih aktif untuk menyokong program pendidikan kewangan bagi para pekerja mereka. Kaedah ini terbukti berkesan untuk menyediakan pendidikan kewangan berstruktur secara berterusan kepada lebih banyak rakyat Malaysia.

Bank bersama-sama industri insurans am akan menerbitkan siri panduan pengguna tentang tuntutan motor untuk mendidik pengguna kewangan mengenai langkah-langkah yang harus diambil apabila berlaku kemalangan di jalan raya dan cara untuk membuat tuntutan motor. Panduan pengguna ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk melindungi mangsa kemalangan dengan lebih baik daripada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang akan mengambil kesempatan ke atas mangsa yang ditimpa musibah. Usaha turut dipergiat untuk mendidik orang ramai tentang penipuan kewangan, terutamanya penipuan melalui telefon dengan kerjasama agensi utama termasuk Polis Diraja Malaysia, Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Usaha ini terus diikuti oleh kerjasama yang lebih erat dalam aktiviti

Gambar Rajah 4.4

#### Jangkauan kepada Pengguna Malaysia: Statistik Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

## Inisiatif Baharu AKPK pada tahun 2018

Program yang dijalankan oleh AKPK tentang kewangan peribadi adalah berteraskan empat fasa kehidupan utama, iaitu pada peringkat pendidikan tinggi, memasuki alam pekerjaan, memulakan hidup berkeluarga dan membesarakan anak-anak dan fasa persaraan. Antara program yang dibangunkan oleh AKPK ialah program Celik Keusahawanan Sosial untuk Belia (*Social Enterprise Literacy for Youth, SELFY*), iaitu program selama tiga bulan yang dijalankan dengan matlamat untuk mendedahkan pelajar pengajian tinggi dengan pengalaman amali dalam keusahawanan sosial melalui perolehan, pengurusan, penabungan dan akhirnya sumbangan wang untuk tujuan sosial. Kira-kira 300 pelajar daripada sembilan institusi pengajian tinggi telah mengambil bahagian dalam SELFY pada tahun 2018. Selain menjadi platform pembelajaran yang praktikal untuk pelajar pengajian tinggi menjadi mahir dalam pengurusan kewangan, SELFY telah mengilhamkan beberapa idea inovatif daripada para peserta tentang cara menambah baik keadaan sosial setempat. Satu lagi program awam - ‘Jadi Bos untuk Diri Sendiri’ (*Be Your Own Boss*), telah diperkenalkan pada tahun 2018 yang memberi tumpuan pada penyediaan tip kewangan untuk para pekerja membangunkan portfolio kewangan mereka sendiri semasa masih bekerja. Sebanyak 120 peserta daripada pelbagai organisasi dan orang ramai telah menghadiri program sehari tersebut.

Penilaian dijalankan secara berkala untuk mengukur keberkesanan program pendidikan kewangan anjuran AKPK. Penilaian terdahulu menunjukkan bahawa ilmu pengetahuan dan strategi kewangan yang praktikal, digabungkan dengan perkongsian kajian kes sebenar amat berguna untuk membantu para peserta mengurus kewangan mereka dengan lebih baik. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan lagi keberkesanan intervensi pendidikan kewangannya, AKPK telah menerbitkan laporan ‘Perilaku Kewangan dan Tahap Kesejahteraan Kewangan dalam Kalangan Golongan Dewasa Rakyat Malaysia yang Bekerja’ pada bulan November 2018. Laporan tersebut memberikan pemahaman mendalam tentang perilaku kewangan golongan dewasa yang bekerja di Malaysia, dari segi pengurusan perbelanjaan, tabungan dan hutang. Laporan itu menekankan kepentingan pendidikan kewangan untuk golongan dewasa yang bekerja dan menyokong program pendidikan kewangan berasaskan bukti dan kaji selidik anjuran AKPK serta rakan usaha sama untuk meningkatkan impak mereka pada masa hadapan.

pemantauan dan penguatkuasaan merentas agensi untuk mengenal pasti dan membanteras penjenayah berkenaan (lihat juga ‘Mengukuhkan dan Memelihara Integriti Sistem Kewangan’ dalam Bab 3).


Di samping pendidikan kewangan, AKPK juga menyediakan perkhidmatan kaunseling kewangan dan pengurusan hutang kepada pengguna kewangan melalui 11 cawangan dan 15 pejabat kaunselingnya di seluruh negara. Pada akhir tahun 2018, sejumlah 854,246 individu telah dibantu oleh AKPK dalam menguruskan hutang mereka, dan 29% telah mendaftar untuk mengikuti Program Pengurusan Kredit (*Debt Management Programme, DMP*). Individu/peminjam ini secara kesuluruhanya mempunyai hutang berjumlah RM30.4 bilion. Sebanyak 68% daripada individu yang mendaftar untuk mengikuti DMP sama ada telah menyelesaikan semua hutang mereka atau masih lagi meneruskan pembayaran balik hutang mereka menurut terma DMP. Bilangan peminjam yang selebihnya pula sama ada telah menarik diri daripada DMP kerana kedudukan kewangan mereka telah bertambah baik (3%) atau penyertaan mereka telah ditamatkan kerana individu itu telah meninggal dunia atau tidak mampu membayar balik hutang secara konsisten (29%).

## Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan Dari Sudut Permintaan 2018

Kaji selidik pasaran dan maklum balas pengguna kewangan memberikan Bank data yang penting lagi tepat pada masanya berkaitan dengan risiko yang bakal dihadapi oleh pengguna kewangan. Maklumat ini juga membolehkan Bank menilai keberkesanan dasar dan intervensinya untuk menangani risiko yang telah dikenal pasti. Pada tahun 2018, Bank menjalankan Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Sudut Permintaan (*Financial Capability and Inclusion Demand Side Survey, FCI 2018*) untuk menilai tahap keupayaan dan celik kewangan rakyat Malaysia. FCI 2018 ialah penilaian susulan daripada kaji selidik sebelumnya yang dijalankan pada tahun 2015, untuk menjelaki pencapaian dalam tahap kesedaran, pengetahuan, kemahiran, perilaku dan sikap pengguna kewangan semasa membuat keputusan kewangan yang baik. Berdasarkan data yang dikumpul, Indeks Celik dan Keupayaan Kewangan Malaysia (*Malaysia Financial Literacy and Capability Index, MYFLIC*) telah dibangunkan (Gambar Rajah 4.5). Indeks MYFLIC bagi Malaysia pada tahun 2018 ialah 57.1,

Gambar Rajah 4.5

### Indeks Celik dan Keupayaan Kewangan Malaysia (MYFLIC) 2018



menunjukkan sedikit peningkatan berbanding dengan indeks pada tahun 2015.

Tahap pengetahuan terutamanya yang berkisar tentang literasi dan numerasi kewangan asas, masih rendah dalam kalangan rakyat Malaysia. Hampir 75% rakyat Malaysia faham bahawa inflasi bermakna kos sara hidup meningkat, tetapi hanya 38% yang dapat mengaitkan kesannya terhadap kuasa beli mereka. Selain itu, tidak sampai separuh (43%) daripada responden kaji selidik memahami bahawa wang bertambah pada asas kompaun mengikut peredaran masa, dengan satu daripada lima individu percaya bahawa wang bertambah pada asas linear.<sup>6</sup> Kurangnya pengetahuan kewangan ini seterusnya menjadi suatu pengaruh yang penting terhadap sikap kewangan rakyat Malaysia. Responden yang kurang berpengetahuan dalam kewangan lebih cenderung

mempamerkan sikap yang memberikan lebih penekanan pada ‘hidup hanya untuk hari ini’ berbanding dengan perancangan kewangan jangka sederhana dan jangka panjang. Misalnya, walaupun 84% memberikan jawapan bahawa mereka kerap menabung, tabungan ini biasanya dikeluarkan pada akhir bulan. Ketiadaan matlamat jangka lebih panjang membuatkan ramai yang tidak bersedia untuk menangani perbelanjaan luar jangka (contohnya, hilang punca pendapatan, diserang penyakit atau ditimpa kemalangan) dan peristiwa hayat yang dijangka, termasuk persaraan. Malah, 41% responden mengakui bahawa simpanan persaraan semasa mereka tidak cukup untuk memenuhi keperluan perbelanjaan isi rumah dengan sepenuhnya pada masa tua mereka. Pemerhatian utama daripada FCI 2018 diringkaskan dalam Jadual 4.2.

Dapatan FCI 2018 akan digunakan untuk memaklumkan keutamaan dan intervensi yang bersasaran di bawah Strategi Kebangsaan yang sedang dimuktamadkan oleh FEN dengan matlamat untuk meningkatkan tahap celik kewangan rakyat Malaysia dan untuk menggalakkan perilaku dan sikap kewangan yang berhemah.

<sup>6</sup> Pertumbuhan asas linear merujuk pengiraan faedah mudah iaitu pulangan pelaburan tahunan adalah berdasarkan peratusan yang sama daripada amaun prinsipal. Sementara faedah terkompaun merujuk pengiraan pulangan pelaburan yang berdasarkan peratusan faedah yang diperoleh untuk tahun itu termasuk pulangan pelaburan semula dari tempoh pelaburan sebelumnya.

**Jadual 4.2****Pemerhatian utama tentang celik dan keupayaan kewangan di Malaysia**

<b>Pengetahuan Kewangan</b>	<p>Kebanyakan pengguna kewangan kurang faham tentang konsep kewangan dan cara produk kewangan dapat dimanfaatkan untuk masa depan. Walau bagaimanapun, dua daripada tiga pengguna tidak menyedari perkara ini dan menilai diri mereka sebagai memiliki pengetahuan kewangan yang baik. Selain itu, kemahiran literasi dan numerasi yang rendah juga dikesan</p> <p>Produk deposit ialah perkhidmatan kewangan yang paling banyak digunakan</p> <p>Pengguna kewangan begitu ghairah tentang penggunaan perbankan mudah alih dan internet, kebanyakannya untuk pemindahan wang, bayaran bil dan membeli-belah dalam talian</p>
<b>Perilaku Kewangan</b>	<p>Kebanyakan pengguna kewangan mendakwa bahawa mereka ada membuat simpanan jika berlaku perkara di luar jangkaan, tetapi mereka tidak mempertimbangkan pelaburan sebagai sebahagian daripada perancangan kewangan untuk memenuhi keperluan jangkaan masa depan, misalnya membiayai pendidikan anak-anak mereka</p> <p>Majoriti pengguna kewangan tidak bersedia untuk menangani perbelanjaan luar jangka</p> <p>52% responden sukar untuk menyediakan RM1,000 dengan serta-merta sekiranya berlaku kecemasan (FCI 2015: 76%)</p> <p>24% responden dapat menampung perbelanjaan sara hidup untuk sekurang-kurangnya tiga bulan atau lebih selepas hilang punca pendapatan (FCI 2015: 18%), sementara hanya 10% responden mampu melakukannya untuk lebih daripada enam bulan (FCI 2015: 6%)</p> <p>16% responden amat khuatir tidak dapat memenuhi keperluan perbelanjaan sara hidup mereka semasa hari tua, terutamanya bagi golongan berumur 50 tahun dan ke atas (FCI 2015: 33%)</p>
<b>Sikap Kewangan</b>	<p>Majoriti pengguna kewangan menunjukkan kecenderungan jangka pendek dan sikap ‘hidup hanya untuk hari ini’ terhadap pengurusan kewangan. Sebagai contoh, 51% menganggap bahawa wang adalah untuk dibelanjakan dan bukan disimpan untuk memenuhi keperluan masa depan atau perbelanjaan kecemasan. Selain itu juga, kira-kira empat dalam 10 pengguna kewangan berpendapat yang mereka kurang berdisiplin apabila mengurus kewangan mereka</p> <p>Tabungan lebih bertujuan untuk jangka pendek dan untuk membayar perbelanjaan harian termasuk keperluan kesihatan, makanan dan barang dapur</p>

Sumber: Bank Negara Malaysia



# Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

- 121** Menggalakkan Kestabilan Sistem Pembayaran dan Penyelesaian
- 124** Trend Utama dan Perkembangan dalam Sistem Pembayaran Runcit



# Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

## MENGGALAKKAN KESTABILAN SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN


### Operasi RENTAS terus berdaya tahan dan dipercayai

Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (*Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System*, RENTAS) memudahkan penyelesaian kasar pindahan dana bernilai tinggi dan urus niaga sekuriti dalam masa nyata. Sebanyak 4.9 juta urus niaga berjumlah RM55.2 trillion telah diselesaikan melalui RENTAS pada tahun 2018 dengan mencatatkan pertumbuhan tahunan 8.1% dari segi jumlah, 2.7% dari segi nilai dan 39 kali keluaran dalam negeri kasar (KDNK) Malaysia. Jumlah purata urus niaga harian meningkat 8.5% kepada 20,240 (2017: 18,651) manakala nilai purata urus niaga

harian meningkat 3.1% kepada RM227.1 bilion (2017: RM220.3 bilion) (Rajah 5.1). Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pemindahan dana pihak ketiga seperti pembayaran kerajaan dan korporat yang meningkat 8.5% dari segi nilai dan 7.2% dari segi jumlah; serta urus niaga sekuriti yang meningkat 8.4% dari segi nilai dan 42.9% dari segi jumlah. Pengenalan akaun sekuriti yang diasingkan pada bulan Mei 2018 telah membolehkan pengumpulan maklumat urus niaga sekuriti dan pemilikan sekuriti dalam RENTAS dengan lebih terperinci, yang menyumbang kepada peningkatan bilangan urus niaga sekuriti melalui RENTAS. RENTAS juga memudahkan urus niaga pertukaran asing antara bank dalam penyelesaian secara Pembayaran semasa Pembayaran (*Payment-versus-Payment*, PvP), terutamanya untuk urus niaga pertukaran asing antara dolar AS dengan ringgit, yang dapat menghapuskan risiko penyelesaian. Sejak pautan RENTAS-USD CHATS PvP diperkenalkan pada

Rajah 5.1: RENTAS: Purata Urus Niaga Harian Mengikut Nilai dan Jumlah

#### Peningkatan kecil dalam purata urus niaga harian RENTAS mengikut nilai dan jumlah



Sumber: Bank Negara Malaysia

tahun 2006, nilai purata harian yang diurusniagakan melalui pautan PvP telah meningkat secara purata sebanyak 14.2% setahun iaitu daripada RM5.2 bilion pada tahun 2007 kepada RM15.5 bilion. Pada tahun 2018, jumlah urus niaga dolar AS-ringgit antara bank yang diselesaikan menerusi pautan PvP ialah RM3.8 trillion yang mencakupi 69.4% daripada jumlah urus niaga pertukaran asing antara bank berbanding dengan ringgit.

Dari segi kebolehpercayaan operasi, sistem hos RENTAS dan saluran-saluran akses utamanya telah mencapai tempoh operasi sistem 100% pada tahun 2018, melebihi paras sasaran 99.9%. Bank terus memberikan tumpuan pada usaha untuk mengekalkan daya tahan infrastruktur sistem pembayaran bernalih tinggi bagi menghadapi ancaman siber dalam persekitaran Bank serta persekitaran pengendali dan peserta RENTAS. Bank mencapai pematuhan sepenuhnya terhadap semua kawalan keselamatan yang diwajibkan dan dicadangkan oleh *Society for Worldwide Interbank Financial Telecommunication* (SWIFT). Pematuhan ini disahkan melalui penilaian bebas yang dijalankan oleh sebuah firma audit luar. Bagi memperkuuh daya tahan siber dalam kalangan peserta industri, Bank juga menghendaki institusi kewangan untuk terus mematuhi kawalan keselamatan yang diwajibkan oleh SWIFT dan sangat menggalakkan pematuhan terhadap kawalan keselamatan yang dicadangkan oleh SWIFT. Pada akhir tahun 2018, pengendali RENTAS iaitu *Payments Network Malaysia Sdn. Bhd.* (PayNet), dan semua, kecuali dua<sup>1</sup> institusi kewangan telah mematuhi kesemua kawalan keselamatan yang berkaitan yang diwajibkan oleh SWIFT, manakala 81.5% institusi kewangan termasuk PayNet, telah melaksanakan kawalan keselamatan yang berkaitan yang dicadangkan oleh SWIFT. Memandangkan peningkatan kecanggihan dan kerumitan serangan siber, langkah-langkah kawalan yang berkesan sedang dilaksanakan oleh institusi kewangan secara berperingkat dalam persekitaran yang ‘dianggap telah terjejas’ (*assumed breached*) bagi melengkapi pertahanan sedia ada untuk mengatasi serangan siber. Langkah ini termasuk kaedah untuk mengesan mesej pembayaran di luar dasar (*out-of-policy*) atau pembayaran yang mencurigakan, dan menyekat urus niaga palsu yang sedang berlaku

<sup>1</sup> Kedua-dua institusi kewangan ini dijangka mematuhi sepenuhnya kawalan keselamatan yang diwajibkan oleh SWIFT menjelang bulan Jun 2019.

(*fraudulent in-flight transaction*). Institusi kewangan juga dikehendaki secara berkala menyemak dan mempertimbangkan untuk merasionalisasikan Aplikasi Pengurusan Perhubungan SWIFT (*Relationship Management Applications*, RMAs)<sup>2</sup> yang tidak aktif bagi mengurangkan kelemahan.

## Pengurusan risiko lebih mantap seiring dengan pertumbuhan pembayaran runcit

Pembayaran elektronik runcit<sup>3</sup> terus mencatatkan pertumbuhan dua angka pada tahun 2018 masing-masing sebanyak 13.3% dari segi jumlah dan 21.5% dari segi nilai (2017: 15.7% dari segi jumlah, 25.3% dari segi nilai). Pemindahan kredit seperti GIRO Antara Bank (*Interbank GIRO*, IBG) dan Pindahan Segera (*Instant Transfer*) terus menyumbang kepada sebahagian besar daripada pembayaran elektronik runcit, masing-masing sebanyak 64.1% dan 17.0% daripada jumlah nilai pembayaran elektronik runcit pada tahun 2018.

Institusi kewangan dikehendaki menambah baik pemantauan serta pengurusan kedudukan dan dedahan mudah tunai intrahari mereka

Memandangkan pertumbuhan dalam permintaan pengguna akhir untuk pembayaran segera dan peningkatan dedahan debit bersih dalam sistem pembayaran runcit masa nyata, institusi kewangan dikehendaki menambah baik pemantauan serta pengurusan kedudukan dan dedahan mudah tunai intrahari mereka, dan mengurangkan risiko kebuntuan pembayaran (*gridlock*). Institusi kewangan boleh menggunakan penunjuk mudah tunai intrahari sejajar dengan apa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Penyelesaian Perbankan Basel (*Basel Committee on Banking Supervision*, BCBS) dan Kemudahan Penyelesaian Pengoptimuman Mudah Tunai (*Liquidity Optimisation Settlement Facility*, LOSF) yang dapat memberikan penjimatan mudah tunai dan pengurusan mudah tunai yang lebih cekap.

Bank meluluskan 10 pengeluar wang elektronik bukan bank yang baharu pada tahun 2018,

<sup>2</sup> RMA mentakrifkan rakan niaga yang mana sebuah institusi boleh menghantar atau menerima mesej SWIFT.

<sup>3</sup> Terdiri daripada GIRO Antara Bank (IBG), Pindahan Segera, Bursa Pemprosesan Kewangan (*Financial Process Exchange*, FPX), Debit Terus (DD), Platform Pembayaran Bil Secara Elektronik Kebangsaan (JomPAY), kad pembayaran dan wang elektronik.

meningkatkan jumlah pengeluar kepada 47 (2017: 37). Dalam menilai kemasukan pengeluar baharu, Bank mempertimbangkan keupayaan pemohon untuk mengendalikan skim wang elektronik yang dicadangkan dengan cara yang selamat dan mantap. Penilaian ini berdasarkan kepada beberapa kriteria seperti pengalaman, kecukupan sumber kewangan dan keupayaan pengurusan risiko termasuk langkah-langkah keselamatan yang mencukupi. Meskipun Bank menggalakkan persaingan dan inovasi dalam perkhidmatan pembayaran yang akan memberikan manfaat kepada pengguna dan menggalakkan rangkuman kewangan yang lebih meluas, Bank sedar akan kos berkaitan pasaran pembayaran runcit yang kurang bersepada (*fragmented*) berikutan percambahan pengeluar wang elektronik. Hal ini akhirnya akan mengurangkan manfaat kepada pengguna. Bagi menangani perkara ini, Bank telah melaksanakan Rangka Kerja Pemindahan Kredit Saling Boleh Kendali (*Interoperable Credit Transfer Framework*, ICTF) pada tahun 2018 yang akan memudahkan proses saling boleh kendali antara bank dengan pengeluar wang elektronik bukan bank melalui infrastruktur pembayaran yang dikongsi bersama. Urus niaga wang elektronik yang mewakili 0.7% daripada jumlah nilai pembayaran elektronik runcit pada tahun 2018, mencatatkan pertumbuhan 3.2% dari segi jumlah dan 20.6% dari segi nilai kepada 1.92 bilion urus niaga bernilai RM11.0 bilion (2017: 1.86 bilion, RM9.1 bilion). Pada tahun 2018, Bank telah menjalankan pemeriksaan ke atas empat pengeluar wang elektronik yang mewakili saiz pasaran yang agak besar untuk memastikan langkah-langkah pengurusan risiko dan perlindungan pengguna yang sesuai telah dilaksanakan. Secara amnya, langkah kawalan yang dilaksanakan oleh pengeluar ini didapati memuaskan. Langkah-langkah penambahbaikan telah dikenal pasti bagi beberapa pengeluar untuk terus mengukuhkan fungsi pengawasan dan pengaturan operasi mereka seperti pengurusan pembayaran balik dan laporan penipuan. Berkuat kuasa pada 2019, semua pengeluar wang elektronik juga dikehendaki mengemukakan penilaian bebas tahunan oleh juriaudit luar mengenai kecukupan kawalan ke atas pengurusan dana pelanggan.

Urus niaga kad pembayaran yang mewakili 11.5% daripada jumlah nilai pembayaran elektronik runcit pada tahun 2018, telah meningkat sebanyak 21.7% dari segi jumlah dan 13.0% dari segi nilai kepada 698.0 juta urus niaga berjumlah RM188.0

bilion pada tahun 2018 (2017: 573.4 juta, RM166.3 bilion). Bagi memastikan kesinambungan dalam perkhidmatan kad pembayaran, Bank telah mengarahkan pengendali rangkaian kad pembayaran untuk menjalankan penilaian tahunan ke atas daya tahan pengendali terhadap gangguan operasi, yang perlu mengambil kira perubahan dalam landskap ancaman siber, serta mengenal pasti dan menangani sebarang kelemahan terhadap ancaman yang sentiasa berkembang. Keputusan penilaian akan digunakan untuk mengenal pasti langkah-langkah atau pelan tindakan yang boleh diambil untuk terus memperkuuh kebolehpercayaan perkhidmatan kad pembayaran.

### Penipuan pembayaran kekal rendah


Keseluruhan jumlah kerugian penipuan kad pembayaran<sup>4</sup> meningkat sedikit kepada 0.026% daripada jumlah urus niaga (2017: 0.020%) dan 0.044% daripada jumlah nilai urus niaga (2017: 0.037%) (Rajah 5.2). Kebanyakan kes penipuan kad pembayaran melibatkan kad kredit, yang mencakupi 92.1% daripada jumlah kerugian penipuan, diikuti oleh kad debit dan kad caj masing-masing pada 7.3% dan 0.6%. Sebahagian besar penipuan kad pembayaran adalah daripada penipuan yang tidak memerlukan kad (*card-not-present*, CNP) seperti urus niaga dalam talian yang tidak sah yang mencakupi 95.5% daripada jumlah kes penipuan dan 91.8% daripada jumlah kerugian penipuan. Walau bagaimanapun, kerugian kepada pemegang kad kekal minimum pada 0.3% daripada jumlah kerugian penipuan (2017: 0.4%). Sebahagian besar kerugian penipuan (89.3%) terus ditanggung oleh entiti asing di bawah peraturan pemindahan liabiliti rangkaian kad pembayaran antarabangsa kerana Malaysia menerima pakai kaedah pengesahan<sup>5</sup> yang lebih kukuh. Sejak pelaksanaan pengesahan Nombor Pengenalan Peribadi (*Personal Identification Number*, PIN) untuk urus niaga dengan kad (*card-present*) pada bulan Julai 2017, kerugian penipuan untuk kad yang hilang dan dicuri terus menurun pada tahun 2018 kepada 0.001% daripada nilai urus niaga (ST1 2017: 0.003%; ST2 2017: 0.002%). Kerugian penipuan untuk kad yang hilang dan dicuri yang melibatkan transaksi kad tanpa sentuhan adalah terkawal pada tahap yang sangat rendah (masing-masing 0.0003% dan 0.0001% daripada jumlah dan nilai urus niaga).

<sup>4</sup> Kad pembayaran terdiri daripada kad kredit, kad debit dan kad caj.

<sup>5</sup> Kata laluan satu kali (*One-time password*, OTP) diperlukan untuk urus niaga dalam talian yang dibuat menggunakan kad pembayaran.

Rajah 5.2: Penipuan Kad Pembayaran Sebagai Peratusan daripada Jumlah Urus Niaga

### Penipuan kad pembayaran kekal rendah



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kerugian penipuan perbankan dalam talian meningkat sedikit kepada 0.0006% daripada jumlah urus niaga (2017: 0.0004%) tetapi peratusan daripada keseluruhan nilai urus niaga stabil pada 0.0003% (2017: 0.0003%) (Rajah 5.3). Penipuan perbankan dalam talian runcit mewakili 97% daripada jumlah kerugian penipuan perbankan dalam talian dan meningkat sedikit masing-masing kepada 0.0008% dan 0.0034% daripada jumlah dan nilai urus niaga runcit (2017: 0.0006% dan 0.0032%). Kebanyakan kerugian penipuan perbankan dalam talian (90.2%) disebabkan oleh penipuan rekayasa sosial (*social engineering fraud*).<sup>6</sup>


Kerugian penipuan kewangan yang melibatkan kaedah memperdaya (*financial scam*) meningkat pada tahun 2018, tetapi kekal rendah pada 0.0006% daripada jumlah nilai urus niaga (2017: 0.0003% daripada nilai urus niaga). Dalam kes penipuan kewangan ini, pelanggan diperdaya untuk memindahkan dana ke akaun yang dikawal oleh orang yang memperdaya melalui saluran elektronik, iaitu perbankan Internet, perbankan mudah alih dan Mesin Juruwang Automatik (*Automated Teller Machine, ATM*).

Sebagai langkah yang berterusan untuk mengukuhkan lagi perlindungan terhadap percubaan penipuan, Bank menghendaki institusi kewangan memantapkan prosedur pendaftaran nombor telefon mudah alih yang digunakan untuk menerima kod pengesahan urus niaga (*transaction authorisation code, TAC*). Pendaftaran nombor telefon mudah alih bagi tujuan ini perlu dibuat

<sup>6</sup> Pelanggan diperdaya untuk mendedahkan maklumat perbankan mereka kepada orang yang melakukan penipuan, yang kemudian menggunakan maklumat tersebut untuk melakukan urus niaga tanpa kebenaran.

Rajah 5.3: Penipuan Perbankan Dalam Talian Sebagai Peratusan daripada Jumlah Urus Niaga

### Perbankan dalam talian terus berdaya tahan terhadap penipuan



Sumber: Bank Negara Malaysia

sendiri oleh pengguna di cawangan institusi kewangan. Institusi kewangan juga dikehendaki mengesahkan permohonan pelanggan untuk menukar nombor telefon mudah alih berdaftar melalui ATM atau pusat panggilan, dan apabila mengesan sebarang kegiatan penipuan yang mencurigakan. Langkah ini bertujuan untuk lebih melindungi pelanggan daripada menjadi mangsa penipuan rekayasa sosial. Inisiatif pendidikan pelanggan juga terus diberikan penekanan, termasuk panduan keselamatan ketika menggunakan perbankan Internet dan penyebaran maklumat mengenai kaedah penipuan perbankan dalam talian serta penipuan kewangan yang lazim dilakukan melalui pelbagai platform media.

**Inisiatif pendidikan pelanggan juga terus diberikan penekanan, termasuk panduan keselamatan ketika menggunakan perbankan Internet dan penyebaran maklumat mengenai kaedah penipuan perbankan dalam talian serta penipuan kewangan yang lazim dilakukan melalui pelbagai platform media**

## TREND UTAMA DAN PERKEMBANGAN DALAM SISTEM PEMBAYARAN RUNCIT

### Kemajuan terus dicapai dalam menggalakkan perpindahan kepada e-pembayaran

Salah satu bidang keutamaan Bank adalah untuk mempercepat perpindahan kepada e-pembayaran,

seperti yang terkandung dalam Pelan Sektor Kewangan 2011 – 2020 (*Financial Sector Blueprint*, FSBP). Sejak tahun 2013, Bank telah melaksanakan beberapa langkah pembaharuan<sup>7</sup> untuk menggalakkan penggunaan e-pembayaran yang lebih tinggi. Langkah-langkah ini tertumpu terutamanya pada usaha untuk menghapuskan gangguan pasaran di samping mengukuhkan insentif pasaran dan persaingan untuk menggalakkan penggunaan perkhidmatan e-pembayaran yang lebih menjimatkan dari segi kos sebagai alternatif kepada cek dan wang tunai.


Kemajuan yang ketara telah dicapai dalam usaha mengurangkan penggunaan cek di Malaysia berikutan lebih banyak urus niaga dilakukan menerusi perkhidmatan pindahan kredit (contohnya IBG dan Pindahan Segera). Pemangkin utama dalam perkembangan ini ialah Rangka Kerja Pembaharuan Harga yang dilaksanakan pada tahun 2013 yang berjaya memperbaiki herotan harga antara cek dengan perkhidmatan pindahan kredit. Usaha ini dilengkapi dengan Rangka Kerja Dana Insentif untuk e-Pembayaran (*e-Payment Incentive Fund*, ePIF) yang diperkenalkan pada tahun 2015. Di bawah rangka kerja ini, fi pemprosesan cek yang dikutip oleh bank disalurkan kembali kepada pelanggan mereka, terutamanya melalui pengecualian fi dan pemberian insentif untuk menggalakkan penggunaan e-pembayaran. Hasilnya, jumlah penggunaan cek telah berkurang lebih 50% daripada 204.9 juta (tujuh cek per kapita) pada tahun 2011 kepada 101.4 juta (tiga cek per kapita) pada tahun 2018.

Sementara itu, wang tunai masih digunakan secara meluas di Malaysia bagi urus niaga runcit. Walau bagaimanapun, kemajuan yang memberangsangkan telah dicapai sejak tahun 2015 dalam memperluas rangkaian pusat penerimaan e-pembayaran dalam kalangan peniaga runcit. Pelaksanaan Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran (*Payment Card Reform Framework*, PCRF) pada tahun 2015 telah menghapuskan herotan dalam pasaran kad pembayaran dan menyumbang kepada trend yang terus menurun dalam Kadar Diskaun Peniaga (*Merchant Discount Rate*, MDR) (Rajah 5.4). Berikutan kos menerima kad pembayaran yang lebih rendah ditambah dengan penubuhan Dana Pembangunan Pasaran (*Market Development Fund*, MDF) untuk

<sup>7</sup> Rangka Kerja Pembaharuan Harga (2013), Rangka Kerja Dana Insentif untuk e-Pembayaran (2015), Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran (2015) dan Rangka Kerja Pemindahan Kredit Saling Boleh Kendali (2018).

Rajah 5.4: MDR Purata Mengikut Jenis Urus Niaga Kad Pembayaran

#### MDR purata untuk semua jenis kad pembayaran terus menurun




Sumber: Bank Negara Malaysia

membayai penempatan terminal semasa jualan (*point-of-sale*, POS), bilangan terminal POS telah bertambah lebih sekali ganda daripada 233,248 terminal (lapan terminal bagi setiap 1,000 penduduk) pada tahun 2014 kepada 514,818 terminal pada tahun 2018 (16 terminal bagi setiap 1,000 penduduk) (Rajah 5.5). Bilangan peniaga yang menerima pakai kaedah pembayaran mudah alih juga meningkat pada tempoh ini, dengan mencatatkan lebih 65,000 pendaftaran pada akhir tahun 2018.

Selain itu, rangkaian terminal POS yang semakin meluas dan didukung oleh pelaksanaan PIN dan fungsi tanpa sentuhan bagi kad pembayaran di seluruh industri (selesai pada tahun 2017), terus menyumbang kepada penggunaan kad pembayaran yang lebih tinggi. Urus niaga kad debit berkembang lagi pada kadar yang kukuh dengan peningkatan 51.5% kepada 245.7 juta urus niaga

Rajah 5.5: Bilangan Terminal POS

#### Terminal POS terus mencatatkan pertumbuhan dua angka



\* Kadar pertumbuhan tahunan purata

Sumber: Bank Negara Malaysia

pada tahun 2018 (2017: 50.8%, 162.2 juta). Yang nyata, penggunaan pembayaran mudah alih untuk urus niaga pembelian juga semakin mencapai kemajuan pada tahun 2018, dengan jumlah urus niaga meningkat kepada 23.7 juta (2017: 1.2 juta).

### Penggunaan e-pembayaran yang terus meningkat telah menyumbang kepada pengurangan penggunaan wang tunai

Penggunaan e-pembayaran di Malaysia yang terus meningkat telah menyumbang kepada pengurangan penggunaan wang tunai, dengan nisbah Wang Tunai dalam Edaran kepada KDNK (*cash-in-circulation to Gross Domestic Product, CIC/GDP*) menurun sebanyak 0.3 mata peratusan antara tahun 2016 dengan 2018 (2013 hingga 2015: +0.4 mata peratusan).

### Momentum pindahan kredit untuk menggantikan cek berterusan

Penggunaan cek terus mencatatkan penurunan dua angka pada tahun 2018, iaitu sebanyak 14.8% kepada 101.4 juta cek (2017: -10.6%, 119.0 juta cek), dengan penurunannya dicatatkan dalam kesemua kategori pengguna utama (Jadual 5.1).

Seiring dengan trend ini, penggunaan perkhidmatan pindahan kredit (IBG dan Pindahan Segera) terus mencapai kemajuan, iaitu meningkat 35.5% kepada

Jadual 5.1

#### Penggunaan Cek Mengikut Kategori Pengguna Utama

Kategori pengguna utama (Bahagian daripada jumlah keseluruhan pada tahun 2018)	Jumlah Urus Niaga (Juta)		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (2013-2018)
	2013	2018	
Korporat (48%)	81.8	48.2	-10%
Milikan tunggal dan perkongsian (25%)	49.9	25.7	-12%
Individu (16%)	41.3	15.6	-18%
Agensi kerajaan (2%)	4.8	2.3	-14%
Lain-lain (9%)	19.3	9.6	-13%
<b>Jumlah</b>	<b>197.1</b>	<b>101.4</b>	<b>-12%</b>


Sumber: Bank Negara Malaysia

445.4 juta urus niaga pada tahun 2018 (2017: 27.9%, 328.6 juta), melebihi jumlah penggunaan cek sebanyak 4.4 kali (2017: 2.8 kali) (Rajah 5.6). Yang nyata, jumlah urus niaga Pindahan Segera telah mengatasi jumlah urus niaga IBG buat kali pertama. Pada tahun 2018, urus niaga Pindahan Segera meningkat 80.8% kepada 238.6 juta, manakala urus niaga IBG meningkat 5.1% kepada 206.8 juta. Jumlah urus niaga bulanan purata Pindahan Segera mencatatkan peningkatan yang lebih pantas pada separuh kedua tahun 2018, iaitu meningkat 100.8% berbanding dengan 55.9% pada separuh tahun pertama. Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pengecualian fi urus niaga sebanyak 50 sen oleh bank sejak 1 Julai 2018 bagi urus niaga Pindahan Segera yang bernilai RM5,000 dan ke bawah oleh individu dan Perusahaan Kecil dan Sederhana. Sebanyak 14 bank telah mengecualikan terus fi urus niaga Pindahan Segera bagi semua kumpulan pelanggan, tanpa mengira nilai urus niaga.

Urus niaga yang dibuat melalui Bursa Pemprosesan Kewangan (*Financial Process Exchange, FPX*) turut memberikan sumbangan yang ketara kepada peningkatan penggunaan pindahan kredit. FPX ialah sistem pembayaran yang membolehkan pelanggan membuat pembayaran dalam talian daripada akaun bank mereka di laman sesawang atau aplikasi mudah alih peniaga, termasuk peruncit dalam talian, pasaran e-dagang dan agensi kerajaan. Seiring dengan penggunaan e-dagang dan urus niaga dalam talian

Rajah 5.6: Jumlah Urus Niaga bagi Cek, IBG dan Pindahan Segera

#### Jumlah urus niaga IBG dan Pindahan Segera mengatasi cek sebanyak 4.4 kali pada tahun 2018



\* Fi Pindahan Segera dimansuhkan bagi nilai urus niaga RM5,000 dan ke bawah yang dibuat oleh golongan individu dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

Sumber: Bank Negara Malaysia

yang semakin berkembang di Malaysia, jumlah urus niaga FPX telah meningkat lebih sekali ganda kepada 89.9 juta pada tahun 2018 (2017: 33.2 juta).

Satu penambahbaikan penting kepada landskap pindahan kredit ialah Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata (*Real-time Retail Payments Platform*, RPP) PayNet, yang dilancarkan pada bulan Disember 2018. Pada akhir bulan Januari 2019, sebanyak 20 bank utama yang mencakupi lebih 70% daripada jumlah akaun semasa dan akaun simpanan di Malaysia telah menyertai RPP. Yang nyata, 6.8 juta pengguna telah berjaya didaftarkan dalam perkhidmatan *DuitNow* di RPP. Melalui perkhidmatan ini, pengguna boleh membuat dan menerima pembayaran secara mudah dengan merujuk pada nombor Kad Pengenalan, nombor telefon mudah alih atau nombor pendaftaran perniagaan penerima.


### Peningkatan penggunaan kad debit bagi menggantikan wang tunai

Meskipun kad kredit kekal sebagai kad pembayaran yang paling banyak digunakan, urus niaga kad debit sebagai bahagian daripada jumlah urus niaga kad pembayaran terus meningkat daripada 28.3% pada tahun 2017 kepada 35.2% pada tahun 2018 (Rajah 5.7). Bahagian kad debit yang aktif dengan sekurang-kurangnya satu urus niaga sebulan daripada jumlah kad debit dalam edaran juga meningkat kepada 48.8% pada tahun 2018 (2017: 43.8%).

Trend penggunaan kad debit yang meningkat terus disokong oleh penggunaan pembayaran tanpa

Rajah 5.7: Jumlah Urus Niaga Kad Pembayaran Mengikut Jenis Kad

**Bahagian urus niaga kad debit meningkat kira-kira lima kali daripada 7.3% pada tahun 2011 kepada 35.2% pada 2018**



Sumber: Bank Negara Malaysia

sentuhan yang lebih meluas. Sebagai sebahagian daripada inisiatif Spesifikasi Kad Cip Malaysia (*Malaysian Chip Card Specification*, MCCS), semua kad debit di Malaysia telah dinaik taraf untuk menyokong fungsi tanpa sentuhan menjelang 1 Januari 2018. Seiring dengan perkembangan ini, bilangan terminal POS tanpa sentuhan turut meningkat sebanyak 90.3% kepada 207,562 terminal, mencakupi 40.3% daripada jumlah terminal POS. Perkembangan ini telah melonjakkan penggunaan kad debit tanpa sentuhan dengan peningkatan 287.4% dari segi jumlah kepada 49.7 juta urus niaga pada tahun 2018 (2017: 12.8 juta). Oleh itu, bahagian urus niaga tanpa sentuhan daripada jumlah urus niaga kad debit telah meningkat lebih sekali ganda kepada 26.0% pada tahun 2018 (2017: 9.9%).

### Pembayaran mudah alih sebagai alternatif kepada wang tunai

Urus niaga kewangan melalui saluran mudah alih terus mencapai kemajuan pada tahun 2018, dengan mengambil manfaat daripada kadar penembusan telefon mudah alih yang tinggi dalam kalangan penduduk Malaysia. Pada tahun 2018, urus niaga kewangan yang dijalankan melalui saluran perbankan mudah alih meningkat lebih sekali ganda kepada 257.4 juta dengan nilai RM100.1 bilion (2017: 107.7 juta, RM50.7 bilion). Hal ini disokong oleh bilangan pelanggan perkhidmatan perbankan mudah alih yang terus bertambah kepada 6.6 juta pelanggan pada tahun 2018 (2017: 4.4 juta). Institusi bukan bank juga mencapai kemajuan dalam segmen ini. Daripada 47 pengeluar wang elektronik bukan bank di

Rajah 5.8: Bilangan Pengeluar Wang Elektronik Bukan Bank yang Diluluskan di Malaysia

**Bilangan pengeluar wang elektronik bukan bank yang menawarkan penyelesaian pembayaran mudah alih meningkat hampir sekali ganda**



Sumber: Bank Negara Malaysia


Malaysia, tiga daripada empat pengeluar menawarkan penyelesaian pembayaran mudah alih (Rajah 5.8). Bilangan langganan perkhidmatan pembayaran mudah alih institusi bukan bank meningkat dengan ketara daripada 0.8 juta pada tahun 2017 kepada 10.4 juta pada tahun 2018. Institusi bukan bank telah memproses sejumlah 31.1 juta urus niaga pembayaran mudah alih pada tahun 2018 dengan nilai RM1.3 bilion (2017: 1.0 juta, RM240.3 juta) (Rajah 5.9).

### Walaupun masih berada pada peringkat awal, pembayaran mudah alih kini semakin kerap digunakan dalam urus niaga pembelian harian yang secara tradisinya menggunakan wang tunai

Walaupun masih berada pada peringkat awal, pembayaran mudah alih kini semakin kerap digunakan untuk menggantikan wang tunai dalam urus niaga pembelian harian. Yang nyata, jumlah pembayaran mudah alih untuk urus niaga pembelian meningkat 20 kali kepada 23.7 juta (2017: 1.2 juta) dengan nilai urus niaga purata sebanyak RM23.80. Institusi bukan bank memainkan peranan yang penting dalam memacu trend ini dengan mencakupi 88.4% daripada jumlah urus niaga tersebut. Antara faktor penyumbang utama termasuk aktiviti mempergiat penambahan keanggotaan peniaga dan inisiatif pemasaran yang lebih agresif untuk menarik pengguna baharu. Pada akhir tahun 2018, lebih 65,000 peniaga telah mendaftar untuk menerima pembayaran mudah alih, dengan lebih 50% daripadanya dikendalikan oleh pengeluar wang elektronik bukan bank. Walaupun sehingga kini 18 bank menawarkan perkhidmatan perbankan mudah alih yang mencakupi 89.2% daripada jumlah akaun semasa dan akaun simpanan, hanya dua bank memperkenalkan perkhidmatan pembayaran kod Respons Pantas (*Quick Response*, QR) setakat ini. Pada peringkat ini, tumpuan bank kebanyakannya adalah pada usaha untuk menyempurnakan usaha pembangunan bagi memperkenalkan penyelesaian pembayaran kod QR saling boleh kendali di bawah skim QR saling boleh kendali PayNet yang akan dilaksanakan pada tahun 2019. Bagi melengkapi semua perkembangan ini, Bank terus memberikan tumpuan pada usaha mengupayakan fungsi saling boleh kendali antara bank dengan pengeluar

Rajah 5.9: Jumlah dan Nilai Urus Niaga Pembayaran Mudah Alih Bukan Bank

#### Urus niaga pembayaran mudah alih bukan bank meningkat dengan ketara pada tahun 2018



Sumber: Bank Negara Malaysia

wang elektronik bukan bank melalui infrastruktur pembayaran yang dikongsi bersama, sebagaimana yang dihasratkan di bawah ICTF.

**Di bawah ICTF, Bank terus memberikan tumpuan pada usaha mengupayakan fungsi saling boleh kendali antara bank dengan pengeluar wang elektronik bukan bank melalui infrastruktur pembayaran yang dikongsi bersama**

Pada masa hadapan, landskap pembayaran mudah alih dijangka lebih aktif berikutan persaingan yang semakin sengit antara bank dengan institusi bukan bank. Oleh itu, peserta industri perlu berusaha untuk mengukuhkan tawaran nilai mereka kepada pengguna dengan memberikan pengalaman pendaftaran (*on-boarding*) yang lancar kepada pengguna dan peniaga, di samping memantapkan ciri-ciri nilai ditambah pada aplikasi mudah alih mereka. Tawaran yang lebih disasarkan juga diperlukan untuk memenuhi permintaan segmen yang tidak diberi perhatian atau kurang diberi perhatian, seperti pembiayaan mikro, insurans mikro dan perkhidmatan pengiriman wang. Pada masa yang sama, perkongsian strategik antara bank dengan institusi bukan bank dijangka meningkatkan pangkalan pelanggan yang lebih meluas dan merealisasikan potensi sinergi.

Tambahan



# Tambahan

## KANDUNGAN

### Perangkaan Utama Kewangan dan Sistem Pembayaran

#### Sistem Kewangan

A.1	Penunjuk Kekuahan Kewangan Utama	MS 1
A.2	Sektor Isi Rumah: Pinjaman Terjejas Kasar dan Delinkuen Kasar bagi Sistem Perbankan dan Institusi Kewangan Bukan Bank	MS 2
A.3	Sektor Perniagaan: Pinjaman Terjejas dan Pinjaman Delinkuen Kasar Sistem Perbankan	MS 2
A.4	Penunjuk Kewangan Utama: Sektor Perbankan Islam dan Takaful	MS 3

#### Sistem Perbankan

A.5	Sistem Perbankan: Pendapatan dan Perbelanjaan	MS 4
A.6	Bank Perdagangan: Pendapatan dan Perbelanjaan	MS 5
A.7	Bank Pelaburan: Pendapatan dan Perbelanjaan	MS 6
A.8	Sistem Perbankan Islam: Pendapatan dan Perbelanjaan	MS 7
A.9	Sistem Perbankan: Rangkaian dan Tenaga Kerja	MS 8
A.10	Bank Perdagangan: Komitmen dan Kontingensi	MS 8
A.11	Bank Pelaburan: Komitmen dan Kontingensi	MS 9

#### Sektor Insurans dan Takaful

A.12	Insurans Hayat: Pendapatan dan Perbelanjaan	MS 10
A.13	Insurans Am: Pengunderaitan dan Hasil Operasi	MS 10
A.14	Takaful Keluarga: Pendapatan dan Perbelanjaan	MS 11
A.15	Takaful Am: Pengunderaitan dan Hasil Operasi	MS 11

#### Institusi Kewangan Pembangunan

A.16	Institusi Kewangan Pembangunan: Sumber dan Kegunaan Dana	MS 12
A.17	Institusi Kewangan Pembangunan di bawah AIKP: Sumber dan Kegunaan Dana	MS 13
A.18	Institusi Kewangan Pembangunan: Pembiayaan Mengikut Sektor Ekonomi	MS 14
A.19	Institusi Kewangan Pembangunan di bawah AIKP: Pembiayaan Mengikut Sektor Ekonomi	MS 15
A.20	Institusi Kewangan Pembangunan: Data Terpilih	MS 16

**Perniagaan Perkhidmatan Wang**

A.21 Jumlah Kiriman Wang Keluar dan Masuk	MS 17
---	-------

**Sistem Pembayaran dan Penyelesaian**

A.22 Penunjuk Pembayaran Asas	MS 18
A.23 Instrumen Pembayaran Bukan Tunai: Jumlah Urus Niaga	MS 19
A.24 Instrumen Pembayaran Bukan Tunai: Nilai Urus Niaga	MS 19
A.25 Sistem Pembayaran: Jumlah dan Nilai Urus Niaga	MS 20
A.26 Urus Niaga Pembayaran dan Sekuriti Melalui RENTAS	MS 21
A.27 Saluran Pembayaran: Jumlah dan Nilai Urus Niaga	MS 22
A.28 Urus Niaga Pembayaran Mengikut Saluran	MS 22
A.29 Pengeluaran Wang Tunai Melalui ATM di Malaysia	MS 23
A.30 Bilangan Terminal Pindahan Dana Elektronik Semasa Jualan <i>(Electronic Funds Transfer at Point-of-Sale)</i>	MS 23
A.31 Bilangan Kad dan Pengguna Instrumen Pembayaran dan Saluran Pembayaran	MS 23
A.32 Bilangan Peserta dan Pengeluar Instrumen	MS 24

Jadual A.1

## Penunjuk Kekuahan Kewangan Utama

	Pada akhir tahun				
	2014	2015	2016	2017	2018a
	% (atau dinyatakan sebaliknya)				
Sistem Perbankan					
Nisbah Jumlah Modal	15.9	16.6	16.5	17.8	17.4
Nisbah Modal Kumpulan 1	14.0	14.2	14.0	14.9	13.9
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1	13.3	13.3	13.1	14.0	13.1
Pulangan atas Aset	1.5	1.3	1.3	1.5	1.4
Pulangan atas Ekuiti	15.2	12.3	12.5	13.1	12.6
Nisbah Aset Mudah Tunai kepada Jumlah Aset	13.3	-	-	-	-
Nisbah Aset Mudah Tunai kepada Liabiliti Jangka Pendek	42.6	-	-	-	-
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai <sup>1</sup>	-	127.4	124.3	134.9	143.2
Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih	1.2	1.2	1.2	1.1	0.9
Caj Modal bagi Risiko Kadar Faedah dalam Akaun Dagangan kepada Modal Asas	1.4	1.2	1.1	1.0	1.1
Kedudukan Mata Wang Asing Terbuka Bersih kepada Modal Asas	4.7	6.1	6.3	6.1	5.8
Pemegangan Ekuiti kepada Modal Asas	1.3	0.7	1.5	1.9	0.5
Sektor Insurans dan Takaful					
Nisbah Kecukupan Modal	243.5	245.2	243.1	233.0	244.9
Insurans Hayat dan Takaful Keluarga					
Lebihan Pendapatan berbanding Perbelanjaan (RM bilion)	13.8	12.0	13.3	19.0	9.5
Premium / Sumbangan Perniagaan Baharu (RM bilion)	12.9	13.2	14.2	15.1	15.9
Nisbah Kecukupan Modal <sup>2</sup>	235.8	242.5	238.4	226.2	237.1
Insurans Am dan Takaful Am					
Keuntungan Pengunderitan (RM bilion)	1.8	1.3	1.8	1.3	1.8
Keuntungan Kendalian (RM bilion)	3.2	2.7	3.4	2.7	3.0
Premium / Sumbangan Langsung Kasar (RM bilion)	19.1	19.5	19.7	19.9	20.4
Nisbah Tuntutan	57.5	60.2	55.9	58.6	56.5
Nisbah Kecukupan Modal <sup>2</sup>	272.2	258.2	266.2	268.8	275.7
Sektor Isi Rumah (IR)					
Hutang IR (RM bilion)	952.7	1,023.2	1,080.5	1,133.8	1,187.3
Aset Kewangan IR (RM bilion)	2,015.0	2,119.3	2,232.4	2,420.5	2,540.5
Nisbah Hutang IR kepada KDNK	86.1	88.4	87.8	83.8	83.0
Nisbah Aset Kewangan IR kepada Jumlah Hutang IR	211.5	207.1	206.6	213.5	214.0
Nisbah Aset Kewangan Mudah Tunai IR kepada Jumlah Hutang IR	148.7	143.4	141.4	145.7	143.1
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor IR	1.7	1.5	1.5	1.4	1.2
Sektor Perniagaan					
Pulangan atas Aset	6.0	4.9	4.6	4.4	3.6
Pulangan atas Ekuiti	10.2	8.8	7.9	7.7	6.7
Nisbah Hutang kepada Ekuiti	39.2	43.2	43.0	47.0	49.3
Nisbah Perlindungan Faedah (kali)	12.0	10.6	11.5	9.1	7.2
Margin Operasi	15.9	14.8	14.5	14.5	12.8
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor Perniagaan	2.6	2.5	2.5	2.6	2.3
Institusi Kewangan Pembangunan <sup>3</sup>					
Pinjaman kepada Sektor Disasarkan (% perubahan)	7.0	5.5	5.7	0.1	-0.3
Deposit Digembleng (% perubahan)	5.3	2.0	6.4	4.8	1.9
Nisbah Pinjaman Terjejas	5.0	4.8	5.9	5.1	5.8
Pulangan atas Aset	1.6	1.4	1.0	1.4	1.5

<sup>1</sup> Rangka Kerja Nisbah Perlindungan Mudah Tunai berkuat kuasa pada 1 Jun 2015 dan menggantikan garis panduan Rangka Kerja Mudah Tunai dan Rangka Kerja Mudah Tunai-i yang dikeluarkan pada 1 Julai 1998

<sup>2</sup> Angka-angka dari tahun 2014 hingga 2017 merangkumi penanggung insurans komposit dan pengendali takaful komposit. Angka-angka dalam tahun 2018 menggambarkan kedudukan modal selepas pengasingan lesen-lesen komposit, oleh itu, tidak boleh dibandingkan dengan angka-angka dalam tahun 2014-2017

<sup>3</sup> Merujuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh pengenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bursa Malaysia, Bloomberg, Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.2

**Sektor Isi Rumah: Pinjaman Terjejas Kasar dan Delinkuen Kasar bagi Sistem Perbankan dan Institusi Kewangan Bukan Bank**

	Pinjaman Terjejas Kasar						Pinjaman Delinkuen Kasar					
	Nisbah (%)			Perubahan Tahunan (%)			Nisbah (%)			Perubahan Tahunan (%)		
	2016	2017	2018	2016	2017	2018	2016	2017	2018	2016	2017	2018
<b>Keseluruhan</b>	<b>1.5</b>	<b>1.4</b>	<b>1.2</b>	<b>5.7</b>	<b>2.9</b>	<b>-10.1</b>	<b>1.5</b>	<b>1.4</b>	<b>1.2</b>	<b>3.1</b>	<b>-0.5</b>	<b>-12.9</b>
Harta kediaman	1.5	1.4	1.3	4.9	3.4	0.7	1.4	1.3	1.1	4.5	-1.3	-4.9
Harta bukan kediaman	0.8	0.9	1.0	10.9	14.4	9.4	0.9	1.1	1.0	26.8	20.0	-9.2
Kenderaan bermotor	1.4	1.4	1.2	-0.6	-0.7	-18.5	2.8	2.7	2.1	-3.0	-2.1	-25.2
Pembiayaan peribadi	2.0	2.2	1.5	15.3	7.8	-26.6	0.8	0.9	0.8	12.2	13.3	-9.4
Kad kredit	1.9	1.6	1.3	5.7	-11.9	-14.4	1.2	1.1	1.0	0.6	-10.3	-3.2

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.3

**Sektor Perniagaan: Pinjaman Terjejas dan Pinjaman Delinkuen Kasar Sistem Perbankan**

	% daripada Jumlah Dedahan Hutang Domestik <sup>1</sup>	% daripada Jumlah Pinjaman Perniagaan	Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar (%)			Nisbah Pinjaman Delinkuen Kasar (%)		
			2018	2016	2017	2018	2016	2017
<b>Keseluruhan</b>			<b>100.0</b>	<b>2.5</b>	<b>2.6</b>	<b>2.3</b>	<b>0.4</b>	<b>0.3</b>
<i>antaranya: PKS</i>			<b>50.4</b>	<b>2.4</b>	<b>2.7</b>	<b>2.4</b>	<b>0.5</b>	<b>0.5</b>
Pertanian utama	4.9	5.6	0.8	0.7	0.5	0.1	0.2	0.3
<i>antaranya: Minyak sawit</i>	3.4	3.9	1.0	0.8	0.5	0.1	0.2	0.1
Perlombongan dan kuari	2.1	1.6	4.0	5.2	5.6	0.2	0.6	0.3
<i>antaranya: Minyak dan gas<sup>2</sup></i>	1.9	1.3	4.2	5.5	6.3	0.1	0.5	0.5
Perkilangan	15.6	18.6	3.7	3.5	2.2	0.2	0.3	0.3
Pembinaan	15.8	13.8	2.4	2.3	2.7	0.6	0.5	0.4
Perkhidmatan	61.6	60.4	2.2	2.4	2.4	0.4	0.3	0.4
<i>antaranya: Perdagangan borong dan runcit</i>	14.7	17.8	1.7	1.8	1.6	0.4	0.4	0.5
<i>antaranya: Pengangkutan dan penyimpanan</i>	5.6	4.3	7.8	9.3	8.4	1.5	0.1	0.3
<i>antaranya: Pos dan komunikasi</i>	2.4	1.8	2.0	1.1	0.9	0.5	0.1	0.0
<i>antaranya: Aktiviti harta tanah</i>	18.3	19.2	1.5	1.7	1.9	0.2	0.3	0.3

<sup>1</sup> Termasuk pinjaman daripada sistem perbankan dan pemegangan bon korporat/sukuk oleh bank

<sup>2</sup> Termasuk aktiviti huluan dan hiliran

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.4

**Penunjuk Kewangan Utama: Sektor Perbankan Islam dan Takaful**

	Pada akhir tahun				
	2014	2015	2016	2017	2018a
<b>Sistem Perbankan Islam</b>	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Jumlah aset <sup>1,2</sup>	615,190.0	684,906.2	743,562.8	829,494.3	916,711.3
% daripada jumlah aset seluruh sistem perbankan <sup>1,2</sup>	25.5	26.8	28.0	30.0	31.4
Jumlah pembiayaan <sup>1,2</sup>	427,887.8	495,005.9	553,324.5	605,433.4	668,747.8
% daripada jumlah pinjaman / pembiayaan seluruh sistem perbankan <sup>1,2</sup>	29.2	31.3	33.2	34.9	36.6
Jumlah deposit dan akaun pelaburan <sup>1,3</sup>	-	550,275.1	602,897.5	673,666.9	742,250.6
Jumlah deposit	494,738.3	503,127.8	529,220.4	594,654.5	659,605.2
Jumlah akaun pelaburan	-	47,147.3	73,677.1	79,012.3	82,645.3
% daripada jumlah deposit dan akaun pelaburan seluruh sistem perbankan <sup>1,3</sup>	28.2	30.0	31.5	33.8	34.9
%					
Nisbah Jumlah Modal	16.2	16.1	17.2	18.1	17.9
Nisbah Modal Kumpulan 1	12.9	12.3	13.6	14.3	14.0
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1	12.8	12.3	13.5	13.8	13.5
Pulangan atas Aset	1.1	1.0	1.0	1.1	1.1
Nisbah Pembentukan Terjejas Bersih	0.9	0.9	1.0	0.9	0.8
<b>Sektor Takaful</b>	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Aset Dana Takaful	22,746.3	24,711.0	26,781.7	29,283.3	31,373.8
Keluarga	19,619.3	21,389.1	23,189.1	25,638.7	27,616.9
Am	3,127.0	3,321.9	3,592.5	3,644.6	3,756.9
% daripada industri insurans dan takaful	9.4	9.7	10.0	10.1	10.5
Pendapatan Sumbangan Bersih	6,330.6	6,815.6	7,534.6	8,250.9	9,558.8
Keluarga	4,787.2	5,104.3	5,743.9	6,351.0	7,317.7
Am	1,543.4	1,711.3	1,790.7	1,899.8	2,241.0
% daripada industri insurans dan takaful	13.4	13.8	14.6	15.2	16.7
Takaful Keluarga					
Sumbangan Perniagaan Baharu	3,500.3	3,638.4	3,951.1	4,344.5	4,913.3
Takaful Am					
Sumbangan Langsung Kasar	2,163.7	2,295.9	2,401.7	2,556.4	2,784.5
Nisbah Tuntutan (%)	47.8	51.9	49.0	51.2	56.1

<sup>1</sup> Termasuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002<sup>2</sup> Mulai 1 Julai 2015, termasuk aset / pembiayaan yang dibayai oleh akaun pelaburan yang direkodkan di dalam dan luar kunci kira-kira<sup>3</sup> Mulai 1 Julai 2015, deposit Islam dan akaun pelaburan hendaklah diasingkan. Angka bagi akaun pelaburan termasuk akaun yang direkodkan di dalam dan luar kunci kira-kira<sup>a</sup> Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.5

**Sistem Perbankan<sup>1</sup>: Pendapatan dan Perbelanjaan**

	Untuk tahun kalendar				
	2014	2015	2016	2017	2018 <sup>a</sup>
	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Pendapatan faedah	89,416.7	96,784.6	100,160.0	104,281.2	114,323.2
Tolak: Perbelanjaan faedah	47,911.5	54,612.9	57,191.2	57,959.3	65,485.9
Pendapatan faedah bersih	41,505.1	42,171.8	42,968.8	46,321.9	48,837.3
Campur: Pendapatan berasaskan fi	10,103.0	9,682.7	9,380.2	10,616.1	10,075.1
Tolak: Kos kakitangan	13,628.7	15,206.3	14,294.4	15,350.5	16,165.8
Kos overhed	14,171.8	15,229.4	15,160.6	15,749.1	15,787.7
Keuntungan operasi kasar	23,807.6	21,418.8	22,893.9	25,838.4	26,958.8
Tolak: Peruntukan jejas nilai <sup>2</sup> dan lain-lain	1,472.0	2,883.7	2,700.9	2,066.3	2,393.2
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	22,335.6	18,535.1	20,193.1	23,772.0	24,565.6
Campur: Pendapatan lain	9,593.3	10,460.8	12,053.3	12,461.2	12,709.4
<b>Untung sebelum cukai</b>	<b>31,928.9</b>	<b>28,995.9</b>	<b>32,246.3</b>	<b>36,233.2</b>	<b>37,275.1</b>
Untung sebelum cukai / Aset purata (%)	1.5	1.3	1.3	1.5	1.4
Untung sebelum cukai / Dana pemegang saham purata (%)	15.2	12.3	12.5	13.1	12.6
Untung sebelum cukai / Kakitangan purata (RM'000)	255.0	237.1	271.3	304.7	312.2
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit hasil yang diperoleh (sen)	45.4	48.8	45.7	44.8	44.6
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit pendapatan faedah bersih (sen)	67.0	72.2	68.5	67.1	65.4
Nisbah kos overhed kepada kos kakitangan (%)	104.0	100.2	106.1	102.6	97.7
Kos bagi setiap kakitangan (RM'000)	108.8	127.5	120.7	129.2	134.8

<sup>1</sup> Termasuk bank-bank Islam

<sup>2</sup> Merujuk peruntukan jejas nilai individu dan kolektif berdasarkan Dokumen Dasar Mengenai Pengelasan dan Peruntukan Jejas Nilai untuk Pinjaman / Pembiayaan

a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.6

**Bank Perdagangan<sup>1</sup>: Pendapatan dan Perbelanjaan**

	Untuk tahun kalendar				
	2014	2015	2016	2017	2018 <sup>a</sup>
	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Pendapatan faedah	87,707.9	95,028.2	98,543.5	102,490.8	112,474.1
Tolak: Perbelanjaan faedah	46,598.7	53,348.2	56,106.7	56,706.9	64,172.8
Pendapatan faedah bersih	41,109.2	41,680.0	42,436.7	45,783.9	48,301.4
Campur: Pendapatan berasaskan fi	8,179.1	8,076.6	8,068.0	8,976.7	8,927.5
Tolak: Kos kakitangan	12,488.5	14,071.0	13,253.9	14,210.8	15,104.4
Kos overhed	13,232.2	14,394.9	14,486.0	15,103.8	15,248.9
Keuntungan operasi kasar	23,567.5	21,290.7	22,764.8	25,446.0	26,875.6
Tolak: Peruntukan jejas nilai <sup>2</sup> dan lain-lain	1,487.0	2,925.7	2,687.3	2,018.8	1,997.9
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	22,080.5	18,365.0	20,077.5	23,427.3	24,877.6
Campur: Pendapatan lain	8,675.3	9,898.3	11,398.8	11,896.8	11,939.1
<b>Untung sebelum cukai</b>	<b>30,755.8</b>	<b>28,263.3</b>	<b>31,476.4</b>	<b>35,324.0</b>	<b>36,816.7</b>
Untung sebelum cukai / Aset purata (%)	1.5	1.3	1.3	1.4	1.4
Untung sebelum cukai / Dana pemegang saham purata (%)	15.4	12.6	12.8	13.2	12.9
Untung sebelum cukai / Kakitangan purata (RM'000)	264.6	249.2	284.7	315.3	324.0
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit hasil yang diperoleh (sen)	44.4	47.7	44.8	44.0	43.9
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit pendapatan faedah bersih (sen)	62.6	68.3	65.4	64.0	62.8
Nisbah kos overhed kepada kos kakitangan (%)	106.0	102.3	109.3	106.3	101.0
Kos bagi setiap kakitangan (RM'000)	107.5	127.2	120.0	125.7	132.3

<sup>1</sup> Termasuk bank-bank Islam<sup>2</sup> Merujuk peruntukan jejas nilai individu dan kolektif berdasarkan Dokumen Dasar Mengenai Pengelasan dan Peruntukan Jejas Nilai untuk Pinjaman / Pembiayaan

a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.7

**Bank Pelaburan: Pendapatan dan Perbelanjaan**

	Untuk tahun kalendar				
	2014	2015	2016	2017	2018 <sup>a</sup>
	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Pendapatan faedah	1,708.8	1,756.4	1,616.6	1,790.3	1,849.0
Tolak: Perbelanjaan faedah	1,312.8	1,264.6	1,084.5	1,252.4	1,313.1
Pendapatan faedah bersih	396.0	491.8	532.1	537.9	535.9
Campur: Pendapatan berasaskan fi	1,923.9	1,606.1	1,312.2	1,639.4	1,147.5
Tolak: Kos kakitangan	1,140.1	1,135.3	1,040.5	1,139.7	1,061.4
Kos overhed	939.6	834.5	674.5	645.2	538.8
Keuntungan operasi kasar	240.1	128.1	129.1	392.3	83.3
Tolak: Peruntukan jejas nilai <sup>1</sup> dan lain-lain	-15.0	-42.0	13.6	47.6	395.3
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	255.1	170.1	115.5	344.8	-312.0
Campur: Pendapatan lain	918.0	562.5	654.4	564.4	770.3
<b>Untung sebelum cukai</b>	<b>1,173.1</b>	<b>732.6</b>	<b>770.0</b>	<b>909.2</b>	<b>458.3</b>
Untung sebelum cukai / Aset purata (%)	2.1	1.4	1.5	1.8	0.9
Untung sebelum cukai / Dana pemegang saham purata (%)	11.4	6.9	7.2	8.6	4.5
Untung sebelum cukai / Kakitangan purata (RM'000)	130.8	82.7	92.9	132.3	79.8
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit hasil yang diperoleh (sen)	64.2	74.0	68.6	65.1	65.2
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit pendapatan faedah bersih (sen)	525.2	400.6	322.4	331.8	298.6
Nisbah kos overhed kepada kos kakitangan (%)	82.4	73.5	64.8	56.6	50.8
Kos bagi setiap kakitangan (RM'000)	125.0	131.9	130.6	197.1	185.8

<sup>1</sup> Merujuk peruntukan jejas nilai individu dan kolektif berdasarkan Dokumen Dasar Mengenai Pengelasan dan Peruntukan Jejas Nilai untuk Pinjaman / Pembiayaan

<sup>a</sup> Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.8

**Sistem Perbankan Islam: Pendapatan dan Perbelanjaan**

	Untuk tahun kalender				
	2014	2015	2016	2017	2018a
	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Pendapatan <sup>1</sup> antaranya: diperoleh daripada aset yang dibiayai oleh akaun pelaburan	20,416.1	23,520.3	25,762.8	28,192.1	32,610.4
Tolak: Perbelanjaan <sup>1</sup> antaranya: keuntungan yang diagihkan kepada pemegang akaun pelaburan	-	1,041.9	2,951.0	4,227.5	5,663.5
Tolak: Perbelanjaan <sup>1</sup> antaranya: keuntungan yang diagihkan kepada pemegang akaun pelaburan	10,888.9	13,738.6	15,238.0	16,432.8	19,219.4
Pendapatan bersih	9,527.2	9,781.7	10,524.8	11,759.3	13,391.0
Campur: Pendapatan berasaskan fi <sup>2</sup>	1,056.9	1,121.3	1,309.9	1,571.2	1,439.5
Tolak: Kos kakitangan	1,741.9	1,754.7	1,789.6	2,001.7	2,172.0
Kos overhed	3,225.5	3,495.6	3,685.4	3,989.2	4,022.7
Keuntungan operasi kasar	5,616.8	5,652.8	6,359.7	7,339.5	8,635.7
Tolak: Peruntukan jejas nilai <sup>3</sup> dan lain-lain	758.2	1,067.8	1,175.1	756.9	1,052.9
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	4,858.6	4,585.0	5,184.6	6,582.6	7,582.8
Campur: Pendapatan lain	253.1	449.4	392.0	96.3	84.7
<b>Untung sebelum cukai</b>	<b>5,111.7</b>	<b>5,034.4</b>	<b>5,576.6</b>	<b>6,678.9</b>	<b>7,667.5</b>
Untung sebelum cukai / Aset purata (%)	1.1	1.0	1.0	1.1	1.1
Untung sebelum cukai / Dana pemegang saham purata (%)	15.7	14.0	13.9	15.1	15.7
Untung sebelum cukai / Kakitangan purata (RM'000) <sup>4</sup>	173.1	161.8	187.6	211.9	223.3
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit hasil yang diperoleh (sen)	22.9	20.9	19.9	20.1	18.1
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit pendapatan bersih (sen)	52.1	53.7	52.0	50.9	46.3
Nisbah kos overhed kepada kos kakitangan (%)	185.2	199.2	205.9	199.3	185.2
Kos bagi setiap kakitangan (RM'000) <sup>4</sup>	59.0	56.4	60.2	63.5	63.2

<sup>1</sup> Mulai 1 Julai 2015, pendapatan dan perbelanjaan termasuk daripada aset yang dibiayai oleh akaun pelaburan dan keuntungan yang diagihkan kepada pemegang akaun pelaburan

<sup>2</sup> Termasuk pendapatan yang diperoleh daripada aset yang dibiayai oleh akaun pelaburan yang direkodkan di luar kunci kira-kira

<sup>3</sup> Merujuk peruntukan jejas nilai individu dan secara kolektif berdasarkan Dokumen Dasar Mengenai Pengelasan dan Peruntukan Jejas Nilai untuk Pinjaman / Pembiayaan

<sup>4</sup> Anggaran bilangan kakitangan adalah berdasarkan peratusan aset perbankan Islam institusi terbabit

a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.9

**Sistem Perbankan: Rangkaian dan Tenaga Kerja**

	Pada akhir tahun				
	2014	2015	2016	2017	2018a
Bilangan institusi	54	54	54	54	53
<i>Bank perdagangan</i>	27	27	27	27	26
<i>Bank pelaburan</i>	11	11	11	11	11
<i>Bank-bank Islam</i>	16	16	16	16	16
Rangkaian pejabat	2,494	2,500	2,498	2,494	2,541
<i>Bank perdagangan</i>	2,045	2,048	2,019	2,019	2,041
<i>Bank pelaburan</i>	135	119	130	130	129
<i>Bank-bank Islam</i> <sup>1</sup>	2,192	2,206	2,197	2,196	2,246
Bilangan pekerja	125,307	119,246	118,465	118,851	119,906
<i>Bank perdagangan</i>	106,783	101,718	101,378	103,806	103,131
<i>Bank pelaburan</i>	9,122	8,606	7,970	5,783	5,711
<i>Bank-bank Islam</i>	9,402	8,922	9,117	9,262	11,064

<sup>1</sup> Termasuk cawangan bank-bank Islam yang berkongsi tempat dengan cawangan bank konvensional

a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.10

**Bank Perdagangan<sup>1</sup>: Komitmen dan Kontingensi**

	Pada akhir tahun				
	2014	2015	2016	2017	2018a
RM juta					
Penjualan aset dengan rekursa dan komitmen penggunaan kredit	6,762.4	8,852.4	12,066.7	17,399.9	19,684.7
Komitmen pengeluaran pinjaman	472,472.5	490,961.9	503,193.1	523,609.8	550,936.4
Pengganti kredit langsung	29,897.3	32,830.2	30,867.5	28,027.3	27,566.7
Kontrak berkaitan pertukaran asing	760,062.7	891,122.5	924,253.8	930,555.9	1,119,907.5
Kontrak berkaitan kadar faedah	791,736.1	858,058.7	941,300.7	958,693.0	941,806.8
Kontingensi berkaitan perdagangan	13,724.3	13,505.9	11,834.1	11,173.2	9,888.5
Kontingensi berkaitan urus niaga	57,964.8	60,492.9	66,338.3	66,115.5	65,476.3
Obligasi pengunderitan	466.0	76.0	76.0	415.0	55.0
Lain-lain	63,046.9	58,523.2	58,783.8	40,588.9	64,587.2
<b>Jumlah</b>	<b>2,196,133.0</b>	<b>2,414,423.9</b>	<b>2,548,714.0</b>	<b>2,576,578.4</b>	<b>2,799,909.1</b>

<sup>1</sup> Termasuk bank-bank Islam

a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.11

**Bank Pelaburan: Komitmen dan Kontingensi**

	Pada akhir tahun				
	2014	2015	2016	2017	2018a
	RM juta				
Penjualan aset dengan rekursa dan komitmen penggunaan kredit	77.0	4.5	11.0	4.0	1.1
Komitmen pengeluaran pinjaman	5,609.1	5,802.7	6,160.1	6,764.4	7,027.5
Pengganti kredit langsung	418.0	543.0	305.4	109.2	249.7
Kontrak berkaitan pertukaran asing	7,941.7	8,736.5	6,064.5	7,973.8	6,387.6
Kontrak berkaitan kadar faedah	8,957.2	7,370.6	7,574.8	7,759.8	9,803.7
Kontingensi berkaitan perdagangan	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0
Kontingensi berkaitan urus niaga	10.5	10.5	10.5	10.5	12.1
Obligasi pengunderitan	90.2	218.4	85.6	120.0	566.8
Lain-lain	3,296.3	2,967.2	2,892.6	3,058.0	3,066.9
<b>Jumlah</b>	<b>26,399.9</b>	<b>25,653.4</b>	<b>23,104.7</b>	<b>25,799.6</b>	<b>27,115.3</b>

a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.12

**Insurans Hayat<sup>1</sup>: Pendapatan dan Perbelanjaan**

	Untuk tahun kalender				
	2014	2015	2016	2017	2018a
	RM juta				
Premium bersih	28,824.8	30,041.2	31,585.9	33,236.2	35,044.5
Tolak: Faedah polisi bersih	17,997.2	20,541.3	21,372.9	22,610.5	23,672.9
Imbuhan agensi	3,837.0	3,899.6	4,100.8	4,304.2	4,475.0
Jumlah perbelanjaan pengurusan	2,626.5	2,994.6	3,228.1	3,471.8	3,455.0
Baki transaksi	4,364.1	2,605.6	2,884.2	2,849.7	3,441.6
Campur: Pendapatan pelaburan bersih	7,623.2	8,057.0	8,446.2	9,070.4	9,749.2
Perolehan modal bersih (kerugian)	-856.2	-209.7	260.4	4,063.8	-5,542.1
Pendapatan lain bersih (perbelanjaan)	512.9	-104.2	-341.1	460.5	-346.9
<b>Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan</b>	<b>11,643.9</b>	<b>10,348.7</b>	<b>11,249.7</b>	<b>16,444.4</b>	<b>7,301.8</b>

<sup>1</sup> Angka-angka berdasarkan perniagaan insurans hayat global

a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.13

**Insurans Am<sup>1</sup>: Pengunderaitan dan Hasil Operasi**

	Untuk tahun kalender				
	2014	2015	2016	2017	2018a
	RM juta				
Pendapatan premium diperoleh	14,885.6	15,633.8	15,995.0	16,360.1	16,603.6
Tolak: Tuntutan bersih	8,699.6	9,553.3	9,062.6	9,717.5	9,396.4
Komisen bersih	1,963.4	2,015.6	2,172.5	2,129.8	2,131.2
Jumlah perbelanjaan pengurusan	2,656.4	2,929.3	3,211.1	3,357.2	3,324.6
Keuntungan pengunderaitan	1,566.3	1,135.6	1,548.9	1,155.6	1,751.4
Campur: Pendapatan pelaburan bersih	1,063.9	1,152.8	1,247.6	1,257.4	1,323.0
Perolehan modal bersih (kerugian)	-29.2	1.0	-6.4	40.3	-54.4
Pendapatan lain bersih (perbelanjaan)	197.3	88.3	194.9	-60.7	-218.1
<b>Keuntungan operasi</b>	<b>2,798.3</b>	<b>2,377.7</b>	<b>2,984.9</b>	<b>2,392.7</b>	<b>2,801.9</b>

<sup>1</sup> Angka-angka berdasarkan perniagaan insurans am global

a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.14

**Takaful Keluarga<sup>1</sup>: Pendapatan dan Perbelanjaan**

	Untuk tahun kalendar				
	2014	2015	2016	2017	2018a
	RM juta				
Sumbangan bersih	4,787.2	5,104.3	5,743.9	6,351.0	7,317.7
Tolak: Manfaat sijil bersih	2,027.6	2,449.9	2,666.3	2,911.1	3,241.4
Komisen bersih	731.5	850.6	953.7	1,060.7	1,211.6
Jumlah perbelanjaan pengurusan	731.4	845.7	968.9	1,118.4	1,234.5
Baki transaksi	1,296.7	958.2	1,155.0	1,260.9	1,630.3
Campur: Pendapatan pelaburan bersih	736.9	837.4	922.6	1,031.6	1,121.0
Perolehan modal bersih (kerugian)	-56.1	16.4	-8.8	200.2	-250.7
Pendapatan lain bersih (perbelanjaan)	138.5	-140.5	-59.1	33.8	-328.9
<b>Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan</b>	<b>2,116.0</b>	<b>1,671.5</b>	<b>2,009.6</b>	<b>2,526.5</b>	<b>2,171.6</b>

<sup>1</sup> Angka-angka berdasarkan perniagaan global dan perbelanjaan sebenar yang ditanggung oleh dana takaful keluarga

a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.15

**Takaful Am<sup>1</sup>: Pengunderaitan dan Hasil Operasi**

	Untuk tahun kalendar				
	2014	2015	2016	2017	2018a
	RM juta				
Pendapatan sumbangan diperoleh	1,466.8	1,671.4	1,778.0	1,863.2	2,123.7
Tolak: Tuntutan bersih	700.6	867.9	870.5	953.3	1,190.9
Komisen bersih	91.9	105.0	101.3	99.3	164.7
Jumlah perbelanjaan pengurusan	416.7	502.9	553.2	650.4	691.1
Keuntungan pengunderaitan	257.6	195.6	253.0	160.3	77.0
Campur: Pendapatan pelaburan bersih	110.6	119.1	128.6	134.0	133.2
Perolehan modal bersih (kerugian)	0.5	0.7	-0.4	0.0	-2.1
Pendapatan lain bersih (perbelanjaan)	9.6	3.3	39.3	6.9	-6.2
<b>Keuntungan operasi</b>	<b>378.3</b>	<b>318.8</b>	<b>420.5</b>	<b>301.2</b>	<b>201.8</b>

<sup>1</sup> Angka-angka berdasarkan perniagaan global dan perbelanjaan sebenar yang ditanggung oleh dana takaful am

a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.16

**Institusi Kewangan Pembangunan: Sumber dan Kegunaan Dana**

	IKP <sup>1</sup> di bawah AIKP <sup>2</sup>		IKP <sup>3</sup> bukan di bawah AIKP <sup>2</sup>		Jumlah IKP	
	Pada akhir tahun					
	2017	2018	2017	2018	2017	2018
RM juta						
<b>Sumber:</b>						
Ekuiti pemegang saham antaranya:	33,924.4	34,520.3	2,249.7	7,918.1	36,174.1	42,438.4
Modal berbayar	11,623.4	11,873.4	2,871.5	3,121.5	14,494.9	14,994.9
Rizab	9,228.1	9,842.2	-2,816.3	2,663.5	6,411.8	12,505.7
Perolehan/Kerugian tertahan	10,712.8	10,568.8	1,986.0	1,881.6	12,698.8	12,450.4
Liabiliti antaranya:	177,799.1	178,737.8	85,813.0	87,281.9	263,612.1	266,019.7
Deposit diterima	129,511.7	130,066.3	71,751.6	76,503.5	201,263.3	206,569.8
Peminjaman	9,144.6	8,740.5	7,471.8	7,157.2	16,616.4	15,897.7
Kerajaan	7,314.5	7,201.4	1,592.9	1,460.7	8,907.4	8,662.1
Agensi pelbagai hala/antarabangsa	1,830.1	1,539.1	-	-	1,830.1	1,539.1
Lain-lain	-	-	5,878.9	5,696.5	5,878.9	5,696.5
Sekuriti hutang diterbitkan	21,110.4	20,029.5	-	-	21,110.4	20,029.5
<b>Jumlah</b>	<b>211,723.5</b>	<b>213,258.1</b>	<b>88,062.7</b>	<b>95,200.0</b>	<b>299,786.2</b>	<b>308,458.1</b>
<b>Kegunaan:</b>						
Aset antaranya:	211,723.5	213,258.1	88,062.7	95,200.0	299,786.2	308,458.1
Deposit disimpan	5,565.1	5,876.5	12,203.8	9,120.6	17,768.9	14,997.1
Pelaburan	49,837.0	51,676.0	52,880.4	44,098.6	102,717.4	95,774.6
antaranya:						
Sekuriti Kerajaan	23,580.6	24,613.2	-	-	23,580.6	24,613.2
Saham	848.8	550.2	18,459.8	7,497.8	19,308.6	8,048.0
Disenaraikan	802.9	504.6	17,433.5	6,486.8	18,236.4	6,991.4
Tidak disenaraikan	45.9	45.6	1,026.3	1,011.0	1,072.2	1,056.6
Sekuriti hutang korporat	14,002.2	13,815.2	17,737.3	22,363.7	31,739.5	36,178.9
Pinjaman dan pendahuluan	143,546.2	143,064.3	9,749.0	9,688.9	153,295.2	152,753.2
Aset tetap	4,432.6	5,070.4	7,513.8	6,326.9	11,946.4	11,397.3
<b>Jumlah</b>	<b>211,723.5</b>	<b>213,258.1</b>	<b>88,062.7</b>	<b>95,200.0</b>	<b>299,786.2</b>	<b>308,458.1</b>
<b>Kontingensi:</b>						
Jaminan	613.0	438.9	6,497.2	7,283.7	7,110.2	7,722.6
Insurans kredit eksport	1,795.8	1,881.4	-	-	1,795.8	1,881.4
<b>Jumlah</b>	<b>2,408.8</b>	<b>2,320.3</b>	<b>6,497.2</b>	<b>7,283.7</b>	<b>8,906.0</b>	<b>9,604.0</b>

<sup>1</sup> Merujuk Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan), Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)

<sup>2</sup> Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

<sup>3</sup> Merujuk Lembaga Tabung Haji (LTH), Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC), Sabah Development Bank Berhad (SDB), Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), Sabah Credit Corporation (SCC), Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad (BDC Sarawak) dan Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad (BDC Sabah)

Nota: Angka-angka yang dilaporkan adalah jumlah kasar

Jadual A.17

**Institusi Kewangan Pembangunan<sup>1</sup> di bawah AIKP<sup>2</sup>: Sumber dan Kegunaan Dana**

	Pada akhir tahun 2018						
	Bank Rakyat	BSN	Bank Pembangunan	Agrobank	EXIM Bank	SME Bank	Jumlah
	RM juta						
<b>Sumber:</b>							
Ekuiti pemegang saham antaranya:	17,530.3	2,732.7	7,288.1	2,916.8	2,304.4	1,748.0	34,520.3
Modal berbayar	2,986.0	-	3,078.7	1,000.0	2,958.7	1,850.0	11,873.4
Rizab	6,101.8	1,310.2	1,966.8	484.9	-21.6	0.1	9,842.2
Perolehan/Kerugian tertahan	6,678.1	1,202.7	2,011.7	1,283.9	-617.1	9.5	10,568.8
Liabiliti antaranya:	90,639.9	30,564.3	20,855.8	14,098.4	13,046.3	9,533.1	178,737.8
Deposit diterima	82,865.6	26,769.1	6,448.3	10,610.5	-	3,372.8	130,066.3
Peminjaman	219.8	33.9	2,650.0	2,278.9	1,575.0	1,982.9	8,740.5
Kerajaan	219.8	33.9	2,650.0	2,278.9	35.9	1,982.9	7,201.4
Agensi pelbagai hala/ antarabangsa	-	-	-	-	1,539.1	-	1,539.1
Lain-lain	-	-	-	-	-	-	-
Sekuriti hutang diterbitkan	3,143.4	-	7,250.0	-	7,814.7	1,821.4	20,029.5
<b>Jumlah</b>	<b>108,170.2</b>	<b>33,297.0</b>	<b>28,143.9</b>	<b>17,015.2</b>	<b>15,350.7</b>	<b>11,281.1</b>	<b>213,258.1</b>
<b>Kegunaan:</b>							
Aset antaranya:	108,170.2	33,297.0	28,143.9	17,015.2	15,350.7	11,281.1	213,258.1
Deposit disimpan	629.3	25.7	1,982.8	752.3	1,876.5	609.9	5,876.5
Pelaburan	33,225.8	6,323.2	4,121.7	4,381.6	934.9	2,688.8	51,676.0
antaranya:							
Sekuriti Kerajaan	17,756.8	2,831.3	1,370.0	1,685.1	-	970.0	24,613.2
Saham	344.2	55.4	141.0	0.4	-	9.2	550.2
Disenaraikan	335.2	55.4	113.6	0.4	-	-	504.6
Tidak disenaraikan	9.0	-	27.4	-	-	9.2	45.6
Sekuriti hutang korporat	5,494.0	419.9	2,560.7	2,696.1	934.9	1,709.6	13,815.2
Pinjaman dan pendahuluan	70,400.9	23,877.8	20,623.3	10,765.3	10,912.4	6,484.6	143,064.3
Aset tetap	1,859.7	1,578.0	186.5	591.6	141.9	712.7	5,070.4
<b>Jumlah</b>	<b>108,170.2</b>	<b>33,297.0</b>	<b>28,143.9</b>	<b>17,015.2</b>	<b>15,350.7</b>	<b>11,281.1</b>	<b>213,258.1</b>

<sup>1</sup> Merujuk Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan), Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)

<sup>2</sup> Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Nota: Angka-angka yang dilaporkan adalah jumlah kasar

Jadual A.18

**Institusi Kewangan Pembangunan: Pembiayaan Mengikut Sektor Ekonomi**

		IKP <sup>1</sup> di bawah AIKP <sup>2</sup>		IKP <sup>3</sup> bukan di bawah AIKP <sup>2</sup>		Jumlah IKP	
		Pada akhir tahun					
		2017	2018	2017	2018	2017	2018
RM juta							
Pertanian, perhutanan dan perikanan		9,984.6	11,050.5	763.8	794.3	10,748.4	11,844.8
Perlombongan dan pengkuarian		238.9	237.6	1,038.7	1,085.7	1,277.6	1,323.3
Perkilangan		4,975.6	3,567.0	427.1	346.2	5,402.7	3,913.2
Bekalan elektrik, gas dan air		4,047.8	3,980.1	490.7	521.5	4,538.5	4,501.6
Import dan eksport, perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel		5,012.8	4,685.8	178.3	182.5	5,191.1	4,868.3
Sektor harta benda yang luas		23,928.6	25,660.4	3,430.3	3,273.3	27,358.9	28,933.7
<i>Pembinaan</i>		11,972.8	12,650.0	2,692.4	2,616.5	14,665.2	15,266.5
<i>Pembelian harta kediaman</i>		11,052.1	11,899.8	63.2	54.4	11,115.3	11,954.2
<i>Pembelian harta bukan kediaman</i>		220.0	216.0	24.4	24.4	244.4	240.4
<i>Harta tanah</i>		683.7	894.6	650.3	578.0	1,334.0	1,472.6
Maritim		1,437.6	1,235.8	-	-	1,437.6	1,235.8
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi		7,955.6	6,421.6	79.7	80.6	8,035.3	6,502.2
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan		4,704.7	4,617.1	352.0	178.2	5,056.7	4,795.3
Kredit penggunaan antaranya:		76,720.5	77,123.1	2,642.8	2,838.0	79,363.3	79,961.1
<i>Pembelian kenderaan bermotor</i>		2,159.5	2,316.0	0.7	0.6	2,160.2	2,316.6
<i>Kad kredit</i>		958.6	943.3	-	-	958.6	943.3
Aktiviti perkhidmatan komuniti, sosial dan lain-lain		3,996.1	3,851.4	32.9	35.1	4,029.0	3,886.5
Pembelian sekuriti		242.9	268.6	-	-	242.9	268.6
Sektor lain		300.5	365.3	312.7	353.5	613.2	718.8
<b>Jumlah</b>		<b>143,546.2</b>	<b>143,064.3</b>	<b>9,749.0</b>	<b>9,688.9</b>	<b>153,295.2</b>	<b>152,753.2</b>

<sup>1</sup> Merujuk Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan), Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)

<sup>2</sup> Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

<sup>3</sup> Merujuk Lembaga Tabung Haji (LTH), Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC), Sabah Development Bank Berhad (SDB), Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), Sabah Credit Corporation (SCC), Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad (BDC Sarawak) dan Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad (BDC Sabah)

Nota: Angka-angka yang dilaporkan adalah jumlah kasar

Jadual A.19

**Institusi Kewangan Pembangunan<sup>1</sup> di bawah AIKP<sup>2</sup>: Pembiayaan Mengikut Sektor Ekonomi**

	Pada akhir tahun 2018						
	Bank Rakyat	BSN	Bank Pembangunan	Agrobank	EXIM Bank	SME Bank	Jumlah
	RM juta						
Pertanian, perhutanan dan perikanan	100.9	-	-	10,765.3	177.8	6.5	11,050.5
Perlombongan dan pengkuarian	-	-	-		192.9	44.7	237.6
Perkilangan	53.9	50.6	523.9		1,866.6	1,072.0	3,567.0
Bekalan elektrik, gas dan air	0.2	-	2,027.3		1,951.3	1.3	3,980.1
Import dan eksport, perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	168.0	330.5	1,407.9		1,202.7	1,576.7	4,685.8
Sektor harta benda yang luas	2,784.2	10,501.0	8,706.9		1,956.3	1,712.0	25,660.4
<i>Pembinaan</i>	906.6	-	8,706.9		1,692.5	1,344.0	12,650.0
<i>Pembelian harta kediaman</i>	1,427.9	10,471.9	-		-	-	11,899.8
<i>Pembelian harta bukan kediaman</i>	186.9	29.1	-		-	-	216.0
<i>Harta tanah</i>	262.8	-	-		263.8	368.0	894.6
Maritim	-	-	1,235.8		-	-	1,235.8
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	80.8	18.0	3,685.6		1,774.5	862.7	6,421.6
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	2,297.8	214.4	-		1,449.5	655.4	4,617.1
Kredit penggunaan antaranya:	64,590.3	12,532.8	-		-	-	77,123.1
<i>Pembelian kenderaan bermotor</i>	829.1	1,486.9	-		-	-	2,316.0
<i>Kad kredit</i>	444.0	499.3	-		-	-	943.3
Aktiviti perkhidmatan komuniti, sosial dan lain-lain	279.6	6.0	3,029.4		-	536.4	3,851.4
Pembelian sekuriti	45.2	223.4	-		-	-	268.6
Sektor lain	-	1.1	6.5		340.8	16.9	365.3
<b>Jumlah</b>	<b>70,400.9</b>	<b>23,877.8</b>	<b>20,623.3</b>	<b>10,765.3</b>	<b>10,912.4</b>	<b>6,484.6</b>	<b>143,064.3</b>

<sup>1</sup> Merujuk Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan), Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)

<sup>2</sup> Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Nota: Angka-angka yang dilaporkan adalah jumlah kasar

Jadual A.20

**Institusi Kewangan Pembangunan: Data Terpilih**

	Pada akhir tahun					
	2017			2018		
	Cawangan	ATM	Kakitangan	Cawangan	ATM	Kakitangan
<b>IKP di bawah AIKP<sup>1</sup>:</b>						
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	148	714	5,008	148	710	5,178
Bank Simpanan Nasional	403	744	7,116	392	730	7,052
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	-	-	368	-	-	387
Bank Pertanian Malaysia Berhad	187	251	3,454	187	256	3,430
Export-Import Bank of Malaysia Berhad	-	-	340	-	-	333
Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad	29	-	987	29	-	1,027
Jumlah kecil	767	1,709	17,273	756	1,696	17,407
<b>IKP bukan di bawah AIKP<sup>1</sup>:</b>						
Lembaga Tabung Haji	124	-	2,078	125	-	2,089
Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad	16	-	537	16	-	559
Sabah Development Bank Berhad	-	-	78	-	-	79
Malaysian Industrial Development Finance Berhad	5	-	284	5	-	282
Sabah Credit Corporation	13	-	178	13	-	172
Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad	-	-	35	-	-	33
Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad	-	-	20	-	-	20
Jumlah kecil	158	-	3,210	159	-	3,234
<b>Jumlah</b>	<b>925</b>	<b>1,709</b>	<b>20,483</b>	<b>915</b>	<b>1,696</b>	<b>20,641</b>

<sup>1</sup>Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Jadual A.21

**Jumlah Kiriman Wang Keluar dan Masuk**

	2014	2015	2016	2017	2018
	RM juta				
<b>Jumlah kiriman keluar<sup>1</sup></b>	<b>28,457.0</b>	<b>34,898.7</b>	<b>34,252.6</b>	<b>32,951.9</b>	<b>40,632.0</b>
Dihantar melalui:					
Pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang	17,468.0	20,632.8	21,574.6	20,562.8	23,050.7
Bank	10,989.0	14,265.9	12,678.0	12,389.1	17,581.3
<b>Jumlah kiriman masuk<sup>2</sup></b>	<b>7,115.1</b>	<b>8,588.6</b>	<b>9,106.3</b>	<b>11,133.0</b>	<b>11,814.3</b>
Dihantar melalui:					
Pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang	980.7	1,321.4	1,879.8	2,502.5	2,727.3
Bank	6,134.4	7,267.2	7,226.5	8,630.5	9,087.0
<i>Pada akhir tempoh</i>					
<b>Bilangan penyedia perkhidmatan kiriman wang</b>	<b>77</b>	<b>76</b>	<b>76</b>	<b>79</b>	<b>78</b>
Penyedia perkhidmatan kiriman wang bukan bank yang berlesen	31	30	30	33	33
Institusi kewangan pembangunan	3	3	3	3	3
Bank perdagangan dan institusi perbankan Islam	43	43	43	43	42

<sup>1</sup> Merujuk gaji dan pampasan pekerja asing di Malaysia, serta ganjaran pekerja yang dikirim dari Malaysia ke negara-negara lain

<sup>2</sup> Merujuk gaji dan pampasan warganegara Malaysia yang bekerja di negara asing serta ganjaran pekerja yang dikirim dari negara-negara lain ke Malaysia

Sumber: Sistem Maklumat Transaksi Antarabangsa (ITIS) dan *Money Services Business Statistical Report on Remittance Business*

Jadual A.22

**Penunjuk Pembayaran Asas**

	2014	2015	2016	2017	2018
Penduduk (juta)	30.7	31.2	31.6	32.1	32.4
KDNK (RM juta)	1,106,442	1,158,513	1,231,021	1,353,381	1,429,842
Tunai dalam edaran (RM juta)	68,029.4	76,687.4	85,479.6	92,387.6	94,307.2
<b>Jumlah Urus Niaga Per Kapita (unit):</b>					
Cek <sup>1</sup>	5.8	4.7	4.2	3.7	3.1
E-pembayaran:					
Kad kredit	70.9	82.6	97.5	110.6	124.6
Kad caj	11.3	11.5	12.1	12.7	13.8
Kad debit	0.1	0.1	0.1	0.1	0.2
Wang elektronik	2.2	2.9	3.4	5.1	7.6
Instrumen bukan tunai lain <sup>2</sup>	38.3	44.4	52.6	58.1	59.3
GIRO Antara Bank	1.0	1.1	1.6	0.9	0.2
Pindahan Segera	3.7	4.8	5.5	6.1	6.4
Debit Terus <sup>3</sup>	0.9	1.5	2.6	4.1	7.4
ATM <sup>4</sup>	...	0.1	0.1	0.1	0.1
Perbankan Internet <sup>5</sup>	1.1	1.5	1.4	1.3	1.1
Perbankan mudah alih <sup>6</sup>	8.6	10.7	13.2	15.9	19.0
Pembayaran mudah alih <sup>6</sup>	0.7	0.9	1.5	2.7	5.9
RENTAS - Urus niaga pihak ketiga <sup>7</sup>	t.d.	t.d.	t.d.	...	...
Debit terus dan arahan tetap intrabank <sup>8</sup>	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1
Debit terus dan arahan tetap intrabank <sup>8</sup>	2.9	3.1	3.2	3.4	3.6
<b>Nilai Urus Niaga Per Kapita (RM):</b>					
Tunai dalam edaran	2,215.3	2,459.0	2,702.1	2,882.6	2,912.1
Cek <sup>1</sup>	63,115.6	57,555.8	52,645.9	50,324.9	44,215.1
E-pembayaran:					
Kad kredit	563,894.6	549,657.8	550,702.9	613,675.8	668,785.3
Kad caj	3,435.4	3,612.6	3,746.8	3,918.5	4,175.5
Kad debit	278.8	286.3	308.2	342.5	385.2
Wang elektronik	481.5	635.9	713.5	929.1	1,243.8
Instrumen bukan tunai lain <sup>2</sup>	172.1	192.2	243.1	283.8	338.7
GIRO Antara Bank	3.2	3.3	4.8	3.1	1.9
Pindahan Segera	14,085.0	20,411.9	24,266.0	29,055.0	32,461.3
Debit Terus <sup>3</sup>	827.0	1,664.4	3,398.3	5,390.9	8,594.7
ATM <sup>4</sup>	481.8	619.2	798.4	997.1	1,186.6
Perbankan Internet <sup>5</sup>	1,232.9	1,308.2	1,296.0	1,228.6	1,307.0
Perbankan mudah alih <sup>6</sup>	87,188.1	102,888.5	100,424.6	126,745.6	142,659.9
Pembayaran mudah alih <sup>6</sup>	395.0	533.3	774.5	1,033.0	1,828.6
RENTAS - Urus niaga pihak ketiga <sup>7</sup>	t.d.	t.d.	t.d.	0.5	2.2
Debit terus dan arahan tetap intrabank <sup>8</sup>	443,175.6	407,481.8	404,468.0	433,095.2	465,053.8
Debit terus dan arahan tetap intrabank <sup>8</sup>	12,138.2	10,020.2	10,260.8	10,652.6	9,546.1
<b>Bahagian daripada KDNK:</b>					
Tunai dalam edaran (%)	6.1	6.6	6.9	6.8	6.6
Cek <sup>1</sup> (kali)	1.8	1.5	1.4	1.2	1.0
E-pembayaran (kali):	15.7	14.8	14.2	14.5	15.1
% daripada KDNK:					
Kad kredit	9.5	9.7	9.6	9.3	9.5
Kad caj	0.8	0.8	0.8	0.8	0.9
Kad debit	1.3	1.7	1.8	2.2	2.8
Wang elektronik	0.5	0.5	0.6	0.7	0.8
Instrumen bukan tunai lain <sup>2</sup>	...	...	...	...	...
GIRO Antara Bank	39.1	54.9	62.4	68.8	73.5
Pindahan Segera	2.3	4.5	8.7	12.8	19.5
Debit Terus <sup>3</sup>	1.3	1.7	2.1	2.4	2.7
ATM <sup>4</sup>	3.4	3.5	3.3	2.9	3.0
Perbankan Internet <sup>5</sup>	242.0	277.0	258.1	300.2	323.1
Perbankan mudah alih <sup>6</sup>	1.1	1.4	2.0	2.4	4.1
Pembayaran mudah alih <sup>6</sup>	t.d.	t.d.	t.d.	...	...
RENTAS - Urus niaga pihak ketiga <sup>7</sup> (kali)	12.3	11.0	10.4	10.3	10.5
Debit terus dan arahan tetap intrabank <sup>8</sup>	33.7	27.0	26.4	25.2	21.6

<sup>1</sup> Cek yang dijelaskan melalui eSPICK

<sup>2</sup> Merujuk kad pembayaran satu tujuan

<sup>3</sup> Merujuk urus niaga debit terus antara bank

<sup>4</sup> Merujuk urus niaga pembayaran melalui ATM, termasuk pindahan dana akaun sendiri dan pihak ketiga. Tidak termasuk pengeluaran wang tunai

<sup>5</sup> Tidak termasuk urus niaga bukan kewangan, urus niaga kad pembayaran dan pemindahan dana antara bank (IBG, Pindahan Segera dan urus niaga RENTAS pihak ketiga) secara dalam talian

<sup>6</sup> Merujuk perkhidmatan pembayaran yang ditawarkan oleh institusi perbankan yang memudahkan pembayaran atau pemindahan dana menggunakan peranti mudah alih (contoh telefon mudah alih dll). Tidak termasuk urus niaga menggunakan kad pembayaran dan urus niaga perbankan mudah alih. Urus niaga menggunakan perkhidmatan pembayaran mudah alih yang ditawarkan oleh pengeluar wang elektronik bank diklasifikasikan di bawah 'Wang elektronik'

<sup>7</sup> Merujuk pembayaran Kerajaan, duti kastam dan pihak ketiga melalui Sistem Pemindahan Dana Antara Bank. Pembayaran pihak ketiga merujuk urus niaga dengan nilai minimum RM10,000, yang benefisari atau pihak yang membuat urus niaga bukan ahli RENTAS

<sup>8</sup> Merujuk bayaran yang didebit terus oleh bank daripada akaun semasa dan simpanan

... Terlalu kecil

t.d. Tidak diperoleh

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.23

**Instrumen Pembayaran Bukan Tunai: Jumlah Urus Niaga**

	2014	2015	2016	2017	2018	2017	2018
	Juta					% Perubahan tahunan	
<b>Cek<sup>1</sup></b>	<b>177.1</b>	<b>148.0</b>	<b>133.1</b>	<b>119.0</b>	<b>101.4</b>	<b>-10.6</b>	<b>-14.8</b>
<b>Kad kredit</b>	<b>345.7</b>	<b>359.6</b>	<b>383.8</b>	<b>406.5</b>	<b>447.1</b>	<b>5.9</b>	<b>10.0</b>
<b>Kad caj</b>	<b>4.4</b>	<b>4.2</b>	<b>4.1</b>	<b>4.7</b>	<b>5.2</b>	<b>13.4</b>	<b>11.4</b>
<b>Kad debit</b>	<b>68.7</b>	<b>89.7</b>	<b>107.6</b>	<b>162.2</b>	<b>245.7</b>	<b>50.8</b>	<b>51.5</b>
Debit antarabangsa	60.4	79.6	91.1	118.0	173.0	29.6	46.6
Debit domestik	8.4	10.1	16.5	44.1	72.7	167.5	64.7
<b>Wang elektronik</b>	<b>1,175.0</b>	<b>1,384.7</b>	<b>1,663.2</b>	<b>1,861.7</b>	<b>1,920.3</b>	<b>11.9</b>	<b>3.2</b>
Berasaskan kad	1,153.0	1,361.0	1,637.8	1,837.8	1,867.5	12.2	1.6
Berasaskan rangkaian	22.0	23.7	25.4	23.9	52.8	-5.7	120.6
<b>Pindahan kredit<sup>2</sup></b>	<b>140.0</b>	<b>195.8</b>	<b>256.9</b>	<b>328.6</b>	<b>445.4</b>	<b>27.9</b>	<b>35.5</b>
GIRO Antara Bank	113.6	149.1	174.1	196.7	206.8	13.0	5.1
Pindahan Segera	26.4	46.7	82.8	131.9	238.6	59.4	80.8
<b>Debit terus</b>	<b>1.3</b>	<b>1.7</b>	<b>2.0</b>	<b>3.0</b>	<b>4.0</b>	<b>50.3</b>	<b>33.6</b>

<sup>1</sup> Cek yang dijelaskan melalui eSPICK<sup>2</sup> Merujuk urus niaga antara bank

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.24

**Instrumen Pembayaran Bukan Tunai: Nilai Urus Niaga**

	2014	2015	2016	2017	2018	2017	2018
	RM juta					% Perubahan tahunan	
<b>Cek<sup>1</sup></b>	<b>1,938,218</b>	<b>1,794,937</b>	<b>1,665,401</b>	<b>1,612,912</b>	<b>1,431,906</b>	<b>-3.2</b>	<b>-11.2</b>
<b>Kad kredit</b>	<b>105,498</b>	<b>112,664</b>	<b>118,526</b>	<b>125,589</b>	<b>135,225</b>	<b>6.0</b>	<b>7.7</b>
<b>Kad caj</b>	<b>8,560</b>	<b>8,929</b>	<b>9,749</b>	<b>10,978</b>	<b>12,473</b>	<b>12.6</b>	<b>13.6</b>
<b>Kad debit</b>	<b>14,785</b>	<b>19,830</b>	<b>22,569</b>	<b>29,779</b>	<b>40,279</b>	<b>31.9</b>	<b>35.3</b>
Debit antarabangsa	10,042	14,220	15,840	17,722	23,135	11.9	30.5
Debit domestik	4,743	5,610	6,728	12,057	17,144	79.2	42.2
<b>Wang elektronik</b>	<b>5,284</b>	<b>5,995</b>	<b>7,689</b>	<b>9,096</b>	<b>10,969</b>	<b>18.3</b>	<b>20.6</b>
Berasaskan kad	3,837	4,537	5,960	7,085	7,886	18.9	11.3
Berasaskan rangkaian	1,447	1,458	1,729	2,011	3,083	16.3	53.3
<b>Pindahan kredit<sup>2</sup></b>	<b>457,932</b>	<b>688,472</b>	<b>875,131</b>	<b>1,103,994</b>	<b>1,329,596</b>	<b>26.2</b>	<b>20.4</b>
GIRO Antara Bank	432,537	636,565	767,630	931,214	1,051,258	21.3	12.9
Pindahan Segera	25,395	51,907	107,501	172,779	278,338	60.7	61.1
<b>Debit terus</b>	<b>14,796</b>	<b>19,311</b>	<b>25,256</b>	<b>31,958</b>	<b>38,429</b>	<b>26.5</b>	<b>20.2</b>

<sup>1</sup> Cek yang dijelaskan melalui eSPICK<sup>2</sup> Merujuk urus niaga antara bank

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.25

**Sistem Pembayaran: Jumlah dan Nilai Urus Niaga**

	2014	2015	2016	2017	2018	2017	2018
	Juta/RM bilion					% Perubahan tahunan	
<b>RENTAS<sup>1</sup></b>							
Jumlah urus niaga	4.4	4.4	4.4	4.6	4.9	2.3	8.1
Nilai urus niaga	49,127.4	53,572.4	51,538.8	53,749.9	55,186.4	4.3	2.7
<b>GIRO Antara Bank</b>							
Jumlah urus niaga	113.6	149.1	174.1	196.7	206.8	13.0	5.1
Nilai urus niaga	432.5	636.6	767.6	931.2	1,051.3	21.3	12.9
<b>Pindahan Segera</b>							
Jumlah urus niaga	26.4	46.7	82.8	131.9	238.6	59.4	80.8
Nilai urus niaga	25.4	51.9	107.5	172.8	278.3	60.7	61.1
<b>Debit Terus</b>							
Jumlah urus niaga	1.3	1.7	2.0	3.0	4.0	50.3	33.6
Nilai urus niaga	14.8	19.3	25.3	32.0	38.4	26.5	20.2
<b>FPX<sup>2</sup></b>							
Jumlah urus niaga	3.1	4.6	8.7	33.2	89.9	283.3	171.0
Nilai urus niaga	4.2	8.6	14.8	28.9	54.8	95.5	89.5
<b>Cek<sup>3</sup></b>							
Jumlah urus niaga	177.1	148.0	133.1	119.0	101.4	-10.6	-14.8
Nilai urus niaga	1,938.2	1,794.9	1,665.4	1,612.9	1,431.9	-3.2	-11.2

<sup>1</sup> Sistem pembayaran nilai tinggi Malaysia, Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata<sup>2</sup> Bursa Pengrosesan Kewangan<sup>3</sup> Cek yang dijelaskan melalui eSPICK

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.26

**Urus Niaga Pembayaran dan Sekuriti Melalui RENTAS**

<b>Jumlah Urus Niaga</b>	2014	2015	2016	2017	2018	2017	2018
	'000					% Perubahan tahunan	
<b>Jumlah</b>	<b>4,367.2</b>	<b>4,403.4</b>	<b>4,449.3</b>	<b>4,550.8</b>	<b>4,918.4</b>	<b>2.3</b>	<b>8.1</b>
<b>IFTS<sup>1</sup></b>	<b>4,257.3</b>	<b>4,284.1</b>	<b>4,320.5</b>	<b>4,440.8</b>	<b>4,761.2</b>	<b>2.8</b>	<b>7.2</b>
Operasi pasaran wang	88.1	86.8	84.5	80.6	77.8	-4.6	-3.5
Penyelesaian pertukaran asing antaranya: USD CHATS <sup>2</sup>	107.6	126.8	126.3	110.2	111.2	-12.7	0.9
Urus niaga pihak ketiga	53.7	63.0	55.8	36.8	36.9	-34.1	0.4
Lain-lain	3,383.8	3,317.5	3,445.6	3,696.8	3,964.2	7.3	7.2
<b>SSDS<sup>3</sup></b>	<b>677.8</b>	<b>753.0</b>	<b>664.2</b>	<b>553.2</b>	<b>608.0</b>	<b>-16.7</b>	<b>9.9</b>
<b>SSDS<sup>3</sup></b>	<b>110.0</b>	<b>119.3</b>	<b>128.8</b>	<b>110.0</b>	<b>157.1</b>	<b>-14.6</b>	<b>42.9</b>
<b>Nilai Urus Niaga</b>	RM bilion						
<b>Jumlah</b>	<b>49,127.4</b>	<b>53,572.4</b>	<b>51,538.8</b>	<b>53,749.9</b>	<b>55,186.4</b>	<b>4.3</b>	<b>2.7</b>
<b>IFTS<sup>1</sup></b>	<b>46,743.1</b>	<b>51,332.7</b>	<b>49,585.5</b>	<b>52,206.0</b>	<b>53,512.1</b>	<b>5.3</b>	<b>2.5</b>
Operasi pasaran wang	18,935.5	23,741.9	24,118.9	25,593.3	24,627.2	6.1	-3.8
Penyelesaian pertukaran asing antaranya: USD CHATS <sup>2</sup>	4,966.6	5,190.4	4,941.8	5,849.9	5,420.3	18.4	-7.3
Urus niaga pihak ketiga	3,595.2	3,700.9	3,877.8	4,145.5	3,761.6	6.9	-9.3
Lain-lain	13,609.5	12,707.7	12,794.9	13,880.7	15,060.8	8.5	8.5
<b>SSDS<sup>3</sup></b>	<b>9,231.5</b>	<b>9,692.7</b>	<b>7,729.8</b>	<b>6,882.0</b>	<b>8,403.8</b>	<b>-11.0</b>	<b>22.1</b>
<b>SSDS<sup>3</sup></b>	<b>2,384.3</b>	<b>2,239.7</b>	<b>1,953.3</b>	<b>1,544.0</b>	<b>1,674.4</b>	<b>-21.0</b>	<b>8.4</b>
<b>Pusing Ganti kepada KDNK (kali)</b>	<b>44.4</b>	<b>46.2</b>	<b>41.9</b>	<b>39.7</b>	<b>38.6</b>		
<b>Purata Harian:</b>							
Jumlah urus niaga ('000)	17.8	17.9	18.0	18.7	20.2	3.5	8.5
Nilai urus niaga (RM bilion)	199.7	217.8	208.7	220.3	227.1	5.6	3.1

<sup>1</sup> Sistem Pemindahan Dana Antara Bank (*Interbank Funds Transfer System, IFTS*)<sup>2</sup> Pautan Pembayaran semasa Pembayaran (*Payment-versus-Payment, PvP*) yang diwujudkan pada 2006, untuk penyelesaian antara bank bagi perdagangan ringgit-dolar AS melalui RENTAS-USD CHATS<sup>3</sup> Sistem Depositori Sekuriti Tanpa Skrip (*Scripless Securities Depository and Settlement System, SSDS*) untuk Sekuriti Kerajaan Malaysia, bil Perbendaharaan dan sekuriti hutang awam tanpa skrip

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.27

**Saluran Pembayaran: Jumlah dan Nilai Urus Niaga**

<b>Jumlah Urus Niaga</b>	2014	2015	2016	2017	2018	2017	2018
	Juta					% Perubahan tahunan	
Perbankan Internet <sup>1</sup>	350.7	453.0	588.2	741.9	920.9	26.1	24.1
Individu	252.2	322.3	434.3	553.1	683.1	27.4	23.5
Korporat	98.5	130.6	153.9	188.8	237.8	22.7	25.9
Perbankan mudah alih <sup>1</sup>	23.3	32.8	56.9	107.7	257.4	89.1	139.1
Pembayaran mudah alih <sup>2</sup>	t.d.	t.d.	t.d.	1.2	23.7	t.d.	1,853.7
ATM <sup>3</sup>	51.3	68.6	71.3	71.6	70.1	0.4	-2.1
<b>Nilai urus niaga</b>	RM juta						
Perbankan Internet <sup>1</sup>	4,108,271	4,716,778	5,214,908	6,500,592	7,590,423	24.7	16.8
Individu	304,177	350,833	463,033	620,250	734,291	34.0	18.4
Korporat	3,804,094	4,365,946	4,751,875	5,880,343	6,856,132	23.7	16.6
Perbankan mudah alih <sup>1</sup>	14,677	22,123	34,985	50,692	100,127	44.9	97.5
Pembayaran mudah alih <sup>2</sup>	t.d.	t.d.	t.d.	50	564	t.d.	1,021.3
ATM <sup>3</sup>	52,047	57,529	65,273	67,385	74,551	3.2	10.6

<sup>1</sup> Tidak termasuk urus niaga bukan kewangan<sup>2</sup> Hanya termasuk pembelian yang dibuat melalui pembayaran mudah alih<sup>3</sup> Merujuk urus niaga pembayaran melalui ATM, termasuk pindahan dana akaun sendiri dan pihak ketiga. Tidak termasuk pengeluaran wang tunai t.d. Tidak diperoleh

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh pengenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.28

**Urus Niaga Pembayaran Mengikut Saluran**

<b>Jumlah Urus Niaga</b>	2017			2018		
	Perbankan Internet	Perbankan mudah alih	ATM	Perbankan Internet	Perbankan mudah alih	ATM
	Juta					
Pindahan dana	436.7	68.3	57.4	537.7	186.5	56.1
Pembayaran bil <sup>1</sup>	100.5	9.5	2.6	109.1	16.7	3.2
Pembayaran balik kad dan pinjaman	32.7	5.5	9.7	34.4	9.7	9.2
<b>Nilai Urus Niaga</b>	RM juta					
Pindahan dana	4,802,559	42,424	54,395	5,742,528	84,638	53,481
Pembayaran bil <sup>1</sup>	35,323	1,568	957	42,496	3,243	1,338
Pembayaran balik kad dan pinjaman	46,729	5,842	10,411	49,537	10,123	10,030

<sup>1</sup> Termasuk pembayaran insurans

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.29

**Pengeluaran Wang Tunai Melalui ATM di Malaysia**

	2014	2015	2016	2017	2018	2017	2018
Jumlah pengeluaran wang tunai	Juta					% Perubahan tahunan	
	687.8	705.9	761.2	763.9	790.7	0.3	3.5
Nilai pengeluaran wang tunai	RM juta						
	339,725.6	354,732.3	389,485.3	396,956.7	411,887.6	1.9	3.8
Nilai purata setiap urus niaga (RM)	493.9	502.5	511.6	519.7	520.9	1.6	0.2

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.30

**Bilangan Terminal Pindahan Dana Elektronik Semasa Jualan (Electronic Funds Transfer at Point-of-Sale)**

Pada akhir tempoh	2014	2015	2016	2017	2018
	Unit				
Jumlah terminal <sup>1</sup>	233,248	278,266	326,677	416,742	514,818
Terminal bagi setiap 1,000 penduduk	8	9	10	13	16

<sup>1</sup> Terminal yang menerima kad pembayaran jenama antarabangsa dan/atau kad debit jenama domestik. Termasuk terminal milik institusi pemeroleh bukan bank  
Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.31

**Bilangan Kad dan Pengguna Instrumen Pembayaran dan Saluran Pembayaran**

Pada akhir tempoh	2014	2015	2016	2017	2018	2017	2018
	'000					% Perubahan tahunan	
Bilangan kad/akaun:							
Kad kredit	8,048	8,612	9,178	9,861	10,325	7.4	4.7
Kad caj	142	143	130	129	128	-0.6	-0.9
Kad debit	40,109	42,192	43,669	42,030	42,493	-3.8	1.1
<i>Kad debit antarabangsa kendiri<sup>1</sup></i>	6,256	6,170	1,016	219	105	-78.5	-51.9
<i>Kad debit domestik kendiri<sup>2</sup></i>	15,455	14,544	11,844	4,649	3,703	-60.7	-20.3
<i>Co-badged<sup>3</sup></i>	18,398	21,477	30,809	37,162	38,685	20.6	4.1
Wang elektronik	45,557	55,825	42,540	46,639	60,986	9.6	30.8
Bilangan pelanggan:							
Perbankan Internet	17,600	19,751	22,770	25,526	29,505	12.1	15.6
<i>Individu</i>	17,254	19,176	22,016	24,579	28,349	11.6	15.3
<i>Korporat</i>	346	575	753	947	1,156	25.6	22.1
<i>Kadar penembusan kepada jumlah penduduk (%)</i>	57.3	63.3	72.0	79.6	91.1		
Perbankan mudah alih	5,639	7,182	8,795	11,348	14,444	29.0	27.3
<i>Kadar penembusan kepada jumlah penduduk (%)</i>	18.4	23.0	27.8	35.4	44.6		

<sup>1</sup> Kad debit dengan aplikasi rangkaian debit jenama antarabangsa (contoh Visa dan MasterCard)<sup>2</sup> Kad debit dengan aplikasi rangkaian debit jenama tempatan iaitu MyDebit<sup>3</sup> Kad debit dengan dua aplikasi rangkaian atau jenama kad pembayaran

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.32

**Bilangan Peserta dan Pengeluar Instrumen<sup>1</sup>**

Pada akhir tempoh	2014	2015	2016	2017	2018
	Unit				
<b>RENTAS</b>	<b>67</b>	<b>67</b>	<b>68</b>	<b>68</b>	<b>68</b>
Bank Negara Malaysia	1	1	1	1	1
Bank	54	54	55	54	53
Institusi Kewangan Pembangunan	6	6	6	6	6
Bukan bank	6	6	6	7	8
<b>eSPICK</b>	<b>46</b>	<b>46</b>	<b>47</b>	<b>46</b>	<b>45</b>
<b>Kad kredit</b>	<b>26</b>	<b>27</b>	<b>27</b>	<b>27</b>	<b>27</b>
Bank	23	24	25	25	26
Bukan bank	3	3	2	2	2
<b>Kad debit<sup>2</sup></b>	<b>21</b>	<b>22</b>	<b>28</b>	<b>29</b>	<b>29</b>
Kad debit antarabangsa kendiri <sup>3</sup>	9	9	7	7	4
Kad debit domestik kendiri <sup>4</sup>	11	7	2	2	-
Co-badged <sup>5</sup>	14	14	24	27	27
<b>Kad caj</b>	<b>7</b>	<b>7</b>	<b>7</b>	<b>7</b>	<b>7</b>
Bank	6	6	7	7	7
Bukan bank	1	1	-	-	-
<b>Wang elektronik<sup>6</sup></b>	<b>24</b>	<b>23</b>	<b>28</b>	<b>31</b>	<b>43</b>
Bank	7	5	5	5	5
Bukan bank	17	18	23	26	38
<b>Perbankan Internet</b>	<b>30</b>	<b>30</b>	<b>30</b>	<b>30</b>	<b>30</b>
<b>Perbankan mudah alih</b>	<b>13</b>	<b>13</b>	<b>13</b>	<b>17</b>	<b>18</b>
<b>FPX<sup>7</sup></b>	<b>13</b>	<b>16</b>	<b>22</b>	<b>22</b>	<b>23</b>
Bank	10	13	18	18	19
Bukan bank	3	3	4	4	4
<b>Debit Terus</b>	<b>17</b>	<b>14</b>	<b>14</b>	<b>19</b>	<b>27</b>
Bank	14	14	14	19	27
Bukan bank	3	-	-	-	-
<b>GIRO Antara Bank</b>	<b>30</b>	<b>30</b>	<b>30</b>	<b>29</b>	<b>32</b>
<b>Pindahan Segera</b>	<b>20</b>	<b>20</b>	<b>20</b>	<b>20</b>	<b>20</b>

<sup>1</sup> Merujuk peserta dan pengeluar yang telah memulakan operasi perniagaan mereka<sup>2</sup> Angka-angka tidak semestinya terjumlah kerana ada bank yang mengeluarkan lebih daripada satu jenis kad debit<sup>3</sup> Kad debit dengan aplikasi rangkaian debit jenama antarabangsa (contoh Visa dan MasterCard)<sup>4</sup> Kad debit dengan aplikasi rangkaian debit jenama domestik iaitu MyDebit<sup>5</sup> Kad debit dengan dua aplikasi rangkaian atau jenama kad pembayaran<sup>6</sup> Termasuk kad prabayar jenama antarabangsa<sup>7</sup> Bursa Pemprosesan Kewangan

Sumber: Bank Negara Malaysia

# Glosari, Akronim dan Singkatan



# Glosari

## Akaun mule

Akaun bank yang dibenarkan oleh pemegang akaun untuk digunakan oleh penjenayah bagi menyimpan atau memindahkan wang yang diperoleh secara haram.

## Aliran portfolio

Transaksi merentas sempadan yang melibatkan pembelian/jualan sekuriti hutang atau ekuiti.

## Aset kewangan isi rumah

Aset yang dimiliki oleh isi rumah termasuk deposit, pelaburan dalam dana unit amanah dan ekuiti, polisi insurans/sijil takaful dan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

## Aset kewangan mudah tunai isi rumah (LFA)

Aset kewangan isi rumah kecuali caruman KWSP.

## Bank asing diperbadankan di Malaysia (LIFB)

Bank komersial atau bank Islam berlesen milik asing yang diperbadankan di Malaysia.

## Bank-bank Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (LIBFC)

Bank-bank yang beroperasi di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan.

## Dana insentif untuk e-pembayaran (ePIF)

Rangka kerja yang dilaksanakan oleh Bank pada tahun 2015, yang memerlukan bank-bank menyalurkan sebahagian daripada fi pemprosesan cek yang dikutip untuk dijadikan insentif bagi menggalakkan pelanggan berpindah kepada e-pembayaran.

## Dwi-Peranan (*Double hatting*)

Pengaturan yang membenarkan individu memegang lebih daripada satu jawatan kanan.

## Ejen perbankan

Penyediaan perkhidmatan perbankan kepada pelanggan melalui ejen pihak ketiga. Contohnya, melalui saluran perniagaan runcit dan pejabat pos.

## Ekuiti biasa kumpulan 1 (CET1)

Komponen modal pengawalseliaan bank yang terdiri daripada saham biasa yang diterbitkan oleh institusi perbankan, premium saham, keuntungan tertahan dan rizab lain.

## Hutang berisiko – isi rumah

Bahagian hutang peminjam yang mempunyai margin kewangan negatif kepada jumlah hutang isi rumah, yang diselaraskan dengan cagaran yang layak.

## Hutang berisiko – syarikat bukan kewangan

Bahagian hutang syarikat dengan nisbah perlindungan faedah kurang daripada dua kali jumlah hutang syarikat.

## Jumlah modal

Jumlah modal pengawalseliaan bank yang terdiri daripada jumlah CET1, modal tambahan kumpulan 1 dan kumpulan 2.

## Kadar diskau peniaga (MDR)

Fi yang dibayar oleh peniaga kepada pemeroleh (*acquirer*) untuk urus niaga menggunakan kad pembayaran. MDR terdiri daripada fi pertukaran (fi yang dibayar oleh pemeroleh kepada pengeluar kad pembayaran), fi pemprosesan dan fi lain yang dikenakan oleh pengendali rangkaian kad pembayaran serta kos lain yang ditanggung pemeroleh dan margin pemeroleh.

## Kadar mungkir vintaj

Kadar pinjaman mungkir yang dicatat dan dikategorikan mengikut tempoh permulaan (*origination period*).

## Kadar penembusan – insurans hayat dan takaful keluarga

Peratusan warganegara Malaysia yang memiliki polisi insurans hayat individu atau sijil takaful keluarga, tidak mengambil kira polisi/sijil lain dalam kategori yang sama.

## Kadar Peruntukan Minimum (*Minimum Allocation Rate, MAR*)

Kadar premium minimum yang kena dibayar oleh pemegang polisi/ sumbangan takaful yang dibuat oleh peserta takaful yang diperuntukan dalam unit dana pilihan sebelum pengurangan sebarang caj.

### **Kebarangkalian mungkir (PD)**

Kebarangkalian satu pihak mungkir terhadap obligasi kontraknya dengan institusi kewangan untuk suatu tempoh masa tertentu.

### **Kerugian akibat mungkir (LGD)**

Peratusan daripada baki tuntutan terkumpul yang tidak akan diperoleh kembali sekiranya berlaku kemungkiran.

### **Keuntungan/kerugian operasi**

Jumlah keuntungan/kerugian pengunderaitan, pelaburan bersih dan pendapatan lain, yang meliputi semua penanggung insurans dan pengendali takaful am langsung serta penanggung insurans semula/pengendali takaful semula am.

### **Keuntungan/kerugian pengunderaitan**

Pendapatan premium/sumbangan diperoleh yang ditolak tuntutan bersih, komisen dan perbelanjaan pengurusan, meliputi semua penanggung insurans dan pengendali takaful am langsung serta penanggung insurans semula/pengendali takaful semula am.

### **Kontrak hadapan tanpa serahan (NDF)**

Kontrak hadapan yang diurusniagakan di luar pesisir dan tidak melibatkan pertukaran dua jenis mata wang berlainan apabila matang.

### **Kumpulan perbankan domestik (DBG)**

Kumpulan kewangan milik tempatan yang terdiri daripada bank komersil berlesen, bank pelaburan berlesen dan bank Islam berlesen.

### **Lebihan yang dijana**

Perubahan dalam lebihan penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga dalam suatu tempoh tertentu. Lebihan ini ialah lebihan dana risiko pemegang polisi/peserta yang dibagi dengan liabiliti polisi/sijil bersih.

### **Margin kewangan (FM)**

Pendapatan boleh guna bulanan peminjam (selepas ditolak bayaran balik hutang dan perbelanjaan untuk keperluan asas) dan aset kewangan mudah tunai.

### **Nisbah kecukupan modal (CAR)**

Pengukur modal institusi kewangan yang dinyatakan sebagai nisbah modal kepada risiko.

### **Nisbah khidmat hutang (DSR)**

Nisbah jumlah hutang bulanan dengan bank dan bukan bank kepada pendapatan boleh guna bulanan (ditolak potongan berkanun).

### **Nisbah leveraj (hutang) – isi rumah**

Nisbah jumlah hutang terkumpul kepada pendapatan kasar tahunan peminjam.

### **Nisbah leveraj (hutang) – perbankan**

Nisbah ‘modal kumpulan 1’ kepada ‘dedahan di dalam dan luar penyata kedudukan kewangan’ sesebuah bank.

### **Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (NSFR)**

Nisbah pendanaan stabil tersedia (*available stable funding*, ASF) kepada pendanaan stabil yang diperlukan (*required stable funding*, RSF) bank. ASF merujuk sumber pendanaan institusi perbankan berwajaran kestabilan masing-masing, manakala RSF merujuk aset dan dedahan lain di luar penyata kedudukan kewangan berwajaran mudah tunai masing-masing.

### **Nisbah perlindungan faedah (ICR)**

Nisbah perolehan syarikat sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan kepada perbelanjaan faedah. Nisbah ini mengukur keupayaan membayar balik hutang.

### **Nisbah perlindungan mudah tunai (LCR)**

Nisbah ‘aset mudah tunai berkualiti tinggi (HQLA)’ kepada ‘jangkaan aliran keluar tunai bersih’ bank untuk tempoh 30 hari akan datang.

### **Nisbah pinjaman kepada dana (LTF)**

Nisbah jumlah pinjaman kepada deposit dan instrumen hutang, tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas, penempatan antara bank, dan pinjaman yang dibiayai oleh akaun pelaburan Islam.

### **Nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti (*Loan-to-fund-and-equity*, LTFe)**

Nisbah jumlah pinjaman kepada deposit, instrumen hutang dan ekuiti, tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas, penempatan antara bank, dan pinjaman dibiayai oleh akaun pelaburan Islam.

### **Nisbah pinjaman/pembentukan terjejas bersih**

Nisbah pinjaman/pembentukan terjejas ditolak peruntukan tertentu kepada jumlah pinjaman/pembentukan ditolak peruntukan tertentu.

### **Nisbah tunai kepada hutang jangka pendek (CASTD)**

Nisbah tunai kepada hutang jangka pendek syarikat bagi mengukur mudah tunai.

### **Pengurusan ketegaran (*Persistency management*)**

Pengurusan polisi insurans atau sijil takaful yang masih berkuat kuasa.

### **Premium dan sumbangan kasar**

Premium dan sumbangan belum terima sebelum potongan komisen, pembrokeran atau perbelanjaan lain yang meliputi semua penanggung insurans dan pengendali takaful am langsung serta penanggung insurans semula dan pengendali takaful semula am.

**Premium dan sumbangan baharu – insurans hayat dan takaful keluarga**

Premium dan sumbangan yang diperoleh daripada polisi/sijil baharu bagi tahun tertentu.

**Produk berkaitan pelaburan**

Insurans hayat atau takaful keluarga yang nilai polisi/sijilnya akan berubah pada bila-bila masa mengikut nilai aset sandaran pada masa itu.

**Produk sertaan**

Produk insurans dan takaful yang berkongsi lebihan boleh agih penanggung insurans hayat/pengendali takaful keluarga melalui bonus atau dividen.

**Saling boleh kendali  
(*interoperability*)**

Keupayaan memproses pembayaran menerusi pelbagai penyedia perkhidmatan pembayaran dengan menggunakan piawaian yang sama dan/atau aspek teknikal yang serasi.

**Sandbox Pengawalseliaan**

Rangka kerja yang membolehkan penyelesaian teknologi kewangan yang inovatif diuji dalam situasi pasaran sebenar mengikut parameter dan jangka masa yang ditetapkan.

**Sukuk**

Sekuriti hutang berstruktur di bawah apa-apa kontrak yang berlandaskan Syariah.

**Syarikat korporat bukan kewangan**

Syarikat yang aktiviti utamanya ialah mengeluarkan barang dan/atau perkhidmatan bukan kewangan.

**Unit harta tanah tidak terjual**

Unit harta tanah siap dibina dengan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) yang masih tidak terjual selama lebih sembilan bulan selepas dilancarkan di pasaran.

# Akronim dan Singkatan

<b>ABM</b>	Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia ( <i>Association of Banks in Malaysia</i> )	<b>CASTD</b>	tunai kepada hutang jangka pendek ( <i>cash-to-short-term debt</i> )
<b>AIBIM</b>	Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia ( <i>Association of Islamic Banking and Financial Institutions Malaysia</i> )	<b>CDD</b>	usaha wajar pelanggan ( <i>customer due diligence</i> )
<b>AKPK</b>	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit	<b>CMG</b>	kumpulan pengurusan krisis ( <i>crisis management group</i> )
<b>AML/CFT</b>	Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembentukan Keganasan ( <i>Anti-Money Laundering and Countering the Financing of Terrorism</i> )	<b>CNP</b>	transaksi kad pembayaran yang tidak melibatkan penggunaan kad secara fizikal ( <i>card-not-present</i> )
<b>AMLA</b>	Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembentukan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 ( <i>Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities 2001</i> )	<b>CO</b>	pegawai pematuhan ( <i>compliance officer</i> )
<b>AMP</b>	penalti monetari pentadbiran ( <i>administrative monetary penalty</i> )	<b>CoP</b>	Komuniti Pengamal ( <i>Community of Practitioners</i> )
<b>API</b>	<i>Application Programming Interface</i>	<b>CTR</b>	laporan nilai ambang tunai ( <i>cash threshold report</i> )
<b>AS</b>	Amerika Syarikat	<b>CURE</b>	Bantuan Penyelesaian dan Aduan Pengguna ( <i>Consumer Complaints Redress</i> )
<b>ATM</b>	mesin juruwang automatik ( <i>automated teller machine</i> )	<b>DBG</b>	kumpulan perbankan domestik ( <i>domestic banking group</i> )
<b>BCBS</b>	Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel ( <i>Basel Committee on Banking Supervision</i> )	<b>DCE</b>	Pengurup Mata Wang Digital ( <i>Digital Currency Exchanger</i> )
<b>BCCILA</b>	Kursus Sijil Asas dalam Pelarasan Kerugian Insurans ( <i>Basic Certificate Course in Insurance Loss Adjusting</i> )	<b>DFI</b>	institusi kewangan pembangunan ( <i>development financial institution</i> )
<b>BSC</b>	Kad Skor Seimbang ( <i>Balanced Scorecard</i> )	<b>DII</b>	pelabur institusi domestik ( <i>domestic institutional investor</i> )
<b>CAGR</b>	kadar pertumbuhan tahunan terkompaun ( <i>compounded annual growth rate</i> )	<b>DMP</b>	Program Pengurusan Hutang ( <i>Debt Management Programme</i> )
<b>CAR</b>	nisbah kecukupan modal ( <i>capital adequacy ratio</i> )	<b>DNFBP</b>	Perniagaan dan Profesi Bukan Kewangan yang Ditetapkan ( <i>Designated Non-Financial Business and Profession</i> )
		<b>D-SIB</b>	institusi perbankan domestik yang penting dari segi sistemik ( <i>domestic systemically important banking institution</i> )
		<b>DSR</b>	nisbah khidmat hutang ( <i>debt service ratio</i> )
		<b>ECL</b>	jangkaan kerugian kredit ( <i>expected credit loss</i> )
		<b>eKYC</b>	Kenali Pelanggan Anda Menerusi Platform Digital ( <i>electronic Know-Your-Customer</i> )

<b>EME</b>	ekonomi pasaran sedang pesat membangun ( <i>emerging market economy</i> )	<b>IFI</b>	institusi kewangan Islam ( <i>Islamic financial institution</i> )
<b>ePIF</b>	Dana Incentif untuk e-Pembayaran ( <i>e-Payment Incentive Fund</i> )	<b>IFSA</b>	Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ( <i>Islamic Financial Services Act 2013</i> )
<b>FAR</b>	Wakil Penasihat Kewangan ( <i>Financial Adviser's Representatives</i> )	<b>IHRM</b>	Indeks Harga Rumah Malaysia
<b>FATF</b>	Pasukan Petugas Tindakan Kewangan ( <i>Financial Action Task Force</i> )	<b>IL</b>	berkaitan pelaburan ( <i>investment-linked</i> )
<b>MP</b>	Mahkamah Persekutuan	<b>INCEIF</b>	Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa ( <i>International Centre for Education in Islamic Finance</i> )
<b>FCI</b>	Rangkuman Kewangan dari Sudut Permintaan ( <i>Financial Capability and Inclusion Demand Side Survey</i> )	<b>IT</b>	teknologi maklumat ( <i>information technology</i> )
<b>FCY</b>	mata wang asing ( <i>foreign currency</i> )	<b>ITO</b>	penanggung insurans dan pengendali takaful ( <i>insurers and takaful operator</i> )
<b>FEN</b>	Jaringan Pendidikan Kewangan ( <i>Financial Education Network</i> )	<b>KDNK</b>	keluaran dalam negeri kasar
<b>FI</b>	institusi kewangan ( <i>financial institution</i> )	<b>KLIBOR</b>	Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur ( <i>Kuala Lumpur Interbank Offered Rate</i> )
<b>Fintech</b>	teknologi kewangan ( <i>financial technology</i> )	<b>KPI</b>	Penunjuk Prestasi Utama ( <i>Key Performance Indicators</i> )
<b>FM</b>	margin kewangan ( <i>financial margin</i> )	<b>KPM</b>	Kementerian Pendidikan Malaysia
<b>FMB</b>	Biro Pengantaraan Kewangan ( <i>Financial Mediation Bureau</i> )	<b>KWSP</b>	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
<b>FMSI</b>	Indeks Tekanan Pasaran Kewangan ( <i>Financial Market Stress Index</i> )	<b>LCR</b>	Nisbah Perlindungan Mudah Tunai ( <i>Liquidity Coverage Ratio</i> )
<b>FSA</b>	Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ( <i>Financial Services Act 2013</i> )	<b>LEA</b>	agensi penguatkuasaan undang-undang ( <i>law enforcement agency</i> )
<b>FSC</b>	Jawatankuasa Kestabilan Kewangan ( <i>Financial Stability Committee</i> )	<b>LFA</b>	aset kewangan mudah tunai ( <i>liquid financial assets</i> )
<b>FSP</b>	penyedia perkhidmatan kewangan ( <i>financial service provider</i> )	<b>LIBFC</b>	Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan ( <i>Labuan International Business and Financial Centre</i> )
<b>FX</b>	pertukaran asing ( <i>foreign exchange</i> )	<b>LIFB</b>	bank asing diperbadankan di Malaysia ( <i>locally-incorporated foreign bank</i> )
<b>GAP</b>	Perlindungan Aset Terjaminin ( <i>Guaranteed Asset Protection</i> )	<b>LIFE Framework</b>	Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga ( <i>Life Insurance and Family Takaful Framework</i> )
<b>G-SIB</b>	bank yang penting dari segi sistemik pada peringkat global ( <i>global systemically important bank</i> )	<b>LTF</b>	pinjaman kepada dana ( <i>loan-to-fund</i> )
<b>HPE</b>	ujian penilaian portfolio hipotetikal ( <i>hypothetical portfolio evaluation</i> )	<b>LTFe</b>	pinjaman kepada dana dan ekuiti ( <i>loan-to-fund-and-equity</i> )
<b>HQLA</b>	aset mudah tunai berkualiti tinggi ( <i>high-quality liquid assets</i> )	<b>MAG</b>	Muzium dan Galeri Seni ( <i>Museum and Art Gallery</i> )
<b>IBG</b>	Giro Antara Bank ( <i>Interbank GIRO</i> )	<b>MAR</b>	Kadar Peruntukan Minimum ( <i>Minimum Allocation Rate</i> )
<b>ICO</b>	tawaran duit syiling awal ( <i>initial coin offering</i> )	<b>MDF</b>	Dana Pembangunan Pasaran ( <i>Market Development Fund</i> )
<b>ICR</b>	nisbah perlindungan faedah ( <i>interest coverage ratio</i> )	<b>MFRS</b>	Piaawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ( <i>Malaysian Financial Reporting Standards</i> )
<b>ICTF</b>	Rangka Kerja Pemindahan Kredit Saling Boleh Kendali ( <i>Interoperable Credit Transfer Framework</i> )	<b>MGS</b>	Sekuriti Kerajaan Malaysia ( <i>Malaysian Government Security</i> )

<b>MII</b>	Institut Insurans Malaysia ( <i>Malaysian Insurance Institute</i> )	<b>PF</b>	pembiayaan peribadi ( <i>personal financing</i> )
<b>ML</b>	pengubahan wang haram ( <i>money laundering</i> )	<b>PIDM</b>	Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
<b>MoU</b>	Memorandum Persefahaman ( <i>Memorandum of Understanding</i> )	<b>PIN</b>	Nombor Pengenalan Peribadi ( <i>Personal Identification Number</i> )
<b>MSB</b>	perkhidmatan perniagaan wang ( <i>money services business</i> )	<b>PNB</b>	Permodalan Nasional Berhad
<b>MYFLIC Index</b>	Indeks Celik dan Keupayaan Kewangan Malaysia ( <i>Malaysia Financial Literacy and Capability Index</i> )	<b>PKS</b>	perusahaan kecil dan sederhana
<b>NBFI</b>	institusi kewangan bukan bank ( <i>non-bank financial institution</i> )	<b>POS</b>	semasa jualan ( <i>point-of-sale</i> )
<b>NCC</b>	Jawatankuasa Penyelarasan Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram ( <i>National Coordination Committee to Counter Money Laundering</i> )	<b>PPP</b>	Piagam Perkhidmatan Pelanggan
<b>NFC</b>	syarikat korporat bukan kewangan ( <i>non-financial corporation</i> )	<b>RR China</b>	Republik Rakyat China
<b>NOP</b>	kedudukan terbuka bersih ( <i>net open position</i> )	<b>QR</b>	Respons Pantas ( <i>Quick Response</i> )
<b>O&amp;G</b>	minyak dan gas ( <i>oil and gas</i> )	<b>RENTAS</b>	Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata ( <i>Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System</i> )
<b>OFS</b>	Ombudsman Perkhidmatan Kewangan ( <i>Ombudsman for Financial Services</i> )	<b>SC</b>	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ( <i>Securities Commission Malaysia</i> )
<b>OPR</b>	Kadar Dasar Semalam ( <i>Overnight Policy Rate</i> )	<b>SELFY</b>	Celik Keusahawanan Sosial untuk Belia ( <i>Social Enterprise Literacy for Youth</i> )
<b>OSSC</b>	ruang pejabat dan kompleks beli-belah ( <i>office space and shopping complexes</i> )	<b>SST</b>	Cukai Jualan dan Perkhidmatan ( <i>Sales and Services Tax</i> )
<b>PayNet</b>	Payments Network Malaysia Sdn. Bhd.	<b>STR</b>	laporan transaksi yang mencurigakan ( <i>suspicious transaction report</i> )
<b>PCRF</b>	Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran ( <i>Payment Card Reform Framework</i> )	<b>SWIFT</b>	Society for Worldwide Interbank Financial Telecommunication
		<b>TF</b>	pembiayaan keganasan ( <i>terrorism financing</i> )
		<b>VBI</b>	Pengantaraan Berasaskan Nilai ( <i>Value-based Intermediation</i> )



